

World Congress

FOR ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION

ISLAMIC ART

Editor : Abdullah Yusof

"Intellectuals Stimulate Transformation"

**10-11th OCTOBER 2011
(MONDAY & TUESDAY)**

ORGANIZER

**DEPARTMENT OF ISLAMIC
HISTORY AND CIVILIZATION**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA**



**UNIVERSITY
OF MALAYA**
The Leader in Research & Innovation



ISBN 978-983-41326-5-1



9 789834 132651

ISLAMIC ART
ABDULLAH YUSOF

FIRST EDITION @ OCTOBER
2011

EDITORS IN CHIEF:

MOHD ROSLAN MOHD NOR
ABDULLAH YUSOF
FAISAL @ AHMAD FAISAL ABDUL HAMID

EDITED BY:

ABDULLAH YUSOF, Ph.D (Chief)
SALINA SAHRI
NORAIN ISMAIL

LAYOUT AND DESIGN BY:

SYAIMAK ISMAIL
HAMIDAH JALANI
NABILAH MOHD RAZIF

PUBLISHED BY:

DEPARTMENT OF ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION
ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA

PRINTING BY:

DEPARTMENT OF ISLAMIC HISTORY AND CIVILIZATION
BLOCK C, ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA, 50603,
LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR.

PRICE : RM 50.00

Kandungan

1. Drama Sebagai Medium Menyampaikan Unsur-Unsur Islam	
<i>Nabilah binti Mohd Razif</i>	1
2. Hijamah Dalam Tamadun Islam: Aplikasinya Di Malaysia Masa Kini	
<i>Abdullah Yusof, Norlida Abdul Salam</i>	15
3. Karakteristik Seni Khat Lukis Indonesia: Telaah Terhadap Karya-Karya Seni Khat Lukis Indonesia	
<i>Makmur, Abdullah Yusof</i>	27
4. Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam Dalam Pengkaryaan	
<i>Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Zuliskandar Ramli, Othman Md. Yatim, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Wan Salleh Wan Ibrahim</i>	53
5. Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 di Melaka	
<i>Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Ros Mahwati Ahmad Zakaria</i>	67
6. Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan	
<i>Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Suhaimi Ab Rahman</i>	85
7. Perkapalan dalam Tuhfat al-Nafis: Tinjauan Ke Atas Fungsinya	
<i>Norain Ismail</i>	99
8. Pertembungan Nilai Antara Islam Dan Barat Dalam Konsep Senibina Masjid Di Malaysia: Parallel Dan Kontradiksi	
<i>Azizul Azli Ahmad</i>	107
9. Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa : Analisa dari Aspek Cabaran Semasa	
<i>Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Midar Rusdi, Mohd. Hisyam Abdul Rahim</i>	125
10. Usaha Memartabatkan Warisan Kemplingan dalam Masyarakat Jawa Johor	
<i>Siti Nor Aisyah Ngadiran, Siti Zaleha Hamzah</i>	135
11. Wacana Sastera Islam Di Malaysia Dan Indonesia: Mengisi Wacana Sastera Pasca Kolonial	
<i>Mohd Faizal Bin Musa</i>	149
12. Seni Bina Cina Dalam Pembinaan Masjid Rantau Panjang	
<i>Syaimak Ismail, Norlida Abd Salam</i>	163
13. Islamic Civilization And Architecture In Iranian Miniature Art	
<i>Alireza gharakhani</i>	175
14. Qur'an and Archeological Discoveries Compatible or Incompatible? Evidence from the Near East	
<i>Ghassan Taha Yaseen</i>	181

**15. The Influence Of Islam Towards Local Architecture Elements:
Comparison Study Of Thailand, Malaysia And Indonesia Wood
Carvings.**

Muhammad Faizal Bin Abdul Rani

205

**16. Malay- Islamic Historiography Behind Kelantan's Kampung Laut
Mosque Construction**

Wan Salleh Wan Ibrahim,

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman

219

**17. Calligraphy in Islamic Culture: With Special Attention to the
Architectural Inscriptions of Bengal**

Mohammad Yusuf Siddiq

239

18. فن الزخارف المعمارية في العصر الأموي

265

حصّة بنت عبيد صويان الشمري

19. أضواء جديدة للتصاوير الرمزية التي تمثل نبى ورسول الإسلام محمد صلى الله عليه

وسلم في ضوء مجموعة منتقاة من تصاوير المخطوطات الدينية والتاريخية عند المسلمين

(دراسة فنية حضارية)

305

عصام عادل مرسى الفرماوى

20. الجماليات التشكيلية للحروف المقطعة بالقرآن الكريم تبعا لآحكام تلاوتها

379

إيمان محمد السيد البنا

21. أداء الحرف العربي وتأثره بالثقافة اللغوية الدخيلة

397

ساري بن سالم الفهيفي

22. دراسة أثرية فنية لطستين من النحاس باسم الأمير جاسم السيفى من تروباى بمتحف

بتري بالملكة المتحدة

417

عاطف عبد الدايم عبد الحى

23. استلهام القيمة الفنية لزخارف التحف الخزفية ذات اللون الواحد في ابتكار تصميمات

زخرفية معاصرة

465

هالة حسين فرغلى

24. Kesan Renaissance Terhadap perkembangan Kesenian Barat Di Eropah

Syaimak Ismail

485

25. فن الزخرفة الجصية في الصحراء الجزائرية دراسة للإبداعات الفنية في مدينة سدراته

الأثرية

بلحاج معروف

Drama Sebagai Medium Menyampaikan Unsur-Unsur Islam

*Nabilah binti Mohd Razif**

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan tentang kaitan drama dengan islam serta bagaimana drama berperanan sebagai wasilah dalam menyebarkan dakwah dan menyampaikan mesej islam kepada masyarakat . Drama pada masa kini sangat besar pengaruhnya kepada masyarakat dan mesej yang cuba disampaikan melalui wasilah ini sangat terkesan kepada masyarakat. Maka masyarakat boleh melihat pada masa kini banyak drama bertemakan islam yang menyelitkan unsur-unsur islam yang dapat dijadikan pengajaran dan iktibar dalam kehidupan disamping menjadikan drama sebagai satu medan terbaik dalam menyebarkan ilmu-ilmu islam dan ilmu- ilmu masa kini. Dengan demikian usaha untuk memupuk kesedaran tentang peri pentingnya kelangsungan genre drama islam dalam membetuk integriti masyarakat secara langsung dan tidak langsung khususnya berkaitan dengan unsur-unsur islam harus diteruskan dengan metode tertentu supaya ianya tidak lari daripada galaksi hukum islam. Memandangkan drama merupakan salah satu metode terbaik dalam menyampaikan ajaran islam kepada masyarakat, bahkan secara tidak langsung ia dapat membentuk masyarakat , maka ia boleh menjadi salah satu daripada pemangkin utama dalam memacu ketamadunan msayarakat islam moden yang hebat dan berintegriti.

Kata Kunci: *Konsep Drama, Drama Dakwah, Islam Dan Drama, Unsur-Unsur Islam*

Drama as a Medium to Convey Islamic Elements

Abstract

This article will discuss the relationship between drama and Islam, as well as how drama can serve as a possible means to disseminate the message of Islam to the community. Drama in the present times has a tremendous influence on the society, and whatever message that is being communicated through this medium will affect the people greatly. The society can see for themselves how drama with Islamic themes are imbedded with various Islamic elements, as lessons and teachings, and at the same time making drama itself as the best possible way of spreading the knowledge of

* Pelajar Ijazah Sarjana Di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Islam and other current knowledge. Therefore, efforts to promote awareness on the importance of the continuation of the Islamic drama genre in shaping the integrity of the society, either directly or indirectly, especially those related to the Islamic elements should take precedence, through possible methods so that they do not stray from the Islamic teachings and rulings. Since drama is one of the best methods in conveying the teachings of Islam to the community, it can be considered as one of the major catalyst in stimulating a modern Islamic civilization, with greatness and integrity.

Keywords: *Drama concept, Da'wah drama, Islam and drama, Islamic elements*

Pendahuluan

Jauh menerjah ke era globalisasi dimana teknologi maklumat menjadi tunjang utama kehidupan kita seharian, era dunia tanpa sempadan ini sesungguhnya menjanjikan suatu cabaran yang getir yang perlu dihadapi dan dipikul oleh semua umat Islam di seluruh dunia ini. Dalam era serba moden dan canggih ini, bidang penyebaran maklumat adalah suatu yang penting dalam kehidupan. Maklumat perlu disebar dengan tepat, cepat dan berkesan.

Dengan perkembangan yang memberangsangkan ini, seruan dakwah juga perlu mengalir selari dengan arus perdana yang kian rancak meniti zaman abad ke-21. Seruan dakwah perlu diperhebatkan dan diperluaskan menggunakan segala teknologi yang ada dan melalui pelbagai media yang kian hari kian canggih sebagai sumber komunikasi utama bagi manusia untuk menyampaikan atau menerima sesuatu mesej, berita dan apa sahaja maklumat.

Media adalah antara komponen terpenting dalam komunikasi, sama ada komunikasi itu dilihat sebagai proses ataupun sistem. Tanpa media, proses komunikasi tidak mungkin akan berlaku. Media membawa serta mengandungi mesej dan dalam mesej pula mengandungi 'isi-isi' yang ingin disampaikan. Isi-isi inilah yang memberi nama dan bentuk kepada sesuatu mesej yang ingin disampaikan. Ia mungkin bernama iklan, penerangan, pembujukan, nasihat, dakwah, dan sebagainya. Daripada aspek ini, media diungkap sebagai apa sahaja bentuk 'alat' sama ada konkrit mahupun abstrak yang boleh dijadikan perantaraan dalam menyampaikan sesuatu mesej.¹ Media yang ingin dibincangkan disini ialah media penyiaran atau visual bergerak dalam televisyen iaitu drama yang kini mempunyai ungkapan baru iaitu seni skrin.²

¹ Naim Haji Ahmad (2006), *Bicara Media 1*, Negeri Sembilan: Penerbit KUIM Kolej Universiti Islam Malaysia. hlm. 1.

² *Ibid.*, hlm. 3.

Konsep Drama

Dialah aksi berseni atau lebih dikenali sebagai lakonan. Lakonan yang dimaksudkan ialah aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan di hadapan penonton. Komunikasi secara simbolik pula ialah komunikasi melalui imej atau cerita imaginatif. Maka, drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dengan perkataan lain drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu. Kadang-kadang lakonan tersebut tidak memerlukan suara seperti mimos atau gerakan seperti drama radio.³

Drama adalah perkataan barat yang sekaligus menyatakan bahawa kegiatan berdrama berasal dari barat. Bagaimanapun dalam kebudayaan Melayu sedia ada budaya berdrama seperti Wayang Kulit, Makyong, Menora dan Bangsawan yang kesemuanya dikategorikan sebagai drama atau teater tradisional. Sebelum perkataan drama itu digunakan, teater tradisional itu dikenali dengan perkataan 'main'. Seperti Main Wayang Kulit, Main Menora dan sebagainya. Dengan kedatangan pengaruh barat, seni lakon Melayu yang disebut main tersebut telah menerima perubahan daripada pelbagai sudut terutamanya dari konsep penskripan, pengarahannya dan teknik pementasan.⁴

Drama sering dihubungkan dengan teater dan sering pula menimbulkan kekeliruan makna. Pada dasarnya kedua-duanya adalah sinonim, Cuma terdapat dari sudut penekanan fungsinya iaitu drama lebih menegaskan aspek penskripan dan unsur-unsur kesusasteraan, sementara teater lebih kepada aspek teknik pementasannya. Namun kedua-duanya berpijak dengan skrip.

Skrip sebenarnya ialah teras dan tunjang kepada penghasilan genre drama dan posisi drama sama sahaja dengan genre sastra yang lain seperti novel, cerpen dan puisi, Cuma terdapat sedikit perbezaan dari segi komponen dan komposisinya. Aspek yang membina drama ialah pemikiran atau tema, plot, watak, dialog dan latar. Sedangkan dalam cereka yang lain mempunyai sudut pandangan. Ketiadaan sudut pandangan di dalam drama disebabkan teknik berceritanya menggunakan dialog, dan dialog itu pula merujuk pertuturan para wataknya. Dengan hal yang demikian, dialog sebenarnya jantung kepada penulisan sesebuah skrip drama, selain daripada aksi dan gerakan yang juga diistilahkan sebagai bahasa drama.⁵

Dengan kenyataan tersebut, menerangkan bahawa konsep drama sebenarnya hasil karya kreatif yang istimewa berbanding dengan genre sastra yang lainnya kerana di dalamnya mencakupi dua unsur sebatian yang tidak dapat dipisahkan. Kegiatan penulisan skrip mempunyai kaitan dengan pementasan dan

³ Mana Sikana (2006), *Drama Melayu, Tradisional, Modern Dan Pascamodern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm. 3.

⁴ Mana Sikana (1995), *Drama Melayu Modern*, Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. hlm. vii.

⁵ *Ibid.*, hlm. viii-ix.

penerbitannya.⁶ Sebagai hasilnya seni sastra drama mengandung cerita, komponen dan komposisinya serta dikategorikan sebagai karya cereka. Sebagai seni persembahan skrip yang terhasil diterjemahkan di atas pentas, yang melibatkan kerja pengarah, pelakon, latar, kostum, penataan cahaya, muzik dan sebagainya.⁷

Definisi Drama

Perkataan 'drama' berasal daripada perkataan Yunani tua 'dra' yang bermaksud 'gerak' atau sesuatu yang dilakukan. Gerak yang dimaksudkan di sini merujuk kepada aksi yang mengandung unsur-unsur kesenian yang dapat memberi keindahan dan keseronokan.⁸

Abd Rahman Napiah (1989:17) menerangkan 'gerakan' ini bukan gerakan tubuh insan tetapi gerakan yang halus atau gerakan seni yang membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Drama adalah gerakan yang berisi tarian, nyanyian, lakonan dan yang membawa cerita nyata yang simbolik.⁹

Drama juga membawa maksud sebagai gambaran hidup manusia yang dicipta oleh pengarang melalui daya imaginasi, fantasi dan juga pengalaman hidupnya dalam proses sosialisasinya dengan masyarakat.¹⁰

Drama sebenarnya genre sastra yang dihasilkan oleh seorang pengarang yang disebut dramatis dalam suatu bentuk penulisan yang bertujuan untuk dipentaskan. Dengan perkataan lain drama merupakan karya kreatif yang berbentuk skrip; berupa satu komposisi penciptaan prosa atau puisi yang membawa pemikiran, prosa, tema dan persoalan-persoalan dengan menggunakan dialog sebagai mekanisme penulisannya. Unsur-unsur sejarah, pengalaman hidup sehari-hari, sikap terhadap masa hadapan dan sebagainya menjadi bahan dramatis untuk mengolah dramanya. Dapat dirumuskan sifat utama drama ialah pembinaan karya melalui dialog dengan gerakan dan aksi watak-wataknya sebagai komposisi utamanya. Skrip yang dihasilkan itu bertujuan untuk dipentaskan. Ini bererti penulisan skrip drama mengambil kira aspek-aspek teknikal pementasan.¹¹

Menurut Kamus Webster's New World Dictionary 'drama' diertikan sebagai "*a literary composition that tell a story, usually of human conflict, by means of dialogue and action, to be performed by actors*", iaitu "suatu karangan yang mengisahkan tentang suatu cerita yang mengandung konflik yang disajikan dalam

⁶ Mana Sikana (1988), *Menulis Skrip Drama*, Selangor: Penerbit Karyawan. hlm. 20.

⁷ Mana Sikana (1995), *op.cit.*, hlm. xi.

⁸ *Ibid.*, hlm. vii.

⁹ Siti Rugayah Tibet (1999), *Peranan Drama Dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3*. (Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia) hlm. 4

¹⁰ Mana Sikana (1995), *op.cit.*, hlm. vii-viii.

¹¹ *Ibid.*, hlm. viii.

bentuk dialog dan lakonan dan dipersembahkan oleh para pelakon di atas pentas".¹²

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga pula drama bererti karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio atau televisyen. Ia juga diertikan sebagai sandiwara, lakonan yang mengharukan, situasi dan urutan peristiwa penuh emosi, tragik atau bergelora.¹³

Menurut Wiyonto seorang penulis dari Indonesia menyatakan bahawa drama merupakan sesuatu yang dapat didengar dan dilihat meskipun hanya sekadar gambar. Drama televisyen pada dasarnya hampir sama dengan drama panggung hanya berbeza apabila drama televisyen dapat ditayangkan secara langsung juga melalui rakaman terlebih dahulu.¹⁴

Drama, filem dan teater disinonimkan mempunyai makna yang hampir sama walaupun pada zahirnya sama namun ia tetap mempunyai perbezaan yang nyata antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, drama, filem dan teater ini dikatakan sama maknanya kerana ketiga-tiganya memegang beberapa prinsip yang sama dalam menghasilkan sesuatu karya seni skrin iaitu ketiga-tiganya merupakan salah satu daripada cabang kesenian yang mana kesemua hasil seni wujud di dalam setiapnya. Selain itu, ketiga-tiganya mempunyai proses pembikinan yang serupa seperti adanya penulis skrip, pengarah, penerbit, pelakon, penonton, audio, visual, bunyi latar, emosi dan sebagainya. Konflik dalam sebuah kisah yang dipersembahkan juga merupakan salah satu aspek persamaan antara ketiganya. Yang mana setiap drama, teater dan filem pasti ada konflik yang dijadikan cerita untuk tontonan khalayak. Daya tarikan dan keseronokan bagi sebuah drama, teater dan filem adalah bergantung kepada konflik yang dipaparkan.

Mengikut daripada semua definisi yang diuraikan, drama adalah sebuah layar lakon yang menceritakan tentang kehidupan sebenar sesebuah masyarakat yang dilakonkan serta mempunyai skrip atau dialog tersendiri dan dilayarkan di skrin televisyen pada waktu dan hari tertentu. drama mempunyai emosi tersendiri mengikut rentak cerita yang dipaparkan sama ada berbaur kesedihan, kegembiraan, kelucuan, kemarahan dan pelbagai emosi dimainkan dalam sesebuah drama. Drama yang baik ialah drama yang berjaya membuatkan para penonton merasai sepenuhnya emosi yang dimainkan oleh pelakon sehingga penonton merasakan mereka adalah sebahagian daripada cerita tersebut.

¹² Kamus Webster's New World Dictionary (1989), hlm. 413.

¹³ Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. hlm. 315.

¹⁴ Wiyanto Asul (2002), *Terampil Bermain Drama*. Jakarta: PT Gramedia Widiasmara Indonesia. hlm. 10.

Drama dakwah

Seringkali drama-drama yang dikategorikan sebagai dakwah penuh dengan lambang dan slogan¹⁵ yang diberikan mengikut citarasa masing-masing. Ini merupakan satu kesilapan kerana Islam bukan tertegak atau tersebar berdasarkan lambang atau slogan tertentu kerana Islam itu merupakan cara hidup maka konsepnya terlalu menyeluruh namun tetap berpaksikan syariat Islam dan al-Quran serta as-Sunnah. Streotaip bahawa drama dakwah adalah drama yang menampilkan pelakon yang bertudung litup atau tudung labuh bagi wanita, berpakaian jubah dan berserban bagi lelaki dianggap sebagai simbol Islam adalah salah. Ini kerana Islam bukan hanya menitikkan perkara kecil dan sempit, Tetapi Islam itu adalah bersifat syumul dan universal iaitu sifat Islam itu sempurna dan sesuai dengan semua masa, zaman, waktu dan manusia. Ia meliputi setiap inci kehidupan manusia termasuk pemikiran, tingkah laku, perbualan, pemakaian dan imej-imej yang perlu diketengahkan. Islam bukanlah sekadar agama yang perlu dianuti tetapi ia adalah sebuah jadual dan undang-undang yang relevan dalam kehidupan manusia seharian yang perlu dipatuhi tanpa menyusahkan umatnya.¹⁶

Islam Dan Drama

Drama merupakan salah satu daripada karya kreatif yang dipersembahkan. Karya kreatif ialah salah satu cabang sastera yang mana sastera pula merupakan karya seni. Seni itu sifatnya halus, indah, mempunyai idea dan ada pemikiran tersendiri sama ada tersirat atau tersurat. Drama merupakan salah satu daripada wacana bagi seseorang melontarkan idea dan pemikirannya kepada penonton berdasarkan kepada kehendak dan kesesuaian masyarakat pada masa tersebut. Jika drama digunakan untuk kebaikan pasti di dalamnya terdapat seribu satu macam ilmu yang dipersembahkan memandangkan drama merupakan rakaman kehidupan manusia tanpa mengenal zaman. Ini secara tidak langsung menjadikan drama sebagai salah satu medan terbaik dalam menyampaikan dakwah kepada manusia. Drama yang berlatar belakangkan cara hidup budaya melayu dan berlandaskan agama Islam di Malaysia sudah pasti tidak lari daripada konsep dakwah itu sendiri. Di dalamnya terkandung pelbagai kebaikan yang mana sesuai untuk ditonton dan diteladani oleh khalayak masyarakat sama ada muslim atau non-muslim.¹⁷

Drama bukan hanya sekadar membawa naratif cerita tetapi mengekori dibelakangnya adalah watak, gaya bahasa, plot, latar belakang, persoalan, pandangan dan tidak terkecuali nilai dan pengajarannya. Watak-watak di dalam drama berperanan membawa nilai dan pengajaran, dialog yang digunakan mengangkat ketinggian ilmu pengetahuan, emosi yang dilakonkan memberi kesan

¹⁵ Dusuki Ahmad (2000), *Cabaran Dakwah Dalam Memanfaatkan Industri Drama*, dalam *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. hlm.103.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 104.

¹⁷ Samsiah Mohd Nor (2005), *Dakwah Menerusi Karya Kreatif*, dalam *Dakwah Dan Pembangunan Masyarakat*. Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 117.

kepada penonton dan semua ini merupakan dakwah secara tidak langsung kepada para penonton. Inilah sepatutnya peranan yang dimainkan oleh para produksi drama. Mereka bukan sahaja menjadi penglipur lara tetapi turut memikul tanggungjawab menjana pemikiran dan membawa renungan dalam karya drama mereka yang dihidangkan kepada masyarakat. Justeru itu, mahu tidak mahu, persoalan yang sering kali mengganggu neurosis para produksi drama adalah memikirkan, memilih dan menentukan bahan yang ingin dipersembahkan. Ini kerana mereka perlu mencari subjek, dimensi, jati diri, keunggulan di samping tidak membelakangkan tanggungjawab sosial yang terpikul di bahu.¹⁸

Menurut Mana Sikana drama ialah sebuah genre fiksi yang dikembangkan dari aspirasi dan inspirasi pengarang mengandungi komposisi pendramaan dan mengaplikasikan unsur-unsur dramatik. Penerapan nilai-nilai Islam dalam drama dapat disimpulkan sebagai mempergunakan atau memasukkan nilai-nilai atau norma atau sistematika keislaman dalam sebuah genre fiksi.¹⁹ Drama Islam ialah drama yang diterbitkan untuk menyampaikan mesej dakwah sama ada dalam berbentuk penulisan ataupun dalam bentuk pementasan atau dirakam.

Dalam menghasilkan drama Islam, jelas sekali memerlukan segala komposisi, komponen dan mekanisme Islam. Walau bagaimanapun, drama Islam bukan hanya berkisar tentang kisah hidup nabi, ibadat dan akidah semata-mata.²⁰ Drama berunsur Islam ialah karya yang cuba memasukkan atau menerapkan beberapa bahagian atau aspek keislaman dalam sesebuah drama²¹ sama ada secara langsung atau tidak langsung. Misalnya, majlis akad nikah, bacaan doa makan, watak seorang ustaz dan seumpamanya juga dianggap sebagai drama Islam.²² Pengertian drama Islam menurut Mana Sikana²³ :

- i. Persoalan dan tema yang digarap adalah hal-hal yang tipikal, dominan dan penting dalam pergolakan masyarakat Islam. Sama ada yang bersifat tradisional atau kontemporari ia tetap merupakan budaya Islam yang menjadi teras kepada kehidupan orang-orang Islam.
- ii. Mempergunakan nilai-nilai Islam sebagai fokus dan motif karya.
- iii. Penyelesaian masalah secara Islam
- iv. Memasukkan mana-mana tempat yang sesuai ayat-ayat suci al-Quran atau hadith Nabi atau kata-kata hukama'. Cara memasukkannya dengan secara langsung atau tidak secara langsung. Ini melihat situasi dan konteks drama.

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 117-118.

¹⁹ Mana Sikana (1988), *Op.cit.* hlm. 99.

²⁰ *Ibid.*, hlm. 105

²¹ *Ibid.*,

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.* hlm. 106.

- v. Menyelesaikan masalah yang telah dikusutkan dengan menggunakan penyelesaian Islam.

Definisi unsur-unsur Islam

Menurut kamus dewan, unsur bermaksud bahagian, bahan, zat asal, anasir, bersifat, mengandungi dan berasaskan tentang sesuatu yang berkaitan atau sesuatu yang dimaksudkan.²⁴

Islam ialah agama yang satu yang diperakui oleh Allah S.W.T. seperti dalam firmanNya :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya : *“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai di sisi Allah ialah Islam.”*²⁵

Islam ialah suatu sistem dan peraturan yang menyeluruh dan lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia (*The Way Of Life*) berkaitan akidah, akhlak, ibadah, muamalat dan segala perkhawaran yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah dan yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. supaya disampaikan kepada kepada umat manusia melalui Nabi Muhammad S.A.W.. Islam juga adalah ruh yang sebenar kepada manusia, cahaya petunjuk dalam menjalani kehidupan kehidupan, penawar mujarab bagi segala penyakit dan satu cara membawa manusia ke jalan yang lurus. Tidak akan sesat sesiapa yang berjalan di atasnya.²⁶

Justeru itu, unsur-unsur Islam ialah apa sahaja bahagian, bahan, zat asal, anasir, sifat, yang terkandung dan berasaskan agama Islam dalam semua aspek yang merangkumi kehidupan manusia seperti akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan sebagainya. Oleh yang demikian, unsur-unsur Islam dalam drama membawa pengertian suatu usaha atau proses mensebatikan drama yang merupakan salah satu daripada media yang memberi pengaruh besar kepada masyarakat dengan sesuatu nilai yang baik, positif, berkualiti dan bermutu berpandukan syariat Islam dan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah dalam semua aspek yang ada dalam drama iaitu dialog, watak, plot dan sebagainya.

Menurut Profesor Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Naim Ahmad, drama berunsur Islam merujuk kepada drama yang antara paparannya mengandungi beberapa unsur yang selaras dengan tuntutan Islam. Namun, tidak semestinya keseluruhan drama tersebut ‘islamik’. Mungkin daripada aspek naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, aplikasi, teknikal dan

²⁴ Tenku Iskandar (2002), *op.cit.*, hlm. 1524.

²⁵ Al-Quran, *Surah Ali-Imran* (3) : ayat 19.

²⁶ Abdul Karim Zaidan (2002), *Usul Al-Dakwah*, Solehan Ayub (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hlm. 13.

kontekstualnya. Dr. Naim Ahmad berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk *Drama/Filem Berunsur Islam* pada Bengkel Fiqh Penyiaran di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), TV Al-Hijrah dan FDAM yang di adakan pada 21 Jun 2010.²⁷

Drama Sebagai Medium Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat

Islam tersebar luas kepada manusia atas usaha dakwah yang dilaksanakan melalui pelbagai wasilah media yang ada pada masa kini. Salah satu daripada wasilah media dakwah yang penting ialah drama. Drama berunsur Islam kini dilihat semakin mendapat tempat dalam lapangan masyarakat yang semakin celik ilmu. Anggapan bahawa drama berunsur Islam tidak akan mendapat sambutan sama sekali meleset apabila kini siaran drama di televisyen masing-masing berusaha menayangkan drama yang mempunyai elemen Islam yang semakin diminati masyarakat. Apatah lagi semenjak kewujudan saluran Oasis dalam Stesen Televisyen Astro. Penangan drama Islam kini benar-benar sangat memberi pengaruh besar kepada pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Tidak dinafikan selain pembacaan, melihat dan mendengar juga sangat penting dalam menjadi salah satu cara untuk manusia mempelajari dan mengetahui tentang sesuatu perkara.

Drama lebih bersifat fleksibel dalam usaha menyampaikan mesej Islam berbanding rancangan lain seperti berita, dokumentasi, rancangan realiti dan sebagainya kerana drama sesuai dengan semua golongan masyarakat, ia diminati dan ditonton oleh segenap lapisan masyarakat dan drama ditayangkan pada setiap masa kerana ia merupakan rancangan yang paling dominan dalam televisyen.

Sifat drama yang menggunakan unsur audio dan visual sekaligus memberikan kesan kepada penerimanya. Pengaruh drama telah diakui sejak zaman dahulu hingga kini. Dr Kamal al-Din Hussin menyatakan bahawa drama mempunyai kaitan yang kuat dengan masalah masyarakat kerana ia adalah impak daripada kehidupan sebenar. Oleh itu ia mampu mengubah pandangan masyarakat.²⁸ Dr Fawzi Fahmi menjelaskan juga bahawa drama boleh mempengaruhi kerana penulis drama melahirkan hasil pemikiran mereka daripada pengalaman hidup sebenar.²⁹

Charles F. Hoban, seorang Sarjana Pendidikan yang banyak berusaha mengumpul, menganalisis dan meringkaskan dapatan kajian penggunaan filem

²⁷ Utusan online. <http://www.utusanonline.com.my>. 22 Jun 2010. Dapatan 26 Ogos 2010, 2.30pm.

²⁸ Kamal al-Din Husayn (1992), *Al-Masrah Wa Al-Taghayyur Al-Ijtima'i Fi Masr*. Kaherah: Dar al-Massriyah al-Lubnaniyah. hlm. 15

²⁹ Fawzi Fahmi (1981), *Muhadarat Fi Sosiolojiyah al-Masrah*, Keherah: Al-Ma'had Al-'Ali Li al-Naqd al-Fanni. hlm. 10.

dalam bidang pendidikan menyatakan “sepanjang sejarah kehidupan manusia, filem adalah satu-satunya alat komunikasi yang pernah direka dan paling berpengaruh terhadap perlakuan manusia”.³⁰ Di sini penulis ambil pendekatan bahawa filem sinonim dengan drama. Maka kajian Charles F. Hoban ini juga boleh dijadikan antara satu bukti teori yang menunjukkan keberkesanan pengaruh media seperti filem dan drama kepada masyarakat.

Drama sesuai dijadikan sebagai medium utama penyebaran dakwah ialah kerana sasaran dakwah bukan terdiri daripada satu golongan sahaja bahkan banyak golongan yang perlu diberi perhatian dalam menyampaikan nilai Islam ini. Maka dengan itu perlulah juga kepada kepelbagaian wasilah dalam menyampaikannya. Justeru itu, untuk memperluaskan sasaran dakwah, drama dilihat dapat menarik ramai sasaran daripada pelbagai golongan masyarakat terutamanya golongan yang enggan atau tidak suka dengan cara dakwah yang meluas digunakan seperti khutbah, ceramah, wacana ilmiah, program-program motivasi dan sebagainya. Jika penggunaan drama digunakan dengan cara yang bijaksana dan berhikmah, secara langsung atau tidak langsung dakwah pasti dapat disampaikan dengan disedari masyarakat ataupun tanpa disedari mereka.

Konsep masyarakat majmuk yang wujud dalam negara Malaysia merupakan salah satu daripada kelebihan umat Islam dalam menyampaikan dakwah. Ini kerana setiap warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa atau suku kaum dia berasal, pasti dia memahami dan boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan negara iaitu Bahasa Melayu. Maka dengan ini peluang bagi golongan karyawan dalam meluaskan jajahan dakwah mereka lebih terbuka besar. Drama bukan sahaja dapat digunakan untuk berdakwah kepada umat Islam bahkan juga secara tidak langsung mampu sampai kepada golongan bukan Islam yang menonton drama Melayu yang ada diterapkan unsur Islam di dalamnya.

Oleh yang demikian drama sangat penting dalam menjadi salah satu daripada mekanisme dalam menyebarkan Islam kepada masyarakat. Memandangkan setiap umat Islam harus melaksanakan dakwah, maka para penggerak seni drama juga harus lebih giat dalam memperbanyakkan drama berunsur Islam. Selain mendapat keuntungan daripada pembikinan drama, para produksi drama juga boleh merebut peluang dalam mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. hasil daripada usaha dakwah yang lakukan.

³⁰ Zaheril Zainudin (2006), Pengaruh Dan Kesan Filem Terhadap Remaja, dalam *Bicara Media 1*. Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia. hlm. 34.

Kepentingan Drama Dalam Menyebarkan Unsur Islam

Walaupun dakwah itu secara tradisinya membawa erti menyeru dan mengajak tetapi ia juga meliputi aspek penerangan, pendidikan, alternatif dan propaganda. Sudah tentu pengertian yang luas ini memerlukan media yang pelbagai sebagai pemangkin kepada kejayaan dakwah yang optimum.³¹

Penggunaan teknologi media telah menjadi satu daripada cara yang boleh mendatangkan banyak faedah dan membantu dalam penyampaian maklumat pada era ini. Jika media seperti drama di gunakan untuk mengajak manusia kepada Allah S.W.T. dan mengamalkan sunnah Rasulullah S.A.W., maka ini adalah sesuatu yang amat berfaedah kepada umat Islam khususnya. Cara ini akan memberi peluang kepada orang bukan Islam untuk mengenali Islam dan membuka hati umat Islam untuk lebih memahami Islam secara mendalam. Menjadi tugas manusia yang di amanahkan menyebarkan Islam untuk menguasai pelbagai cara media masa kini supaya tidak ketinggalan dalam perkembangan IT dalam menyampaikan mesej kebenaran. Mesej kebenaran itu perlu disampaikan menerusi apa sahaja bentuk media yang terdapat pada masa kini dan perlu diperluaskan dalam pelbagai bahasa masyarakat dunia. Semua media perlu digunakan mengikut kemampuan kita dan kemudahan yang ada. Penyampaian maklumat yang berkesan perlu menepati kemajuan teknologi media semasa, sesuai dengan zaman semasa serta perlu disalurkan dengan cara yang paling berhikmah.³²

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk".³³

Drama merupakan salah satu daripada media terpenting yang dapat mengabdikan pelbagai warna kehidupan masa lampau, sekarang dan akan datang melalui rakaman penceritaan kisah sebenar kehidupan manusia ataupun kisah rekaan semata-mata yang juga berkaitan dengan kehidupan manusia. Apatah lagi

³¹ Dusuki Ahmad (2000), *op.cit.*, hlm. 96.

³² Noor Shakirah Mat Akhir (2006), *Dakwah Dan Cabaran Teknologi Maklumat, Isu Dan Cabaran Media Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. hlm. 2.

³³ Al-Quran, *Surah al-Nahl* (14) : 125

sekiranya drama yang diabadikan itu mempunyai unsur-unsur Islam. Sememangnya drama bercorak Islam mendapat pengiktirafan yang tinggi di sisi Allah S.W.T. dan juga di kalangan manusia. Ini memandangkan drama adalah salah satu aspek yang dapat mencernakan wahana dakwah secara berkesan kepada masyarakat. Ini dapat dibuktikan kepada kita sebagaimana al-Quran yang menggunakan uslub penceritaan yang sama seperti drama yang tiada tolok banding kejayaan cemerlangannya dalam membawa arus kehidupan manusia ke arah jalan yang diredhaiNya. Kekuatan dakwah melalui drama memang tidak dapat dinafikan dalam mengembangkan dan membuat fenomena reformasi terhadap sesuatu tamadun apatah lagi dalam tamadun Islam.

Drama menjadi sangat penting dalam mengembangkan ajaran Islamiah bahkan ianya merupakan satu wasilah yang digunakan untuk menyebarkan pelbagai corak dakwah kepada masyarakat melalui susunan ceritanya, nilai-nilai baik yang ada di dalamnya, unsur pengajaran, pembalasan, dialog, imej-imej, latar belakang, mesej dan watak-watak yang berperanan. Namun begitu metodologi dakwah juga tidak dapat diketepikan memandangkan ianya merupakan unsur yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan terhadap dakwah yang disampaikan. Oleh itu drama yang terbaik ialah sebuah drama yang perlu dikombinasikan dengan uslub dakwah agar sesuai dengan golongan sasaran dalam usaha untuk mencernakan kejayaan yang sepatutnya.

Drama dikatakan mampu menjadi uslub terbaik penyampaian dakwah kepada sasaran tanpa dapat menjangkau golongan sasarannya apabila ia digunakan secara berhikmah. Dakwah bererti menyeru kepada kebaikan, maka dakwah itu bukanlah skopnya hanya menerangkan perihal solat, puasa, dalil al-Quran atau al-Hadith, tetapi apa sahaja nilai baik yang dibawa oleh drama merupakan dakwah. Lebih realistik lagi drama dalam membawa mesej dakwah ialah apabila apa sahaja watak yang dimainkan dalam drama juga mampu menyampaikan unsur-unsur Islam. Contohnya seperti watak pemandu teksi, penyapu sampah bahkan watak GRO juga boleh diberi peranan dakwah melalui arahan, tindakan dan mesej tertentu. Walaupun ia kelihatan janggal atau luar biasa, namun ini merupakan salah satu keistimewaan drama dalam menyampaikan sesuatu mesej yang hendak diketengahkan oleh produksi drama. Penonton-penonton akan mendapat pelajaran dan pendidikan secara tidak langsung daripada watak-watak tersebut disamping mendapat hiburan. Hal ini sudah tentu sangat berkesan dalam usaha menjana pembangunan integriti masyarakat.³⁴

Drama terhasil akibat didorong oleh faktor-faktor tertentu seperti menyebarkan maklumat, menghibur, mendidik dan sebagainya. Namun bagi drama yang membawa unsur dakwah, faktor-faktornya mestilah jauh lebih besar daripada semua itu. Dalam drama dakwah seharusnya dipastikan hasil karya tersebut berlandaskan fakta yang benar dan tepaDt, sah, berautoriti dan

³⁴ Dusuki ahmad (2000). *Op.cit.*, hlm. 103.

membawa manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya untuk kepentingan Islam. Selain itu harus juga dilihat kepada kesan drama tersebut kepada masyarakat. Adakah ia membawa suatu bentuk perubahan yang akan membawa kepada satu gerakan perubahan pemikiran dan mentaliti masyarakat atau sebaliknya. Sekiranya drama itu membawa kesan yang positif, setakat mana keberkesannya terhadap masyarakat perlu juga diteliti. Oleh yang demikian, dapatlah dilihat bahawa drama dakwah bukan suatu karya yang boleh dilakukan dengan separuh hati, secara tidak bersungguh-sungguh atau untuk tujuan hiburan semata-mata kerana ia membawa imej Islam kepada masyarakat.

Selain itu, drama dalam Islam juga mempunyai fungsi dan matlamat yang menjangkau ruang lingkup khalayak dengan lebih mendalam kerana ia bukan sahaja menjadi hiburan untuk orang ramai tetapi memainkan peranan memulihkan dan memperkembangkan ketamadunan masyarakat berlandaskan haluan agama Islam.

Kesimpulan

Drama hakikatnya merupakan sebuah hasil karya terbaik dalam menyempurnakan kesinambungan penyebaran Islam Nabi Muhammad s.a.w. kepada umat manusia jika bijak mengaplikasikannya sebagai salah satu mekanisme dakwah. Masyarakat umumnya harus sedar dalam menjadikan drama-drama yang baik dan berkualiti bukan sebagai hiburan yang mengisi masa lapang semata-mata, bahkan sebagai salah satu medan menuntut ilmu agama dan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain. Khususnya pula kepada penggiat-penggiat seni drama tanah air supaya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh kesedaran dalam menggunakan drama dengan tujuan yang benar dan sekaligus sebagai medan membentuk masyarakat yang mengenali, menghayati serta mengamalkan Islam sepenuhnya dalam kehidupan.

Bibliografi

Naim Haji Ahmad (2006), *Bicara Media 1*, Negeri Sembilan: Penerbit KUIM Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mana Sikana (2006), *Drama Melayu, Tradisional, Moden Dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mana Sikana (1995), *Drama Melayu Moden*, Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Mana Sikana (1988), *Menulis Skrip Drama*, Selangor: Penerbit Karyawan,

- Siti Rugayah Tibet (1999), *Peranan Drama Dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3*. (Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Wiyanto Asul (2002), *Terampil Bermain Drama*. Jakarta: PT Gramedia Widiasmara Indonesia.
- Dusuki Ahmad (2000), Cabaran Dakwah Dalam Memanfaatkan Industri Drama, dalam *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Samsiah Mohd Nor (2005), Dakwah Menerusi Karya Kreatif, dalam *Dakwah Dan Pembangunan Masyarakat*. Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan (2002), *Usul Al-Dakwah*, Solehan Ayub (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Kamal al-Din Husayn (1992), *Al-Masrah Wa Al-Taghayyur Al-Ijtima'i Fi Masr*. Kaherah: Dar al-Massriyah al-Lubnaniyah.
- Fawzi Fahmi (1981), *Muhadarat Fi Sosiolojiyah al-Masrah*, Keherah: Al-Ma'had Al-'Ali Li al-Naqd al-Fanni.
- Zaheril Zainudin (2006), Pengaruh Dan Kesan Filem Terhadap Remaja, dalam *Bicara Media 1*. Negeri Sembilan: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2006), *Dakwah Dan Cabaran Teknologi Maklumat, Isu Dan Cabaran Media Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- <http://www.utusanonline.com.my>.

Hijamah Dalam Tamadun Islam: Aplikasinya Di Malaysia Masa Kini

Abdullah Yusof*
Norlida Abdul Salam**

Abstrak

Hijamah merupakan salah satu amalan pengubatan yang dipraktikkan sejak beribu-ribu tahun dalam sejarah peradaban umat manusia. Amalan ini dipraktikkan diseluruh dunia dan menjadi tradisi di kalangan pelbagai bangsa baik di Timur mahupun di Barat sehingga hari ini. Pada zaman Islam, Nabi Muhammad sendiri melakukan amalan ini dan diikuti oleh para sahabat, tabiin dan seterusnya diwarisi sehingga ke hari ini serta menjadi sebahagian dari sunnah Nabi SAW sepertimana ditegaskan menerusi beberapa hadith SAW. Di Malaysia hijamah dijadikan salah satu amalan dalam pengubatan alternatif bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu bahkan dalam masyarakat lain. Terdapat beberapa jenis dan kaedah hijamah dilakukan seperti hijamah kering, hijamah basah dan hijamah luncur. Objektif kertas ini ialah mengenengahkan kebaikan dan kelebihan hijamah yang berupaya mengatasi pelbagai jenis penyakit baik penyakit jasmani mahupun penyakit rohani di kalangan manusia. Untuk memahami amalan ini, kertas ini akan menunjukkan poin-poin utama hijamah, garis panduan dan kepentingan menjalani sunnah ini. Di kalangan masyarakat Islam di Malaysia, hijamah dikenali sebagai Bekam Sunnah. Semoga kertas ini berupaya mengajak masyarakat Islam khususnya untuk kembali mengikut sunnah dengan mempraktikkan kaedah rawatan hijamah selain perubatan alopati, alternatif dan komplementari lain.

Kata Kunci: *Hijamah-bekam- cupping- pengubatan Islam-Nabawi*

Hijamah In Islamic Civilization: Its Application In Malaysia Today

Abstract

Hijamah is one of the medical practices have been practiced for thousands of years in the history of civilization. This practice was practiced throughout the world and become a tradition among many

* Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya..

** Pelajar Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

good people in the East and the West to this day. In Islam, the Prophet Muhammad himself did this practice, followed by his companions, narrator and then passed on until today and become part of the Sunnah of the Prophet, as asserted by some hadith Prophet. In Malaysia hijamah be a practice in alternative medicine not only among the Malays but also in other communities. There are several types and methods hijamah, hijamah done as dry, wet and hijamah skiing. The objective of this paper is to highlight the benefits and advantages hijamah who were able to overcome a variety of diseases both physical illness and spiritual illness in humans. To understand this practice, this paper will show the main points hijamah, guidelines and the importance of undergoing this sunnah. Hopefully, this paper invites the Muslim community in particular able to return in accordance with the Sunnah of the mempraktikkan medical treatment alopati hijamah addition, other alternative and complementary medicine.

Keywords: *Hijamah - cupping –Islam medication-Nabawi*

Pengenalan

Bekam atau hijamah adalah teknik rawatan dengan kaedah membuang darah kotor (racun yang berbahaya) dari dalam tubuh melalui permukaan kulit. Perkataan Al-Hijamah berasal dari istilah bahasa Arab: 'Hijama' yang bermaksud pelepasan darah kotor. Dalam bahasa Inggeris, ia disebut 'cupping', dan dalam bahasa Melayu, ia dikenali dengan istilah 'bekam'. Bekam bermaksud mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara membedah sedikit pada kepala atau belakang badan dan menghisap darah kotor dengan tanduk atau cawan panas yang dtelengkupkan pada tempat yang telah divedah itu.¹ Manakala 'hajim' pula bermaksud tukang bekam.²

Disebutkan bahawa bekam bekerja dengan cara merangsang atau mengaktifkan :

1. Sistem kekebalan tubuh
2. Pengeluaran Enkefalin
3. Pelepasan neurotransmitter
4. Penyempitan dan pelebaran pembuluh darah
5. "The Gates for Pain" pada Sistem Saraf Pusat (CNS) yang berfungsi memberikan rasa nyilu.

Berbekam merupakan kaedah rawatan klasik yang telah digunakan dalam merawat berbagai jenis penyakit seperti hemophilia, hipertensi, gout, rheumatik

¹ Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 250

² *Ibid*, h. 571

arthritis, sakit belakang, migrain serta penyakit-penyakit umum yang lain, sama ada bersifat fizikal mahupun mental.

Bekam juga merupakan rawatan yang disukai oleh Nabi Muhammad SAW, dalam hadis berikut: Dari Ibnu Abbas r.a. Rasulullah bersabda :

"Kesembuhan itu ada pada tiga hal: Dengan minum madu, pisau hijamah (bekam), dan dengan besi panas. Dan aku melarang umatku dengan besi panas."

(Hadis Riwayat Bukhari)

Sejarah Bekam

Hijamah/bekam/cupping dan banyak istilah lainnya sudah dikenali sejak zaman purbakala, iaitu pada kerajaan Sumeria, kemudian terus berkembang sampai ke Babylon, Mesir, Saba' dan Iran. Pada zaman Rasulullah SAW, Baginda menggunakan kaca berupa cawan atau mangkuk tinggi.

Pada zaman China kuno, mereka menyebut hijamah sebagai 'perawatan tanduk' kerana tanduk digunakan menggantikan kaca. Pada kurun abad ke-18 (abad ke-13 Hijriyah), orang-orang di Eropah menggunakan lintah sebagai alat untuk hijamah. Pada suatu masa, 40 juta lintah diimport ke negara Perancis untuk tujuan itu. Lintah-lintah itu dilaparkan tanpa diberi makan. Jadi bila diletakkan pada tubuh manusia, lintah tersebut akan terus menghisap darah dengan lahap. Setelah kenyang, ia tidak berupaya lagi untuk bergerak dan terus jatuh.

Seorang pakar herba, Ge Hong (281-341 M) dalam bukunya 'A Handbook of Prescriptions for Emergencies' menggunakan tanduk haiwan untuk membekam iaitu mengeluarkan bisul yang dipanggil teknik 'jiaofa'. Semasa Dinasti Tang, bekam dipakai untuk merawat paru-paru. Pada kurun abad ke-18 (abad ke-13 Hijriyah), orang-orang di Eropah menggunakan lintah sebagai alat untuk berbekam (dikenal dengan istilah 'Leech Therapy') dan masih dipraktikkan secara meluas sehingga kini.

Hippocrates (460-377 SM), Celsus (53 SM-7 M), Aulus Cornelius Galen (200-300 M) mempopularkan kaedah pembuangan secara langsung dari pembuluh darah untuk rawatan di zamannya. Dalam melakukan teknik rawatan tersebut, jumlah darah yang keluar terlalu banyak, sehinggakan terdapat ramai pesakit yang jatuh pengsan. Cara ini juga sering digunakan oleh orang Romawi, Yunani, Byzantium dan Itali oleh para rahib yang meyakini akan kebaikan berbekam itu sendiri.³

³ S. M Hatta (1995), *Perubatan Psikologi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7

Jenis-jenis Bekam

Bekam kering atau bekam angin (*Hijamah Jaaffah*), iaitu menghisap permukaan kulit tanpa mengeluarkan darah kotor. Bekam kering ini berkhasiat untuk melegakan sakit secara darurat atau digunakan untuk meringankan ketidakselesaan urat-urat punggung kerana rheumatik, juga penyakit-penyakit penyebab ketidakselesaan punggung. Bekam kering baik bagi orang yang tidak tahan suntikan jarum dan takut melihat darah. Kulit yang dibekam akan tampak merah kehitam-hitaman selama 3 hari. Bekam angin ini juga amat digemari oleh kaum Cina.⁴

Bekam basah (*Hijamah Rothbah*), iaitu mula-mula dengan melakukan bekam kering, kemudian kita melukai permukaan kulit dengan jarum tajam (lancet), lalu di sekitarnya dihisap dengan alat berbekam dan pam tangan untuk mengeluarkan darah kotor dari dalam tubuh. Lamanya setiap hisapan 3 sampai 5 minit, dan maksimum 9 minit, lalu dibuang darah kotornya.⁵

Penghisapan tidak lebih dari 7 kali hisapan. Darah kotor berupa darah merah pekat dan berbuih. Dan selama 3 jam setelah dibekam, kulit yang lebam itu tidak boleh disirami air. Jarak waktu pengulangan bekam pada tempat yang sama adalah 3 minggu saja.

Waktu yang sesuai untuk Berbekam

Sebaiknya berbekam dilakukan pada pertengahan bulan, kerana darah kotor berhimpun dan lebih terangsang (darah sedang pada puncak gejala). Anas bin Malik r.a. menceritakan bahawa:

"Rasulullah SAW biasa melakukan hijamah pada pelipis dan pundaknya. Ia melakukannya pada hari ke-17, ke-19 atau ke-21."

(HR Ahmad)

Pemilihan waktu bekam adalah sebagai tindakan pencegahan untuk menjaga kesihatan terhadap penyakit. Adapun untuk rawatan penyakit, maka harus dilakukan bila-bila sahaja diperlukan. Dalam hal ini, Imam Ahmad melakukan bekam pada hari apa saja ketika diperlukan.

Imam as-Suyuthi menukil pendapat Ibnu Umar, bahawa berbekam dalam keadaan perut kosong itu adalah paling baik kerana dalam hal itu terdapat kesembuhan. Maka disarankan bagi yang hendak berbekam untuk tidak memakan makanan berat 2-3 jam sebelum berbekam.

⁴ Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2003), "Ketamadunan Melayu dan Sains: Satu Analisis Awal ke Atas Pencapaian Masyarakat Melayu dalam Bidang Sains", *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia, Dis 39 (E), h. 51

⁵ *Ibid*

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda bahawa:

"Barangsiapa berbekam pada hari ke-17, 19 dan 21 (tahun Hijriah), maka ia akan sembuh dari segala macam penyakit."

(HR Abu Dawud)

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a., Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya sebaik-baik bekam yang kalian lakukan adalah hari ke-17, ke-19, dan pada hari ke-21."

(HR at-Tirmidzi)

Dari Anas bin Malik r.a., dia bercerita:

"Rasulullah SAW biasa berbekam di bahagian urat merah (jugular vein) dan punggung. Ia biasa berbekam pada hari ke-17, ke-19, dan ke-21."

(HR Tirmidzi, Abu Dawud, Ibnu Majah, Ahmad, sanad sahih)

Dari Ibnu Abbas r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda:

"Bebekamlah pada hari ke-17 dan ke-21, sehingga darah tidak akan mengalami hipertensi yang dapat membunuh kalian."⁶

Terdapat banyak juga hadith yang direkodkan dalam Kitab al-Tibb sahih Bukhari. Salah satu daripada bab dalam kitab tersebut adalah bab al-Hijamah min al-Da' (bekam sebagai rawatan bagi penyakit). Dalam bab ini Imam Bukhari ada menyebut bahawa Rasulullah di tengah-tengah kepala baginda terdapat bentuk cangkir (iaitu bentuk seperti lepas melakukan bekam). Menurut daripada kenyataan dalam kitab al-Tibb Sahih Bukhari ini dapat di simpulkan bahawa tiada masa yang khusus untuk melakukan bekam kerana Rasulullah SAW sendiri sentiasa terdapat di kepala baginda bentuk cangkir tidak kira siang dan malam dan kadang-kadang semasa berihram.⁷

Al-Khallal berkata, "Aku diberitahu Ishmah bin Isham, dia berkata, Aku diberitahu Hambal, dia berkata, "Abu Abdullah Ahmad bin Hambal biasa melakukan bekam pada bila-bila masa ketika darah tidak normal dan tidak kira waktunya.

⁶ (Kitab Kasyful Astaar 'an Zawaa-idil Bazar, karya al-Haitsami (III/388)

⁷ Nurdeen Deuraseh (2006), *Kesihatan dan Perubatan dalam Tradisi Islam Berdasarkan Buku Perubatan (Kitab al-Tibb)*, Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 10.

Hadis yang Membenarkan Bekam

Hadith Pertama:

Diriwayatkan dalam Shohih Bukhari, Said bin Jubair berkata dari Ibnu Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Kesembuhan dapat diperoleh dengan tiga cara. Pertama minum madu. Kedua, dengan pembekaman. Ketiga, dengan besi panas, dan aku tidak menganjurkan ummatku melakukan pengobatan dengan besi panas”⁸

(H.R Bukhari)

Hadith Kedua:

Dari Jabir Bin Abdillah ra ia berkata, saya pernah mendengar Nabi SAW bersabda:

“Jika ada yang terbaik pada ubat-ubatan kalian, maka itu terdapat pada sayatan alat bekam, minuman madu, atau sundutan dengan api yang tepat pada penyakit.

(H.R Bukhari)

Hadith Ketiga:

Dalam riwayat Tirmidzi dari Ibnu Mas’ud dan riwayat Baihaqi:

“Aku tidak berjalan di hadapan sekelompok malaikat pun pada malam ketika aku diisra’kan, kecuali mereka berkata, “Wahai Muhammad, perintahkanlah umatmu agar berbekam!” ”

(Shohihul Jami’: 5671)

Hadith Keempat:

Tirmidzi meriwayatkan dalam Sunan-nya, dari Ibnu Mas’ud yang berkata:

“Rasulullah SAW suatu ketika bercerita tentang malam ketika beliau diisra’kan, bahawa beliau tidak berlalu pada satu kelompok malaikat pun kecuali mereka menyuruh beliau dengan mengatakan, ‘Perintahkanlah ummatmu agar berbekam’

⁸ Fatahillah Ahmad (2009), *Kemujaraban Bekam: Pencegahan dan penyembuhan Penyakit Warisan Rasulullah*, Kuala Lumpur: Synergi Media, h. 13

Imam Al-Ghazali berpendapat,

“Al-Hijamah/Bekam adalah termasuk fardhu kifayah. Jika di suatu wilayah tidak ada seorang yang mempelajarinya, maka semua penduduknya akan berdosa. Namun jika ada salah seorang yang melaksanakannya serta memadai, maka gugurlah kewajiban dari yang lain”.⁹

Alatan Bekam

Pada zaman Nabi Muhammad, cawan atau mangkuk kaca digunakan untuk berbekam, manakala orang Cina pada zaman kuno, menggunakan tanduk haiwan. Orang Eropah pula pada abad ke-18 mereka menggunakan lintah untuk menghisap darah kotor dan kaedah ini masih digunakan di sesetengah tempat di Barat sehingga sekarang.

Ketika masih ada pengamal bekam menggunakan kaedah tradisional, perubatan bekam mula menerapkan unsur moden melalui penggunaan alat seperti mangkuk, pisau pembedahan, bahan antiseptik, manakala pengamal bekam menggunakan sarung tangan yang sama seperti pengamal perubatan moden. Ini adalah kerana untuk menjaga keselamatan dan kesihatan daripada jangkitan kuman daripada pesakit tersebut.

Penggunaan jarum haruslah pakai buang dan setiap pelanggan akan diperuntukkan dengan jarum yang baru. Semua cawan bekam yang digunakan haruslah dibasuh dengan teliti dengan menggunakan ubat penyahkuman atau disteril. Bagi urutan selapas berbekam, tujuannya ialah untuk menghilangkan kesan lebam pada point bekam selepas sesi berbekam. Minyak yang disyorkan untuk urutan dalam proses berbekam ialah Minyak Zaitun Safi kerana ia tidak terlalu berminyak, mudah kering, banyak mengandungi vitamin dan berbau harum.

Larangan Berbekam

Tidak semua orang boleh berbekam kerana dikhuatiri boleh memudaratkan kesihatan. Mereka termasuk yang mempunyai masalah tekanan darah rendah, pesakit kudis, perempuan mengandung dan ketika haid, masalah kulit yang serius atau dalam keadaan sangat letih, lapar dan kenyang.

Antara anggota bahagian tubuh yang tidak boleh dibekam ialah mata, telinga, hidung, mulut, alat kelamin dan dubur. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa jika bekam dilakukan di tempat yang salah atau di tempat yang tidak diperlukan, maka ia akan melemahkan badan dan juga akan menjadikan seseorang itu dari sihat kepada sakit.

Oleh sebab itu, doktor-doktor perubatan menasihati bagi tujuan keselamatan, bahawa bekam harus dielakkan bagi pesakit usus, orang tua,

⁹ Yusuf Qardawi, kitab *Taysirul Fiqih lil Muslimil Mu'ashir*, h. 235-236.


penyakit hati, wanita yang mengandung atau yang baru sahaja melahirkan anak atau yang sedang datang haid.

Seelok-eloknya sebelum berbekam hendaklah berpuasa atau 2 jam sebelumnya jangan makan makanan yang terlalu mengenyangkan kerana ianya dapat memudahkan proses pengeluaran darah kotor. Selepas melakukan bekam, hendaklah berehat dan jangan makan atau mandi selepas sejam kemudian. Tidak boleh juga makan makanan laut untuk 2-3 hari selepas berbekam bagi mengelakkan rasa gatal pada tempat yang di bekam tadi.¹⁰

Pembekaman ketika perut kenyang boleh menyebabkan timbulnya penyumbatan darah atau berbagai penyakit kritikal yang lain, terutamanya apabila makanan yang di jamah terlalu berat dan tidak sehat. Kesan bekam selepas makan ialah badan akan menjadi letih dan lesu juga tidak bermaya. Ada juga pesakit yang menghadapi demam selepas melakukan bekam, ini adalah kerana melakukan bekam selepas makan akan mendatangkan pelbagai penyakit.

Oleh sebab itu di galakkan berpuasa sebelum berbekam dan kesannya, badan kita akan merasa segar dan ringan. Punca segala penyakit dalam tubuh badan kita sebenarnya adalah amalan pemakanan yang terlalu banyak menggunakan serbuk perasa, bahan pengawet, kimia, pewarna dan macam-macam lagi. Oleh sebab itulah terkumpulnya toksid dan asid yang sangat banyak di dalam tubuh badan. Maka berbekamlah sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk menjaga kesihatan tubuh badan kita. Ini adalah kerana kesihatan itu adalah satu anugerah yang tidak ternilai dengan wang ringgit yang kita ada.

Mengapa Berbekam



Gambar 1 : Sel darah merah

Pada masa selepas 3 bulan, sel darah merah di dalam tubuh kita akan mati. Ia mengandungi lebih asid urik, urea, toksin dan sel darah merah yang rosak. Sel darah kotor ini akan berkumpul di lapisan bawah kulit sebelum dikumuhkan.¹¹

¹⁰ Wan Mohd Nor Daud (1992), *Kesihatan dan perubatan dalam Tradisi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 24


¹¹ Hashim awing A.R (1990), *Pengantar Antropologi perubatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25

Sel darah ini akan digantikan dengan sel darah merah yang baru. Darah yang baru mengandung oksigen dan nutrisi yang diperlukan oleh sel tubuh. Sel darah yang rusak (darah kotor) yang gagal dikumuhkan dan masih terdapat dalam sistem aliran darah menyebabkan faktor utama yang mengakibatkan kapilari tersekat dan tersumbat, kesannya akan mengganggu pelbagai sistem badan dan menyebabkan kegagalan sistem limfa, ginjal dan hati tidak berfungsi dengan sempurna yang akhirnya akan menyebabkan pelbagai penyakit kronik.¹²

Gejala awal yang dapat dirasakan oleh tubuh badan ialah badan terasa lesu, letih, kebas kaki dan tangan, pening, cepat marah, cepat bosan, murung, mudah mengantuk dan mudah pitam. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa keharusan berbekam kepada kita ianya dapat mencegah tubuh badan kita daripada menjurus kepada penyakit-penyakit yang lebih kronik seperti diabetes (kencing manis), darah tinggi, migrain dan sebagainya.

Titik-titik untuk Bekam

1. Stress dan kelesuan



2. Darah tinggi, kencing manis dan migrain



¹² *Ibid*

3. Gout



4. Sakit pinggang



5. Lemah syahwat



6. Muka dan resdung



7. Sihir dan saka



Kesimpulan

Terapi bekam atau hijamah ini sangat berguna bagi seluruh kesihatan tubuh badan kita. Terapi dengan bekam ini mempunyai khasiat untuk pengubatan mahupun untuk menjaga kesihatan diri sehari-hari. Seseorang yang mempunyai darah kotor dan darah tersebut dikeluarkan dengan menggunakan kaedah bekam maka, ianya akan terbebas daripada racun-racun zat kimia yang telah lama terperangkap di dalam tubuh badan. Bekam yang merupakan antara rawatan yang di amalkan oleh Rasulullah merupakan kaedah perubatan yang sangat terkenal dan mujarab yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Dapat disimpulkan bahawa bekam atau hijamah ini masih relevan di guna pakai sehingga ke hari ini sehingga kaedah ini sangat popular di Malaysia.

Bibliografi

Fatahillah Ahmad (2009), *Kemujaraban Bekam: Pencegahan dan penyembuhan Penyakit Warisan Rasulullah*, Kuala Lumpur: Synergi Media

Hashim awing A.R (1990), *Pengantar Antropologi perubatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

(Kitab Kasyful Astaar 'an Zawaa-idil Bazar, karya al-Haitsami (III/388)

Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2003), "Ketamadunan Melayu dan Sains: Satu Analisis Awal ke Atas Pencapaian Masyarakat Melayu dalam Bidang Sains", *Jurnal Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia, Dis 39 (E), h. 51

Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

Nurdeen Deuraseh (2006), *Kesihatan dan Perubatan dalam Tradisi Islam Berdasarkan Buku Perubatan (Kitab al-Tibb)*, Selangor: Universiti Putra Malaysia

S. M Hatta (1995), *Perubatan Psikologi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wan Mohd Nor Daud (1992), *Kesihatan dan perubatan dalam Tradisi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Yusuf Qardawi , kitab *Taysirul Fiqih lil Muslimil Mu'ashir*

Karakteristik Seni Khat Lukis Indonesia : Telaah Terhadap Karya-Karya Seni Khat Lukis Indonesia

Makmur*
Abdullah Yusof**

Abstrak

Seni khat lukis merupakan implemantasi karya seniman mahupun pelukis terhadap minat dan bakat untuk dijadikan sebagai wasilah penyebaran seni Islam di muka bumi ini. Seni khat lukis mengandungi nilai seni yang sarat dengan makna-makna tersendiri, memiliki corak gambar berpariasi, menggunakan tambahan tulisan seni khat pelbagai. Peranan seniman dalam menghasilkan karya seni khat lukis ini terus berkembang dan bahkan terus di pelbagaikan dengan menggunakan tulisan khat sebagai penyeri hiasan dalam menghasilkan lukisan. Selain menjadi isyarat keindahan lukisan dalam berbagai warna, corak dan bentuknya, seni khat lukis juga telah mengungkap bidang seni yang lebih mendalam, sebagai manifestasi terhadap profesi seorang pelukis, kaligrafer dan arkitek. Selain itu, seni lukisan khat ini telah dijadikan sebagai gambaran artistik yang direalisasikan melalui sentuhan tangan-tangan kreatif seniman terhadap fenomena alam dan lingkungan persekitaran. Tulisan ini cuba mengangkat dan menghurai peranan lima pelukis khat Indonesia iaitu AD. Pirous, Amang Rahman Jubair, Didin Sirojuddin AR, Hatta Hambali dan Amri Yahya yang kesemua mereka ini ikut berperanan aktif dalam berbagai bentuk kegiatan seni lukis dan khat, untuk menyalurkan bakat semulajadi yang mereka miliki dengan idea-idea cemerlang melalui buku, pameran, seminar dan berbagai simbol estetik lainnya dalam menghasilkan karya seni yang berwibawa dan berkualiti tinggi.

Pendahuluan

Seni khat lukis merupakan khazanah Islam terus dikembangkan umatnya. Perkembangan seni khat lukis yang banyak diminati di seluruh pelosok dunia dengan berbagai bentuknya menjadikan umat Islam harus menunjukkan hasil seninya yang bernilai tinggi dan boleh menunjukkan asas budaya dan tamadun Islam. Seni ini disalurkan berdasarkan perubahan-perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri

* Pensyarah bidang Khat dan Jawi di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

** Pensyarah Kanan Seni Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), 50603 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

dan nilai kerohanian yang ada dalam ajaran Islam. Oleh kerana itu, kreativiti mengola seni khat lukis sangat mempengaruhi asas pengembangan aktiviti mahupun kreativiti kesenian bagi umat manusia sejagat. Selain itu, isyarat seni khat lukis ini perlu tetap dikemukakan menerusi pelbagai dimensi dan coraknya agar seni dan budaya Islam ini dapat tetap terus lestari sehingga bila-bila masa.

Seni khat lukis dalam konteks Islam mengandungi beberapa karakteristik yang menjadi ciri sebagai komponen bersepadu yang melengkapi antara satu sama lain iaitu keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika¹. Selain itu, ianya boleh ditonjolkan sebagai simbol keunggulan kesenian dalam tamadun Islam agar dapat setanding dengan kesenian lainnya di dunia.² Wasilah inilah yang mendorong kepada seniman-seniman Muslim Indonesia untuk memperkaya dan memperkembangkannya secara meluas seni khat lukis ini dari masa ke semasa. Di balik peranan seniman-seniman tersebut maka bermunculan tokoh-tokoh berwibawa yang perlu dibincang dalam perbahasan ini. Kewujudan peranan tokoh inilah yang telah menempatkan seni khat lukis ini dalam berbagai bentuk dan persinya. Perbahasan lebih lanjut huraian ini dapat diperjelas melalul huraian-huraian dalam isi dan kandungan berikut.

Pengertian Seni Khat Lukis

Pengertian seni khat lukis dapat di lihat dalam dua fragmen makna iaitu dari segi bahasa (etimologi) yang menurut *Kamus Dewan* bermakna halus (kecil, elok) nipis dan halus.³ Dalam bentuk karya (sajak, lukisan, musik dll) yang dicipta dengan melalui bakat kepandaian dari sesuatu ciptaan. Orang yang memiliki kemahiran untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. Dalam bahasa Inggerisnya ialah 'Art' yang bermakna halus, tipis dan damai. Kesenian merupakan aktiviti seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Semua ini tidak ada lain melainkan membawa maksud nilai halus, indah, suci, berguna dan bermanfaat bagi manusia.⁴

Menurut pengertian istilah (terminologi) pula, seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, apakah ia

¹Abdullah Yusof (2009), *Seni Islam*, Siri Pengajian Usuluddin Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, terbitan UMCCed, hlm. 6-7.

²www.google.com, *Kesenian Islam dalam Negara*, Tarikh, 9hb Januari 2009.

³*Kamus Dewan (edisi baru)* (1989), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1169.

⁴Nik Hassan Suhaimi (2000), *Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan*, Mohd Taib Osman Etal (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 289.

merupakan hasil ciptaan Allah SWT mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan seorang manusia.⁵ Secara harfiah seni khat atau kaligrafi ditakrifkan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya *al-Muqaddimah* “Kaligrafi adalah lukisan dan bentuk harfiah yang menunjukkan kepada kalimat yang didengar yang mengisyaratkan apa yang ada di dalam jiwa.”

Adapun pengertian lain secara terminologi banyak definisi dikemukakan. Antaranya adalah yang dinyatakan oleh Isytiaq Husain Quresyi dalam bukunya *Seni di dalam Peradaban Islam* “Prestasi seni rupa Muslim yang sukses luar biasa, terbesar dan paling akrab dengan jiwa kaum Muslim adalah kaligrafi (seni menulis indah). Kaum Muslimin memilih kaligrafi sebagai media utama pernyataan rasa keindahannya karena tidak ada bentuk seni lainnya yang mengandung abstraksi yang demikian lengkap dan mutlak.”

Macam-Macam Seni Khat

Seni khat lukis merupakan hasil karya seni dengan penggabungan seni khat dan seni lukis. Keduanya merupakan proses penggabungan berbagai jenis seni umum dengan seni Islam. Sokongan ini menjadi bahagian yang melengkapkan kesempurnaan dalam melahirkan karya seni khat lukis, selain peranan para tokoh seniman berpengaruh pada masa dan period masing-masing.

Karya ini menjadi salah satu bidang kesenian yang sungguh menakjubkan. Seni ini berkembang dari satu masa ke masa sehingga ia menjadi begitu terkenal dan sangat diminati oleh para penggiat seni tulisan dalam masyarakat Islam. Seni ini memfokuskan terhadap hasil tulisan yang menggunakan berbagai gaya dan corak dengan menghasilkan rangkaian huruf, kalimat dan ayat yang ditulis secara sistematik, indah dan sempurna dipadukan dengan lukisan. Adapun macam-macam jenis seni khat yang sangat popular penggunaannya sebagai pelengkap hasil karya seni khat lukis, di antaranya adalah seperti *Khat Kufi*, *Khat Naskh*, *Khat Thuluth*, *Khat Farisi*, *Khat Riq`ah* dan *Khat Diwani*.

Sifat-Sifat Seni Khat Lukis

Seni khat lukis sebagai ekspresi jiwa merupakan bentuk-bentuk anatomi seimbang antara satu ide dengan kreativiti yang wujud di atas kanvas. Hal ini dapat menggambarkan sifat dan ciri hasil karya yang telah dilakukan oleh para senimannya. Oleh kerana itu, untuk mengenali lebih mendalam bagaimana sifat-

⁵Abdul Ghani Samsudin (2001), *Seni dalam Islam*, Cet 2, Petaling Jaya: Intel Media, hlm. 3.

sifat seni khat lukis ini dapat disaksikan dan bahkan boleh dirujuk berdasarkan pandangan umum sarjana mahupun menurut kacamata Islam sepertimana gambaran berikut ini:

1. Seni khat lukis dijadikan sebagai ekspresi akan kecintaan dan keindahan seni Islam. Keindahan pula lahir dari kejujuran seni sedangkan sesuatu yang berseni itu hanya dapat dilahirkan melalui kesabaran dan ketekunan para senimannya.
2. Seni khat lukis sebagai tanda pengagungan akan Pencipta. Seni yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT, maka ciri dan corak seni khat lukis yang telah dihasilkan oleh para pelukis mahupun kaligrafer Indonesia dapat mencerminkan rasa aqidah, akhlak dan syariat mereka.
3. Seni khat lukis dapat melahirkan hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT dan dapat menghubungkan keakraban antara sesama manusia dan persekitarannya. Oleh kerana itu ciri seni ini nampak seperti bersahabat antara pelukis dengan peminat seninya.
4. Seni khat lukis dapat mewujudkan jalinan baik antara ajaran dan tamadun Islam. Maka cara ini adalah untuk menghidupkan budaya iman ialah dengan menanamkan dalam hati sanubari kepercayaan kepada Allah SWT dengan baik dan bijaksana dalam menjalankan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya.⁶
5. Seni khat lukis dapat menjadikan segala sesuatu yang buruk boleh menjadi baik melalui kreativiti karya seni indah yang telah dilakarkan di atas segala medium.
6. Keindahan seni khat lukis sebenarnya berdasarkan kepada ciri-ciri tersendiri dan unik yang mempunyai ciri berbeza dengan seni lukis bangsa lain kerana keindahannya selain bentuk dan coraknya mengikut selera para senimannya.
7. Seni khat lukis sangat erat kaitannya dengan seni kaligrafi Islam kerana ia merupakan suatu hasil karya yang sering didapatasikan dengan menghiasi bangunan-bangunan Islam seperti madrasah, surau, masjid, pejabat dan lain sebagainya.
8. Seni khat lukis terdiri daripada pelbagai bentuk dan corak yang terjalin dengan keindahan dengan mencakupi lukisan ayat-ayat al-Qur'an, hadis-hadis dan kata-kata hikmat yang dapat menambat hati dan perasaan manusia.

⁶Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam tentang Kesenian*, Kuala Lumpur: Polygraphyc Sdh. Bhd, hlm. 12.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI SENI KHAT LUKIS

Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk bidang seni. Terdapat tanggapan sesetengah pihak bahwa Islam hanya tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata maka hal ini perlu di bantah dan diperjelas keadaan sebenarnya. Dimana jiwa manusia yang diciptakan oleh Allah SWT bukanlah hanya untuk beribadat dan beramal semata-mata, sebaliknya cenderung juga kepada perkara-perkara lain supaya membolehkan mereka meringankan beban dan fikiran selain juga ingin memberi ruang kepada tubuh badan bagi menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari.

Adapun ‘hasil seni’ mulai lahir ketika permulaan Allah SWT mengajarkan Nabi Adam AS tentang nama-nama benda yang wujud di alam ini. Ini dikaitkan juga dengan kisah Nabi Daud AS dengan memiliki suara yang sangat merdu dan perkembangan seni suara ini berlangsung terus menerus sehingga ke zaman Nabi Muhammad SAW. Selain itu, Allah SWT juga memberikan isyarat-siyarat tertentu dalam Firman-Nya Q.S. Luqman (31): ayat 27, bermaksud *“Seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan lautan (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh lautan (lagi) setelah (kering)nya, niscaya tidak akan habis-habisnya (dituliskan) kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Mahaperkasa, Mahabijaksana.”*⁷ Isyarat ini dapat di jadikan sebagai manifestasi untuk memperkaya keindahan seni dalam Islam terutama lukisan khat dalam perbagai corak dan bentuknya.

Selain itu, seni khat lukis merupakan salah satu aspek potensial yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia dan terdapat aktiviti tertentu yang dibolehkan dalam Islam selagi ianya tidak berlebih-lebihan atau melanggar batasan-batasan aqidah dan syariat Islam. Apalagi ianya ditambah dengan hiasan khat dalam lukisan yang dihasilkan. Hal ini juga diinginkan agar seni khat lukis ini dapat dijadikan sebagai kesenian hiburan yang Islami, keperluan ini juga dapat menjadi hiburan pelengkap dalam menyalurkan hasil ciptaan seni harus yang menarik dalam peradaban manusia.

Terdapat beberapa pandangan menarik di kalangan tokoh dan sarjana Islam terhadap seni khat lukis ini seperti yang disampaikan oleh *Ismail R. Faruqi* bahawa: *“Tidak seperti kebudayaan-kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinstik yang difahami untuk kepentingan sendiri,*

⁷Al-Qur'an dan terjemahannya (1974), QR. Lukman (31): ayat 27, Jakarta: Departemen Agama RI, hlm. 565.

kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri.”⁸

Selain itu ada juga pendapat lain iaitu *“Kaligrafi, dia adalah lukisan huruf, posisinya tidak pernah mandek, bahkan terus berkembang menyusuri waktu. Maka, kita sekarang tidak lagi menulis khat Kufi primitif yang ditulis orang Arab dulu-dulu. Kita telah terbiasa dengan tulisan yang telah banyak berkembang melintasi masa-masa Islam yang saling berganti.”⁹* Kemudian dinyatakan juga oleh Muhammad Sa’ad Haddad dari Mesir dalam Koleksi Karya Master Kaligrafi Islam *“Sesungguhnya aku melukis kaligrafi dan tidak menulisnya.”*

Pernyataan Philip Bamborough dalam *Treasure of Islam* bahawa *“Seni iluminasi adalah jembatan antara seni khat dan seni lukis, walaupun berhubungan dengan khat, seni lukis (di dunia Islam) dianggap seni yang lamban dan kedudukan pelukis tidaklah seranking dengan kaligrafer.”* Kemudian dinyatakan juga oleh Celal Esad Arseven dalam *al-Lauhat al-Khattiyah fi al-Fan al-Islami* bahawa *“Kaligrafi itu seperti lukisan atau musik yang menuntut kesiapan khusus yang tidak boleh diterima oleh semua orang. Di antara seribu kaligrafer Turki, paling-paling boleh kita sebut sepuluh orang yang memiliki keunggulan dalam keindahan kaligrafinya.”*

Kemudian beliau menyatakan juga bahawa *“Kita dapat memastikan, bahwa membentuk seorang kaligrafer lebih sulit daripada membentuk seorang pelukis. Meskipun pelukis telah mencapai tingkat kemampuan, ia takkan sanggup meniru sebuah karya kaligrafi yang indah apabila belum menguasai kaedah penulisan khat yang benar.”*

Sejarah Panjang Seni Lukis Indonesia

Sejarah panjang seni lukis Indonesia yang menjadi muara lahirnya seni khat lukis, ini didasari perkembangan beberapa catatan sejarah, seperti berikut:

1. Ikhtisar Pertumbuhan Seni Rupa Indonesia

Ikhtisar sejarah pertumbuhan seni rupa Indonesia dapat dilihat melalui perincian huraian seperti berikut ini:

⁸Ismail R. Faeuqi (1980), *Islam and Culture*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 38.

⁹Kamil al-Baba (1983), *Ruh al-Khat al-‘Arabi*, Beirut: Dar al-Ilmi wa al-Malayin, hlm. 18.

- Sejarah Seni Rupa Indonesia dimulai dari zaman prasejarah, yaitu dari zaman Neolitikum awal, atau masa akhir Mesolitikum sekitar 4.000 tahun yang lampau.
- Melalui penelitian para ahli, nenek moyang bangsa Indonesia berasal dari Yunnan di Cina Selatan. Mereka datang ke Indonesia dalam dua gelombang migrasi, yaitu sekitar 2.000 SM dan sekitar tahun 500 SM (pada zaman Neolitikum dan zaman Dongson). Mereka bergerak ke selatan melalui India dan semenanjung Malaya. Mereka mengharungi lautan dengan rakit dan perahu bercadik menuju kepulauan Indonesia.
- Dalam proses perpindahan ini nenek moyang Indonesia membawa kesenian dan hasil budaya mereka. Berbagai tanda temuan budaya dan seni, boleh kita lihat melalui misalnya: *Lukisan goa* dan *Tutup waruga* di Sulawesi Selatan. Nekara perunggu menhir (batu pemujaan) di sebahagian besar Pulau Jawa, Sumatera dan Sumbawa. Batu berhias di Sumatera (Pulau Nias dan Kota Mas-Koto). Lukisan prasejarah di Kotaraja Lembak, Pasemah yang berfungsi sebagai penghiasan kubur, Arca manusia duduk di Gunung Balak-Lampung. Pahatan tutup Waruga di Sawangan, Sulawesi Utara, Pahatan pada Dolmen dan Menhir di daerah Anakalang-Sumba.
- Tradisi pembuatan batu berhias serta lukisan di beberapa daerah Indonesia pada zaman Megalitikum-Neolitikum, dan Mesolitikum di atas, pada umumnya memberi banyak pengaruh pada cita rasa berekspresi para seniman Indonesia sampai sekarang. Antara lain dalam pola bentuk dan gaya seni, demikian juga pada unsur pewarnaan yang bersifat berat dan magik. (Pada umumnya seni rupa di zaman awal ini bersifat neratif (mengandung unsur cerita di dalamnya)).¹⁰

2. Ikhtisar Sejarah Berbagai Ragam Seni Rupa Indonesia +/- 4000 SM sampai kini

Ikhtisar sejarah ini terbahagi menjadi tiga period penting. **Pertama**, *Period Tradisional* yang mencakupi zaman Prasejarah iaitu tercipta hasil seni bernilai tinggi seperti Batu Berhias, Nisan Patung, Menhir, Totem, Peralatan-peralatan daripada Tanah Bakar, Besi dan Perunggu berhias-Gerabah dan Lukisan. **Kedua**, *Period Klasik* yang mengandungi hasil karya seni berupa Relief Batu Candi, Wayang Beber, Lukisan, Ceramik Lok Al-Gerabah, Topeng Muka, Wayang Kulit, Seni Ukir dan Tenunan Lurik mahupun Batik.

Ketiga, *Period Moden/Kontemporeri* iaitu period yang banyak melahirkan pelukis-pelukis ulung dan cemerlang sesuai dengan zaman-zaman tertentu seperti:

- Zaman Raden Saleh (Seni Lukis Romantik/Naturalisme), 1814-1880.

¹⁰Kajian di Muzium Seni Rupa Indonesia DKI Jakarta, Tarikh, 19hb Julai 2009.

- Zaman Moi Indie (Indonesia Jelita).
- Zaman Persagi, 1936-1937.
- Zaman Revolusi, 1937-1949.
- Zaman Sanggar-Seni, 1949-1954.
- Zaman Akademi dan Pengajian Tinggi dari tahun 1954 sehingga kini. Hal ini menjadi factor penting lahirnya beberapa institusi seperti: ASRI/STSRI, ISI Yogyakarta, Bali (Seni Lukis-Patung-Dekorasi), DEKORASI (Ruang dalam-Ruang luar), DESAIN (Grafis Murni-Grafis Terapan), PMSR, Yogyakarta, Bali-AKADEMI PERSTEKTILAN, ITB Bandung 1962 sehingga sekarang (Patung-Lukisan-Grafis), UNIVERSITI (Trisakti-Atmaja-Tarumanegara) dan IKIP (Institut Kepeguruan Ilmu Pendidikan), Solo (Sastera dan Seni Rupa).¹¹

3. Dekad Akademi Seni Rupa Indonesia daripada tahun 1950 sehingga sekarang

Adapun dekad perjalanan penubuhan beberapa akademi seni rupa Indonesia dapat dilihat melalui huraian seperti berikut ini:

- Pada era tahun 1950an, para seniman Seni Rupa Indonesia yang memiliki dedikasi di bidang pendidikan seni, sepakat mendirikan perguruan tinggi seni. Maksudnya agar Seni Rupa boleh diajarkan secara sistematik akademik untuk calon seniman maupun calon sarjana seni rupa.
- Maka lahirlah sejarah baru di bidang seni rupa Indonesia pada tarikh 12hb Januari 1950, berdirilah Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI) berkedudukan di Yogyakarta. Para perintisnya adalah Hendra Gunawan, R.J Katamsi, Djajeng Asmoro, kurnadi. Diangkat selaku pengarah adalah R.J Katamsi sedangkan para pensyarahnya antara lain Hendra Gunawan, Rusli, Affandi, Trubus, Abdul Salam dan lain sebagainya. Dalam proses pertumbuhannya ASRI berubah status menjadi STSRI dan ISI. Banyak alumni ASRI/STSRI yang bekerja menjadi pensyarah seperti Nyoman Gunarsa, Aming P. Suwadi, Subroto, Alex Lutfi, Edi sunaryo, G. Sidharta Sugiyo, Widayat, edi Sunarsa, Fajar Si, dan lain sebagainya.
- Pada tahun 1956 di Bandung berdiri juga Fakulti Teknik khusus mendidik guru menggambar, arkitek dan seni rupa. Tahun 1959, Fakulti ini berubah nama menjadi Institut Teknologi Bandung dan jabatan seni rupa di dalamnya dikenal sebagai Departement Seni Rupa ITB. Pensyarahnya antara lain ialah Achmad Sadali, Popo Iskandar, A.D. Pirous, Srihadi Sudarsono, Rita Widagdo yang mendapat didikan terus daripada Ries Mulder seorang ilmuan daripada Negara Belanda.

¹¹Kajian di Muzium Seni Rupa Indonesia DKI Jakarta, *op.cit*.

- Pada tahun 1958, di Jakarta pula berdiri Yayasan Seni Rupa dan Design Indonesia. Pendirinya antara lain ialah Oesman Effendi, Trisno sumardjo dan Zaini.
- Di Solo pada tahun 60an berdiri Akademi Kesenian Surakarta, para seniman dan pendirinya antara lain ialah Dr. Murdowo, Srihadi Sudarsono, O.H. Supono, A.S Budiono, Sudibyo, Jeihan, Remi Silado (Jimmy Tambayong) dan Man.
- Pada tahun 1970 di Jakarta berdiri LPKJ (Lembaga Pendidikan Kesenian Jakarta) dengan pensyarahnya antara lain ialah pelukis Nashar, Srihadi Sudarsono, G. Sidharta, Sugeng. Lembaga ini sekarang berubah status menjadi Institusi Kesenian Jakarta. Di antara Muridnya adalah Sulebar S, Syahnagra Ismail dan Dolorosa Sinaga.
- Di Solo, berdiri pula Jabatan Seni Rupa di bawah naungan FKSS IKIP Negeri Surakarta pada tahun 1966. Disusul kemudian IKIP Jabatan Seni Rupa di Jakarta, di Padang (Sumatera Barat) dan Medan Sumatera Utara. Akan tetapi Institusi Keguruan Ilmu Pendidikan (IKIP) Negeri akhirnya dirubah menjadi Universiti.
- Di Kota Surabaya berdiri AKSES (Akademi Seni Rupa Surabaya) dengan tokoh-tokohnya antara lain adalah Amang Rahman, Nuzurlis Koto, Nunung WS, Krisna Mustajab, Rudi Isbandi dan Daryono.
- Dengan berdirinya berbagai lembaga pendidikan Seni Rupa di Indonesia, system kehidupan belajar mengajar kesenian menjadi semakin dinamis.
- Di Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta pula pada tahun 1985 dapat melahirkan satu Lembaga Kaligrafi al-Quran (LEMKA) yang menjadi muara penting dalam melahirkan ramai kaligrafer-kaligrafer di Indonesia.
- Selain itu muncul jabatan-jabatan pendidikan antara lain ialah Seni Lukis, Seni Patung, Seni Grafik, Seni Kriya, Seni Dekorasi, Seni Desain dan sebagainya.
- Kebebasan kreativiti individu juga sangat berkembang, sehingga mencipta berbagai aliran atau gaya seni yang dapat dipertanggung jawabkan secara akademik.¹²

4. Dekad Lukisan dan Sanggar Seni Indonesia

Setelah proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia 17hb Ogos 1945, Jakarta kedatangan tentara pendudukan sekutu yang diwakili Inggeris dengan diikuti tentara Belanda dengan tujuan untuk dapat menduduki kembali Indonesia secara perlahan. Oleh kerana itu, maka pejabat-pejabat pemerintahan Republik Indonesia yang baru mulai bekerja berpindah ke Yogyakarta. Untuk sementara waktu Yogyakarta menjadi Ibukota Republik Indonesia sampai akhir tahun 1949, sehingga diakuinya Kemerdekaan RI oleh Dunia Antarabangsa.

¹²Kajian di Muzium Seni Rupa Indonesia DKI Jakarta, *op.cit.*

Adapun para seniman terkemuka Indonesia yang juga ikut memperjuangkan pengakuan kemerdekaan Bangsa Indonesia antara tahun 1945 – 1949, yang semula berkedudukan di Jakarta, ikut berpindah pula ke Yogyakarta untuk melakukan kegiatan organisasi dan kegiatan kreatif di kota ini. Pada tahun 1946 Affandi seorang pelukis terkenal Indonesia Berjaya mendirikan satu sanggar “Seniman Masyarakat”, yang kemudian namanya diganti menjadi SIM (Seniman Indonesia Muda) dipimpin oleh S.Sudjojono. Sebagai anggota antara lain adalah Affandi, Hendra Gunawan, Sudarso, Trubus, Dullah, Kartono Yudokusumo, Basoeki Resobowo, Rusli, Haryadi, Suwarno, Abdul Salam, Zaini, Trisno Sumardjo, Oesman Effendi, Sasongko, Suparto, Mardian, Wakijan dan Srihadi.

Pada tahun 1947 berdiri juga perkumpulan seniman dengan nama “Pelukis Rakyat” dengan ahlinya yang berpindah daripada SIM antara lain ialah Affandi, Sudarso, Sudiardjo, Trubus, Sasongko, Kusnadi, Sudjono Kerton, Sumitro, Saptoto, Hendra Gunawan, Nasyah, Jamin, Bagong Kusudiarjo, Sholihin, Tarmizi dan Amrus Natalsyah.

Melalui perkumpulan-perkumpulan Seniman mahupun Sanggar-sanggar Seni Rupa inilah yang akhirnya dapat melakarkan sejarah tersendiri dengan banyak melahirkan pelbagai lembaga, sanggar dan bahkan pelukis bermula sejak tahun 1945, di antaranya ialah:

- Tahun 1945 berdiri Pusat Tenaga Pelukis Indonesia (PTPI) diketuai oleh Djajeng Asmoro dengan anggotanya adalah Sindu Sisworo dan Indro Sughondo Prawito.
- Tahun 1945 berdiri Himpunan Budaya Surakarta diketuai oleh Dr. Moerdowo.
- Tahun 1945 berdiri Perkumpulan “Pancaraan Cipta Rasa” di kota Bandung dengan diketuai oleh Barli dan Abedy.
- Tahun 1945 Di Medan berdiri “Angkatan Seni Rupa Indonesia” disingkat ASRI dengan anggotanya adalah Nasyah, Djamin, Hasan Djafar, Hussein, Ismail Daulay.
- Tahun 1946 Di bukit tinggi, Sumatera Barat, berdiri perkumpulan “Seniman Indonesia Muda” (SEMI) dengan diketuai oleh Zarka dan anggotanya A.A. Nawis dan Zanain.
- Tahun 1947 berdiri Pelangi di solo yang di ketuai oleh Sularko.
- Tahun 1948 berdiri Sekolah Menengah Guru Gambar, diketuai oleh R.J Katamsi dan Djajeng Asmoro.
- Pada tahun 1948 banyak pelukis yang semula ikut pindah ke Yogyakarta, kembali ke Jakarta dan mendirikan perkumpulan “Gabungan Pelukis Indonesia” dengan anggotanya antara lain Sutikno, Nasyah Djamin, Handrio, Zaini, Syahril, Nashar, Oesman Effendi dan Trisno Sumardjo.
- Tahun 1952 berdiri perkumpulan “Pelukis Indonesia Muda (PIM) dengan dipimpin oleh G.Sidharta S dan Widayat.

- Tahun 1958 di Jakarta berdiri OSI (Organisasi Seniman Indonesia) dengan tokoh-tokohnya antara lain Nashar, Mizuar, Zaini, Mustika. Markaznya di Balai Budaya Jakarta.
- Tahun 1959 berdiri kumpulan “Sanggar Bambu” dengan dipimpin oleh Sunarto PR yang kemudian digantikan oleh Mulyadi W di Yogyakarta. Anggotanya antara lain Suparto, Irsam dan Sudarmadji.¹³

5. Keterlibatan Pelukis Asing di Indonesia

Pada masa pemerintahan Hindia Belanda di Indonesia, terutama pada abad 19-20, banyak pelukis daripada Eropa yang datang dan menetap di Indonesia. Selain melukis, mereka ini diantaranya bekerja sebagai kaki tangan pemerintahan Belanda, bahkan ada yang menjadi tentara.

Nama-nama yang sempat mengemuka pada latar Seni Rupa Indonesia antara lain adalah Walter Spies, Rudolf Bonnet, Le Mayeur, Arie Smith, Hana Snel, Sayer, Dezentje, Lee Man Fong, Strasscher, Jan Frank, Teo Meiyer, Hofker, Antonio Blanco, Mareka begitu tertarik pada keindahan alam Indonesia, kemudian mengembangkan gaya dan corak lukisan mereka masing-masing yang berbasis kepada teori seni dan estetika pemahaman Barat yang sangat universal.

Warna Dan Corak Seni Khat Lukis Seniman Indonesia

Kreaviti merupakan asas utama dalam menghasilkan seni khat lukis, seniman dan artis mesti memiliki modal ini. Oleh kerana itu, keunggulan seorang seniman khat lukis tidak akan pernah menghasilkan hasil karya terbesarnya kecuali terus berusaha mencipta dan berinovasi agar dapat menghasilkan karya yang berkualiti tinggi.

Keunggulan lain yang juga perlu ada menjadi pelengkap modal seorang seniman khat lukis iaitu perlu memiliki ilmu, syariat, akhlak mahupun termasuk bakat seni, kesabaran dan ketekunan dalam mengelola hasil seni mahupun lukisan. Oleh itu, huraian ini akan semakin indah dan sempurna kalau diperincikan beberapa tokoh seni khat lukis yang selalu bergerak aktif dalam memajukan bidang seni Islam ini. Mereka di antaranya adalah seperti berikut:

1. Jalilan Warna Lukisan Khat AD. Pirous (1933-Sekarang)¹⁴

Nama sebenar beliau adalah Abdul Djalil Pirous dengan mengambil nama ayahnya sendiri Mouna Pirous Noor Muhammad dan ibunya Hamidah, lahir di Meulaboh Aceh 11hb Mac 1933 Masihi. AD. Pirous adalah anak kelima dari enam bersaudara, dikarunia empat orang anak lelaki dan dua orang perempuan.

¹³Kajian di Muzium Seni Rupa Indonesia DKI Jakarta, *op.cit*.

¹⁴Tokoh ini juga mendapat maklumat daripada *kajian tokoh kaligrafi* pada tarikh, 10hb April 2008.

Ayahnya adalah salah seorang ketua kampung di daerahnya dengan memiliki perkebunan getah yang sangat luas. Ibunya pula dikenal sebagai seorang penyulam hias benang emas yang rajin, sulaman tersebut menjadi kerjayanya di samping sebagai suri rumah.¹⁵

AD. Pirous, belajar seni rupa di Universitas Indonesia cabang Bandung (kini ITB), selesai pada tahun 1964 dan terus pengajar disitu. Pada tahun 1969 Pirous belajar seni barat dan grafis di Rochester Institute of Technology New York, Amerika Serikat. Justru di negara Paman Sam inilah jiwanya kembali terpanggil untuk menulis dan menekuni kaligrafi Arab, seni warisan ribuan tahun dari tamadun agamanya yang agung. Panggilan itu muncul pada tahun 1970, dia menyaksikan kaligrafi klasik Timur Tengah dipamerkan di Muzium New York USA. Pelbagai pameran dan seminar yang beliau ikuti di dalam dan luar negara sehingga sekarang. Pelbagai buku dan karya-karya ilmiah telah diterbitkan untuk dinikmati oleh para pelukis mahupun kaligrafer di Indonesia mahupun Nusantara.¹⁶ Beliau pernah menjadi jema'ah hakim Peraduan Menulis Khat ASEAN bersama Hj. Ustaz Hj. Mohd. Yusof bin Abu Bakar dan Ustaz Mustajab bin Shaleen, pada tahun 1406 H/1985 M.¹⁷

AD. Pirous dikenal dengan karya-karyanya bernafaskan Islamik. Pengungkapannya dalam lukisan melalui konstruksi struktur bidang-bidang dengan latar belakang warna yang memancarkan berbagai karakter imajinatif. Dengan prinsip penyusunan itu, pelukis ini sangat kuat sensibilitinya terhadap komposisi dan pemahaman mendalam berbagai karakter warna. Nafas spiritual suatu ketika muncul dalam imajinasi warna terang, saat yang lain warna boleh menjadi redup dan syahdu, sesuatu juga boleh muncul dalam kekayaan warna yang menggetarkan. Sentuhan ragam hias etnik Aceh, yang memuat ornament-ornament atau motif Buraq, juga memberikan nafas sosiokultural Islamik dalam lukisannya. Sebagai puncak kunci nafas spiritual itu, adalah penerapan seni khat yang melafazkan ayat-ayat suci al-Qur'an.¹⁸

Karya-karya lukisan beliau yang lain, pelukis ini sering membangun suasana alam untuk memberikan latar belakang kuat yang berhubungan dengan ayat-ayat al-Qur'an dalam menghasilkan karya lukisannya. Melalui penyusunan bidang-bidang, ruang, warna-warna tertentu, suasana dalam lukisan dapat memantulkan senja secara sempurna, pagi yang jernih ataupun malam yang syahdu. Dengan demikian dapat dikatakan bahwa AD. Pirous juga berjaya mengembangkan seni lukis abstrak yang simbolik. Semua eksploitasi idea, medium dan teknik tersebut akhirnya tidak hanya sekadar menempatkan beliau

¹⁵Mahmud Buchari (1985), *AD. Pirous*, Bandung: Galeri Decenta, hlm. 9-10.

¹⁶Wiyoso Yudoseputro, *et.al* (1991), *Katalog Seni Rupa Modern*, Bandung: Badan Pelaksana Festival Istiqlal, hlm. 24-25.

¹⁷Pusat Dakwah Islamiyah (2005), Brunei Darussalam: Pejabat Ugama Brunei Darussalam, hlm. 9.

¹⁸<http://www.galeri-nasional.or.id/koleksi>., dipublikasi pada tarikh, 15hb Mac 2007 melalui webmaster, dirujuk semula Tarikh, 22hb Januari 2009.

sebagai pelukis seni khat yang pakar, akan tetapi lebih jauh lagi dapat mempertegas pencapaiannya sebagai pelukis spiritual Islamik.¹⁹

Sebelum tahun 70-an, seni lukis khat masih sangat asing di Indonesia. Tulisan kaligrafi Arab masih terbatas pada komposisi huruf untuk ayat suci atau hadits nabi. Huruf-huruf Arab “eklektik” dan warna-warna “abstrak” belum banyak digunakan, apalagi menyisipkan mimitasi (visualisasi makhluk hidup) pada kaligrafi, “makruh” atau bahkan “haram”. Namun tradisi itu pudar, saat seorang seniman yang juga pensyarah seni rupa di Institut Teknologi Bandung (ITB) menyuguhkan karya khatnya dengan huruf Arab eklektik yang kaya nuansa dan warna. Pameran khat tersebut diadakan di Chase Manhattan Bank Jakarta pada tahun 1972.

Sekembalinya dari Amerika, dia mulai memelopori dan memasyarakatkan seni lukis kaligrafi Arab. Pirus memberikan kuliah seni lukis, tipografi, dan kaligrafi bagi mahasiswa ITB serta aktif berpameran di dalam dan luar negeri. Berbagai penghargaan telah diperoleh hingga mencapai gelar profesor seni rupa ITB. Akhirnya dia sukses menjadikan kaligrafi, genre lukisan modern sendiri.

Seni lukis khat baginya adalah sebuah upaya memahami alam yang terbentang di sekitar dan di dalam diri sendiri, dengan segala tanda-tandanya adalah inspirasi yang boleh digali dan disikapi, hingga memunculkan pengalaman spiritual. Budaya dan tradisi Aceh menjadi puncak inspirasi khatnya, tempat di mana ia dibesarkan dalam tradisi yang menjunjung tinggi kaligrafi Islam. Maka lahir karya-karya kaligrafi epik kental akan nuansa kepahlawanan dan perjuangan rakyat Aceh seperti, hikayat perang Sabil Teungku Tjik Pante Kulu, Kisah heroik Teuku Umar, dan untaian manikam syair-syair religi Aceh.

Pirus adalah sosok kaligrafer, akademisi, seniman, dan muslim teladan ia menyatakan *‘Sewajarnya seorang seniman peka pada budaya dan tradisi masa silamnya dan arif menyikapi kebudayaan masa kini.’* Sebuah ungkapan bijak dari A.D. Pirus, Imam seni lukis kaligrafi, yang sudah sepatutnya diteladani. *“Saya tidak mau menghambat dinamika atau dinamic dari kaligrafi, form of kaligrafi itu. Tetapi saya boleh bebas dengan hanya menggambar karakter huruf itu sahaja, ada yang melengkung, ada yang tegak, ada yang ke kiri, ada yang ke kanan, dengan titik, dengan lengkungan-lengkungan yang sangat ekspresif.”* Dan satu pernyataannya yang lain *“Kerana tulisan itu mempunyai dua aspek: aspek komunikatif dan aspek ekspresif....Kedua aspek ini dalam sebuah lukisan saya menjadi satu dan tidak boleh dipisahkan....Keduanya simultan lahir di dalam*

¹⁹<http://www.galeri-nasional.or.id/koleksi>., *op.cit.*

kanvas dan saling mendukung secara struktur.”²⁰ Adapun contoh karya beliau seperti berikut:



Ilustrasi 1 Karya ini merupakan satu koleksi AD. Pirous, lukisan ini menggambarkan ayat-ayat Allah SWT berbunyi (*Fasabbih bismi rabbika al-zim*). Karya dilukis atas kanvas pada tahun 1990 dengan bahan mix media, berukuran 100 sm x 150 sm.²¹

2. Lukisan Khat Tangan Amang Rahman Jubair

Amang Rahman lahir dari pasangan seorang keturunan Arab dan ibunya berasal dari daerah Jambi Kemantren, Buduran, Sidoarjo, Jawa Timur. Sebagai putra ke empat dari 13 bersaudara dalam lingkungan keluarga yang taat beragama, Amang pada masa kecilnya mendapat pengaruh kuat kebudayaan Islam di Jawa yang diperoleh dari cerita maupun petuah dari kakek neneknya, keluarga, masyarakat, lingkungannya maupun kawan seumur dengannya. Pengaruh ini berlanjut terus hingga usia remaja. Dia sangat akrab dengan al-Qur'an, berbagai surau, masjid bahkan suka pula mengunjungi berbagai makam. Karena tertarik untuk berziarah atau menyaksikan nisan cantik yang bertuliskan huruf Arab maupun huruf Jawa yang pada saat itu dianggap menarik dan unik.²²

Beliau lahir di Ampel Surabaya tarikh, 21 November 1931. Ia bersama OH Supono, adalah pendiri Akademi Seni Rupa Surabaya (AKSERA) pada tahun 1967. Ia juga mendirikan Dewan Kesenian Surabaya pada tahun 1971. Mendirikan Akademi Seni Rupa Surabaya (AKESERA), Setiausaha Dewan Kesenian Surabaya (1971), Ketua Dewan Kesenian Surabaya (1984) Wafat di Surabaya Senin, 15hb Januari 2001. Kegiatan lainnya ialah sebagai Pengasuh Yayasan Pendidikan Kesenian Surabaya (sejak tahun 1967). Gaya lukisannya surealisme disebut oleh sebahagian pengamat sebagai monolog dan dialog mistik mengenai pengalaman hidup, harapan, dan pandangan hidupnya. Memasuki usia dewasa pengalaman hidup Amang terus berkembang serta bertambah. Dia mengemari juga berbagai kesenian yang hidup dan tumbuh di Jawa dan Madura seperti

²⁰ AD. Pirous dalam (1955-202), *AD. Pirous: Vision, Faith and Journey in Indonesian Art*. Bandung: Galeri Decenta, hlm. 23.

²¹ <http://www.galeri-nasional.or.id/koleksi.>, *op.cit.*

²² *Kompas*, Ahad, tarikh, 21hb Juni 2009.

wayang kulit, ludruk, berbagai ragam tari, musik maupun berbagai cerita rakyat setempat, termasuk pantun parikan serta syair daerah sama ada dalam bentuk penyampaian lisan maupun tulisan.

Sejalan dengan usahanya memperdalam bidang seni rupa, Amang pun terus menekuni serta mengembangkan wawasannya dibidang kesenian lainnya. Antara lain dengan membaca di perpustakaan, berdiskusi dengan rekan seniman lainnya, dari Surabaya maupun dari kota lainnya di Indonesia, seniman tradisional maupun moden. Kecintaannya dalam dunia kesenian telah dibuktikan olehnya dalam bentuk puisi, penulisan kritik sastra serta karya lukisannya.

Latar belakang yang diawali sejak masa kecil maupun pengalaman religius serta berbagai pengalaman hidupnya sehari-hari telah membangun secara bertahap dan terus memperkaya wawasan Amang Rahman dalam karya lukisannya. Penjelajahan dan pengembaraan ruang kehidupan manusia baik jasmani maupun rohani membentuk alam kesadaran Amang yang dimanifestasikan pada penguasaan ruang kanvas lukisan-lukisannya.

Jejak ini dapat disaksikan pada setiap lukisan Amang, terutama didalam meletakkan obyek serta komposisinya yang esensial iaitu alur horizontal, vertikal dan diagonal. Pilihan obyek utamanya sederhana. Sosok manusia, paling sedikit 2 dan paling banyak 9 figur dalam pola bentuk dan posisinya dilakukan pengulangan. Penampilan unsur warna pada setiap lukisan Amang didominasi oleh pilihan warna biru, hijau, kuning dan hitam dengan nuansa dari keempat warna pilihannya itu. Berlanjut pada efek warna yang menyiratkan cahaya merupakan esensi dari keutuhan tema sentral. Pada penggunaan unsur garis, hampir setiap lukisannya bersifat efisien berupa fungsional malah pada kebanyakan karyanya penampilan unsur garis sebagai maksud bayangan dibangun dengan batas pertemuan kontras warna yang berbeza.

Menurut pengakuannya, Amang lebih puas hati jika menggunakan jari-jarinya termasuk telapak atau punggung tangannya sebagai pengganti brus dan pisau pallet untuk melukis, kadang-kadang menggunakan kain serbet untuk menghapus atau mencampur warna terus ke atas kanvas. Hasil produk kerja seperti itu, menjadikan wajah kanvas tidak kasar, perubahan nuansa warna menjadi halus dan bentuk obyeknya menjadi datar seperti halnya lukisan yang dekoratif dua dimensional.

Karya lukisan Amang didasari oleh keluasan wawasan, aneka ragam pengalaman hidup lahir bathin serta perenungan selaku insan yang beriman Islam telah melahirkan sikap hidup yang bersahaja, arif dan bijaksana dalam menghadapi dan mengatasi kehidupan di dunia fana ini. Beberapa unsur seperti keyakinan terhadap diri sendiri, pengalaman beragama yang kian mempertebal iman Islam, memahami hakekat hidup serta menghayati secara total dalam

berkesenian telah diraih dan direfleksikan pada sebagian lukisannya, khususnya pada karyanya yang non-kaligrafis.²³

Amang berbeza misalnya, dengan Mohamad Ali, dengan Gatut Kusumo, atau Krisna Mustajab, dan OH Supono yang juga suka melawak dan nyele-tuk gaya Suruboyoan. Dan sangat jauh berbeza dengan seorang Budi Darma, seorang intelektual, sasterawan dan akademisi yang serius dan sangat bersungguh-sungguh. Yang pada puncak pencapaian kreatifnya sebagai seorang sasterawan berimpitan dengan puncak karier profesionalnya sebagai pensyarah seperti yang diungkapkannya dalam esei "Laki-laki Putih".

Bagi Amang berkesenian adalah masalah pilihan dan kerananya ia berkonsentrasi kepada obsesi tematik dan masalah estetik ekspresi simbolik lukisannya. Dan kita menemukan corak lukisan yang khas, panorama semesta yang dibuat berlapis dan bertingkat-tingkat sehingga suasana sunyi dan mistik jadi dominan, dengan satu atau beberapa figur ditinggalkan sendiri dalam kesepian dan siksaan rindu di tengah keluasaan kosong, dan satu matahari atau bulan yang menjadi sumber dari keberadaan kerana segalanya jadi tampak ada karena diterangi.

Tehnik yang matang meski tidak akademis kerana dibangun dari kemauan belajar seorang otodidak dan kerja keras tidak kenal lelah. Tapi hal itu jadi lumer kalau kita bertemu dengan Amang di luar studio dan kesuntukannya sebagai pelukis yang gigih dan pantang mundur. Yang bersiteguh mencari ciri khas sehingga lukisannya jadi ikon lukisannya yang langsung merujuk ke diri seorang Amang Rahman Jubair.²⁴ Berikut contoh karya yang sangat unik:

²³Om Amang Rahman Jubair adalah kakak dari ibuku [Rosyidah Awad Jubair], Sumber Data <http://www.tamanismailmarzuki.com/tokoh/amang.html>, Khamis, 13hb November 2008.

²⁴Ditulis oleh Beni Setia dalam www.suarakarya-online.com pada Hari Ahad, tarikh 26hb Februari 2006.



Ilustrasi 2 Karya ini merupakan satu sentuhan tangan Amang yang bertajuk *Only him (Hanya Ia)*. Karya dilukis atas kanvas pada tahun 1995 dengan bahan Cat minyak, berukuran 140 sm x 150 sm.²⁵

Corak Lukisan Khat Didin Sirojuddin AR (1957-Sekarang)²⁶

Nama lengkap beliau adalah Drs. K.Hj. Didin Sirojuddin AR, M.Ag, biasa dipanggil Pak Didin, lahir pada tarikh 15hb Julai 1957 di Desa Karangtawang Kuningan Jawa Barat. Beliau adalah tokoh utama perintis berdirinya LEMKA di Jakarta dan Pondok LEMKA di Kota Sukabumi Jawa Barat. Kerjaya beliau adalah sebagai pensyarah tetap di Fakulti Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Beliau tidak pernah mengenal kata rehat selain untuk terus menulis, melukis, mendidik dan mengembangkan bakat seni khat yang dimiliki sebagai kelebihan semula jadi.²⁷

Kerjaya beliau yang lain adalah sebagai bekas wartawan majalah *Panji Masyarakat (Panjimas)* tahun 1982-1989 dan sebagai pelukis komik, bakat di bidang seni ini tetap selalu tersalurkan melalui latihan berterusan dengan menulis buku-buku seni khat dan karya-karya lainnya, di samping tetap terus memperdalam lagi keinginannya yang kuat dan gigih untuk memasyarakatkan seni khat ini, dimana ianya tengah disukai oleh ramai kaulah muda. Untuk melengkapi usahanya tersebut pada tahun 1985 beliau mendirikan LEMKA di Jakarta dan disusul berdirinya Pondok LEMKA di Kota Sukabumi pada tahun 1998. Kedua institusi ini menjadi wasilah penting dalam mewujudkan perjuangan beliau untuk mencapai matlamat agung dan mulia dalam memartabatkan seni warisan Islam.²⁸

Bakat yang beliau miliki didukung bakat semula jadi dan disalurkan sebelum bersekolah lagi. Pengetahuan dan pengalaman menulis seni khatnya semakin berputik ketika menjadi pelajar, di Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur (1969-1975). Aktiviti beliau dalam bidang seni ini sangat

²⁵ Abdul Hadi, WM *et.al* (1995), *Seni Rupa Kontemporer Istiqlal*, Jakarta: Yayasan Festival Istiqlal, hlm. 41.

²⁶ Written by Drs H Didin Sirojuddin AR, M.Ag on Kamis, 13 November 2008.

²⁷ Didin Sirojuddin (2000), *Seni Kaligrafi Islam*, Jakarta: Logos, hlm. 37.

²⁸ Didin Sirojuddin (2000), *op.cit.*, hlm. 38.

memberangsangkan dengan berbagai aktiviti Pameran, Seminar, Penjurian, Pendidikan dan Pelatihan dalam dan luar negara. Selain beliau pernah menjadi johan Peraduan Seni Khat ASEAN di Brunei Darussalam (1987), juga bergerak aktif dalam berbagai aktiviti penjurian dalam jenis MKQ di Indonesia mahupun ASEAN. Di samping beliau selalu berkeliling daerah hampir seluruh wilayah propinsi di Indonesia untuk terus aktif mendidik, membina, mengisi bengkel dan pelbagai pameran seni khat. Bahkan pada tahun 1999 dan 2005 beliau sempat memberikan pembinaan dalam program pengembangan bengkel menulis seni khat di Brunei Darussalam.²⁹

Selain aktiviti tersebut, beliau juga terus menulis. Berikut adalah contoh-contoh tulisan beliau selama mengembangkan bidang seni khat dan kaligrafi Islam ini, sebagai hasil karya akademik mahupun karya ilmiah iaitu seperti berikut: Buku Seni Kaligrafi Islam, Pelajaran Kaligrafi Islam (2 jilid), Belajar Kaligrafi (7 jilid), Dinamika Kaligrafi Islam (terjemahan Rūh al-Khat al-'Arabī oleh Kamil al-Baba), Belajar Cepat Menulis al-Qur'an (4 jilid), Mewarnai Kaligrafi (8 jilid), Cara Mengajar Kaligrafi Pedoman Guru (terjemahan Silsilatu al-Ta'lim al-Khat al-'Arabī oleh Fauzi Salim Afifi), Mewarnai Kaligrafi (7 jilid), Asah Asuh Huruf Kaligrafi Islam: Himpunan Karya Master Bahan Latihan Kaligrafer Profesional, Koleksi Karya Master Kaligrafi Islam.³⁰

Selain buku, pelbagai kertas kerjapun telah beliau susun di antaranya adalah Disain Pelajaran Kursus Kaligrafi (4 jilid), Tarīq ilā Kitābah al-Insya', Lemka dan Disain Pengembangan Seni Kaligrafi Islam³¹ di Indonesia, Curatcoret Coretcoretan Bukanasalcoret, Disain Latihan Mewarnai Kursus Kaligrafi Terpadu Lemka, Asah Asuh Huruf: Himpunan Karya Master Bahan Latihan Pengajar Lemka, Kaligrafi Arab: Peralihan dari Kūfi ke Naskhi, Membina Kaligrafi Gaya Lemka, Persiapan Menuju MTQ: Kiat Latihan Para Khattat Peserta MTQ, Gores Kalam: Butir-butir Pemikiran Sekitar Pengembangan SKI di Indonesia, Khat Naskhi Keperluan Primer Baca Tulis, SKI di Indonesia Angkatan Perangkatan, Tafsir al-Qalam, Kaligrafi Hitam Putih Didin Sirojuddin AR, Pak Didin Menabur Ombak Kaligrafi, Latihan Melukis Kaligrafi dari Hitam Putih ke Warna-warna, Pengantar Kuliah Seni Islam, Nuansa KI (Kumpulan Tulisan Sekitar Idea-idea Pengembangan SKI di Indonesia), Pelatihan Kaligrafi Menyongsong MTQ.³²

Selain menulis dan melukis, beliau juga memiliki aktiviti penjurian yang telah melibatkan beliau sepanjang beberapa tahun, kegiatan penjurian ini bermula dari tahun 1983-2009, seperti penjurian Lomba Kaligrafi MTQ peringkat Nasional hampir di seluruh Indonesia dan Peraduan Menulis Khat ASEAN di Brunei Darussalam setiap dua tahun sekali. Demikian juga, beberapa aktiviti pameran

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Didin Sirojuddin (2000), *op.cit.*, hlm. 39.

³¹ Seni Kaligrafi Islam akan diringkaskan menjadi SKI, dan Kaligrafi Islam akan diringkaskan menjadi KI.

³² Didin Sirojuddin (2000), *op.cit.*, hlm. 38.

yang telah melibatkan beliau bersama LEMKA sepanjang tahun, dari tahun 1985 sehingga sekarang.³³

Ada beberapa karya tulisan Didin Sirojuddin AR yang dapat dilihat dan dibaca. Hal ini, lebih jelas dapat ditemukan juga tulisan-tulisan beliau bermula dari tahun 1984-1990 sebanyak 13, dari tahun 1991-1995 sebanyak 23 tulisan, dari tahun 1996-2000 sebanyak 16 tulisan, dari tahun 2001-2005 sebanyak 17 tulisan, dari tahun 2006-2008 sebanyak 7 tulisan dan tidak termasuk tulisan pada tahun 2009 dan 2010.

Adapun penjurian melibatkan beliau bermula dari tahun 1983 sebanyak 1 penjurian. Tahun 1986 sebanyak 2 penjurian. Tahun 1987 sebanyak 2 penjurian. Tahun 1988 sebanyak tiga penjurian. Tahun 1989 sebanyak 1 penjurian. Tahun 1990 sebanyak 2 penjurian. Tahun 1991 sebanyak 3 penjurian. Tahun 1992 sebanyak 3 penjurian. Tahun 1993 sebanyak 4 penjurian. Tahun 1994 sebanyak 3 penjurian. Tahun 1995 sebanyak 9 penjurian. Tahun 1996 sebanyak 7 penjurian. Tahun 1997 sebanyak 5 penjurian. Tahun 1998 sebanyak 3 penjurian. Tahun 1999 sebanyak 4 penjurian. Tahun 2000 sebanyak 2 penjurian. Tahun 2001 sebanyak 3 penjurian. Tahun 2002 sebanyak 4 penjurian. Tahun 2003 sebanyak 5 penjurian. Tahun 2004 sebanyak 6 penjurian. Tahun 2005 sebanyak 5 penjurian. Tahun 2006 sebanyak 5 penjurian. Tahun 2007 sebanyak 7 penjurian. Tahun 2008 sebanyak 9 penjurian. “Sebuah lukisan akan memiliki nilai plus dengan penyusupan unsur kaligrafi ke dalamnya. Jika temanya ayat-ayat Alquran, maka nilai plus itu akan terasa semakin agung, karena memancarkan pesan-pesan suci yang dalam yang dapat dijadikan bahan renungan, baik oleh pelukis maupun orang lain yang jadi peminatnya.” Berikut contoh karya beliau yang sempat dirakam oleh penulis iaitu:



Ilustrasi 3 Karya lukisan khat Didin Sirojuddin A.R, bertulis seni khat Thuluth (separoh bulatan) dan Kūfi (tengah). Karya ini tersimpan di Bayt al-Qur'an dan Muzium Istiqlal TMII, Jakarta Timur Indonesia.³⁴

³³ *Ibid.*, hlm. 39.

³⁴ Kajian di bilik Karya-karya Seniman Lukis dan Khat Indonesia di Muzium Istiqlal, Taman Mini Indonesia Indah (TMII) Jakarta Timur Indonesia. Dirakam pada tarikh, 16hb Julai 2009.

3. Lukisan Khat Abstrak Hatta Hambali³⁵

Hatta Hambali dilahirkan di Sengkang Kabupaten Wajo Propinsi Sulawesi Selatan, beliau dilahirkan pada tarikh, 8hb Ogos 1949. Beliau memiliki bakat seni lukis dengan dipadukan seni khat yang unik dengan dilukis bersusun. Menamatkan pendidikan seni rupa di Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI) Yogyakarta pada Tahun 1970. Akademi perguruan tinggi seni rupa ini dapat mendidik para seniman mahupun khattat untuk menciptakan hasil lukisan dan khat yang lebih sistematik dengan berdasarkan system akademik yang sengaja dipersiapkan untuk melahirkan ramai seniman Indonesia berkualiti dan berkuantiti dengan ciri dan sifat seninya lebih bebas, kreatif, individual, moden dan kontemporer dengan membebaskan, mengolah bentuk alat bantu yang lebih kreatif dan inovatif.

Pengalamannya yang tidak berbelah bagi dalam mengikuti berbagai pameran seni lukis dan lukisan khat. Antara pameran yang beliau sertai ialah pada tahun 1991 sehingga 1995 menyertai Pameran bersama di Departement Pendidikan dan Kebudayaan (Depdikbud) Gambir Jakarta Pusat, Pameran di Gedung BUKOPIN Jakarta, Pameran di Taman Ismail Marzuki (TIM) Jakarta, Pameran di Hotel Hilton Jakarta dan Pameran di Dewan WTC Jakarta.

Pada tahun 1969 beliau meraih satu penghargaan yang sangat bernilai dalam hidupnya iaitu *Wendy Sorensen*, di New York Amerika Serikat. Hatta Hambali memiliki ciri tendensi dalam menghasilkan lukisan berbentuk dekoratif dimana lukisan dari hasil sentuhan brusnya halus sekali. Adapun karya-karya yang sangat menakjubkan iaitu "*Di atas langit masih ada langit*" (1995), dengan bahan lukisannya cat minyak di atas canvas 95 x 145 cm. "*Basmalah*" (1995), dengan vahan lukisannya cat minyak di atas canvas 90 x 100 cm.

Pada prinsipnya bahawa ilmu ijtihad kreativitas memang tidak pernah ditutup. Setiap pembaharuan dari hasil daya kreatif pada hakekatnya meninggalkan sesuatu yang sudah mapan, sedangkan matahari berpusing dan zaman berjalan selalu menampilkan sesuatu yang baru. Hatta Hambali mengemas kaligrafinya dalam bentuk huruf yang terdiri dari riben panjang. Riben yang berupa huruf itu dilukis semi realis sehingga menjadi suatu yang otentik. Beliau berdomisili di Pasar Seni Ancol, Blok B No. 18 Jakarta Utara, Propinsi DKI Jakarta Indonesia.³⁶

Hal ini semua menjadikan lukisan khat yang menggunakan media cat minyak di atas kanvas semakin rancak. Di samping itu Amri Yahya mencoba bereksperimen dengan media batik. Muncullah nama-nama lain seperti Ahmad

³⁵Sumber daripada apakabar@clark.net, dirujuk semula pada Hari Sabtu, tarikh 5hb April 1997, Pameran Khazanah Seni Lukis Indonesia, owner-indonesia-s@indopubs.com, Kompas Online, Ahad tarikh, 6hb April 1997.

³⁶Abdul Hadi, WM *et.al* (1995), *op.cit.*, hlm. 83.

Sadali, Syaiful Adnan, kemudian disusul pula oleh Abay D. Subarna, Yetmon Amier, Hendra Buana, Sattar, Chusnul Hadi, dan lain-lainnya. Menurut Soedarso Sp, seni lukis khat muncul setelah ada seni lukis abstrak, tidak ada gunung, pokok dan langit, yang ada hanya garis, warna, tekstur dan lain sebagainya. Di atas itu khat dilukiskan yang tentu sahaja isinya disesuaikan dengan latar-belakang yang berupa lukisan abstrak itu untuk menjadi sebuah sajian komposisi yang sangat padu. Disinilah imajinasi diberi ruang seluas-luasnya untuk menemukan nilai yang sangat berharga. Berikut contoh karya beliau yang paling menarik dan unik untuk dikoleksi seperti berikut:



Ilustrasi 4 Contoh seni khat lukis bertulis *Dua Kalimat Shahādah* dan *Bismillāhi al-Rahmāni al-Rahīm*. Hasil karya Hatta Hambali (salah seorang pelukis khat Indonesia) dengan penuh artistik di atas kanvas 90 sm x 100 sm dengan menggunakan kanvas dan cat minyak.³⁷

Lukisan Khat Batik Amri Yahya

Beliau lahir di Palembang pada tarikh, 29 September 1939. Mendapat asas pendidikan terakhir seni beliau adalah di Akademi Seni Rupa (ASRI) I pada tahun 1961 dan berlanjutan di Akademi Seni Rupa (ASRI) II di Propinsi Yogyakarta pada tahun 1963. Kemudian melanjutkan pendidikannya di Seni Rupa IKIP Yogyakarta pada tahun 1971. Pelukis papan atas Indonesia yang tinggal di Yogyakarta, Prof Dr H Amri Yahya, 10 hingga 13hb Julai 2002 telah menampilkan karya kaligrafinya dalam "Promosi Dagang dan Pameran Seni Islami" di Gedung JHK Kudus. Ada lima lukisannya yang telah dijual dengan harga Rp 10 juta hingga Rp 50 juta.

Kenyataan harga kaligrafi Amri mahal, itu bukan sesuatu yang baru. Namun yang menjadi istimewa, dalam promosi dan pameran yang diselenggarakan oleh Ikatan Persaudaraan Haji Jamiyyatul Hujjaj Kudus itu adalah kepastian akan kedatangan perupa tersebut. Dengan demikian dari kegiatan tersebut, diharapkan para perupa pemula dan pelukis muslim lainnya bisa menimba ilmu daripadanya. Amri pula menyatakan bahasa "*Saya menganjurkan kepada pelukis, khususnya pelukis muslim, untuk memanfaatkan kaligrafi Islami dan menyambut baik pergeleran seperti ini*".

³⁷Abdul Hadi, WM *et.al* (1995), *op.cit.*, hlm. 83.

Pemeran seni Islami dengan penonjolan pada seni kaligrafi, menurutnya lagi *dapat kelihatan jelas berpengaruh positif dalam memantapkan eksistensi seni khat lukis dan memperkaya khazanah tamadun Islam. Kaligrafi ataupun lukis, jelasnya, memiliki relevansi dengan syiar Islam. Kerana materi yang ditulis, biasanya diambil daripada sumber ke-Islaman dan tradisi kaum muslimin seperti ayat-ayat al-Quran, Hadith, do'a-doa dan kata-kata hikmah.*

Pameran tunggalnya yang paling akhir berlangsung ialah pada tahun 1991 di Bontang dan Samarinda Propinsi Kalimantan Timur. Kemudian antara tahun 1991-1994 banyak mengikuti Pameran Seni Rupa MTQ Nasional Yogyakarta, Festival Istiqlal I Jakarta, Islamic Cintemporary Work of Art di Holiday Inn Singapura, Wax Resist Art Edwin's Gallery Jakarta, International 1 Fine Art Exhibition Shangrila Hotel, Jakarta. Kaligrafi, papar Amri, mulai dikenal luas di Indonesia ketika pada 1970-an Prof Drs Ahmad Sadali (almarhum) dan Prof Drs AD Pirous mengangkatnya ke permukaan sebagai *subject matter* seni rupa.³⁸

Khat lukis mulai popular di kalangan perupa dan masyarakat Indonesia ketika berlangsung MTQ Musabaqah Tilawah al-Qur'an (MTQ) XII di Semarang pada tahun 1979. Dalam MTQ ini diselenggarakan pula pameran kaligrafi kebangsaan yang dimotori oleh Joop Ave dan pameran serupa masa Mukhtar Media Massa Islam Sedunia di Jakarta pada tahun yang sama. Dalam perkembangan tersebut maka sederet perupa kaligrafi kemudian bermunculan. Antara lain Amang Rahman, AR Dompou, Syaiful Adnan, Abay D. Subarna, Firdaus Alamhudi, Hendra Buana, dan Yetmon Amier. Adapun pelukis dari negara Malaysia dan Singapura, juga muncul beberapa pelukis kaligrafi kerana beberapa pameran yang telah dilaksanakan tersebut.

Oleh kerana itu pada masa-masa yang akan datang, bentuk-bentuk khat yang menjadi milik pribadi para pelukisnya perlu semakin digalakkan untuk dipamerkan, agar dapat menemukan kepribadian dalam khat itu perlu perjuangan dan pencarian kreatif yang tidak kenal kata letih. Rasa taqarrub kepada Allah SWT boleh menjadi spirit dan pendorong kerana menorehkan khatnya yang tidak lain hanya sebagai tanda-tanda cinta kepada Allah SWT dan ayat-ayat-Nya.

Sebagai hal yang penting untuk dijadikan bahan renungan, maka dapat melahirkan karya seni dalam bentuknya yang baru yang berangkat daripada adanya kepekaan estetik yang dimiliki. Apabila tidak lahir hal tersebut daripada getar tali-temali rasa yang paling dalam, maka hasilnya tidak akan menyentuh kepada peminat seninya. Tetapi, bila benar-benar lahir daripada getaran estetik tersebut dan kemudian dicelup dengan sibghah (celupan) Allah SWT, maka jadinya akan menjadi lukisan khat yang punya daya pesona tinggi tiada bosan-bosannya mata memandang.

³⁸Abdul Hadi, WM *et.al* (1995), *op.cit.*, hlm. 42.

Adapun karya-karyanya yang sangat populer beliau ialah *Khusnul Khatimah* (1995), dengan bahan batik berukuran 125 x 175 cm. *Ulul Al-Bab* (1995), dengan bahan menggunakan kanvas dan cat akrilik dengan ukuran 125 x 175 cm.³⁹ Salah satu contoh karya Amri Yahya di atas kain batik, yaitu:



Ilustrasi 5 Lukisan seni khat Naskhi yang mengandung tulisan *Subhanallah wa al-hamdulillah wa lā ilāha illā Allāh wa lā hawla wa lā Quwwata illā bi Allāh wa Allāhu Akbar* dengan latar belakang corak batik, hasil karya Amri Yahya berasal dari Palembang dan menetap di Yogyakarta, karya ini tersimpan dalam Muzium Istiqlal. Karya seperti ini boleh dijadikan sebagai studi perbandingan bagi para pelajar yang mengunjungi Bayt al-Qur'an dan Muzium Istiqlal ini di TMII Jakarta.⁴⁰

Betapa dalam lukisan kaligrafi Islam, seorang Pelukis dapat menemukan kebebasannya menuangkan imajinasinya melalui nuansa-nuansa warna yang kaya-raya, bahkan dapat menemukan pula bentuk-bentuk huruf Arab model baru yang berbeza dengan kaidah-kaidah penulisan yang telah baku yang senantiasa ada sehingga tidak mustahil bila sesekali terdengar kata yang menyatakan bahwa munculnya bentuk-bentuk huruf Arab dalam bentuk dan temuan baru adalah bentuk penyimpangan dan kejanggalan kerana tidak sesuai dengan qaidah yang ada.

Selain itu, dalam seni khat lukis, para pelukis berupaya menuangkan pengalaman spiritualnya dalam bentuk yang estetik seutuh mungkin. Ahmad Sadali tidak hanya menuliskan ayat-ayat al-Qur'an, lebih daripada itu ia memadukan ayat itu dengan pengalaman spiritualnya dalam tekstur dan warna hasil renungan yang mendalam, seakan-akan warna dan tekstur itu abstraksi estetik dan batin sang Pelukis. Amri Yahya pula menorehkan khatnya di atas komposisi warna yang kadang ceria, tetapi pada saat yang lain dengan warna yang kelim biru kehijauan yang melukiskan kedalaman pengalaman ruhaninyadi atas batik.

Tidak kalah pentingnya pula upaya pelukis menemukan bentuk khat yang spesifik milik AD. Pirous misalnya, selain ia menggunakan khat yang seperti dikembangkan dan khat Maghribi, ia juga berangkat dari khat yang bernuansa lokal, Aceh. Tetapi yang khas penemuan Pirous ialah bentuk hurufnya

³⁹ Abdul Hadi, WM *et.al* (1995), *op.cit.*, hlm. 42.

⁴⁰ Dirakam di Bayt al-Qur'an, Taman Mini Indonesia Indah (TMII), Jakarta Timur, pada tarikh, 16hb Julai 2009.

yang ekspresif yang sangat jelas sekali sosok kepribadiannya sebagai pelukis dan penulis.⁴¹

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah didirenungi bahawa Islam adalah agama yang tidak mengharamkan kesenian dengan ketentuan-ketentuan tertentu, bahkan sangat menggalakkan manusia untuk berhibur atau menenangkan fikiran asalkan aktiviti-aktiviti kesenian tersebut tidak melanggar batas-batas syariat Islam yang telah ditetapkan dan bahkan dapat menjadi wasilah untuk melakukan amal ma'ruf dan nahi mungkar dan semikian pula dengan seni lukisan khat yang boleh dijadikan sebagai médium untuk berdakwah.

Kesenian boleh dijadikan sebagai media untuk mengajak manusia supaya mengagungkan kebesaran Allah SWT dan menyeru manusia supaya melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan perbuatan kejahatan. Seni khat, seni bina dan bahasa mahupun kesusasteraan merupakan cabang-cabang penting kesenian yang ada dalam Islam dan perlu diperkembangkan. Justeru itu perlu adanya usaha untuk mempertingkatkan kemahiran seni yang cantik dan indah tersebut berdasarkan keupayaan dan kreativiti dan inovasi umat manusia khususnya para penggiat seni dan seniman Islam dengan berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai titik tolak dalam menerapkan konsep kesenian yang Islam.

Perkembangan seni khat lukis di Indonesia pada hakekatnya, dapat dijadikan sebagai lukisan khat yang dijadikan sebagai ungkapan rasa religius seorang pelukis ke atas kanvas dengan bentuk huruf dan permainan warna yang mencerminkan kepribadian dan kedalaman jiwa pelukisnya. Penghayatan yang sepenuhnya terhadap huruf-huruf yang hendak digoreskan, penguasaan terhadap bidang dan warna benar-benar memancar dari suatu konsep penciptaan yang utuh. Seni khat lukis yang bermutu tinggi akan mampu membawa penikmatnya pada kesadaran transedental bahwa diatas dikehidupan ini, ada yang sangat dekat dan akrab dengan diri, yang rahmat-Nya selalu mengalir tiada henti, iaitu Allah SWT.

Bibliografi

Al-Qur'an dan Terjemahannya (1986), Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.

Abdul Gani Samsudin, dkk. 2001. *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

⁴¹KH. D. Zawawi Imron, disampaikan dalam diskusi pendukung Pameran seni visual Post-Kaligrafi 'Kalam & Peradaban', tarikh, 7hb Julai – 5hb Ogos 2007, dirujuk semula Rabu, 12hb Mac 2008, Thema: 'Lokalitas & Seni Kaligrafi di Indonesia' Jogja Gallery, Yogyakarta, Sekitar Pencarian Bentuk dalam Kaligrafi.

- Abdul Karim Husein. 1971. *Khat seni kaligrafi: Tuntunan menulis halus huruf Arab*. Semarang: Menara Kudus.
- Ali Akbar. 1995. *Kaedah menulis kaligrafer dan karya-karya master*. Cet. III. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- C. Israr. 1985. *Dari teks klasik sampai ke kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Didin Sirajuddin, AR. 1985. *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Didin Sirajuddin, AR. 1995. *Sekeliling kaligrafi*. Seni Kaligrafi al-Quran dan Usaha Pengembangan di Indonesia. Jakarta: LEMKA UIN Syarif Hidayatullah.
- Fauzi Salim Afifi. 2002. *Cara mengajar kaligrafi, pedoman guru*. Terjemahan. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Hashim Muhammad al-Baghdadi. 1381 H/1961. *Qawa'id al-khat al-Arabi*. Baghdad: Wizarat al-Ma'arif al-Iraqiyyah.
- Isma'il Raji al-Faruqi dan Lois Lamy` al-Faruqi. 1986. *The cultural atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Kamil Baba. 1992. Terj. Didin Sirojuddin, AR. *Dinamika kaligrafi Islam*. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Kamus besar bahasa Indonesia*. 1988. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan (edisi baru)*. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manja Mohd. Ludin, A. Suhaimi Hj. Mohd. Nor. 1995. *Aspek-aspek kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1997. *Al-Quran sumber tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- M. Quraish Shihab. 1996. *Wawasan Al-Quran*. Bandung: Mizan.
- Nik Hassan Suhaimi. 2000. *Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan*. Mohd Taib Osman Etal (ed), *Tamadun Islam di Malaysia*.
- Sayyed Hussein Nasr. 1987. *Spiritualitas dan seni Islam*. Bandung: Mizan.
- Sayyed Qutb. 1979. *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: El-Ikhwan Enterprise.
- Seni rupa Islam Malaysia tradisional dan sezaman*. 1991. Kuala Lumpur: Departemen Kesehatan.
- Syahrudin. 2004. *Kaligrafi al-Qurān dan metodologi pengajarannya*.

Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam tentang kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

www.google.com. *Kesenian Islam dalam Negara*. jam. 12.27. Tanggal, 9 Januari 2009.

Muzium Kesenian Islam Malaysia. Jalan Lembah Perdana. Kuala Lumpur.

Muzium Bayt al-Qur'an, Taman Mini Indonesia Indah (TMII), Jakarta.

Kesenian Melayu Islam : Jiwa Islam Dalam Pengkaryaan

*Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman**

*Zuliskandar Ramli***

*Othman Md. Yatim****

*Ros Mahwati Ahmad Zakaria*****

*Wan Salleh Wan Ibrahim******

Abstrak

Kesenian Melayu Islam akan memfokus kepada konsep kesenian Islam dan siapa Melayu Islam serta penghasilan seni. Umumnya kesenian dilihat sebagai salah satu ciptaan manusia dan memiliki ekspresi penciptanya, dan segala bentuk hiasan dan kadangkala mengambil kira fungsinya. Antara aspek kesenian ialah seni khat, seni ukir, seni bina, seni tekstil, seni tembikar, seni lakon, seni tari, seni muzik, seni mempertahankan diri dan lain-lain. Untuk melahirkan kesenian, seorang pencipta harus memiliki kemahiran, keahlian, daya kreatif, daya pemikiran berbentuk seni dan pengetahuan tentang alam dan kehidupan. Pengertian dan kedudukan seni Islam yang diperkataan oleh sarjana Islam mentafsirkan kesenian Islam dari sudut ciri, bentuk, tema, sumber, tempat asal, jenis, tarikh dicipta dan penciptanya serta asal usul dan perkembangannya. Kesenian Islam yang disentuh adalah karya kesenian Islam di Malaysia yang dilahirkan oleh Melayu Islam di Malaysia. Melayu Islam adalah mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, mengamal adat istiadat Melayu dan beragama Islam. Dalam konteks ini etnik tidak diambil kira dalam menentukan seseorang itu Melayu atau bukan Melayu tetapi beragama Islam. Kesenian Islam pula terdiri daripada kesenian tampak dan kesenian tidak tampak termasuk nyanyian, zikir dan lain-lain. Kesenian Islam dapat didefinisikan sebagai seni yang melahirkan konsep tauhid dan berakal budi Islam dan tidak meniru ciptaan Allah dan menerima pantang larang menggambarkan (tawsir) figura manusia dan haiwan.

Kata Kunci: Kesenian, kesenian Melayu Islam, Jiwa Islam.

* Beliau merupakan pensyarah dan Profesor Emeritus di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.

** Beliau merupakan Pegawai Sains di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.

*** Beliau merupakan pensyarah dan Profesor di Jabatan Sosio Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

**** Muzium Seni Islam.

***** Beliau merupakan pensyarah di Universiti Teknologi Mara.

Abstract

Malay Islamic arts will focus on the concept of Islamic arts and who is Islamic Malay and also the creation of arts. Generally, arts is regarded as human creation and contains the expression of the artists, and all types of decorative motifs will take into consideration their functions. Among the aspects of arts are calligraphy, architecture, textile, pottery, theatre, dance, music, self-defence and etc. To create art, a creator must possess the ability, professionalism, creative power, artistic ideas and knowledge about nature and life. The meaning and the position of Islamic arts discussed by Islamic scholars define Islamic arts from the aspects of types, shapes, themes, sources, origin, typology, date of creations, and the creator in terms of origin, and development. Islamic arts discussed are arts created in Malaysia by the Islamic Malays. Islamic Malays speak Malay language, practice Malay adat and traditions and a Muslim. In this context, ethnicity is not taken into account in defining whether an individual is a Malay or non-Malay but a Muslim. Islamic arts consist of visual arts and non-visual arts including songs, zikir and etc. It can be defined as the arts that create tauhid and Islamic thoughts and never copy Allah's creation and aware of what is forbidden such as creation of figures of humans or animals.

Keywords: Art, Malay Islamic Art,

Pengenalan

Kesenian boleh ditafsir sebagai hasil ciptaan manusia dan memiliki nilai estetika dalam kepengarangannya (*composition*), pernyataannya (*expression*) dan hiasannya yang paling menonjol atau dominan, dan biasanya mengambil kira aspek kegunaannya. Kesenian meliputi seni halus atau seni utama dan seni kecil yang menekankan aspek kegunaan. Penciptaan semua jenis seni meliputi seni khat, seni ukir, seni bina, seni tekstil, seni tembikar, seni lakon, seni tari, seni muzik, dan seni mempertahankan diri (silat) memerlukan kemahiran, keahlian, daya kreatif, daya pemikiran dan pengetahuan berhubung dengan alam dan kehidupan.

Beg mengemukakan pendapat dan secara ideal seharusnya seni Islam melahirkan konsep tauhid, tetapi dari segi amalan, adakah kesenian Islam sentiasa menyampaikan perutusan tauhid?¹ menjelaskan :

"An art becomes "Islamic" when it expresses the world-view of the muslim. An Islamic art may also be defined as an art which is the product of the genius of Muslim artist and artisan; or it could be an art which is conceived by a Muslim mind, but the artist employed the object d'art are not necessarily Muslim."

¹ M.A.J. Beg (penyt.) (1981), *Fine Arts in Islamic Civilisation*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, p. 2.

Beg juga mengkategorikan ciri Islam berdasarkan akal budi (*mind*) ataupun *world-view* yang ada dalam diri seniman ataupun artisan Muslim.

Seni tiga dimensi mengikut fahaman seni tampak Barat tidak wujud dalam kesenian Islam. Ismail al-Faruqi² menerangkan:

“... jika seseorang meneliti sesuatu hasil kesenian Islam, seperti permaidani, seni tulisan khat, ataupun seni bina, akan ketara kepadanya sesuatu daya bentuk yang berterusan, sambung-menyambung tiada akhirnya.”

Hadis Nabi yang bermaksud, *“Malaikat tidak masuk ke rumah yang berhias gambar anjing.”* Mengikut al-Nawawi, pengertian *tawsir* hanya terbatas kepada gambaran haiwan yang dilukis secara hidup dan naturalis gaya Barat. Sebaliknya tidak menjadi larangan (tabu) memetik imej alam: pohon, gunung, tanah, atau ciptaan kehidupan lain bagi menghiasi permaidani, tekstil, dan sebagainya, sebagai perhiasan yang dipakai, bukan niat pemujaan, maka adalah wajar manusia meminjam dan mengekalkan keindahan.

Daun, pucuk atau sulur juga merupakan motif yang tidak dapat dipisahkan dalam ragam hias. Motif yang dimaksudkan ialah pucuk rebung dan sulur bayung. Selain berfungsi sebagai bahan makanan dan untuk membuat alat perkakas, unsur alam tumbuh-tumbuhan juga dikaitkan dengan konsep keindahan.

Motif pucuk rebung ialah buluh muda atau anak buluh. Buluh merupakan bahan penting bagi masyarakat Melayu sejak zaman prasejarah. Ia dijadikan bahan untuk perlindungan dan kelengkapan seperti membuat rumah, kenderaan (rakit), alat menangkap ikan, alat memburu binatang, senjata, dan lain-lain. Buluh juga dijadikan bahan pemikiran falsafah bagi menyampaikan amanat dan ajaran seperti “untuk melentur buluh biar dari rebung” atau “seperti aur dengan tebing”.

Penciptaan seni, menjadi perhiasan dalam kehidupan manusia Muslim. Yang menyedari “kebenaran” keikhlasan dan kesungguhan abadi, *“... seni semata-mata keindahan tetapi kosong daripada kebaikan/kebenaran, adalah seperti kilasan cahaya yang berkilauan sedetik tetapi menghilang”*.³

Mengikut landasan tersebut, kita melihat dan menilai kewujudan dan perkembangan seni setelah memasuki era tamadun Islam yang menggabungkan *deen* kebenaran (Islam). Dalam konsep seni tampak Islam, Beg merumuskan ciri penting berkait dengan konsep keindahan dalam karya manusia.⁴ Ciri ini terlihat dalam semua aspek seni tampak (termasuk seni bina dan kraftangan Islam) berhias tiga unsur (motif) dasar, iaitu:

² Ismail R. Faruqi (1984), *Islam dan Kebudayaan*, Bandung: Penerbit Mizan.

³ M.A.J. Beg (penyt.) (1981), *op. cit.*, p. 3.

⁴ *Ibid.*, p. 11.

1. Awan larat organis-vigetal; flora dan fauna.
2. Geometric-abstrak.
3. Kaligrafi-seni khat.

Kesenian Islam membuktikan kaitan antara jiwa umat Islam yang mencipta karya seni dengan keislaman dan hasrat atau pernyataan yang penting dalam kesenian Islam bukan pernyataan. Yang penting dalam kesenian Islam bukan pernyataan ego atau watak individu. Ini sangat berbeza daripada pernyataan dalam seni rupa Barat. Faktor utama dalam kesenian Islam adalah hakikat serta wujudnya perhubungan antara nilai seni dengan nilai rohaniah.

Tentang Melayu Islam pula, di alam Melayu penduduknya majoriti adalah rumpun Melayu yang di dasarkan kepada bahasa proto mereka iaitu Austronesia. Rumpun Melayu terbahagi kepada pelbagai etnik atau puak seperti Jawa, Madura, Banjar dan lain-lain. Penduduk Melayu ini tersebar dari Madagaskar ke Lautan Pasifik, ke Taiwan dan Vietnam.⁵ Yang dikatakan Melayu Islam adalah yang didefinisikan oleh Perlembagaan Malaysia iaitu seseorang yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamal adat istiadat Melayu.⁶ Maka sesiapa sahaja yang memenuhi kriteria tersebut adalah Melayu Islam di Malaysia. Seni Melayu Islam adalah hasil seni ciptaan Melayu Islam tersebut.

Ragam Hias

Salah satu aspek kesenian Islam ialah ragam hias. Ragam hias adalah proses penciptaan atau pembentukan. Ia berkait dengan reka bentuk, reka bentuk asas atau reka bentuk fungsional dan reka bentuk hiasan (*ornamental design*).⁷ Reka bentuk asas didasarkan pada aspek fungsi gunaan dan reka bentuk hiasan ditekankan pada aspek estetika. Kedua-dua aspek ini mesti ada dalam penciptaan seni tampak.

Ragam hias geometri biasanya berbentuk poligon iaitu jalinan bentuk segi tiga, segi empat, segi lima, atau segi banyak. Ia mencerminkan kreativiti seniman Islam atau menyatakan ketrampilan dalam bidang geometri dan matematik. Ragam hias ini dapat ditampilkan secara dua dimensi mahupun tiga dimensi seperti dalam Maqarnas. Dari tema, hiasan ini memperlihatkan bentuk alam seperti motif tumbuh-tumbuhan. Terdapat juga bentuk abstrak yang lebih diutamakan, tetapi gabungan bentuk alam dan abstrak ditampilkan sering pula dipadukan dengan kaligrafi.

Ragam hias Maqarnas terdapat dalam seni bina Islam yang berbentuk seperti sarang lebah.⁸ Maqarnas merupakan ragam hiasa yang kompleks dan matematik, karya menuntut pengetahuan ilmu fizik yang tinggi. Ia amat kompleks, terbentuk daripada pengulangan unsur bentuk prisma, segi tiga, dan berbagai-bagai susunan

⁵ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman et. al. (penyt) (2011), *Alam Melayu : Satu Pengenalan*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu , Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 10.

⁶ *Ibid.*, h. 11.

⁷ F.N. Nation (1956), *Ceramic*, London: Addison-Wesley, p. 10.

⁸ *Ibid.*, h. 10.

yang diatur, dengan menghasilkan komposisi daripada unsur tersebut. Maqarnas merupakan ragam hias pada bahagian mahkota tiang dan bahagian langit-langit atau langit-langit mihrab atau kubah. Bahan yang digunakan untuk ragam hias ini terdiri daripada tembikar, kayu dan lain-lain.

Ragam hias seni khat digunakan oleh masyarakat Islam dalam bentuk tumbuh-tumbuhan dan ada kala seni khat dijalin dengan motif geometri.⁹ Jalinan seni khat dalam bentuk simetri, jenis seperti ini banyak dalam bentuk tulisan yang hanya terbaca dari setengah bahagian sahaja, yang sebelah lagi hanya pengisian bentuk simetri dengan bahagian yang dapat dibaca.

Ragam hias arabes adalah hiasan dibentuk dengan menempatkan pola hias secara beraturan sehingga terbentuk irama yang berulang-ulang.¹⁰ Struktural arabes terbentuk kerana pengolahan garis lengkung. Yang paling berkesan dalam seni rupa Islam ialah garis berpilih (spiral). Ragam hias ini diterapkan pada kerja tangan seperti seni logam, seramik, permaidani, ukiran gading, penjilidan buku, dan seni bina. Jenis ragam hias ini berkembang di tanah Arab seperti Mesir, Syria, Iran, Turki, Sepanyol, dan lain-lain.

Masyarakat Melayu menghias rumah dan masjid dengan kaligrafi yang membawa kata pujian untuk Tuhan seperti kalimah, nama Tuhan, nama nabi, dan termasuk surah *Yasin*, surah *al-Fatihah*, dan lain-lain.¹¹

Di Tanah Melayu ukiran yang berunsur kaligrafi banyak terdapat pada rumah Melayu tradisional di Kelantan dan Terengganu. Di samping itu juga masjid, di Tanah Melayu diperindah dengan ukiran kayu yang bermotif tumbuh-tumbuhan dan seni khat. Antara negeri di Semenanjung yang masjidnya berukir ialah Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Perlis dan Terengganu.

Motif merupakan sebagai unsur utama ragam hias. Ia merupakan “sesuatu yang dijadikan dasar lukisan (ukiran dan lain-lain)”. Beberapa bentuk motif disusun dalam ruang dan bahagian tertentu, maka terciptalah corak. Motif yang disusun tunggal (satu motif) dikenali sebagai “bunga”; susunan berderet di bahagian pinggir disebut “corak pinggir” atau jika disusun menyeluruh pada ruang dikenali sebagai “corak penuh”. Motif hias Melayu, mempunyai istilah yang didasarkan pada susunannya. Motif yang sering digunakan ialah awan larat. Di dalamnya terdapat corak dan motif yang saling berlingkar atau berkait-kait. Ia juga dikenali sebagai “bunga corak” dalam tembikar, “bunga kain” dalam songket dan tekat, dan “kelera” dalam anyaman.

Motif geometrik pula yang berasaskan unsur alam ialah awan larat.¹² Unsur alam diolah sebagai imej yang berkembang daripada pengalaman, renungan, dan

⁹ Subarna (1979), *Ragam Hias Islam*, Bandung: Perpustakaan FSRD, Institut Teknologi Bandung, h. 12-13.

¹⁰ *Ibid.*, h. 13.

¹¹ Dede Noerzaman (1986), *Kaligrafi dan Tahsinul-Khath*, Bandung: Pustaka, h. 2-5.

kepercayaan lampau. Unsur alam menjadi awan larat. Bukit dan gunung disatukan simbolnya dan buluh menjadi motif pucuk rebung. Kehidupan di hutan, di lembah, paya, sungai dan laut mendedahkan manusia kepada unsur alam: tumbuh-tumbuhan, binatang, unggas, dan serangga.

Seni Khat

Seni rupa yang sangat istimewa umat Melayu Islam ialah seni khat dan ia mencapai taraf estetika yang tinggi. Melalui seni khat dapat dirasai ciptaan mengikut gaya tulisan dan kebebasan seni reka berasaskan pengetahuan, selera, dan kepekaan. Keindahan seni khat bergantung pada susunan bahagian yang tegak dan yang melengkung, yang pendek dan yang ada ruang. Irama adalah unsur yang penting dalam seni khat. Di Malaysia seni khat yang tertua tertera pada batu nisan yang ditemui di Terengganu bertarikh 1303 Masihi di tebing Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu (bertarikh 1303 M/ 702H) pada tahun 1902.¹³ Contoh awal penggunaan seni khat dalam bahasa Melayu yang menggunakan huruf jawi. Khat gaya Naskh merakamkan ajaran dan hukum Islam serta adat dan sistem pemerintahan di negeri Terengganu.¹⁴

Bukti lain ialah batu *menhir* di Keramat Sungai Udag;¹⁵ perkataan Allah didapati terukir pada Batu Pedang. Batu nisan lama tertera seni khat seperti batu Aceh, menggunakan gaya Kufi, disusun dalam petak persegi mengikut reka bentuk nisan. Nisan tersebut didapati di tanah perkuburan dari Johor hingga ke Perlis dan di pantai timur.

Seni khat juga mempengaruhi seni tekat dan sulaman meliputi seni batik, seni perak, seni emas termasuk pingat dan kalung kebesaran raja. Senjata Melayu seperti keris, parang dan pedang tidak ketinggalan dihias juga dengan seni khat. Unsur seni khat muncul dalam seni rupa Melayu, bermula sejak masyarakat Melayu menerima Islam sebagai agamanya.

Seni khat dipengaruhi langsung dari Arab dan Parsi disesuaikan dengan tradisi tempatan hingga wujud abjad baharu sesuai dengan cita rasa masyarakat Melayu. Konsep arabes dalam ragam hias Islam memang sudah sebatian dengan seni hias dan kraftangan Melayu. Istilah awan larat sendiri dapat dirujuk sebagai gabungan unsur organik atau lingkaran akar, daun, bunga (tumbuh-tumbuhan) seperti yang terkenal dalam seni arabes yang kadangkala bersatu dengan gaya geometrik dan kaligrafi. Seniman atau tukang Melayu memang telah menyedari tentang seni khat dahulu dan menerimanya sebagai seni warisan Melayu Islam.

¹² Subarna (1986), *op. cit.*, h. 12.

¹³ Syed Muhamad Naquib al-Attas (2011), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 42.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Mubin Sheppard (1972), *Taman Indera-The Malay Decorative Art and Pastimes*, Kuala Lumpur: Oxford University Press , p. 35.

Seni Kraftangan

Pada abad ke-16 Masihi perkataan kraf, telah digunakan dengan begitu berleluasa, membawa makna “kekuatan, kuasa, daya”.¹⁶ Ia juga dihubungkan dengan keupayaan intelektual, kecekapan atau kepakaran. Berasal daripada bahasa Jerman, kraf membawa makna kekuatan, keteguhan, dan kecekapan. Bahawa apabila kita memperkatakan kraftangan, unsur pengertian kraf merupakan tunjang penting dalam menghasilkan kerja tangan. Fungsi kraftangan bukan sahaja melibatkan nilai praktik tetapi dilengkapi oleh hiasan yang terjadi serentak melalui proses pembentukan sebagai unsur keindahan dan ekspresi seni. Kraftangan diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Sebelum abad ke-17 kraftangan memang dihasilkan melalui proses kerja tangan sehingga disebut sebagai seni kerajinan. Dihasilkan dalam keluarga dan berkembang menjadi perusahaan kecil di rumah.

Seni Tembikar

Tembikar tradisional Melayu digolongkan dalam kategori barang tembikar, barang yang diperbuat daripada tanah liat dan dibakar dalam suhu rendah.¹⁷ Tanah liat yang mengandungi bahan besi daripada mendapan tanah selalunya menghasilkan warna merah kehitaman dan kelabu. Tanah liat yang diambil dari kawasan yang berhampiran sungai atau di sungai akan menghasilkan warna putih kelabu dan biru kehitaman. Umumnya tanah liat yang baik berwarna kelabu perang.

Tembikar dapat menakung dan kadangkala menyerap air. Bentuk luarnya tidak menyerap atau ditembusi cahaya. Disebabkan bahan asasnya, bentuknya serta permukaannya menjadi kesat. Tetapi ia dapat dihaluskan apabila digosok dengan batu licin (batu sungai yang halus permukaannya berwarna putih abu yang dikenali sebagai batu lintar) atau disapu dengan damar cair. Tanah liat yang diambil dari busut di kaki bukit atau di perut sungai, diproses dengan cara tertentu sebelum ia dapat dibentuk.

Seni Anyaman Kelarai

Menganyam adalah kerja menjaringkan helaian atau jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh dan beberapa jenis tumbuhan lain dengan cara menyusun dan menyusupkan antara satu sama lain. Tumbuh-tumbuhan (bahan asas) dikeringkan dan dibentuk (memanjang, halus dan nipis) terlebih dahulu sebelum proses menganyam dimulakan. Kraftangan ini bermula dan berkembang tanpa menerima pengaruh luar.¹⁸

¹⁶ Siti Zainon Ismail (1986), *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13-14.

¹⁷ Wiyoso Yudoseputra (1986), *Pengantar Seni Rupa Islam*, Bandung: Penerbit Angkasa, h. 65-114.

¹⁸ Siti Zainon Ismail (1986), *op. cit.*, h. 13-14.

Seni Tekstil

Seni tekstil dicipta dengan teknik menenun, menyungkit, menyulam, merenda, mengait, dan meruji benang (tekat). Ia melibatkan teknik mencetak serta mencelup benang atau kain dasar (putih). Melalui pelbagai teknik ini, tekstil dapat dibentuk dengan berbagai-bagai rupa ragam hias.¹⁹

(a) Tenunan

Seni tekstil terkenal di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Tetapi pada suatu masa dahulu, dipercayai juga terdapat pusat tenunan di Kedah, Johor dan Kelang di Selangor. Menenun adalah perusahaan tertua yang telah dihasilkan di Terengganu dan Kelantan, dengan menggunakan “kei berkaki” kerana Kelantan dan Terengganu merupakan sebahagian daripada jajahan kerajaan Seriwijaya yang berpusat di Palembang.

Di Palembang, dipercayai berkembang tenunan dengan menggunakan bahan dari China (sutera dan labuci). Sistem perdagangan mempercepatkan perkembangan tenunan.²⁰

(b) Tenunan Songket

Songket merupakan tenunan lengkap berbanding dengan tenunan biasa. Istilah songket berasal daripada proses sungkitan bilah lidi atau nibung ke atas benang yang telah disusun pada loseng. Benang emas digunakan dengan cara sungkitan pada benang loseng, yang dilancarkan dengan cubaan atau torok. Dengan sungkitan benang emas inilah terhasilnya ragam hias. Terdapat tiga ciri penting ragam hias songket mengikut susunan motif atau bunga, iaitu susunan bunga penuh (songket penuh), susunan bunga tabor dan susunan bercorak.²¹

(c) Tekat

Seni tekat termasuk dalam jenis seni tekstil yang dihasilkan dengan cara menyulam benang emas ke atas kain dasar jenis baldi. Ia juga dikenali sebagai suji timbul, iaitu sulaman timbul atau tekat bersuji, tetapi suji sering dikaitkan dengan sulaman benang sutera. Ragam hiasnya kelihatan timbul dari permukaan kain dasar kerana bahagian dalamnya diisi dengan mempulur.²²

Seni tekat sebagai kelengkapan dan pakaian keluarga diraja bermula pada awal kurun ke-15, iaitu pada masa eagungan kerajaan Melayu Melaka. Raja Melaka menerima persembahan hiasan seumpama ini daripada Maharaja Cina.²³

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

Seni Ukir

Seni ukir melibatkan keahlian seniman tempatan dalam mengolah bahan diselaraskan dengan kecekapan teknik dan keghairahan mencipta. Ukiran kayu di Malaysia wujud selaras dengan perkembangan seni bina Melayu. Ciri yang menarik dalam seni bina Melayu tradisional adalah hiasan yang terdapat pada bahagian rumah tersebut.²⁴

Konsep ukiran teratai yang banyak ditemui pada mimbar masjid melambangkan pegangan seseorang dalam hayatnya. Pegangan hidup adalah zat Allah, sementara kelopakannya membawa maksud makhluk. Bunga teratai juga terdapat pada ukiran di candi Jawa dan pura Bali serta memperlihatkan hubungan dengan kebudayaan Hindu.²⁵

Masjid di Malaysia banyak menekankan ukiran yang tertera di mimbar, misalnya Masjid Arau di Perlis mengandungi motif ukiran separuh timbul pada panelnya. Di Terengganu pula, ukiran pada panel pintu Masjid Sultan Zainal Abidin memperlihatkan ciri ukiran jenis pipih terbuka disesuaikan dengan reka bentuk seni khat.²⁶

Motif sulur bayur atau sulur bakung yang terdapat pada sudut bangunan atau hujung senduk merupakan hasil seni ukir Melayu yang berbentuk tiga dimensi. Motif tersebut berbentuk sulur tumbuh-tumbuhan untuk mengisi ruang dengan gerak garis berpunca dari pangkal. Sulur bayur terdapat pada penjuru bumbung bangunan seperti wakaf, masjid, mimbar masjid, hulu senjata Melayu, pemidang tekat, alat pertanian dan lain-lain.²⁷

i) Seni Ukir pada Seni Bina Wakaf

Seni bina wakaf, iaitu rumah atau pondok kecil untuk istirehat. Banyak terdapat di daerah pantai timur memperlihatkan penggunaan seni ukir kayu.

Wakaf memaparkan hiasan ombak atau ropol pada bumbung. Hiasan sulur bayur berbentuk burung pada hujung perabung. Penggunaan motif itik masih mempengaruhi amalan sebelum Islam.²⁸

ii) Seni Ukir pada Perahu

Bangau merupakan salah satu bentuk ukiran untuk perahu.²⁹ Bangau menyerupai kepala burung bangau berfungsi sebagai panduan arah pelayaran dan

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Abdul Halim Nasir (1984), *Seni Ukiran Kayu. Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia: Bahagian Pertama*, *Dewan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 385-387.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (2010), *Seni Ukir Melayu sebagai Hiasan pada Perahu Tradisional*, Dalam Zawiyah Baba (ed.) *Warisan Seni Ukir Melayu*, Bangi: ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 123-126.

diletakkan di hadapan perahu. Bentuk bangau menyerupai kepada burung bangau, ada yang menyerupai kuda laut, figura wayang kulit dan tumbuh-tumbuhan. Bangau diambil mungkin kerana bangau pandai menangkap ikan. Penggunaan bangau pada perahu nelayan dapat dikategorikan menurut jenis perahu yang digunakan. Perahu kolek kue menggunakan bangau yang lebih mirip bentuk burung bangau, lengkap dengan matanya dan paruhnya. Manakala perahu payang menggunakan bangau yang berbentuk watak yang terdapat dalam wayang kulit Jawa dan kadangkala divariasikan dengan bentuk kepala naga.³⁰

Perahu buatan barat (Siam) dari Besut, Terengganu, menggunakan bentuk kepala naga yang dihias rapi dengan ukiran motif tumbuh-tumbuhan sebagai bangaunya. Perahu kolek di Kemaman dan Kuala Terengganu menggunakan bentuk kuda sebagai bangau. Perahu sekoci menggunakan bangau sekoci yang lebih pendek jika dibandingkan dengan bangau lain.³¹

Di Pahang, perahu jalur menggunakan bangau sama seperti yang terdapat pada perahu sekoci, tetapi kadangkala ia dihias dengan motif tumbuh-tumbuhan. Variasi bangau dibuat berdasarkan jenis perahu. Ada juga bangau yang digunakan menyimpang daripada peraturan yang ditetapkan. Fungsi bangau dalam masyarakat nelayan merujuk kepada kegunaan bangau tersebut, secara fizikal atau secara perlambangan. Fungsi bangau adalah untuk mengindahkan bentuk perahu dan bangau juga melambangkan semangat yang akan bertindak sebagai penyelamat sekiranya berhadapan dengan maut.³² Fungsi lain adalah untuk memegang tiang layar perahu semasa belayar.

iii) Seni Ukir Pada Keris

Seni ukir pada hulu keris dapat dikategorikan menurut jenis keris dan jenis yang banyak terdapat di Malaysia dan Jawa, seperti jenis pekaka (jenis Patani), Sundang, jenis Bali, Madura, keris Bugis, keris Majapahit, dan jenis Bahari.³³ Hulu keris dihiasi dengan ukiran mujarad dan diselaputi dengan ukiran rekaan bermotif bunga.

iv) Seni Ukir Pada Batu Nisan

Batu Aceh mempunyai ukiran yang bermutu tinggi berbanding dengan ukiran batu lain seperti Batu Pedang, Batu Kemudi, atau Batu Sudu yang terdapat di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Batu Aceh bersumber dari Aceh dan bukannya Malaysia.³⁴ Malahan batu yang menjadi bahannya khusus terdapat di

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² Shahrum bin Yub (1967), *Keris dan Senjata Pendek*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Lihat juga Fawazul Khair Ibrahim (2101), *Hulu Keris: Lambang Kepakaran Pengukir Tersohor Nik Rashiddin Nik Hussein*, Dalam Zawiyah Baba (ed.) *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*, Bangi: ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 35-50.

³³ *Ibid.*

³⁴ Othman Mohd. Yatim (1988), *Batu Aceh. Early Islamic Gravestone in Peninsula Malaysia*, Kuala Lumpur: Museum Association of Malaysia, p. 30.

daerah Lhoksuemawe dan Puto Bakee. Batu ini dibawa ke Tanah Melayu sama ada disiapkan di Aceh atau diukir dengan ciri nisan di Aceh seperti yang terdapat pada nisan Sultan Abdul Jamil, Pahang.

Batu Aceh mempunyai pelbagai bentuk dan dapat dibahagi kepada dua, pipih dan tiang.³⁵ Sebuah batu nisan mempunyai bahagian asas seperti kepala, puncak, bahu, badan, kaki dan tangkai. Struktur besar di bahagian atas dan berat di bahagian bawah. Terdapat seni khat pada nisan, terdapat juga sekuntum bunga teratai yang tertangkup dan mempunyai tiga tingkat kelopak yang melambangkan alam nyata, alam ghaib, dan alam keghaiban yang lebih tinggi. Jenis huruf yang popular adalah Kufi dan Naskh dan hanya sedikit gaya Thuluth digunakan.³⁶ Jenis huruf khat mempunyai makna dan perlambangan yang tersendiri, misalnya gaya Thuluth melambangkan semangat agama dan semangat sayang akan alam. Jenis Naskh pula sesuai untuk menghiasi batu Aceh kerana bentuk hurufnya yang memanjang dan tidak melebar.³⁷

Seni Teater Dan Seni Mempertahankan Diri

Orang Melayu sebelum Islam, berdasarkan tinggalan budaya benda dan warisan yang lain, memang mempunyai seni teater dan seni mempertahankan diri bagi tujuan mengisi masa lapang sebagai hiburan untuk anggota masyarakat pada masa tertentu. Antara seni teater ialah wayang kulit dan seni silat. Seni ini diteruskan oleh orang Melayu apabila mereka menganut agama Islam. Penerimaan itu dibuat setelah seni itu “diIslamkan” tanpa mengubah cara dan corak persembahan serta aspek ritual dalam kesenian itu. Antara perubahan ialah penggunaan ritual permulaan berbentuk Islam. Sebelum sesuatu pertunjukan dimulakan, nama Allah, nabi dan rasul diseru. Islam tidak menolak terus unsur bukan Islam dalam kesenian tersebut dengan mengekalkan beberapa ciri yang menggambarkan berlakunya tolak ansur dalam hidup berbudaya.³⁸

Seni Silat

Silat ialah seni mempertahankan diri orang Melayu yang tidak asing lagi yang mengandungi tiga unsur iaitu silat, silap dan silau. Silat ialah gerak atau pergerakan anggota dalam mempertahankan diri daripada serangan lawan. Silap merupakan langkah-langkah yang digunakan dalam silat, sementara silau pula bererti buah pukulan yang digunakan dalam mempertahankan diri daripada serangan.³⁹

Lantaran itu Seni Silat boleh ditakrifkan sebagai gerak, langkah dan pukulan yang dicipta oleh manusia secara sistematik, teratur dan halus dalam mempertahankan diri daripada serangan. Seni silat Melayu pula membawa makna

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*, h. 31.

³⁷ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman et. al. (2000), *Kesenian Melayu: Roh Islam Dalam Penciptaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 333-334.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

gerak, langkah teratur, halus dan pukulan ciptaan bangsa Melayu dalam menghadapi lawan atau mempertahankan diri daripada serangan.⁴⁰

Kesimpulan

Masyarakat Melayu Islam selepas kedatangan Islam terus melahirkan pelbagai jenis seni. Tetapi hasil seni Islam menyaksikan kefahaman yang tinggi di kalangan pencipta seni Islam tentang had dan tanggungjawab mereka dalam penciptaan. Pelbagai jenis hasil seni dibicarakan dalam kertas kerja ini.

Bibliografi

- Abdul Halim Nasir (1985), *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah (peny.) (1990), *Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin Sweeney (1972), *Malay Shadow Puppets*, London: The British Museum.
- Asmad (1990), *Seni Pertukangan, Seni Bina dan Seni Khat*, Melaka: Ass. Educational Distributor.
- Beg. M.A.J. (peny.) (1999), *Fine Arts in Islamic Civilization*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Dede Noerzaman (1986), *Kaligrafi dan Tahsinul-Khath*, Bandung: Pustaka.
- Dewan Budaya* (1982), Jilid 4, Bil. 9, September, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djauhari Sumimtardja (1981), *Kompendium Sejarah Arsitektur*, Bandung: Yayasan Lembaga Penyelidikan Masalah Bangunan.
- Hamka (1971), *Filsafat Ketuhanan*, Melaka: Abas Bandung.
- Hamzah bin Ahmad (1967), *Silat Terlak Nata*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Herani @ Khairani bt. Ismail Suki & Ayub Ismail (1978), *Mak Yong dan Wayang Kulit, Siri Stensilan Am Kebudayaan*, Bil. 3, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Harris, Mark, Zainuddin Zainal (1990), *Muzium Negara, Sejarah dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Pepin Press.

⁴⁰ *Ibid.*

- Katalog Pameran dan Bengkel Seni Khat* (1982), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Ahmad Ku Mustaffa dan Wong Kiew Kit (1978), *Silat Melayu – The Malay Art of Attack and Defence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1980), *Wayang Kulit di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Kamal Hassan (1981), Konsep Keindahan Dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastra: Suatu Pandangan Umum, *Islamiyyat*, Jil. 3, h. 39-59.
- Mokhtar Haji Yahya, *Silat Melayu Melaka*, Melaka: Majlis Seni Silat Negeri Melaka.
- Mubin Sheppard (1972), *Taman Indera-The Malay Decorative Art & Pastimes*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Navis, A.A. (1984), *Alam Berkembang Menjadi Guru*, Jakarta: Grafiti Press.
- Norton, F.N. (1956), *Ceramic*, London: Addison-Wesley.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (2010), Seni Ukir Melayu Sebagai Hiasan Pada Perahu Tradisional dalam Zawiyah Baba (ed.), *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*, Bangi : ATMA, UKM, h. 123-126.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman et. al. (2000), *Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd. Yatim (1988), *Batu Acheh, Early Islamic Gravestone in Peninsula Malaysia*, Kuala Lumpur, Museum Ass. of Malaysia.
- Shahrum bin Yup (1967), *Keris dan Senjata Pendek*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fawazul Khair Ibrahim (2010), Hulu Keris: Lambang Kepakaran Pengukir Tersohor Nik Rashiddin Nik Hussein dalam Zawiyah Baba (ed.), *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*, Bangi: ATMA, UKM, h. 33.
- Siti Zainon Ismail (1986), *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13-14.
- R. Faruqi, Ismail (1984), *Islam dan Kebudayaan*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Subarna (1979), *Ragam Hias Islam*, Bandung: Perpustakaan FSRD Institut Teknologi Bandung.
- Syed Ahmad Jamal (1979), *Rupa dan Jiwa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Syed Muhammad Naquib Al Attas (2011), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wiyoso Yudoseputro (1986), *Pengantar Seni Rupa Islam*, Bandung: Penerbit Angkasa.

Zakaria Ali (1990), *Islamic Art in Southeast Asia 830 A.D.–1570 A.D*, Tesis Ph.D, U.S.A: Harvard University.

Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 di Melaka

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman^{*}
Ros Mahwati Ahmad Zakaria^{**}

Abstrak

Ini merupakan kajian yang khusus dan menyeluruh mengenai hiasan masjid di Semenanjung Tanah Melayu secara khusus dan komprehensif. Pemasalahan kajian ialah untuk melihat sejauh mana kesedaran para penabung serta pengguna masjid menilai dan menghayati hiasan-hiasan yang terdapat di masjid yang menjadi tempat mereka menunaikan ibadat secara berkumpulan mahupun bersendirian. Matlamat kajian ialah untuk mendokumentasi dan mengkaji melalui analisis hiasan di tiga buah masjid tua di Melaka abad ke-18. Hiasan-hiasan itu terdapat di Masjid Kampung Hulu (1728), Masjid Kampung Keling (1748) dan Masjid Tengker (1750). Motif-motif hiasan terdiri daripada motif realistik dan abstrak seperti flora dan fauna, kosmos, kaligrafi dan lain-lain. Kajian ini juga menilai persepsi masyarakat Islam tempatan dan agama Islam tentang hiasan di masjid yang berfungsi sebagai hiasan dan sumber inspirasi dalam membangunkan syariat Islam melalui ayat-ayat al-Qur'an, hadis Nabi, sejarah Nabi Muhammad saw dan para sahabat baginda. Perkembangan sejarah hiasan masjid di Melaka turut diteliti bagi mengenalpasti medium yang digunakan dan bahagian bangunan yang dipilih untuk meletakkan hiasan. Pengaruh masyarakat Melayu, Cina dan Barat digandingkan dalam menghasilkan hiasan di tiga buah masjid tua ini. Ini telah menyebabkan beberapa motif yang tidak sepatutnya digunakan seperti salib, haiwan dan roda dharma telah digunakan tanpa disedari kerana sikap tidak ambil tahu dan kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat Islam tentang motif hiasan. Kajian ini dijalankan secara mendokumentasi dan menganalisa melalui kaedah kajian tipologi dan statistik. Kepelbagaian motif yang telah didokumentasikan telah memberi nilai tambah kepada sejarah masjid yang dikelilingi masyarakat majmuk sehingga ke hari ini.

^{*} Prof. Emeritus di Institut Alam dan Tamadun Melayu

^{**} Muzium Kesenian Islam Malaysia

Decorative Motifs In Three 18th Century Mosques In Malacca

Abstract

This is a specific and comprehensive study of decorative motifs in mosque of the Malay Peninsula. The line of reasoning is to examine the level of awareness among the benefactors and the users of the mosques in valuing and understanding the extant decorations in the places that they performed their religious obligations. The objectives are to record and to analyse the decoration in three 18th century mosques in Malacca. The mosques are Kampung Hulu Mosque (1728), Kampung Keling Mosque (1748) and Tengkeria Mosque (1750). The decorative motifs used are in both realistic and abstract forms such as floral, foliate, fauna, cosmos and calligraphy among others. This study also looks at the perceptions of the local Muslim society and Islam in general to mosque decoration. It encompasses decorative elements as a source of encouragement in upholding Islamic teaching by means of Qur'anic verses, hadith and the history of the Prophet Muhammad p.b.u.h and companions. The historical development of Malaccan mosques was carefully observed to identify the materials used and the chosen placement for the decoration. Malay, Chinese and Western influences were incorporated harmoniously, producing the decoration for these mosques. The combination caused inappropriate motifs such as Christian crosses, animals and the wheel of life to have been used at these mosques unconsciously due to carelessness and a low level of awareness among the local artisans. This study has approached documentation and analysis by means of typological and statistical methodology. The variety of motifs documented supplements our knowledge and understanding of the history of these mosques, which continue to be surrounded by a multicultural society.

Pengenalan

1.1 Definisi masjid dan sejarah ringkas seni bina masjid dalam sejarah Islam

Masjid diketahui umum sebagai satu perkataan yang merujuk kepada bangunan yang digunakan oleh penganut agama Islam untuk bersembahyang. *Encyclopedia of Islam* (1993)¹ mendefinisikan perkataan masjid sebagai tempat untuk orang Islam bersujud (bersembahyang). Masjid juga dikenali dengan pelbagai nama di Eropah seperti *mosquee* (Perancis), *moschee* (German), *moschea* (Itali) dan *mosque*.

Masjid di zaman awal Islam iaitu ketika zaman Rasulullah s.a.w direkodkan sebagai satu tempat beribadat yang amat ringkas dari segi bahan binaan dan

¹ *Encyclopedia of Islam* (1993), Leiden: E.J.Brill

rekaannya. Masjid pertama yang mendokong fungsi masjid di dalam Islam ialah Masjid Nabi yang terletak di Madinah. Masjid Nabi yang dibina oleh Rasulullah digambarkan oleh pengkaji sebagai sebuah dewan luas yang tidak tinggi dan mempunyai tiga ruang yang dibahagikan oleh sembilan baris tiang setiap satunya dan mempunyai arah kiblat yang menunjukkan arah Mekah.²

Seni bina masjid kemudiannya terus berkembang selari dengan penyebaran Islam keluar dari Madinah. Adakalanya, masjid diasaskan daripada bangunan lama yang telah menjadi rumah ibadat agama lain sebelum kerajaan Islam berjaya menakhluki kawasan baru seperti di wilayah Armenia, Sepanyol dan Sicily³. Melalui proses transformasi ini, seni bina bangunan masjid yang ringkas seperti Masjid Nabi tiba-tiba bertukar menjadi tempat yang gagah dan dihias indah dengan pelbagai hiasan yang telah sedia ada di dalam bangunan tersebut seperti Masjid Umayyah di Syria.

Melihatkan perbezaan ini, khalifah Islam mula melihat seni bina masjid dari sudut yang berbeza. Sebagai contoh di zaman pemerintahan Dinasti Abbasiyah, Ibn Abbas r.a berpendapat masyarakat Islam memerlukan seni bina masjid yang setanding dengan seni bina rumah ibadat penganut agama Nasrani dan Yahudi bagi menunjukkan kehebatan dan keagungan agama Islam. Jika diteliti pandangan Ibn Abbas, beliau melihat seni bina sebagai satu alat propaganda yang perlu digunakan bagi meletakkan Islam sebagai kuasa baru dunia ketika itu. Kehebatan seni bina yang dapat dizahirkan dari segi saiz bangunan, rekaan dan hiasan dilihat sebagai bukti visual kemajuan dan kemakmuran sesebuah pemerintahan kerajaan. Bukti visual ini turut dapat dilihat di dalam dunia Melayu Nusantara khususnya di Melaka di mana ia merupakan lokasi penting dalam melihat pertembungan tamadun Barat, Islam, Melayu dan Timur amnya.

1.2 Sejarah ringkas seni bina masjid di Asia Tenggara

Terdapat pelbagai teori mengenai bila dan bagaimana Islam sampai ke Asia Tenggara. Hubungan diplomatik, perdagangan dan aktiviti dakwah menjadi antara sebab utama yang membawa Islam ke wilayah ini. Walaupun catatan Ibn Batutta dan Marco Polo menyatakan tentang kewujudan kerajaan Melayu Islam pada abad ke 13 di Pasai⁴, hakikatnya rekod tersebut membuktikan bahawa Islam telah bertapak lebih awal daripada itu.

Dari mana Islam sampai ke dunia Melayu juga turut menjadi persoalan. Pelbagai teori diberikan dari para pengkaji tempatan mengenai persoalan ini. Salah seorang dari mereka ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas⁵ menyatakan

² Jose Pereira (2004), *The sacred Architecture of Islam*, New Helhi : Aryam Books International

³ Ibid.

⁴ Ismail Haji Ibrahim (2004), *Pelayaran Ibn Batutah*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Islam Malaysia (IKIM)

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969) *Preliminary Statements on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

bahawa Islam telah sampai ke Asia Tenggara melalui China. Hujah beliau ialah seperti berikut:

“Selepas orang-orang Islam membina sebuah penempatan yang besar di Canton, (semenjak tahun pertama Hijrah atau abad ke 7 Masihi) mereka bebas melakukan ibadah dan melaksanakan undang-undang mereka. Ia sesuatu yang mudah untuk mengatakan bahawa mereka meneruskan perkara-perkara tersebut di penempatan baru mereka di Kedah dan Palembang, selepas mereka berhijrah dari canton. Penghijrahan ini boleh menjadi petunjuk utama kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu”

Selain China, Timur Tengah turut disebut sebagai tempat asal ajaran Islam disebarkan ke Asia Tenggara. Ini adalah berdasarkan bukti penemuan batu-batu nisan penganut Islam yang ditemui di sekitar Kepulauan Melayu seperti di bawah:

- (i) Batu nisan Syeikh Abdul Qadir ibn Husin Syah Alam bertarikh 910 M / 290 H di Kedah.
- (ii) Batu nisan puteri Sultan Abdul Majid ibn Mohamad Syah bertarikh 1048 M / 440 H di Brunei.
- (iii) Batu nisan tanpa nama yang bertarikh 1039 M / 431 H di Pahang.
- (iv) Batu nisan Fatimah binti maimun bertarikh 1082 H / 475 H di Grisek.

Selepas kedatangan Islam, masjid menjadi satu binaan yang wajib bagi memenuhi keperluan ibadah masyarakat Islam ketika itu. Masjid pertama yang dipercayai dibina di Asia Tenggara ialah Masjid Demak yang terletak di Jawa sewaktu pemerintahan kerajaan Melayu Islam Demak. Masjid ini dipercayai dibina pada tahun 1466 Chandrasangkala atau tahun Jawa (pengiraan tahun Jawa adalah berdasarkan kepada peredaran bulan seperti kalendar Islam⁶).

Seni bina Masjid Demak digambarkan oleh Solichin Salam⁷ sebagai mempunyai atap tumpang tiga tingkat, mahkota atap, serta ruang sembahyang yang dipisahkan oleh dinding dengan kawasan serambi. Tetapi bagi Tajuddin Mohammad Rasdi⁸ Masjid Kampung Laut ialah masjid yang pertama di Asia Tenggara. Beliau merujuk kepada teori Abdul Rahman al-Muhammadi yang membuat kesimpulan daripada sumber lisan penduduk tempatan dalam kajian beliau iaitu Masjid Kampung Laut telah dibina lima ratus tahun lebih dahulu. Masjid ini dikatakan telah dibina oleh sekumpulan pendakwah Jawa yang dalam perjalanan pulang dari China. Menurut teori ini, kumpulan pendakwah ini telah membina Masjid Kampung Laut ketika singgah di Kelantan sebelum sampai di Jawa dan membina dua buah lagi masjid di Jawa Timur di mana salah sebuahnya

⁶ Abdul Halim Nasir (2004), Mosque architecture in the Malay World. (Terj.) Omar Salahuddin Abdullah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷ Ibid.

⁸ Mohamad Tajudin Muhamad Rasdi & Alice Sabrina Ismail (Penyt.) (2003) Traditional Muslim Architecture in Malaysia (Vol.2), Johor:Kalam.

ialah Masjid Demak. Teori yang digunakan oleh Tajuddin ini adalah yang pertama seumpamanya. Ini kerana beliau merujuk kepada persamaan seni bina kedua-dua buah masjid seperti penggunaan atap tumpang tiga tingkat,

Rekaan masjid di Asia Tenggara adalah sederhana⁹ berbanding seni bina masjid di wilayah pemerintahan kerajaan Islam di Timur Tengah, Asia Tengah dan di benua kecil India. Masjid Asia Tenggara kebanyakannya dibina menggunakan kayu kerana kawasan Asia Tenggara mempunyai sumber kayu yang baik dari kawasan hutan yang banyak. *Encyclopedia of Islam*¹⁰ juga turut mencatatkan tentang seni bina dan susun atur di dalam masjid di Jawa seperti terjemahan berikut:

Rekaan boleh dijelaskan sebagai sebuah dewan yang tertutup, yang mana kadangkala mempunyai tiang-tiang, dengan warna yang tidak terang, menggambarkan kesederhanaan yang menjadi ciri masjid di Jawa. Tidak terdapat gambar haiwan atau manusia di atas dinding, hanya terdapat nama-nama yang muliakan beberapa ayat berunsur keagamaan dalam bahasa Arab seperti kalimah syahadah dan hadis yang menyatakan bahawa Allah telah membina sebuah kediaman di dalam syurga untuk sesiapa yang membina masjid kerana Allah. Oleh kerana lantai masjid perlu dibersihkan, ia terdiri daripada simen, jubin atau marmar. Warna lantai yang kelabu kadangkala di selangi dengan baris-baris jubin berwarna merah, yang menunjukkan barisan saff orang-orang yang beriman ketika bersembahyang. Tikar-tikar selalu dibentangkan di atas lantai. Di dalam masjid yang tidak dibina menghala ke arah kiblat, tikar-tikar ini diletakkan menghala ke arah kiblat.

Seni bina masjid di Melaka dari abad ke 15 – 18 Masihi / abad ke 9 – 12 Hijrah

2.1: Sejarah ringkas kedatangan Islam dan seni bina masjid abad ke 15 di Melaka

“Setelah hari pun asarlah, maka datang sebuah kapal dari Jeddah, serta ia datang berlabuhlah; maka turnlah makhdum dari kapal itu, Syed Abdul Aziz namanya, lalu ia bersembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah segala orang Melaka melihat dia. Maka kata orang itu, “ Mengapa orang itu tunggang tunggik?....maka dilihat raja kelakuan makhdum sembahyang itu nyatalah seperti yang di dalam mimpinya itu.....maka segala orang besar-besar semuanya masuk Islam; sekalian isi negeri lelaki, perempuan, tua, muda, kecil, besar sekaliannya masuk Islam di titahkan baginda.”¹¹ “

⁹ Mastor Surat (2007), Pembangunan Tipologi Masjid traditional Melayu Nusantara. Tesis Sarjana, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁰ Encyclopedia of Islam.op.cit.

¹¹ A. Samad Ahmad (1979), Sulatas Salotin (Sejarah Melayu), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Petikan dari sulalatus salatin di atas menerangkan secara ringkas bagaimana pendakwah Islam dari Jeddah sampai ke Melaka dan menarik perhatian penduduk tempatan, raja Melaka dan para pembesar Melaka ketika mengerjakan sembahyang di tepi pantai Melaka. Ia juga menerangkan tentang pengislaman penduduk Melaka melalui perintah diraja. Selepas pemerintah dan rakyat Melaka memeluk Islam secara rasmi, kerajaan Melaka turut mengamalkan undang-undang yang berasaskan Islam dalam dua jenis kanun undang-undang yang digunapakai iaitu Undang-Undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka.¹² Sebagai sebuah kerajaan yang mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi dan undang-undang kerajaan, sebuah masjid telah didirikan berhampiran dengan kawasan istana.¹³ Ini dilihat sebagai medium yang sesuai bagi rakyat jelata bertemu dengan raja mereka ketika menunaikan solat.

Dari segi seni bina masjid di Melaka pada abad ke 15, Sejarah Melayu tidak menyebut tentang rupa bentuk seni bina dan bahan yang digunakan tetapi ia ada menyatakan tentang pengkhususan kerja yang diamalkan di Melaka berdasarkan kepada kemahiran penduduk sesuatu kawasan jajahan. Bagi membina masjid, tukang dari Tungkal ditugaskan mendirikan masjid ketika zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah. Seni ukir mereka juga direkodkan mempunyai seni yang tinggi, amat halus dan menarik.¹⁴ Seni ukir yang disebutkan di sini di lihat sebagai perkembangan seni hiasan masjid dunia Melayu.

Dalam sumber Portugis pula, masjid yang dibina berhampiran istana dikatakan menggunakan batu dan kapur sebagai bahan binaan.¹⁵ Ini dikuatkan lagi apabila Portugis menggunakan batu-batu dari runtuhannya masjid di Melaka untuk membina kota pertahanan mereka yang dikenali sebagai *A Famosa* di atas tapak masjid tersebut. Ia dinyatakan oleh seorang paderi wanita iaitu Isabella L. Bird dalam catatannya pada tahun 1883 seperti berikut:

“He (Albuquerque) had captured the city of Malacca...on its site had built a fortress with walls fifteen feet thick, out of ruins of its mosques.”

Selepas jatuhnya kota Melaka ke tangan Portugis dan penggunduran Sultan Melaka dan bala tentera Melaka, kebanyakan penduduk tempatan yang beragama Islam telah berpindah dan menetap di luar kawasan kota Melaka¹⁶ seperti di kawasan yang dipanggil Peringgat. Kerakusan Portugis juga telah menyebabkan banyak masjid musnah atau terbiar dan tiada masjid baru yang dibina.¹⁷

¹² Muhamad Yusoff Hashim (1989), Kesultanan Melayu Melaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹³ M.J.Pintado (pnyt.) (1993), Portuguese documents on Malacca Vol. 1 (1510-1511), Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.

¹⁴ Muhamad Yusoff Hashim (1989), op.cit.

¹⁵ M.J. Pintado (pnyt.) (1993). op.cit.

¹⁶ Nash Rahman (1998), Masjid Pembentukan dan pembinaan masjid-masjid dunia Malaysia dan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Puncak Awal.

¹⁷ Abdul Halim Nasir (2004) op.cit.

2.2 Seni bina masjid Melaka di abad ke 18 - 19 Masihi / abad ke 12 – 13 Hijrah

Selepas penakhlukan Portugis, Belanda juga mengamalkan polisi penindasan agama¹⁸ seperti Portugis ke atas masyarakat Islam yang tinggal di Melaka dan ini menyebabkan ramai pedagang Islam tidak singgah di Melaka dan kesan bagi penduduk Islam tempatan, tiada masjid baru yang di bina sehingga abad ke 17. Pada abad ke 18, dasar pemerintahan Belanda menjadi longgar sedikit disebabkan oleh ancaman kuasa baru dunia ketika itu iaitu Inggeris. Belanda menghadapi tekanan ketika itu kerana peperangan di Eropah dan juga serangan penduduk tempatan untuk menawan kembali wilayah mereka. Belanda kemudiannya telah mengamalkan dasar mengambil hati penduduk tempatan dengan membenarkan pembinaan rumah ibadat terutamanya di kawasan bandar demi untuk mendapat sokongan penduduk tempatan. Disebabkan oleh tujuan itu, kerajaan Belanda mula mengeluarkan permit dan memberi tanah untuk tujuan pembinaan masjid, tokong dan kuil di sekitar kawasan perbandaran.¹⁹

Kawasan yang berhampiran dengan kawasan pentadbiran ialah kawasan tanah di sebelah kanan Sungai Melaka yang dihubungkan dengan jambatan ke kawasan pentadbiran Belanda. Kawasan ini didiami oleh masyarakat pedagang yang terdiri dari pelbagai bangsa seperti Eropah, India, China dan minoritinya ialah masyarakat Melayu yang mempunyai kedudukan dalam pentadbiran Belanda. Dasar berlembut kerajaan Belanda telah berjaya menarik perhatian pedagang Islam dan masyarakat Islam tempatan. Kehadiran dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Islam ketika itu membolehkan mereka mendirikan masjid baru. Menurut rekod Perbadanan Muzium Melaka, terdapat empat buah masjid yang didirikan dalam abad ke 18. Masjid tersebut ialah Masjid Kampung Hulu (1728), Masjid Pengkalan Rama (1730-an), Masjid Kampung Keling (1748) dan Masjid Tengker (1750). Pada awal abad ke 19 Masihi, tiga buah lagi masjid didirikan iaitu Masjid Bandar Hilir (1820), Masjid Telok Mas (1820) dan Masjid Tanah (1880-an).

Pada tahun 1824, dengan termetrainya perjanjian Inggeris Belanda, Belanda telah menyerahkan Melaka kepada Inggeris. (Voon Fee 1998). Inggeris mengamalkan dasar berbaik dengan penduduk tempatan dan mereka membenarkan pembinaan rumah ibadat terutamanya masjid. Salah seorang pegawai Inggeris merekodkan terdapat dua buah masjid besar dan 16 buah masjid di kawasan Naning pada tahun 1835 – 1837.²⁰ Newbold memberikan gambaran yang jelas tentang seni bina masjid tersebut seperti berikut:

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Lim Lee Hock & Ismail Said (2007), Ikonografi motif pada komponen ukiran kayu di dalam Tokong Cina, <http://asiaa.geocities.com/isaid04652/Fulltext010.html>, 24 Januari 2007.

²⁰ Newbold (1971), *Straits Settlement in the Straits of Malacca*, Vol. 1 (repoint), Kuala Lumpur: Oxford University Press.

“The mosque are repaired at the public expense, and generally situated apart from any house, on small insular knolls, in the midst of sawah. They are conical shaped buildings of wood, raised on wood pillars, with ornaments of the same material, like the wings of birds, at the eight corners of the two roofs that cover the buildings, much in manner and shape of the “flies” of a tent. The inner part consists of one spacious room, kept extremely clean, with a wooden mimbar, or pulpit, at one end.”

Secara amnya, deskripsi di atas menyatakan bahawa masjid di Melaka mempunyai bangunan kayu berbentuk kon yang didirikan di atas tiang kayu dan mempunyai hiasan hiasan atap seperti sayap burung di lapan penjuru atap yang bertingkat. Mempunyai hanya satu ruang yang luas, sentiasa bersih dan terdapat sebuah mimbar kayu di satu sudut.

Jumlah masjid yang dibina dalam abad ke 19 adalah jauh lebih banyak berbanding abad sebelumnya. Senarai masjid yang dibina adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai masjid yang dibina di Melaka pada abad ke 19 Masihi

Bilangan (Masihi)	Nama Masjid	Tahun dibina
1.	Masjid Duyong	1850
2.	Masjid Serkan Pantai	1853
3.	Masjid Umbai	1854
4.	Masjid Sempang	1857
5.	Masjid Bukit Cina	1865
6.	Masjid Pernu	1880
7.	Masjid Tambak	1880
8.	Masjid Alai	1890
9.	Masjid Bakar Batu	1890
10.	Masjid Limbongan	1890
11.	Masjid Pokok Asam	1890

Masjid-masjid ini dibina dengan menggunakan wang persendirian yang dikumpul dari kalangan penduduk Islam tempatan ataupun sumbangan individu tertentu yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat di mukim tersebut .

Bahan binaan dan ciri-ciri utama masjid di negeri Melaka

Jika dikaji daripada catatan Portugis yang menyatakan bahawa mereka menggunakan batu dari runtuh masjid untuk membuat kota pertahanan mereka, ini bermakna bahawa semasa Kesultanan Melayu Melaka bangunan masjid di Melaka dibina menggunakan batu yang dikenali sebagai batu laterit yang dipotong kemudian dipahat menjadi kiub berbentuk segi empat sama dalam saiz yang berlainan mengikut kesesuaian penggunaannya. Batu laterit diperolehi dari kawasan di sekitar Melaka.

Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa di peringkat awal masjid di Melaka di bina dari kayu ulin atau belian dan berbumbung nipah atau rumbia.

(Nash et. al 1998). Menurut sejarah beberapa buah masjid dibina menggunakan kayu yang diperolehi daripada kawasan hutan berdekatan manakala bagi tiang seri masjid, kayu belian telah dibeli dan bawa dari Siak (PMM 1993) dan Kalimantan. (Abdul Halim 2004). Nama lain bagi kayu belian ialah kayu ulin. Kayu-kayu ini tergolong dalam kumpulan kayu keras yang tahan daripada serangan serangga dan anai-anai. (Abdul halim 2004). Kayu merupakan bahan binaan yang paling sesuai dan mempunyai bekalan yang mudah didapati ketika itu. Para tukang Melayu juga amat mahir dalam membina struktur bangunan menggunakan kayu. Kayu digunakan dalam kerangka utama, tiang seri dan juga sebagai dinding.

Selepas kedatangan kuasa Barat, bahan binaan masjid mempunyai lebih pilihan. Simen turut digunakan untuk bahagian lantai menggantikan lantai kayu dan batu yang digunakan sebelum ini. Simen dan konkrit turut digunakan untuk membina menara masjid. Menara digunakan untuk melaungkan azan setiap kali masuknya waktu sembahyang bagi umat Islam. Manakala di bahagian bumbung pula, daun nipah digantikan dengan seramik Cina dan Belanda. Dengan penggunaan dua bahan ini, terdapat satu lagi hiasan di kemuncak bangunan masjid di Melaka yang dikenali dengan pelbagai nama antaranya ialah mahkota atap, buah buton, mastaka dan puncak. Bahagian bumbung masjid di Melaka pula digambarkan seperti bentuk piramid dan bertingkat.

Jubin juga mendapat tempat dalam pembinaan masjid di Melaka. Bekalan jubin yang banyak telah di bawa masuk dari Barat walaupun Melaka telah menggunakan jubin daripada Cina sejak zaman Kesultanan Melaka. Terdapat pelbagai corak dan saiz yang boleh didapati di dalam seni bina masjid di Melaka. Dari segi motif, ada yang menggunakan motif hiasan lukisan tangan dan ada yang menggunakan motif cetakan. Motif flora, dan geometri dalam pelbagai bentuk dan warna menjadi pilihan. Lokasi utama penggunaan jubin ialah di bahagian dinding dalam dan luar dewan sembahyang, lantai, tangga dan kolam mengambil wuduk.

Antara ciri-ciri utama seni bina masjid di Melaka pada abad ke 18 dan 19 Masihi ialah satu dewan sembahyang yang luas serta dihiasi dengan empat batang tiang seri di dalamnya. Mempunyai dua buah tingkap di bahagian hadapan dewan dan dua buah tingkap di bahagian depan, satu tingkap di setiap sisi depan dewan sembahyang. Mempunyai empat hingga sembilan buah pintu di bahagian dewan sembahyang bergantung kepada saiz masjid. Sebagai contoh di Masjid Tengker, ia mempunyai tiga buah pintu di bahagian sisi (kiri dan kanan) dan tiga buah pintu di bahagian belakang dewan sembahyang. Di bahagian luar dewan mempunyai kawasan yang dipanggil serambi dan tangga. Bahagian serambi ini kadangkala digunakan sebagai tempat rehat, tempat menjamu selera jika terdapat majlis kenduri atau digunakan juga sebagai tempat sembahyang tambahan jika jumlah jemaah melebihi dari jumlah yang boleh ditampung oleh dewan sembahyang. Terdapat juga masjid yang menempatkan satu bahagian serambi bagi kegunaan jemaah wanita kerana tiada pembahagian tempat sembahyang wanita dalam dewan sembahyang utama.

Satu lagi ciri utama masjid Melaka abad ke 18 dan 19 Masihi ialah kolam wuduk yang terletak di luar dewan sembahyang berhampiran dengan serambi.

Selalunya kolam wuduk disambungkan ke dewan sembahyang dengan satu laluan khas. Kolam bersaiz besar dan berbentuk segi empat ini digunakan oleh jemaah masjid untuk mengambil wuduk. Terdapat kolam wuduk yang mempunyai tangga simen di sekelilingnya dan berhias jubin seramik. Di bahagian tengah kolam selalunya mempunyai satu binaan khas untuk diletakkan lampu. Bahagian tengah ini juga mempunyai sambungan laluan dari salah satu bahagian sisi kolam.

Di bahagian atap pula, rekaan mahkota atap merupakan ciri yang amat unik bagi masjid Melaka. Setiap rekaan mahkota atap masjid di Melaka mempunyai bentuk yang tersendiri. Ada yang mempunyai hiasan setingkat dan ada yang mempunyai sehingga lima tingkat hiasan seperti mahkota atap Masjid Tanjung Keling. Motif yang sering mejadi pilihan ialah sulur daun dan teratai. Mahkota atap masjid Melaka juga berbentuk seperti piramid di mana ia bersaiz besar di bahagian bawah dan semakin kecil di bahagian atas. Tidak seperti masjid yang dibina pada hari ini di mana kesemuanya menggunakan lambang bulan sabit dan bintang pecah lima di atas rekaan kubah atau bumbung, rekaan mahkota atap masjid Melaka abad ke 18 dan 19 Masihi mempunyai keunikan dari segi rekaan dan memberi identiti kepada seni bina masjid Melaka.

Menara masjid Melaka abad ke 18 Masihi mempunyai pelbagai bentuk. Di tiga buah masjid abad ke 18 yang masih wujud pada hari ini mempunyai bentuk menara masjid yang berlainan setiap satunya. Di Masjid Tengker, menara masjidnya berbentuk pagoda yang mempunyai enam tingkat. Tingkat yang paling atas merupakan ruang yang terbuka atau balkoni berbumbung gaya Cina. Keseluruhan menara dibina dalam bentuk heksagon iaitu segi enam. Setiap tingkat mempunyai hiasan dinding seperti gerbang dan sebuah tingkap kecil tanpa daun tingkap di setiap sisi kecuali di tingkat ke enam. Di Masjid Kampung Hulu pula, menaranya mempunyai bentuk seperti loceng yang digunakan dalam pembinaan rumah api. Seperti menara di Masjid Tengker, menara di Masjid Kampung Hulu juga mempunyai balkoni berbumbung di bahagian atas menara. Menara di Masjid Kampung Kling pula mempunyai persamaan dengan masjid yang didirikan oleh golongan India Muslim dari Selatan India seperti di Singapura dan Pulau Pinang. Ia juga mempunyai bentuk seperti pagoda tetapi dalam bentuk segi empat. Saiz segi empatnya menjadi semakin kecil di tingkat ke enam. Mempunyai balkoni berbumbung dan atap berbentuk Cina serta mahkota atap yang paling besar berbanding dengan mahkota atap di dua buah menara masjid yang terdahulu. Di tingkat pertama hingga ke tiga mempunyai satu tingkap di setiap sisi, manakala tingkat ke empat, dua buah tingkap, tingkat ke lima, tiga buah tingkap dan yang ke enam mempunyai lima buah tingkap kecil yang disusun dalam bentuk kubah.

Tipologi hiasan tiga buah masjid abad ke 18 di Melaka

Dalam kajian ini hiasan masjid di bahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu motif alam, motif kaligrafi dan motif keagamaan. Di dalam setiap kumpulan ini terdapat beberapa lagi pecahan jenis motif hiasan.

1. Motif alam.


Motif alam terbahagi kepada bunga, daun, buah, haiwan dan kosmos. Setiap motif yang dapat direkodkan kemudiannya di sesuaikan dengan sumber sebenar motif itu dihasilkan. Dalam kategori motif alam, motif bunga merupakan pilihan utama yang merangkumi 54% daripada keseluruhan motif alam yang dapat direkodkan. Motif daun sebanyak 20%, motif kosmos 10% manakala motif buah dan haiwan masing-masing sebanyak 5% dan merupakan yang paling sedikit.

Peratusan motif alam dalam hiasan masjid

Bunga	Daun	Buah
Haiwan	Kosmos	
5%	10%	
5%		54%
	26%	

Contoh hiasan motif alam adalah seperti berikut:

a) Motif haiwan



b) Motif bunga



c) Motif daun




Bunga teratai



Daun Acanthus

2. Motif kaligrafi

Motif kaligrafi terbahagi kepada tiga jenis iaitu, kaligrafi Arab, Jawi dan Cina. Kaligrafi Arab dan Jawi kebanyakannya dijadikan hiasan di atas kepala pintu dan tingkap. Ia terdiri daripada ayat suci al-Qur'an, doa ataupun maklumat mengenai pembinaan masjid tersebut. Dari kajian ke atas ketiga-tiga buah masjid abad ke 18 di Melaka didapati 87% peratus daripada motif kaligrafi yang digunakan terdiri daripada kaligrafi Arab, 8% kaligrafi jawi dan 5 % kaligrafi Cina.



Contoh motif kaligrafi adalah seperti berikut:

a) Kaligrafi Arab dan Jawi

Do'a



Surah Yasin

Maklumat mengenai pembinaan masjid dalam tulisan jawi


b) Kaligrafi Cina



Motif pada hiasan atap Masjid Tengker



Setelah disusun semula




Motif asal yang membawa maksud nasib yang baik / tuah

3. Motif keagamaan dan kebudayaan masyarakatan

Motif keagamaan bermaksud simbol atau pelambangan yang digunakan sebagai identiti sesebuah agama contohnya seperti bulan sabit dan bintang pecah lima sebagai simbol Islam, salib bagi agama Kristian dan roda kehidupan bagi agama Buddha. Motif kebudayaan masyarakat pula ialah motif yang menunjukkan kebudayaan seperti alat muzik, perhiasan rumah dan sebagainya.

Peratusan motif keagamaan dan kebudayaan masyarakat dalam hiasan masjid

- Agama Islam
- Masyarakat Melayu
- Agama Buddha
- Masyarakat Cina / Baba Nyonya
- Agama Kristian
- Masyarakat Barat



Kesimpulan

Kajian tipologi ini telah berjaya merekodkan sebanyak 434 jenis motif hiasan yang terdapat di Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker. Kesemua motif yang direkodkan kemudiannya telah dianalisis dan menghasilkan beberapa kesimpulan sebagai hasil daripada kajian.

Kepelbagaian motif hiasan ini memperlihatkan kekayaan warisan budaya dan kesenian Islam di negeri Melaka khususnya. Kepelbagaian bangsa dan agama masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan masjid dan juga dasar pemerintah yang beberapa kali bertukar tangan sebelum 1957 telah menjadikan ketiga-tiga buah masjid simbol persefahaman dan keharmonian penduduk atau masyarakat yang tinggal di bawah pemerintahan Belanda dan Inggeris.

Pemilihan dan penggunaan motif hiasan yang menggabungkan semua pengaruh disekelilingnya dilihat sebagai tindakan yang bijak dalam meletakkan masjid di satu tahap yang boleh diterima oleh masyarakat bukan Islam yang tinggal di sekitarnya dan tidak dianggap sebagai asing. Ini kerana motif hiasan yang digunakan juga turut digunakan untuk hiasan rumah-rumah masyarakat Cina dan Baba Nyonya yang tinggal berhampiran dengan kawasan masjid.

Motif alam menjadi pilihan utama penaung dan tukang dalam seni bina masjid-masjid ini. Ini kerana Islam melarang penggunaan motif figura dan motif figura juga boleh mengganggu tumpuan terutamanya di dalam tempat ibadah seperti masjid. Motif alam yang digunakan amat sesuai kerana ia melambangkan kebesaran ciptaan Allah swt. Motif kaligrafi mewakili kumpulan motif yang paling sedikit digunakan. Ini mungkin kerana kaligrafi memerlukan lokasi yang sesuai untuk meletakkannya. Sebarang bentuk penulisan terutamanya ayat al-Qur'an dan do'a diletakkan di tempat yang tinggi seperti di atas kepala pintu dan tingkap seperti di Masjid Kampung Keling. Bagi maklumat mengenai sejarah pembinaan masjid atau kerja penambahan masjid ditemui di atas kepala pintu dan juga di atas pintu pagar masjid.

Lokasi seni hiasan masjid di ketiga-tiga buah masjid yang terlibat dalam kajian ini ialah seperti berikut:

Jadual 2: Senarai lokasi hiasan Masjid Kampung Hulu, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker

Lokasi Seni Hiasan	Masjid Kpg. Hulu	Masjid Kpg. Keling	Masjid Tengker
1- Bahagian dalam dewan sembahyang			
a) Mimbar	/	/	/
b) Mihrab	/	/	/
c) Tiang seri	/	/	/
d) Dinding		/	/
e) Syiling	/	/	
f) Lantai			
g) Tingkap	/	/	/

h) Pintu	/	/	/
----------	---	---	---

2- Bahagian luar dewan sembahyang

a) Serambi	/	/	/
b) Tangga		/	/
c) Kolam wuduk	/	/	/
d) Bumbung	/	/	/
e) Menara	/	/	/
f) Pintu pagar	/	/	/
g) Lantai	/	/	/
h) Dinding		/	/

Peratusan keseluruhan motif hiasan dalam hiasan masjid

Motif alam

Motif kaligrafi

45%

46%

9%

Akhir sekali, keghairahan penggunaan motif yang mungkin disebabkan oleh pengaruh gaya hidup pada waktu itu telah sedikit sebanyak memperlihatkan ketidakarifan dan ketidaksensitifan segelintir penaung atau mereka yang bertanggungjawab memantau pembinaan masjid menyebabkan beberapa motif keagamaan yang tidak sepatutnya berada di dalam masjid telah digunakan seperti salib dan beberapa lambang agama Buddha.

Bibliografi

- A. Samad Ahmad (1979), *Sulalatus salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Nasir(2004), *Mosque architecture in the Malay World*. Terj. Omar Salahuddin Abdullah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Encyclopedia of Islam*. (1993), Leiden: E.J Brill.
- Hock, Lim Lee & Ismail Said. 2007. *Ikongrafi motif pada komponen ukiran kayu di dalam Tokong Cina*. <http://asia.geocities.com/isaid04652/Fulltext010.html> [24 Januari 2007].
- Ismail Haji Ibrahim (pnyt) (2004), *Pelayaran Ibn Batuttah*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mastor Surat. 2007. *Pembangunan tipologi masjid tradisional Melayu nusantara*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Melaka (1993), *Senarai pewartaan masjid-masjid warisan di Negeri Melaka*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi & Alice Sabrina Ismail (pnyt.) (2003), *Traditional Muslim Architecture in Malaysia (Vol II)*. Johor: KALAM.
- Muhammad Yusoff Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nash Rahman (1998), *Masjid pembentukan dan pembinaan masjid-masjid dunia Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Puncak Awal
- Newbold (1971), *Straits Settlement in the Straits of Malacca*, Vol. 1 (reprint). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pereira (Jose) (2004). *The sacred architecture of Islam*. New Delhi: Aryan Books International.
- Pintado, M.J. (pnyt.)(1993), *Portugese documents on Malacca Vol 1 (1510-1511)*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Syed Muhmammad Naguib al-Attas (1969), *Preliminary statements on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan

*Mohammad Aizat Jamaludin**

*Mohd Anuar Ramli**

*Suhaimi Ab Rahman**

Abstrak

Mazhab Syafie merupakan aliran yang dominan di rantau Nusantara. Dominasi mazhab ini kesan kegigihan para ulama Melayu klasik dalam mentransmisikan keilmuan Islam khususnya ilmu fiqh yang bersusur-galurkan pandangan mazhab Syafie. Proses yang berterusan dalam tempoh yang panjang ini menghasilkan satu bentuk masyarakat yang berpegang teguh dengan pandangan fiqh dalam mazhab Syafie. Di dalam karya ulama Melayu klasik, terdapat perbincangan khusus tentang pemakanan. Ini kerana makanan merupakan keperluan asasi demi kelangsungan umat manusia. Namun begitu, perbincangan ulama Melayu klasik bersifat terbatas. Ia hanya melibatkan perbincangan yang berkaitan dengan haiwan dan tumbuhan. Mereka turut memperkenalkan taksonomi haiwan yang halal dan haram dimakan sebagai panduan kepada masyarakat Islam. Justeru, kertas kerja ini akan menelusuri pemikiran ulama Melayu klasik dalam kitab-kitab fiqh klasik dengan memfokuskan aspek pemakanan. Selain itu, ia turut membincangkan dua isu pemakanan semasa yang mempunyai kaitan dengan pemikiran ulama klasik, iaitu memakan belangkas dan meminum kopi luwak (civet coffee). Hasil perbincangan mendapati, pemikiran ulama Melayu klasik masih relevan dalam beberapa keadaan, dan ada pandangan fiqh ijthadi yang boleh berubah dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini.

Kata kunci: *Mazhab Syafie, Ulama Melayu, Pemakanan, Haiwan, Halal Haram*

* Calon Doktor Falsafah di Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

* Pensyarah (PhD) di Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

* Ketua (PhD) Laboratori Polisi dan Pengurusan Halal, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

Pendahuluan

Ulama merupakan agen perubahan masyarakat. Mereka memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi ajaran Islam sama ada dalam disiplin tafsir, akidah, mahupun fiqh. Sumbangan besar ini dapat dilihat dalam penulisan karya-karya klasik dalam pelbagai disiplin ilmu. Ianya diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi yang lain.

Khususnya dalam disiplin fiqh atau hukum Islam, terdapat kupasan yang mendalam dalam aspek ibadah yang menyentuh toharah, solat, puasa, zakat, haji dan umrah, akikah dan korban, pembunuhan dan sembelihan serta makanan yang halal dan haram. Pada dasarnya karya fiqh ulama Melayu klasik ini, telah membentuk karakter masyarakat Melayu yang seragam, yang mana majoriti pemikiran ulama klasik terutamanya dalam aliran fiqh telah didominasi oleh mazhab Syafie.

Justeru, kertas kerja ini akan mengulas pemikiran ulama Melayu klasik dalam aspek makanan halal dan haram. Selain itu, ia turut membincangkan dua isu semasa yang berkaitan makanan iaitu hukum memakan belangkas dan meminum kopi luwak (*civet coffee*).

Karya Ulama Melayu Klasik Tentang Hukum Islam

Menurut Mohd Nor Ngah, kitab-kitab fiqh yang dihasilkan oleh ulama Melayu klasik kebanyakannya bersifat saduran dari karya dalam mazhab Syafi'i. Misalnya kitab *Sirat al-Mustaqim* merujuk kepada karya seperti *Syarh al-Minhaj* oleh Zakariya al-Ansari, *Mughni al-Muhtaj* oleh al-Syarbini, *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar al-Haythami dan *Nihayah al-Muhtaj* oleh al-Ramli.¹

Wan Mohd Saghir Abdullah membahagikan penulisan ulama Melayu kepada sepuluh peringkat iaitu dari kurun ke 12M-21M.² Peringkat ketiga dari abad ke 16M-17M merupakan permulaan penulisan kitab fiqh.³ Berdasarkan peringkat tersebut, beliau memperkecilkannya menjadi tiga kelompok ulama terkenal, iaitu:

Pertama, kelompok yang terdiri daripada senarai nama: Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Syams al-Din al-Sumatra-i, Syeikh Nur al-Din al-Raniri, dan Syeikh 'Abd al-Rauf b. 'Ali al-Fansuri, semuanya di Aceh. Syeikh Yusuf Taj al-Khalwati al-Mankatsi (Bugis), Syeikh 'Abd al-Malik bin 'Abd Allah Terengganu, dan Syeikh 'Abd al-Rahman Pauh Bok al-Fatani.

¹ Mohd Nor Ngah (1995), "Islamic World View of Man, Society and Nature Among the Malays" dalam Mohd Taib Osman (ed.), *Malaysian World View*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 7.

² Wan Mohd Shaghir Abdullah (1985), *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*. Solo: CV Ramadhani, h. 9-21.

³ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000a), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, j. 3, h. 1-45.

Kedua, kelompok yang terdiri daripada senarai nama: Syeikh 'Abd al-Samad al-Palimbani, Syeikh Muhammad Arsyad bin 'Abd Allah al-Banjari, Syeikh Dawud bin 'Abd Allah al-Fatani, Syeikh Isma'il bin 'Abd Allah al-Minankabawi dan Syeikh Ahmad Khatib al-Sambasi.

Ketiga, kelompok yang terdiri daripada senarai nama: Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani, Syeikh Zain al-Abidin bin Muhammad al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syeikh Ahmad bin 'Abd al-Latif al-Minkabawi dan Syeikh Muhammad Mukhtar bin 'Atarid Bogor.⁴

Para ulama Melayu klasik telah menghasilkan pelbagai genre penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Abdul Kadir Haji Muhammad telah membahagikan penulisan fiqh atau hukum Islam khususnya di Malaysia kepada tiga kategori, iaitu penulisan awal hukum Islam, penulisan hukum Islam pada abad ke 19 dan penulisan hukum Islam pada abad ke 20 hingga merdeka yang merangkumi penulisan *khilafiyyah* dan tidak *khilafiyyah*.⁵

Pada peringkat awalnya, didapati telah ada beberapa peraturan yang berasaskan syariah diterapkan dan dilaksanakan di beberapa negara Muslim pada zaman awal Islam di Kepulauan Melayu, namun tiada kitab fiqh lengkap dalam bahasa Melayu (Jawi) atau bahasa tempatan hinggalah separuh kedua kurun ke XVII. Sebelumnya ilmu fiqh wujud secara terpisah dan kebanyakannya ditransmisi berdasarkan tradisi lisan. Pada masa ini, ilmu fiqh belum menjadi fokus utama, malah falsafah mistik (*mystico-philosophical*) lebih diminati berbanding aspek perundangan Islam.

Di antara kitab fiqh mazhab Syafie yang berpengaruh di Nusantara adalah *al-Sirat al-Mustaqim* karya Syeikh Nur al-Din al-Raniri yang mulai ditulis pada 1044H/1634M dan selesai dikarang pada tahun 1054H/1644M.⁶ Beliau merupakan ulama yang mula-mula menulis ilmu fiqh ibadat dalam bahasa Melayu dan perbincangan termasuklah tentang wuduk, solat, zakat, puasa, haji, akikah dan sembelihan.⁷ Kitab yang berorientasikan mazhab Syafi'i ini berlandaskan kitab *Minhaj al-Talibin* karya al-Nawawi, *Fath al-Wahhab* karya Zakariya al-Ansari dan *Hidayah al-Muhtaj Syarh Mukhtasar* karya Ibn Hajr.⁸

⁴ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000b), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, j. 1, h. 12.

⁵ Abdul Kadir Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hh. 1-98.

⁶ Wan Mohd Shaghir Abdullah (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, j. 2, hh. 113-119.

⁷ Mohd Muhiden Abd Rahman (2006), *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Ilmu Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 23-24; Mohamad Jajuli A. Rahman (1995), *The Malay Law Text*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. ix.

⁸ Mat Saad Abdul Rahman (2004), "Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim", (Kertas kerja Seminar Manuskrip Islam, anjuran Jabatan Perdana Menteri Brunei, bertempat di Berakas, Brunei, pada 1-2 Mac 2004), h. 21.

Kitab kedua yang dikarang di Alam Melayu adalah *Mir'at al-Tullab*, hasil karya 'Abd al-Ra'uf al-Singkeli. Kitab ini diselesaikan penulisannya pada tahun (1083H/1672M). Kitab ini merupakan perintis dalam aspek fiqh al-mu'amalat. Ia merangkumi perbincangan mengenai politik, sosial dan ekonomi. Sumber rujukan utamanya adalah kitab *Fath al-Wahhab* karangan Zakariya al-Ansari di samping kitab *Fath al-Jawad* dan *Tuhfah al-Muhtaj*, kedua-duanya karangan Ibn Hajar al-Haytami (m. 1565), *Nihayah al-Muhtaj* karya Syams al-Din al-Ramli, *Tafsir al-Baydawi* oleh Ibn 'Umar al-Baydawi (m. 1286) dan kitab *Syarh Sahih Muslim* karya al-Nawawi (m. 1277). Perkembangan ini menunjukkan proses pengajian fiqh di Alam Melayu pada peringkat awal lebih bersifat *al-tadarruj*.⁹

Sejak bermulanya tradisi pemikiran fiqh di Nusantara oleh Syeikh Nur al-Din al-Raniri dengan kitabnya *Sirat al-Mustaqim* yang kemudiannya disempurnakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin 'Abd Allah al-Banjari dengan kitabnya *Sabil al-Muhtadin*, persoalan ibadatlah yang lebih dominan. Begitu besarnya perhatian terhadap bidang ini, sehingga apabila dibahaskan berkenaan ilmu fiqh, seolah-olahnya ia cuma menyangkut masalah ibadat sahaja.¹⁰

Sungguhpun demikian, ini tidaklah bermakna yang bidang-bidang fiqh yang lain telah diabaikan sama sekali. Sesuai dengan mazhab Syafi'i yang diamalkan, selain daripada aspek ibadat, terdapat tiga aspek lain yang disentuh iaitu munakahat, mu'amalat dan jinayat. Dan tokoh pertama yang telah membahaskan ketiga-tiga persoalan ini ialah Syeikh 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri. Dengan pembahagian tugas ini, ilmu fiqh lengkap ditulis di Aceh sejak abad ke 17M.¹¹ Selain itu, terdapat banyak lagi penulisan fiqh ulama Melayu klasik lain,¹² di antaranya:

1. *Safinah al-Hukkam* dikarang oleh Syeikh Faqih Jalal al-Din al-Asyi, diselesaikan penulisannya pada tahun 1153H/1740M. Kitab ini membincangkan bab jual beli, nikah, pencederaan dan fara'id.
2. *Sabil al-Muhtadin* dikarang oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, diselesaikan penulisannya pada tahun 1193H/1779M.
3. *Kifayah al-Ghulam* dikarang oleh Syeikh Isma'il al-Minkabawi.
4. *Manhah al-Qarib* dikarang oleh Syeikh 'Abd al-Samad @ Tuan Tabal, diselesaikan penulisannya pada tahun 1300H/1882M.
5. *Kasyfu al-Litham* dikarang oleh Syeikh Zain al-Abidin b. Muhammad al-Fatani, diselesaikan penulisannya pada tahun 1307H/1889M.
6. *Tabassum al-Syaribin* dikarang oleh Syeikh Zain al-Abidin b. Muhammad al-Fatani.

⁹ Azyumardi Azra (2006), *Islam in The Indonesian World: An Account of Institutional Formation*. Bandung: Mizan, h. 110-113.

¹⁰ Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Umat Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 46-47.

¹¹ *Ibid*.

¹² Senarai ini dapat dilihat di antaranya dalam "Kitab-kitab pengarang Melayu yang dicetak di Timur Tengah" dalam Md Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, h. 73-86.

7. *Matla' al-Badrayn* dikarang oleh Syeikh Muhammad b. Isma'il Dawud al-Fatani, diselesaikan penulisan pada tahun 1303H/1886M.
8. *Wisayah al-Afrah* dikarang oleh Syeikh Muhammad b. Isma'il Dawud al-Fatani, diselesaikan penulisan pada tahun 1312H/1894M.
9. *al-Bahr al-Wafi* dikarang oleh Syeikh Muhammad b. Isma'il Dawud al-Fatani, diselesaikan penulisan pada tahun 1331H/1912M.
10. *Bahjah al-Mubtadin* dikarang oleh Syeikh Ahmad b. Muhammad Zain al-Fatani, diselesaikan penulisan pada tahun 1310H/1893M.
11. *'Unwan al-Falah* - Syeikh Ahmad b. Muhammad Zain al-Fatani, diselesaikan penulisan pada tahun 1319H/1902M.
12. *al-Fatawa al-Fataniyyah* - Syeikh Ahmad b. Muhammad Zain al-Fatani.
13. *al-Thimar al-Lazizah* dikarang oleh Syeikh Ahmad b. Muhammad Yunus Lingga diselesaikan penulisan pada tahun 1312H/1894M.
14. *Nur al-Syam'ah* dikarang oleh Syeikh Ahmad Khatib b. 'Abd al-Latif al-Minankabawi, diselesaikan penulisan pada tahun 1314H/1896M.

Pemikiran Ulama Melayu Klasik dalam Pemakanan

Menurut Azyumardi Azra, masih terdapat golongan tertentu yang tanpa melalui penelitian mendalam, telah menganggap naskah-naskah [baca: kitab Melayu klasik] tidak atau kurang bernilai; atau menyimpulkan Islam Nusantara “miskin” secara intelektual; para ulama, pemikir dan penulis naskah hanya menjadi “pengguna” pemikiran Islam dari tempat-tempat lain. Pandangan ini selain simplistik, juga menyesatkan (*misleading*), kerana para ulama, pemikir dan penulis naskah-naskah Islam sejak abad ke 17 telah menghasilkan berbagai-bagai karya yang menjadi tonggak keintelektualan Islam Nusantara.¹³

Walaupun terdapat pandangan sinikal dan skeptikal terhadap kitab kuning bertulisan Jawi, pada pandangan pengkaji, kitab kuning merupakan aset dan simbol kearifan tempatan kepada orang Melayu yang dilupakan serta dimuzium-arkibkan atau istilahnya mengalami proses fosilisasi¹⁴ dan kristalisasi.¹⁵ Selain itu, ia turut menggambarkan tradisi penulisan ulama Melayu silam yang tinggi dalam pelbagai bidang sama ada fiqh, akidah dan tasawwuf. Untuk mengatakan kitab kuning Alam Melayu sebagai kitab saduran adalah tidak adil. Ini kerana istilah saduran lebih rapat kepada sisi negatif iaitu plagiat atau ciplak. Sedangkan dalam etika penulisan ilmiah amnya, rujukan kepada sumber yang bertulis adalah untuk menguatkan hujjah dan memberikan autoriti dalam penulisan. Begitu juga dalam penulisan kitab fiqh klasik, selain menjaga rantaian (*sanad*) keilmuan, ia juga bagi menjamin keautoritian teks.

¹³ Azyumardi Azra (2005), *Dari Harvard hingga Makkah*. Jakarta: Penerbit Republika, h. 46.

¹⁴ Pada asalnya ia digunakan dalam disiplin *paleontologi*. Dalam konteks ini pengkaji maksudkan sebagai khazanah karya ulama Melayu klasik yang banyak, tidak ubah seperti fosil yang mengeras menjadi batu dan berlapis-lapis, disebabkan tiada usaha serius untuk menggali pemikirannya.

¹⁵ Membeku dan menjadi ketulan sebab tidak dicernakan pemikiran yang terdapat dalam karya fiqh ulama Melayu klasik.

Selain itu, persamaan sumber rujukan dalam penulisan kitab-kitab fiqh Alam Melayu memberikan kesan positif dalam wacana fiqh Alam Melayu. Rujukan utama adalah bersumberkan kitab *Nihayah al-Muhtaj*, *Tuhfah al-Muhtaj*, dan *Mughni al-Muhtaj*. Kesannya, tiada konflik yang serius dalam masalah *khilafiyah* kalangan masyarakat Melayu.¹⁶

Walau bagaimana pun, dalam kajian ini, penulis hanya merujuk dua buah karya fiqh klasik, iaitu kitab *Sirat al-Mustaqim* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri dan kitab *Sabil al-Muhtadin* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Kebiasaannya kedua-dua buah karya ini dikompilasi sekali dalam sebuah naskah. Kitab *Sabil al-Muhtadin* di bahagian tengah isi, manakala kitab *Sirat al-Mustaqim* dipinggir tepi naskah.¹⁷

Secara asasnya, majoriti ulama Melayu klasik menekankan kepentingan dalam pengambilan makanan yang halal dan mengelakkan makanan yang haram. Ini kerana amalan ini bersandarkan kepada suruhan dan larangan yang tegas di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan hakikat tersebut, pengambilan makanan yang dipilih mestilah mengutamakan sesuatu yang baik dan menghindari daripada makanan bersumberkan najis dan kotoran.¹⁸ Firman Allah s.w.t:¹⁹

يَتَأْتِيهَا الذِّبْرِ ءَامِنُونَ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari benda-benda yang halal dan baik yang telah Kami berikan kepada kamu.”

Firman Allah s.w.t yang lain:²⁰

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا

Maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik.”

Selain itu, beberapa hadis Nabi s.a.w juga telah menegaskan pengambilan makanan yang haram telah dijanjikan dengan seksaan api neraka.²¹ Ini bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w:²²

¹⁶ Ahmad Mohammad Ibrahim *et al.* (1995), “Islamization of the Malay Archipelago and the impact of al-Shafii’s Madhab on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia”, in *Imam al-Shafii*, Morocco: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), h. 52.

¹⁷ Dalam kajian ini, penulis Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1343H), *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. Pulau Pinang: Dar al-Mu‘arif.

¹⁸ *Ibid.*, juz. 2, h. 241 & 246.

¹⁹ Surah al-Baqarah (2): 172.

²⁰ Surah al-baqarah (2): 168.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.* Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dengan lafaz:

أي لحم نبت من حرام ، فالنار أولى به

Maksudnya:

“Sesuatu daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka api nerakalah yang utama baginya”.

Justeru, para ulama klasik amat mementingkan makanan halal dalam amalan harian mereka. Ini kerana makanan yang haram menimbulkan implikasi negatif sama ada terhadap mental, fizikal serta spiritual manusia.

Selain itu dalam mengkategorikan makanan halal haram, ulama Melayu klasik telah menyenaraikan dua kategori utama haiwan iaitu haiwan akuatik dan darat.²³ Bagi haiwan akuatik, semua adalah halal untuk dimakan berasaskan firman Allah s.w.t:²⁴

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ

Maksudnya:

“Dihalalkan bagi kamu buruan haiwan lautan dan memakannya.”

Ini diperkukuhkan lagi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Nabi s.a.w bersabda:²⁵

هو الطهور ماؤه الحل ميتته

Maksudnya:

“Pada air laut itu, airnya suci lagi halal memakan bangkai daripadanya.”

Haiwan akuatik atau yang hidup di dalam air adalah haiwan yang tidak hidup di darat atau hidup di darat hanya untuk beberapa ketika kemudian masuk kembali ke dalam air, sama ada daripada jenis ikan atau mempunyai bentuk bagaimana pun seperti menyerupai haiwan darat iaitu babi dan anjing dan tidak mempunyai racun serta berbisa. Oleh itu, bagi haiwan seperti babi dan anjing laut, ia adalah halal untuk dimakan. Begitu juga, dihalalkan untuk memakan haiwan kerang-kerangan, udang dan ketam nipah.²⁶

Namun begitu, haiwan yang hidupnya dua alam adalah diharamkan kerana ia boleh memberi kemudahan. Di antara haiwan tersebut seperti ketam batu, katak, ular air, *nas-nas*,²⁷ buaya, belangkas, penyu dan memerang. Begitu juga diharamkan memakan haiwan beracun seperti ikan buntal. Namun, apabila racun

“إنه لا يربو لحم نبت من سحت ، إلا كانت النار أولى به”.

²³ *Ibid.*, juz. 2, h. 241 & 246.

²⁴ Surah al-Ma'idah (5) : 96.

²⁵ Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan imam hadis yang lain seperti Muslim, al-Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah dan lain-lain.

²⁶ *Ibid.*, juz. 2, h. 242-243 & 247.

²⁷ *Nas-nas* adalah sejenis haiwan laut yang seakan rupanya seperti manusia tetapi mempunyai satu mata dan satu kaki.

tersebut dapat dibuang hukumnya berubah kembali menjadi halal. Berasaskan pandangan tersebut, haiwan akuatik atau laut adalah halal dimakan selagi ia tidak dipandang keji, memudaratkan dan beracun. Ini termasuklah haiwan yang ditegah dibunuh seperti katak dan seumpamanya.

Selain itu, semua haiwan darat adalah halal dimakan melainkan terdapat larangan membunuhnya kerana ia memudaratkan kesihatan, membahayakan dan beracun. Di antara haiwan darat yang halal dimakan adalah seperti unta, sapi, kerbau hutan (liar) atau negeri (ternak), kambing dan kuda. Begitu juga, halal memakan keldai hutan bukan keldai jinak, dubuk, *dhab*, arnab, *tha'lab* (musang), pelanduk, landak dan seumpamanya. Malah dihalalkan juga haiwan berkaki dua seperti ayam, itik, angsa, burung kasawari dan belibis.

Namun begitu, haiwan darat seperti baghal, keldai dan tiap-tiap yang mempunyai taring yang kuat seperti macan (harimau), beruang, gajah, singa, babi, kera, badak dan lain-lain lagi adalah haram dimakan. Hal ini termasuklah haiwan yang dipandang menjijikkan dan kotor seperti cacing, cengkerik, semut, lipas, tebu, kumbang, lalat, nyamuk dan pacat. Tambahan pula, haiwan yang disunatkan dibunuh di dalam Islam adalah haram dimakan seperti ular, kala, gagak, helang dan tikus.

Dalam pada itu, diharamkan juga haiwan bersifat penyambar dan mencabut makanan dengan kuku seperti burung rajawali, helang, nuri, kakak tua dan serindit. Begitu juga diharamkan burung merak, burung nuri, keluang, kelawar, tuling, but-but (hud-hud) dan burung yang ditegah dibunuh seperti belatuk, hud-hud, lebah dan semut besar.

Selain itu, haiwan yang diperanakkan atau dikacukkan di antara haiwan halal dan haram adalah dikategorikan sebagai haiwan haram. Misalnya, dikacukkan anak anjing dan kambing atau kuda dan himar *ahliyah* (jinak). Anak yang dihasilkan daripada kacukan tersebut dianggap sebagai haram kerana induknya bukan lagi jelas sebagai haiwan halal.

Berdasarkan huraian tersebut, jelas ulama Melayu klasik telah membincangkan dengan terperinci status haiwan yang dikategorikan sebagai halal dan haram. Ada yang bersumberkan nas dan ada yang berasaskan ijtihad serta *istikhbath* (penilaian rasa jijik) terhadap haiwan tersebut.

Penilaian Terhadap Hukum Memakan Belangkas dan Meminum Kopi Luwak

1) Memakan Belangkas

Dewasa ini timbul isu berkaitan status memakan makanan haiwan akuatik seperti belangkas yang melibatkan daging, isi dan telurnya. Isu ini timbul ekoran wujudnya komuniti yang memakan belangkas dan ia menjadi hidangan popular di Kota Tinggi, Johor sehinggakan terdapat sebuah restoran khusus yang menyajikan haiwan ini iaitu Restoran Belangkas Mahkota. Restoran ini telah menjadikan belangkas sebagai menu utamanya dengan menyajikan hidangan

telur dan isinya sebagai memenuhi permintaan pelanggan yang meminati hidangan tersebut.²⁸ Senario ini bertentangan dengan pandangan ulama Melayu klasik yang mengharamkan belangkas, kerana ia haiwan dua alam.²⁹

Walau bagaimana pun, berdasarkan kajian semasa, belangkas bukanlah haiwan dua alam. Secara asasnya, belangkas adalah haiwan *Arthropoda* di bawah kumpulan primitif, *Chelicerata*. Ia bukan menjijikkan kerana belangkas hanya memakan kerang-kerangan sepanjang hidupnya. Ia adalah haiwan yang penting untuk memelihara kitaran makanan semula jadi laut dan mempunyai pelbagai khasiat yang berguna.

Menurut Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim,³⁰ Pakar Kajian Haiwan Hidupan Air, Universiti Malaysia Terengganu, belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Ia adalah sejenis haiwan purba yang masih hidup sehingga kini dalam rupa asalnya. Sifat hidup ini sama seperti penyu yang naik ke atas darat untuk bertelur. Di dalam badan belangkas terdapat darah berwarna biru yang mampu mengesan virus dan bakteria. Darah belangkas mempunyai nilai yang tinggi.³¹ Selain itu, terdapat sejenis toksin yang boleh memberikan ketidakselesaan kepada kepala iaitu menjadi pening apabila termakannya.

Belangkas juga adalah haiwan yang mudah ditangkap di tepi-tepi pantai kerana ia tidak menggigit. Di samping itu, belangkas mempunyai habitat hidup di kuala sungai dan dataran berlumpur hutan bakau. Ia gemar bergerak di atas dataran berlumpur untuk mencari makanan seperti bangkai haiwan hidupan laut, ikan, kerang, sisa-sisa organik dan alga. Belangkas dewasa akan bernafas menggunakan insang pada bahagian buku insangnya dan akan mati sekiranya bahagian buku tersebut kering. Oleh yang demikian adalah tidak benar anggapan bahawa belangkas seperti binatang dua alam seperti amfibia iaitu katak dan buaya. Belangkas memerlukan kepada air sebagai kebergantungannya untuk bernafas dan hidup. Ia berbeza dengan katak dewasa yang menggunakan kulit dan paru-paru untuk bernafas apabila dewasa kerana belangkas adalah sebaliknya.

Berasaskan keadaan tersebut, belangkas tiada berbeza dengan haiwan yang hidupnya memerlukan air untuk hidup dan dari aspek ini, ia dihukumkan sebagai halal, dan boleh untuk dimakan. Ini berasaskan firman Allah s.w.t:³²

أَحْلَلْ لَكُمْ صَيْدَ الْبَحْرِ وَطَعَامَهُ مَتَّعْنَا لَكُمْ وَلِلْسَّيَّارَةِ

Maksudnya:

²⁸ "Teluk Sengat lokasi belangkas mendarat", *Utusan Malaysia*, 10/08/2009.

²⁹ Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1343), *op.cit.*, j. 2, h. 241.

³⁰ Temu bual menerusi e-mail pada 4 Ogos 2011.

³¹ "Darah Belangkas RM17500 Seliter", *Berita Harian*, 06/07/2007

³² Surah al-Mai'dah (5): 96.

“Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagimu dan juga bagi orang yang dalam pelayaran...”

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Prof Madya Dr Zaleha Kassim, belangkas merupakan haiwan akuatik yang hidup di dalam laut dalam dan hanya naik ke atas darat untuk bertelur. Pendapat ini sekaligus menyatakan adalah tidak benar belangkas adalah haiwan dua alam yang dihukumkan sebagai haram oleh ulama Melayu klasik bermazhab Syafie.

Selaras dengan penemuan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-93 yang bersidang pada 21 Februari 2011 telah memutuskan bahawa hukum memakan belangkas adalah harus.³³ Ini kerana, hasil perbincangan bersama pakar haiwan hidupan air menyatakan belangkas adalah bukan hidupan haiwan dua alam. Ia adalah sejenis haiwan satu alam yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar dan ia tidak boleh kekal hidup di darat kerana bernafas menggunakan insang.

Justeru dalam hukum memakan belangkas, didapati berlakunya perubahan hukum hasil bantuan penyelidikan yang lebih saintifik. Daripada status asalnya yang didakwa sebagai haiwan dua alam yang haram dimakan, belangkas pada dasarnya adalah haiwan akuatik yang halal dimakan. Perubahan ini tidak bermakna meremehkan ijtihad ulama Melayu klasik, sebaliknya ia dapat menambahkan lagi kemantapan hukum Islam yang bersifat sebagai *living law* dan *law in action* kepada masyarakat Islam.

2) Meminum Kopi Luwak (*civet coffee*)

Selain isu berkaitan belangkas, terdapat juga persoalan berhubung penghasilan kopi bersumberkan najis daripada musang atau disebut sebagai luwak (*Paradoxurus hermaphroditus*).³⁴ Terdapat beberapa jenis kopi di dunia dan kopi luwak (*civet coffee*) adalah sejenis kopi yang mahal di dunia sehinggakan ia berharga \$160 *per pound* berbanding dengan sembilan jenis kopi yang lain. Pelbagai lapisan masyarakat menggemari kopi sebagai minuman penyegar, sumber kekuatan serta tenaga dalam tubuh badan. Namun dalam keghairahan menikmati minuman tersebut, masyarakat juga tidak sedar tentang sumber pemerolehan kopi juga boleh menimbulkan pertanyaan.³⁵

Asasnya, kopi adalah halal dimakan kerana ia bersumberkan tumbuhan yang tidak beracun dan memudaratkan kesihatan. Walaupun begitu, kopi luwak adalah sejenis kopi yang diperolehi melalui kutipan yang dilakukan oleh petani-

³³ www.e-fatwa.gov.my.

³⁴ “Kopi Luwak Cetus Kontroversi”, *Berita Harian*, 20/07/2010; “Henti minum kopi luwak”, *Harian Metro*; “Kontroversi Kopi Luwak”, *Kosmo*.

³⁵ Schoenhof, D.N., (1999), “Kopi Luwak: The Stercoaceous Coffee of Indonesia”, *Tea and Coffee Trade Journal*, pp. 142-146.

petani di ladang dengan menjadikan musang atau luwak sebagai agen mencari kopi terbaik. Kopi luwak terkenal di Indonesia semenjak penjajah Belanda membuka ladang kopi di Nusantara (sekitar 200 tahun yang lalu) sebelum Indonesia menyatakan kemerdekaannya pada 1945. Manualnya, kopi luwak dihasilkan bermula dengan pekerja ladang mengambil dan memisahkan biji kopi dari kotoran Luwak.³⁶

Kopi Luwak diperoleh dari proses fermentasi buah kopi di dalam saluran pencernaan haiwan luwak dengan menggunakan enzim yang khas sehingga menghasilkan *taste* dan aroma istimewa bagi peminat kopi.³⁷ Luwak mampu memilih buah kopi terbaik dan masak dengan matang untuk dimakan. Seterusnya, biji kopi tersebut mengalami proses pencernaan di saluran pencernaan luwak sehinggalah ia keluar kembali sebagai tinja atau najis dengan mengekalkan struktur asas fizikal biji kopi tersebut yang keras. Kemudian, petani mengutip dan mengambil biji kopi yang dijumpai di ladang bersama najis luwak yang keluar bersamanya. Biji kopi tersebut dibasuh, dikeringkan, ditumbuk sehingga hancur dan melalui proses biasa seperti penghasilan kopi.

Dalam kitab ulama Melayu klasik yang berorientasikan mazhab Syafie, musang atau *al-tha'lab*³⁸ adalah sejenis haiwan yang halal dimakan apabila disembelih.³⁹ Namun begitu, dalam isu ini persoalannya bukan musang akan tetapi sumber pemerolehan biji kopi tersebut sama ada ia dikategorikan sebagai suci atau sebaliknya. Para ulama mazhab Syafie berpendapat, sekiranya sumber pemerolehan bahan itu najis, ia adalah haram dimakan. Biji kopi luwak kini bukan lagi diperolehi terus dari pokok malah dari hasil tinja haiwan luwak. Oleh kerana itu, berasaskan tersebut ia tetap dipandang menjijikkan kerana biji kopi luwak tersebut telah tercemar dan kini disebut sebagai najis dari musang.

Namun terdapat juga sebilangan para ulama berpandangan yang menyatakan ia adalah halal. Ini kerana jika ada haiwan memakan biji tumbuhan kemudian dikeluarkan dari perut, jika kekerasannya tetap dalam keadaan asal, yang sekiranya jika ditanam dapat tumbuh, maka tetap suci tetapi harus disucikan bahagian luarnya kerana terkena najis. Ini kerana apabila musang memakannya ia tetap tidak mempengaruhi struktur asas biji kopi. Kemudiannya, ia dibersihkan dan melalui proses biasa menghasilkan serbuk kopi untuk diminum. Dalam kata lain, para ulama Melayu klasik berpandangan ia adalah halal.⁴⁰

Justeru, dalam isu meminum kopi luwak, para ulama Melayu klasik telah mendepani masa dengan berpandangan statusnya yang halal. Ini kerana sifat kopi

³⁶ *Ibid.* Massimo F. Marccone (2004), "Composition and Properties of Indonesian Palm Civet Coffee (Kopi Luwak) and Ethiopian Civet Coffee", *Food Research International* (2004). pp. 901-912.

³⁷ Dayle Hayes & Rachel Laudan (eds.) (2009), *Food and Nutrition*. New York: Marshall Cavendish, h. 225.

³⁸ Lihat gambarnya di dalam Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1350H), *Qamus al-Marbawi*. cet. 4, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 84.

³⁹ Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1343H), *op.cit.*, juz. 2, h. 242.

⁴⁰ *Ibid.*, juz. 1, h. 34.

tersebut adalah *mutanajis* dan ia boleh melalui proses penyucian semula disebabkan struktur fizikal kopi tersebut tidak mengalami perubahan bentuk asalnya. Sehubungan dengan itu, dalam konteks ini kopi luwak adalah halal untuk diminum.

Penutup

Daripada perkembangan penulisan kitab fiqh di Alam Melayu ini, kita dapat melihat bentuk dan pengetahuan keilmuan Islam amnya dan hukum Islam khususnya telah dicirikan dengan pandangan tradisional fuqaha mazhab Syafie. Ia diwarisi turun temurun dan diterima serta diamalkan dengan kukuh dalam masyarakat Melayu.

Makanan merupakan di antara aspek penting yang dibincangkan oleh ulama Melayu klasik dan ia dapat diteliti melalui penulisan khusus di bawah tajuk *bab al-at'imah* atau makanan. Di dalam bab ini para ulama Melayu klasik telah menggariskan panduan asas, kriteria pemilihan makanan halal haram, sumber pemerolehan, isu dan penyelesaian berasaskan kacamata pendapat mazhab Syafie.

Namun begitu, terdapat juga sisi-sisi dalam karya fiqh klasik Alam Melayu yang perlu diberi nuansa kontemporari agar relevansinya dengan perkembangan semasa dapat dipertautkan terutama bila berlaku perubahan sosio-budaya dan perkembangan sains dan teknologi. Pelbagai isu baru yang timbul, kadangkala tiada jawapan khusus dalam nas sama ada al-Qur'an, al-Sunnah, malah tiada dalam ijtihad fuqaha klasik. Justeru, ia memerlukan kepada ijtihad semasa yang berbentuk kolektif.

Bibliografi

"Darah Belangkas RM17500 Seliter", *Berita Harian*, 06/07/2007

"Henti minum kopi luwak", *Harian Metro*; "Kontroversi Kopi Luwak", *Kosmo*.
"Kopi Luwak Cetus Kontroversi", *Berita Harian*, 20/07/2010.

"Teluk Sengat lokasi belangkas mendarat", *Utusan Malaysia*, 10/08/2009.

Abdul Kadir Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Umat Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohammad Ibrahim *et al.* (1995), "Islamization of the Malay Archipelago and the impact of al-Shafii's Madhab on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia", in *Imam al-Shafii*. Morocco: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO).

- Azyumardi Azra (2005), *Dari Harvard hingga Makkah*. Jakarta: Penerbit Republika.
- Azyumardi Azra (2006), *Islam in The Indonesian World: An Account of Institutional Formation*. Bandung: Mizan.
- Hayes, D. & Laudan, R. (eds.) (2009), *Food and Nutrition*. New York: Marshall Cavendish.
- Marcone M.F. (2004), "Composition and Properties of Indonesian Palm Civet Coffee (Kopi Luwak) and Ethiopian Civet Coffee", *Food Research International* (2004). pp. 901-912.
- Mat Saad Abdul Rahman (2004), "Sheikh Nuruddin al-Raniri dan Kitabnya Sirat al-Mustaqim", (Kertas kerja Seminar Manuskrip Islam, anjuran Jabatan Perdana Menteri Brunei, bertempat di Berakas, Brunei, pada 1-2 Mac 2004).
- Md Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Mohamad Jajuli A. Rahman (1995), *The Malay Law Text*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Muhiden Abd Rahman (2006), *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya Kepada Ilmu Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Ngah (1995), "Islamic World View of Man, Society and Nature Among the Malays" dalam Mohd Taib Osman (ed.), *Malaysian World View*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1350H), *Qamus al-Marbawi*. cet. 4, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Schoenholf, D.N. (1999), "Kopi Luwak: The Stercoaceous Coffee of Indonesia", *Tea and Coffee Trade Journal*. pp. 142-146.
- Surah al-Mai'dah (5): 96.
- Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (1343H), *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaquh fi Amr al-Din*. Pulau Pinang: Dar al-Mu'arif.
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah (1985), *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*. Solo: CV Ramadhani.

- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000a), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, j. 3.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000b), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, j. 1.
- www.e-fatwa.gov.my.

Perkapalan dalam Tuhfat al-Nafis : Tinjauan Ke Atas Fungsinya

Norain Ismail*

Abstrak

Abad ke 17-19 M telah memperlihatkan bahawa kapal merupakan satu instrumen yang begitu penting untuk meningkatkan ekonomi kerajaan Johor menerusi perdagangan. Lantaran kedudukan geografi Johor yang strategik juga telah membuktikan bahawa kapal sememangnya diperlukan untuk menjalankan pelbagai aktiviti sama ada dikalangan masyarakat tempatan sendiri, mahupun kuasa asing. Penaklukan kuasa ke atas kerajaan Johor, ternyata telah menyaksikan penggunaan kapal yang terdiri daripada pelbagai jenis rekaan yang unik. Oleh yang demikian, artikel ini ingin mengupas tentang peranan kapal dengan membuat tinjauan terhadap salah satu sumber sejarah yang terkenal iaitu Tuhfat al-Nafis. Ini kerana Tuhfat al-Nafis merupakan sebuah karya kemuncak bagi historiografi Johor yang dikarang oleh Raja Ali Haji pada pertengahan abad ke 19 , malah ia juga dianggap sebagai Encyclophedia of Malaya life kerana banyak memaparkan tentang perihal kehidupan orang Melayu dan Bugis terutamanya peperangan, yang melibatkan penggunaan kapal sebagai alat pengangkutan utama.

Pendahuluan

Kerajaan Johor telah mula terbentuk apabila jatuhnya ketamadunan Melaka selepas dikalahkan oleh Portugis (1511 M).¹ Selepas daripada kejadian tersebut, Sultan Alauddin Jalil Riayat Shah mula mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehinggalah sampai ke Johor, beliau membina sebuah kerajaan yang sangat maju dan berkembang pesat dari segi budaya, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Ternyata kedudukan Johor yang strategik dan terletak di penghujung semenanjung tanah Melayu telah menjadikan Johor sebagai jalan laluan perkapalan dunia untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan perkapalan. Bahkan sering menjadi tempat persinggahan dan pelabuhan bagi kerajaan asing, namun pelbagai cabaran dan dugaan yang turut datang dari luar untuk menjatuhkan kerajaan Johor melalui usaha peperangan. Sesungguhnya situasi ini ada dicatatkan dalam Tuhfat al-Nafis, yang

*NorainIsmail merupakan pelajar M.Us di JabatanSejarahdanTamadun Islam, AkademiPengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹KamarudinAbdRazak (1998), *PeninggalanSejarah di Persisiran Sungai Johor*, Johor Baharu : YayasanWarisan Johor,hlmn 2

mana teks ini merupakan karya utama untuk mengetahui sejarah kemunculan awal kerajaan Johor, malah memperlihatkan pelbagai kegiatan harian yang melibatkan penggunaan kapal dikalangan oleh orang Melayu umumnya, dan khasnya bagi orang Bugis.

Tuhfat al-Nafis

Tuhfat al-Nafis² merupakan karya agung yang paling kompleks dan canggih diantara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad kedua puluh. Selari dengan pandangan para sejarawan yang mengakui bahawa teks ini adalah penulisan sejarah yang terpenting selepas Sejarah Melayu yang telah diperbaiki oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612M. Teks ini dikarang oleh Raja Ali Haji pada 3 Sya'aban, tahun 1283H/ 1866M.³ Walau bagaimanapun, menurut Sir William Maxwell ada menyatakan bahawa teks tersebut pada awalnya ditulis oleh bapanya, Raja Haji Ahmad. Kemudian diteruskan oleh Raja Ali Haji sehingga sempurna. Terdapat dua buah karya yang mempunyai judul yang sama, dan ia dianggap oleh para sejarawan sebagai dua versi daripada satu karangan, meskipun demikian, ternyata di antara kedua versi tersebut mempunyai perbezaan dari segi historiografi dan tekstologi.⁴ Sesungguhnya, isi kandungan teks tersebut mempunyai ciri-ciri khas yang tertentu, antaranya terdapat peringatan peribadi padanya dan disebutkan jenis-jenis sumber yang digunakan seperti daripada Al-Quran dan karya-karya tokoh Islam. Antara lain yang ditemui dari teks ini selain daripada dicatatkan tentang salasilah Melayu dan Bugis serta keturunan raja, ia juga turut menceritakan tentang perihal kehidupan manusia dalam pelbagai kegiatan terutamanya dikalangan orang Bugis dan Melayu, dan daripada situ dapatlah dibuktikan bahawa perkapalan menjadi aset yang sering digunakan pada abad itu.

².Berikut merupakan teks Tuhfat al-Nafis yang telah diterbitkan dalam versi panjang ; (1) Naskhah Maxwell 2MS, tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Disalin pada bulan Mac 1890 di Selangor oleh residen Selangor- Sir William Maxwell. Ciri fizikal kurang baik jika dibandingkan dengan naskhah Von Hasselt. Pernah digunakan oleh R.O Winstedt (1932) & V. Matheson (1982). (2) Naskhah R.O Winstedt dilaksanakan dalam bentuk litograf pada tahun 1923 dari naskhah yang lebih lama. Bentuk hampir sama dengan naskhah Maxwell. Berhuruf Jawi. Pernah digunakan di semua edisi " Tuhfat al-Nafis". (3) Naskhah dalam koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang berjudul Sejarah Raja-Raja Melayu dan Bugis. Hampir sama dengan naskhah Maxwell tetapi ciri-ciri fizikalnya kelihatan lebih baik. Bertulisan Jawi. Pernah digunakan dalam edisi Virginia Matheson. (4) Naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden sejak tahun 1954, dikatalogkan oleh Teuku Iskandar. Berhuruf Jawi. Pernah digunakan dalam edisi Virginia Matheson tahun 1991. (5) Naskhah Terengganu. Terdapat di dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1986). Disalin pada tahun 1886 di Terengganu. Memiliki ciri fizikal yang baik dan berhuruf Jawi. Belum diterbitkan lagi.

³LiawYock Fang (1993) , *SejarahKesusasteraanMelayuKlasik*, Jakarta : PenerbitanErlangga, hlmn 134

⁴Denisova, T.A, (1995) *Op.cit*, hlmn 35

Kapal dan Perkapalan

Johor merupakan kerajaan maritim yang menjadikan perdagangan sebagai sumber utama bagi meningkatkan ekonomi kerajaan. Kawasannya yang strategik sering menjadi tempat persinggahan para pedagang dan kerajaan Eropah untuk menjalankan urusan dagangan dan hubungan diplomatik. Hal ini telah dicemburui oleh segenap pihak di atas kejayaan yang dimiliki oleh Johor sehinggakan banyak penjajah seperti Belanda yang ingin menakluk kerajaan Johor. Sesungguhnya peristiwa tersebut digambarkan adalah untuk mencerminkan bahawa perkapalan memainkan peranan penting dalam kemajuan masyarakat serta ekonomi.

Kapal merupakan satu bentuk kemudahan yang dicipta untuk memberi kemudahan kepada manusia melaksanakan sesuatu pekerjaan. Jika ditelusuri sejarah perkapalan ini, kapal-kapal Melayu telah banyak digunakan sejak abad pertama lagi di pelabuhan Tenggara China untuk membawa barang dagangan seperti sutera, peralatan besi, tembikar dan sebagainya. Hal ini sepertimana yang dicatatkan dalam sumber China mengenai kehadiran kapal-kapal Melayu (Kun-lun po/bo)⁵ di pelabuhan tenggara China,⁶ dimana kapal-kapal itu dikatakan terdiri daripada saiz yang lebih besar sehingga mampu membawa kargo seberat antara 250 hingga 1000 tan, sementara penumpang pula antara kitaran 600 hingga 700 orang.

Selepas Islam tersebar luas ke alam Melayu, terdapat banyak kapal-kapal asing yang keluar masuk ke Nusantara untuk menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa. Disamping menerima ajaran serta pengaruh yang dibawa dalam Islam. Pada kurun ke 17-19M⁷, banyak usaha yang dibuat oleh masyarakat Melayu untuk mencipta dan mereka pelbagai bentuk sampan, perahu dan kapal sendiri dengan saiz yang lebih kecil, disamping itu ada yang dicipta mengikut model kapal buatan asing seperti gurab, feluka, tub-Siam, sekoci, termasuklah meniru ciri-ciri pembuatan kapal Eropah. Ini kerana dengan munculnya pusat pentadbiran baru iaitu orang Eropah,

⁵ Kun Lun bo/ po merupakan sebuah kapal laut yang bersaiz besar dan sangat laju. Terdiri daripada kapal yang tidak mempunyai sebarang besi yang digunakan untuk mengikat komponen tertentu, mempunyai beberapa lapisan papan. Kemudian dipasangkan tiang yang tinggi beserta layarnya supaya mudah bergerak ditiup angin. Ini kerana kapal tersebut tidak mampu digerakkan dengan kekuatan tenaga manusia. Lihat *Tamadun Melayu*, jilid 1, (1993), hlmn 179

⁶ Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlmn 2

⁷ Ternyata kapal orang Melayu yang wujud pada ketika itu lebih kecil, mempunyai iluanas. Sementara kulit/ badan kapal dibina daripada pasak kayu, dimana papannya akandisusun secara bertingkat-tingkat dan tiada penggunaan pakubesi atau bingkai padanya. Lihat Ahmad Jelani, (2006), *Perdagangan dan perkapalan Melayu* hlmn 157

disamping adanya hubungan diplomatik dikalangan para penjajah. Selain itu orang Melayu juga mempunyaikemahiran tertentu selari dengan sifat mereka yang gemar berlayar untuk mencari sumber rezeki dan seumpamanya. Oleh yang demikian, satu analisis berkaitan dengan fungsi kapal akan dibuat berdasarkan teks Melayu klasik iaitu Tuhfat al-Nafis sebagai buktibahawa terdapat banyak sebutan tentang kapal dan perkapalan.

Analisa teks

Terbukti bahawa sebutan tentang kapal dalam Tuhfat al-Nafis ada dinyatakan mengikut keperluan orang Melayu dan Bugis ketika itu. Berikut merupakan jadualanalisa teks yang menunjukkan bahawa perkapalan merupakan pengangkutan yang mempunyai fungsi tertentu pada abad itu, malah ia bukan sahaja digunakan oleh masyarakat tempatan, tetapi turut digunapakai oleh kerajaan luar (kuasa asing) untuk menjalankan sebarang aktiviti terutamanya seperti perdagangan, pelayaran dan peperangan.

JENIS KAPAL / PERAHU	FUNGSI	MAKLUMAT TEKS
Kapal	Pengangkutan jenazah	<i>“ ...Adalah sebelum lagi ditanam jenazah Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu maka ditaruhnya di dalam peti hendak dibawanya ke Betawi, sudah sedia kapal akan membawa jenazah baginda al-marhum itu, maka menantikan keesokan harinya sahaja...”⁸</i>
Gurab ⁹	Peperangan	<i>“... sebermula adapun opu-opu itu apabila sampai ke Selangor, lalulah membuat kelengkapan gurab tiga puluh buah banyaknya, akan jadi perahu perangnya serta dicukupkan alat kelengkapannya...”¹⁰</i>
Silibis (kapal api)		<i>“...maka datanglah satu kapal api perang dari Betawi namanya Silibis masuk ke negeri Riau...membawa</i>

⁸Tuhfat al-Nafis (f.239), hlmn 259

⁹Gurabberasal dari istilah Arab iaitu Grab, iaitu merupakan sebuah kapal orang Melayu yang diciptakan mengikut model kapal Arab.

¹⁰Tuhfat al-Nafis (f.68), hlmn 72

		<i>satu komisaris namanya Tuan Mejur Willim...¹¹</i>
Bedar (sampan perang bersaiz kecil)		<i>"...Syahadan kata sahib al-hikayat adalah yang memerintahkan perang itu iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Haji sendiri adalah ia berkayuh satu sampan bedar yang panjang..."¹²</i>
Berangai ¹³	Lawatan rasmi	<i>"... dan maka apabila selesaikan mereka itu daripada muafakatnya dan musyawarahnya maka berlayarlah mereka itu ke Riau. Adalah kira-kira kelengkapannya berangai dan penjajab kira-kira dua tiga puluh buah lebih kurang sedikit..."¹⁴</i>
Berik ¹⁵	Lawatan	<i>"... maka lalulah naik kapal berik Turki, nakhhodanya Sayid Muhammad Ali, menyewa pula sebelah kurung kapal itu juga. Maka lalulah berlayar ke negeri Jawi...."¹⁶</i>
Katar ¹⁷	Pengangkutan awam	<i>"...maka datanglah satu katar dari Singapura, iaitu katar Kersaji sahabat Sultan Mahmud dipinjamnya oleh Sultan Mahmud akan menghantar Raja Ahmad Tengku Long itu ke Riau..."¹⁸</i>
Lancang ¹⁹	Kegiatan merompak	<i>"...pergi merompak pada masa kerajaan YDPM Raja Jaafar itu iaitu jarang dengan perahu penjajabnya yang besar-besar, melainkan dengan perahu lancangnya..."²⁰</i>

¹¹ Tuhfat al-Nafis (f.435), hlmn 447

¹² Tuhfat al-Nafis (f.229), hlmn 247

¹³ Berangai merupakan kapal orang Filipina yang mirip dengan kapal anun.

¹⁴ Tuhfat al-Nafis (f.252), hlmn 273

¹⁵ Berik berasal dari istilah karkai yang beerti kapalayar.

¹⁶ Tuhfat al-Nafis (f.349), hlmn 379

¹⁷ Katar merupakan sebuah kapal yang bertiang satu

, lazimnya digunakan untuk mengangkut barang atau pun individu.

¹⁸ Tuhfat al-Nafis (f.435), hlmn 447

¹⁹ Lancang merupakan sejenis perahu perang yang mempunyai haluan berbentuk runcing.

²⁰ Tuhfat al-Nafis (f.393), hlmn 396

Keci ²¹ , Selub, Senat, Tiang Sambung, Pencalang	Perdagangan	“... maka datanglah beberapa perahu dagang dari jauh-jauh. Datanglah kapal dan keci-keci dari Bengal membawa dagangan Bengal berpuluh-puluh buah... selub dan senat dan tiang sambung dan pencalang berpuluh-puluh buah dan apalagi perahu Bugis...” ²²
Kapal Inggeris		“...Ada pula sebuah kapal Inggeris di Terengganu itu, ia mencari dagangan timah-timah. Adalah kapal yang cukup juga seperti alat kapal...” ²³
Penjajab ²⁴	Kapal perang Bugis	“... Maka angin pun lemahlah dikeluاري oleh penjajab ada enam tujuh buah. Maka lalulah berperang legum-legam azmatlah bunyinya bahaya meriam itu. Maka seketika berperang itu hampirlah tewas...” ²⁵
Berik	Kapal layar	“... maka lalulah naik kapal berik Turki nakhodanya nama Syed Muhammad Ali menyewa pula sebelah kurung kapal itu juga. Maka lalulah berlayar ke negeri Jawi...” ²⁶
Tambang	Pengangkutan awam (pergi haji)	“... maka lalulah hendak pergi haji ke Singapura mencari kapal tambang di Singapura pergi ke negara Arab...” ²⁷
Walmena , Terum, (kapal perang Eropah)	Kapal perang kuasa asing (Belanda)	“.. raja laut dan satu komesaris iaitu kapitan laut dengan kapal perang yang bernama Terum dan satu lagi kapal perang bernama Walmena , itulah yang besarnya dan lain-lainnya itu kecil...” ²⁸
Utrik	Menjalankan hubungan diplomatik	“... Syahadan adapun membuat perjanjian itu di dalam kapal perang yang bernama Utrik demikianlah adanya. Maka selesaillah daripada

²¹ Keci adalah sebuah kapal besar bertiang dua yang panjangnya lebih kurang 60m.

²² Tuhfat al-Nafis (f.168), hlmn 179

²³ Tuhfat al-Nafis (f.258), hlmn 280

²⁴ Penjajab adalah kapal perang orang Bugis, dan terdapat juga maklumat tentang penggunaannya oleh lanun untuk melakukan kegiatan mero mpak.

²⁵ Tuhfat al-Nafis (f.229), hlmn 248

²⁶ Tuhfat al-Nafis (f.349), hlmn 379

²⁷ Tuhfat al-Nafis (f.344), hlmn 373

²⁸ Tuhfat al-Nafis (f.312), hlmn 338

		<i>berjanji itu serta dengan surat perjanjian...</i> ²⁹
Pemayang	Subjek dalam jual beli (perniagaan)	<i>"...kemudian baharulah ia membeli pemayang sebuah, harganya ada tiga puluh rial lebih kurang sedikit..."</i> ³⁰

Berdasarkan kepada pemerhatian dan pengamatan yang dibuat terhadap Tuhfat al-Nafis, ternyata ada disebutkan beberapa jenis kapal, perahu dan sampan yang digunakan sebagai alat pengangkutan, sama ada ketika berdagang, berperang, rompakan, lawatan atau untuk menjalankan kegiatan seharian. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 33 jenis kapal yang dirakamkan dalam teks dan kebanyakannya digunakan untuk berperang. Meskipun demikian, penggunaan kapal atau perahu ada juga disebutkan dalam teks sebagai satu kemudahan asas untuk berdagang, merompak, melanun, berlayar, menjalankan hubungan diplomatik dan sebagainya, namun ternyata penonjolan fungsi kapal dalam peperangan lebih mendominasi daripada fungsi-fungsi yang lain.

Kesimpulan

Perkapalan menjadi nadi kepada masyarakat Melayu untuk menjalankan kegiatan perdagangan dan pelayaran pada waktu itu, buktinya bila mana Johor menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang terkenal. Banyak pengaruh-pengaruh asing yang masuk ke alam Melayu umumnya untuk menjalankan perniagaan sekali. Meskipun demikian, dengan wujudnya kuasa pentadbiran Eropah telah menyebabkan perdagangan dan ekonomi menjadi semakin merosot, malah ditambah pula dengan kekacauan sehingga menyebabkan berlakunya pertempuran dan peperangan, sehinggakan mereka menggunakan khidmat para lanun dan perompak untuk menentang para pesaingnya. Hal ini membuktikan bahawa subjek perkapalan dikekalkan dalam catatan teks sejarah Melayu untuk mencerminkan setiap aktiviti yang dijalankan memerlukan dari semasa ke semasa dan dengan kapal juga membuktikan kemakmuran negara tercapai.

Bibliografi :

_____, (1984), *Perahu*, Malaysia : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.

Ahmad Jelani Halimi, (2006), *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala

Andaya, L.Y, (1987), *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik* , Kuala Baharu : Yayasan Warisan Johor

²⁹Tuhfat al-Nafis (f.246), hlmn 267

³⁰Tuhfat al-Nafis (f.182), hlmn 192

- BuyongAdil , (1971), *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Denisova, T. (1995), *Tuhfat an- Nafis dua karangan dengan nama yang sama dalam Penelitian Sumber- Sumber Sejarah Timur dan Cabang- Cabang Ilmu Sejarah yang istimewa*, Keluaran 4, Moscow.
- KamarudinAbdRazak (1998), *Peninggalan Sejarah di Persisiran Sungai Johor*, Johor
- KhamisHj. Abas, (2004), *Melaka dalam Dunia Maritim*, Melaka :Perbadanan Muzium Melaka
- LiawYock Fang (1993) ,*Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, Jakarta : Penerbitan Lumpur :DewanBahasadanPustaka
- Raja Ali Haji, dikaji dan diperkenalkan oleh Virgina Matheson Hooker. (1998), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur :Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raja Haji Ali dan Raja Haji Ahmad editor Virgina Matheson, (1997), *Tuhfat al-Nafis*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Tatiana A. Denisova, (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Virgina Matheson Hooker (1991), *Tuhfat al-Nafis : Sejarah Melayu - Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Virgina Matheson Hooker (ed), (1998), *Karya Agung : Tuhfat al- Nafis*, Kuala Lumpur : Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka

Pertembungan Nilai Antara Islam Dan Barat Dalam Konsep Senibina Masjid Di Malaysia: Parallel Dan Kontradiksi

Azizul Azli Ahmad*

Abstrak

Dewasa ini pembinaan masjid menjadi sesuatu kemegahan kepada setiap umat Islam setempat. Masyarakat hari ini seolah olah ingin berlumba dalam menonjolkan kemewahan di dalam seni bina. Makalah ini akan membahas tentang perbandingan serta permasalahan didalam seni bina masjid di Malaysia serta beberapa perbandingan dengan seni bina masjid di Indonesia. Penulis juga akan menyentuh tentang perkembangan bangunan masjid di Indonesia dan Kuala Lumpur dalam perbandingan kajian . Tulisan ini juga akan mengupas persoalan ikonografi dalam seni bina masjid di Malaysia dan Indonesia masa kini . Penulis juga akan menyentuh tentang kronologi seni bina Islam di zaman Rasulullah SAW hingga para sahabat . Makalah ini akan cuba mengajak pemikiran ke dalam persoalan mengenai kesan terhadap pertembungan ini dalam konteks falsafah dan konsep seni bina masjid. Terdapat dua pesanan utama yang dapat dinilai oleh penulis (1) pemikiran (teori) masjid sebagai 'Rumah Tuhan' (house of God) telah disamaratakan dalam metoda dan kerangka Historiografi Seni Bina barat dan konsep "Seni Bina": Implikasi Masjid sebagai Rumah Tuhan adalah masjid yang besar dan megah .(2) Pemikiran (teori) yang diusulkan pada sebuah masjid adalah sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat yang menggabungkan nilai-nilai hakiki Islam yang berasal dari Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW dan perubahan dalam masyarakat Muslim sekarang : Implikasi terhadap perancangan masjid adalah masjid berukuran tidak besar.

The Clash Of Islamic And Western Values In The Islamic Mosque Concept In Malaysia : Parallelism And Contradiction

Abstract

Currently the construction of the mosque became a pride to all local Muslims. Today's society is to compete in the luxury features in the architecture. This paper will discuss the comparison as well as architectural problems of mosques in Malaysia and some comparison with the architecture of mosques in Indonesia. The author will also make the comparison study on the development of mosque building in Indonesia and Kuala Lumpur. These writings will also analyzed the question of iconography based on the architecture of mosques in Malaysia and Indonesia today. The author will also drag up on the chronology of Islamic architecture in

* Penulis merupakan Calon Doktor Falsafah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

the period up to the companions of Allah's Messenger (Rasulullah SAW). This paper will approach questions to the impact of this encounters in the context of the philosophies and concepts of architectural mosques. There are two main messages that can be evaluated by the authors (1) thinking (theory of) the mosque as the "House of God" (Rumah Tuhan) method and has spread in western Architectural Historiography framework and the concept of "Architecture": implications of the Mosque as the temple is a large and magnificent mosques. (2) thinking (theory) is proposed in a mosque as Community Development Centre which incorporates the value of Islamic that comes from the Quran and the Sunnah of the Prophet SAW and changes in current Muslim societies: Implications of the mosque is, the plan size is not large.

Mukadimah

Masjid bermaksud sebagai tempat bersujud atau bersolat, yang berasal dari perkataan *sajada*¹, dalam pengertian ini masjid bukan hanya sebagai tempat solat tetapi sebagai tempat ibadah dalam pengertian yang luas. Menurut Sidi Ghazalba perkataan 'mesjid' berasal dari perkataan bahasa Arab . kata pokoknya sujud , fi'il madinya *sajada* (ia sudah sujud) . Fi'il *sajada* diberikan awalan *ma*, sehingga terjadilah isim makan. Isim makan ini menjadikan perubahan bentuk *sajada* menjadi *masjidu*, masjid . Sujud adalah pengakuan ibadat, iaitu pernyataan pengabdian lahir yang dalam sekali . Setelah iman dimiliki jiwa, maka lidah mengucapkan ikrar keyakinan sebagai pernyataan dari milik rohaniah itu . Setelah lidah menyatakan kata keyakinan, jasmani menyatakan gerakan keyakinan dengan sujud (dalam sembahyang)² . Sujud memberikan makna apa yang di ucapkan oleh lidah bukanlah kata-kata kosong belaka. Hanya kepada Allahlah satu-satunya muslim sujud, dan tidak kepada yang lain, tidak kepada satupun dalam alam ini. Seperkasa manapun manusia ia bukanlah sasaran disujud melainkan kepada Khalik, seluruh makhluk wajib sujud kepada Nya³ . Muslim boleh melakukan solat dimanapun di muka bumi ini, kecuali di atas kubur dan tempat bernajis, atau ditempat lainya yang menurut Sya'riat tidak pantas untuk dijadikan tempat solat seorang muslim, baik kerana keadaan tempatnya maupun kerana lingkunganya⁴

Rasullulah SAW bersabda :

"Telah dijadikan mukabumi ini sebagai tempat sujud dalam keadaan bersih"

(HR Muslim)

Pada hadits lain juga Rasulullah SAW, juga bersabda :

¹. Ir. Mohammad Sharif Kamil.(2002). lihat kertas kerja *Seminar Arsitektur Islam Nusantara* . Geleri Arsitektur . ITB. Vol 1, h. 26

². Faridl , Miftah .(1995). *Masjid* . penerbit Pustaka Bandung ,h. 1

³. Ghazalba, Sidi (1989) . *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*. Pustaka Al-Husna. Jakarta . h.121

⁴. *Ibid* .h.118-119

Sejarah Seni Bina Masjid

Berdasarkan sejarah perkembangan seni bina Islam, bangunan terpenting yang mula dibina pada tahun-tahun awal hijrahnya Baginda Rasulullah (622M) merupakan Masjid Nabawi (dahulunya dikenali sebagai Quba , selatan Yathrib yang kemudiannya dikenali Madinah an Nabi)⁵ pada tanggal 12 Rabi'ul Awal (28 Juli 622 Masehi)⁶ dan sebagiannya dijadikan rumah Baginda serta pusat aktiviti sosial dan kemasyarakatan untuk penduduk Madinah,⁷ detik ini bermulalah tahun hijrah dalam period Islam dalam sejarah umat manusia.⁸ Para sejarawan serta orientalis barat tidak mengiktiraf pembinaan terawal ini sebagai seni bina di zaman Rasulullah SAW kerana tidak terdapatnya unsur-unsur kesenian yang ‘mewah’ atau ‘berlebihan’ di Masjid Nabawi pada ketika itu. Bangunan masjid tersebut berukuran 100 hasta persegi empat dengan dinding setinggi 7 hasta pada sebelah dan bertiangkan batang pohon tamar dan beratapkan tanah liat dan tamar sebagai bahan binaan pada waktu itu. Masjid tersebut tidak mempunyai kubah, menara (minaret) ataupun mihrab, yang terdapat cuma mimbar dari batang pohon tamar. Bilal akan melakukan azan pada rumah yang mempunyai atap tertinggi dan paling hampir dengan Masjid Nabawi⁹. Zaman Khalifah al-Rashidin agama Islam telah mula berkembang dengan pembukaan wilayah-wilayah Syam atau Syiria (636M), Iraq (637M) daripada empayar *Bizantium* (Kristian) dan wilayah-wilayah *Iran* (642M), *Khurasan* (651M) dari empayar *Parsia*¹⁰. Sementara itu empayar kristian tersebut telah mempunyai corak kesenian serta peradapan tersendiri, kristian telah ditradisikan daripada kebudayaan *Romawi* dan *Yunani*¹¹. Pada ketika inilah dikatakan bahawa Khalifah al-Rashidin telah melihat serta coba mengubah serta menghadirkan seni bina Islam tanpa ditenggelami oleh seni bina gereja *Bizantium* yang terlalu mewah seolah-olah tidak mengakui kecemerlangan seni bina Islam.¹² Didalam seni bina Romawi sememangnya terdapat gereja-gereja yang mewah serta menggunakan unsur ekspresi *naturalis* dan *ikonografi* sebagai objek seni¹³.

Reka bentuk gereja *Partheon di Rome* merupakan antara monumen yang paling awal yang menggunakan kubah pada bangunan, walaupun ramai yang mengerti bahawa kubah ini mempunyai perbezaan dengan kubah yang terdapat dalam seni bina Islam tetapi ia merupakan titik tolak terhadap perkembangan

⁵. Faridl , Miftah (1995) . *Masjid* :Penerbit Pustaka.Bandung .h. 1

⁶. Ghazalba, Sidi.(1989) *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam* . Pustaka Al-Husna. Jakarta .h.121

⁷. *Ibid*, h. 122

⁸. Talib, Anuar .(2000) *The Tradition of Tauhid in Islamic Art ; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. (tidak diterbitkan) Thesis . UKM .h 28-31

⁹. Ghazalba, Sidi.(1989) *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam* . Pustaka Al-Husna. Jakarta .h. 122-123

¹⁰. Talib, Anuar .(2000) *The Tradition of Tauhid in Islamic Art ; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. (tidak diterbitkan) Thesis . UKM .h. xxx

¹¹. *Ibid*, h. xxix

¹². *Ibid*, h. xxxii

¹³. *Ibid*, h. xxxii

teknologi serta ikonografi dalam seni bina. Setelah Nabi Muhammad S.A.W wafat enam puluh tahun kemudian, orientalis barat baru mulai mengakui kesenian serta seni bina Islam dengan kelahiran *Qubbat as-Sakhrah (Dome of The Rock)* pada 692M. Ianya mula dibangunkan oleh Khalifah Abdul Malik (Bani Umamaiyah) pada 688M (66H). Bangunan ini memperlihatkan ciri-ciri dekorasi kesenian Islam yang baru.¹⁴ Walaupun begitu, masih banyak ahli fikir beranggapan bahwa pengaruh gaya kesenian ‘*Bizantium*’ pada penggunaan teknik dan bahan seni bina masih kelihatan. Hakikatnya terdapat kelainan dalam struktur dan teknologi yang digunakan diantaranya ketiadaan penyokong dinding (*buttresses*) yang sering menjadi dasar kepada seni bina gereja; Kubah yang digunakan pula tidak lagi berbentuk ‘hemisfera’ tetapi berbentuk lengkung dan menajam (*pointed arch*); pembukaan yang biasanya terdapat pada bagian atas kubah untuk tujuan pencahayaan sudah tidak ada lagi sebaliknya ruang pencahayaan wujud pula di bahagian bawah dinding kekeling kubah¹⁵.

Klasifikasi Seni Bina Masjid

Dalam memenuhi fungsi tersebut perlu ada keseragaman didalam bahasa seni bina untuk tujuan beribadah dengan fungsi bangunan. Berdasarkan pada perkembangan seni bina masjid kini dapat diklasifikasikan masjid kepada empat kategori¹⁶:

1. Masjid dengan penampilan rekabentuk berkubah seperti seni bina yang terdapat di Al-Hamra, Sepanyol atau Timur Tengah.
2. Masjid dengan penampilan rekabentuk yang diadaptasikan dari kebudayaan setempat seperti di Jawa, China dan lain lain.
3. Masjid generasi pertama yang dibangunkan di zaman Nabi Muhammad S.A.W
4. Masjid dengan bentuk penampilan modern atau terpesong dari gaya seni bina yang klasik.

Adanya keempat klasifikasi ini menandakan bahawa seni bina masjid lebih bebas jika dibandingkan dengan seni bina bangunan keagamaan yang lain, meskipun demikian dalam hal pembinaan masjid terdapat beberapa hal dasar yang perlu di perhatikan iaitu sebagai tempat ibadat. Ibadat disini bukanya dalam erti kata yang solat semata mata malah mempunyai pengertian yang lebih luas tentang konsep ibadah. Membaca, menuntut ilmu, memakai pakaian yang indah, bergurau senda suami isteri juga dinilai sebagai ibadat seandainya dibatasi perilaku yang ditetapkan oleh syariat.

Prinsip-Prinsip Teori Penentu (Determinats) Yang Merencana Seni Bina Masjid

Konsep Tuhan, Kosmos (alam) Manusia dan Realisasi Tauhid.

¹⁴. Micheal, George. (1991) *Architecture of the Islamic World*, Thames and Hudson, London. h.49-51

¹⁵. Talib, Anuar. (2000) *The Tradition of Tauhid in Islamic Art ; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. (tidak diterbitkan) Thesis . UKM .h.2

¹⁶. *Ibid*, h. xxix

Prinsip ini merujuk kepada perihal kewujudan Allah SWT yang maha esa lagi agung (subhanahu wa taala) dan hubunganNya dengan seluruh kosmos yang merupakan kajian dan ciptaanNya . Semua realita “lain” diperoleh dari Nya dan pasti akan kembali pada Nya.

*“.....sesungguhnya kami ini kepunyaan Allah dan
seseungguhnya kepadaNyalah kami kembali”*
(Quran , Al Baqarah 2:156)

“ kepunyaan Allah apa yang dilangit dan apa yang dibumi....
(Quran, Al-Baqarah 2:284)

Keseluruhan alam dan kosmos tidak terlepas daripada kesan kewujudan atau kehadiran Allah :

*“... dan kepunyaan Allahlah timur dan barat,
Walau kemana mukamu berpaling
Maka disana ada wajah Allah.....”*
(Quran, Al Baqarah 2:115)

Justru itu segala sesuatu kejadianNya dianggap suci (sacred) karena ianya kesan dari menifestasi DiriNya Yang Esa didalam setiap kejadian dan ciptaanNya yang dalam pelbagai bentuk. Hal ini tidak bermakna bahwa Tuhan itu bertempat ataupun “membentuk” menjadi objek lain seperti kepercayaan agama-agama lain¹⁷. PengetahuNya dan kewujudanNya meliputi segala sesuatu namun

“la tidak menyerupai sesuatu”
(Quran,Al-Shura 42:11)

Sebagai realiti, kewujudan Tuhan adalah mutlak sementara kewujudan kejadian (alam dan kosmos) adalah nisbi(tidak kekal bersifat sementara) . Pada masa yang sama , alam dan segala makhluk yang berbagai itu adalah tanda-tanda , (ayat) simbol-simbol atau makna –makna bagi mencerminkan realiti Allah yang esa :

*“.....Wahai Tuhan kami , Engkau tidak menjadikan ini
dengan sia sia...”*
(Quran, Al Imaran 3:191)

Sebahagian para sufi berpendapat bahwa Tauhid Illahi atau keesaan Tuhan dapat direalisasikan kepada tiga tahap, iaitu :

1. Tauhid kepada *Sifat Tuhan*
2. Tauhid kepada *Nama Tuhan*
3. Tauhid kepada *Dhat Tuhan(al-Zat)*

Mengikut tradisi kosmologi Islam, ‘alam dipercayai wujud dalam keadaan berlapis-lapis atau bertingkat-tingkat, bermula dari ‘alam Jabarut (Rahsia

¹⁷. *Ibid*, h. xxii

Ketuhanan), turun kealam malukut (kerohanian dan Kemalaikatan) sehingga sampai kealam Mulk (kebendaan atau sensori fisikal)¹⁸. Faktor inilah yang menjadi pengaruh kepada atap berlapis pada beberapa seni bina masjid di Nusantara .

Teori Keindahan, Kebenaran dan Kesatuan Dalam Seni Bina masjid :Konsep Estetika Dalam Islam.

“ Allah itu indah dan Dia kasihkan keindahan “
(hadith Muslim)

Nama “Allah” itu merupakan kumpulan Nama-Nama serta segala sifat-sifatNya dan setiap nama itu merupakan lambang-lambang tentang keindahan. Justru itu “ Yang Indah” (AL-Jamal) merujuk kepada “ *Yang Benar*” dan sebaliknya . “*kebenaran merujuk kepada keindahan*”. Didalam rupa yang indah itu tersirat suatu kebenaran dan sesuatu yang benar itu melahirkan keindahan. Menurut Al-Ghazali “*sesuatu yang indah itu dikasihi*”. Sebagaimana kita mengemari serta mencintai kehijauan alami dan aliran air dan lain-lain kejadian tuhan¹⁹.

Keindahan merupakan faktor esensial kepada bentuk seni. Didalam dimensi kesenian moden, keindahan dikaitkan dengan perkataan estetika. Istilah estetika berasal dari perkataan Greek “aistheta” yang pada asalnya bermaksud sesuatu yang persepsi melalui indrawi (panca indera), kemudiannya perkataan itu mula berkembang kepada maksud penelitian tentang keindahan baik berhubung dengan lukisan dan muzik maupun kesasteraan.

Didalam dimensi kesenian Islam , “keindahan” merupakan subjek yang sentral malahan menjadi objektif kepada setiap pengkaryaan bahan seni . Ini adalah berdasarkan kenyataan bahawa “keindahan” itu merupakan manifestasi daripada Sifat Tuhan. Menurut Al-Ghazali konsep keindahan dialam fizik adalah lewat pancaindera fizik seperti mata , telinga, rasa dan sentuhan manakala nilai keindahan dialam malukut memerlukan pandaindera hati²⁰. Ada manusia yang melihat pohon sebagai objek pohon semata-mata dan ada manusia yang melihat pohon menggunakan pancaindera hati dengan melihat ‘keindahan’ ciptaan Allah.

Berikut adalah diantara prinsip-prinsip dan sifat-sifat utama kepada kesenian Islam dan bandingannya dengan seni Modern.

1. Kesenian Islam adalah bertitik tolak dari Tuhan dan kepada Tuhan. Hal ini berdasarkan kepada keimanan terhadap keilmuan ber Wahyu (*revealed knowledge*) dan ‘ayat-ayat’ dari Tuhan(tanda-tanda). Kesenian Modern tidak berasaskan kepada aspek ketuhanan. Manusia menjadi subjek dan objek didalam kesenian moden.
2. Keindahan menjadi esensial didalam kesenian Islam. Keindahan pula dikaitkan dengan kebenaran (truth) kerana ‘Tuhan itu Indah dan Ia

¹⁸. *Ibid*, h. xxii

¹⁹. Azli, Azizul.(2002) *Simbolisme dalam Senibina Masjid* . Utusan Malaysia .h.22.

²⁰. Talib, Anuar .(2000) *The Tradition of Tauhid in Islamic Art ; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. (tidak diterbitkan) Thesis . UKM .h.117

mencintai keindahan” (hadith Muslim). (karya-karya agung Kesenian dan seni bina Islam biasanya tiada nama pengkaryanya yang ditemukan)

Didalam seni moden, keindahan (estetika) dikaitkan dengan rasionalitas, individualisme dan psikologi pada dimensi kemanusiaan semata-mata.

3.Karya seni (didalam Islam) adalah “indah” kerana ia mematuhi peraturan kosmik dan seterusnya melahirkan Keindahan yang kosmik dan universal. Keindahan biasanya dikaitkan dengan KeesanNya (Ahad) hingga menghasilkan karya seni yang memberikan ekspresi “kesatuan didalam kepelbagaian” dan “kepelbagaian dalam kesatuan”. Prinsip tersebut melahirkan ekspresi atau perencanaan seni yang bersifat abstrak, tenang, harmonis, tidak personal (individualistic) dan kualitatif.

Seni Moden tidak mempunyai prinsip yang tertentu atau prinsip yang bersifat universal. Ekspresi seni adalah bebas dan terpulang kepada pemikiran, imaginasi dan psikologi individu (seniman). Definisi abstrak didalam konteks seni modern adalah bersifat ‘individual’ dan lahir dari alam separuh sadar (subconscious) . Ianya banyak berasaskan humanisme dan sekularisme yang menghasilkan falsafah dan karya seni yang berunsurkan ‘dramatik’, ‘konflik’ dan ‘ketegangan’(tension) dan bersifat kuantitatif semata.

4.Kesenian Islam tidak membenarkan senimannya meniru bentuk (lahir) kejadian tuhan seperti imej manusia dan binatang. Realitas dan prinsip tauhid tidak membenarkan seniman Islam memberi kewujudan kepada sesuatu imej sehingga ia bersaing dengan kewujudan Tuhan.

Imej manusia menjadi subjek sentral didalam seni moden (berpunca pengaruh seni Yunani dan ikonografi agama Kristian). Umumnya segala sesuatu didalam seni barat adalah berdasarkan pembuatan imej baik peniruan imej manusia atau binatang maupun objek-objek alami secara naturalistic.

Keperluan Ruang Ruang Dalaman Masjid Untuk keperluan Bersolat

5.3.1 Ruang didalam sesebuah masjid dibahagikan kepada tiga bahagian :


1. Pintu masuk utama dan ruang meninggalkan sandal atau sepatu
2. Tempat bersuci atau berwuduk
3. Ruang atau dewan solat .

Ruang ruang tersebut di bezakan dengan tingkat lantai yang berbeza ketinggian , sesuai dengan maqam-maqam serta tingkat realisasi diri dan realisasi Ketuhanan semasa melakukan wuduk dan solat .


5.3.2 Pintu Masuk Utama

Pintu masuk utama berfungsi sebagai tembok penghalang yang memisahkan kawasan suci (haram) dan “yang tidak suci”. Segala yang bersifat kealpaan (ghaflah) dan keduniaan yang memenuhi fikiran dan jiwa manusia mestilah ditinggalkan. Peringkat realisasi diri dan realisasi ketuhanan ini selalunya di capai

melalui perbezaan didalam ketinggian aras lantai (diantara laluan orang banyak dan pintu masuk masjid) . setelah memasuki pintu masjid tersebut para jemaah mestilah meninggalkan kasut dan pakaian mereka yang tidak suci (bernajis)



Perbezaan hiraki ruang luaran dan dalaman masjid melalui ketinggian aras lantai didalam dimensi masa, pergerakan dan ruang. Ianya sesuai dengan tingkatan tingkatan realisasi yang bermula daripada ruang peralihan pintu masuk hingga ke ruang haram (di bawah kabaah) yang memberikan simbolisme kemuncak pengembaraan kehadiran tuhan (mikraj)



Teori Yang Membentuk Demokrasi Dalam Seni Bina Masjid

Seni bina adalah gambaran mengenai corak kehidupan manusia yang telah direalisasikan dalam rupabentuk "form"²¹. kehilangan demokrasi bererti ideologi pemikiran seseorang itu akan beku dan kita akan kehilangan daya berfikir serta identitas diri.²² Definisi Demokarasi berasal dari perkataan arab, **Demo** bermaksud kesinambungan, dan **cracy** ialah kerusi atau tampuk pemerintah .Kehilangan asa semangat demokarasi bermakna akan goyah dan gentarlah pegangan seseorang itu dan ini akan menjadikan mereka mudah digugat oleh anasir serta budaya asing .Teori seni bina demokrasi ini kemudiannya berkembang semenjak abad ke-8 dan ke-9 dan kelihatan pada beberapa jajahan Greek dan Sparta, bangunan yang dibangunkan pada zaman itu digunakan untuk tujuan kerakyatan . Bagaimanapun teori demokrasi ini hilang dizaman Roman dimana perubahan dalam dunia seni bina terjadi akibat dari peralihan dan

²¹. Qardahwi.Yusuf.(2002) *Islam Bicara Seni*. Era Intermedia.Jakarta. h.37-23.

²².Talib, Anuar.(2000) *The Tradition of Tauhid in Islamic Art ; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. (tidak diterbitkan) Thesis . UKM .h.26

pertambahan segi fizikal serta bersifat 'iconografi' yang diilhamkan oleh perasaan egotik dan kehendak iindividualistik dalam menunjukkan kemegahan , kekuasaan dan kebebasan²⁷ .

Seni bina yang ditonjolkan juga tidak memberikan pesan serta di pengaruhi oleh keabstrakkan dan keseragaman yang hanya menurut citarasa gaya pereka itu sendiri tanpa memikirkan aspek lingkungan . Seni bina demokrasi ialah seni bina milik manusia dan dibina menurut ukuran dan kehendak manusia, memenuhi keperluan serta kehendak individu dan memberikan kenyamanan kepada sesiapa yang menghuninya. Bagi mewujudkan seni bina demokrasi ini bukan hanya kebebasan sahaja yang diperlukan bahkan juga kebenaran.

Teori Seni Bina Masjid: Suatu Penilaian Semula

Pengenalan.

Matlamat utama penulisan ini adalah untuk membahas tentang pendekatan alternatif terhadap reka bentuk institusi masjid dengan merujuk kepada perkembangan konteks Malaysia dan juga dunia Melayu Nusantara. Penyampaian penelitian ini adalah untuk mempelajari serta memahami konsep seni bina Islam serta kesenian Islam menurut perspektif As-Sunnah .

Problema Histiografi Seni Bina Masjid .

Kebanyakan daripada tanggapan dan fahaman mengenai institusi masjid seringkali diluahkan oleh sejarawan dalam hasil penelitian mereka. Namun begitu , ideologi dan pendapat mereka terhadap intepetasi institusi masjid hanyalah terbatas kepada pengertian 'Seni bina' sahaja serta bercanggah dengan keperluan sebenar perencanaan institusi ibadah tersebut, ia hanya terbatas kepada sebuah gedung ibadah saja dan fungsinya tidak lebih dari itu .

Secara keseluruhan fahaman mengenai agama sebenarnya melambangkan cara hidup dan ia diperkukuhkan lagi oleh upacara-upacara adat tertentu untuk menghormati tuhan. Penulisan awal pada kurun ke 20 kebanyakan di pelopori oleh ideologi yang menyatakan perbezaan diantara pengertian sebenar bahasa seni bina dan juga frasa 'bangunan'. Seni bina diartikan sebagai penghasilan rancangan seni yang berkemampuan untuk mengerakkan jiwa setiap insan yang menghuninya manakala definisi bangunan pula lebih kepada ciri-ciri *utilitarian* yaitu yang terbatas pada fungsi semata-mata dan tidak menitikberatkan nilai estetika atau unsur keindahan .

Institusi masjid yang agak sederhana dari segi rancangannya walaupun berperanan secara aktif tidak pula dirakamkan oleh sejarawan kerana pada pendapat mereka ia tidak berupaya untuk memenuhi fungsi dan kehendak penghuninya . Pemilihan ini sering menimbulkan pelbagai masalah dan membuahkan tanggapan negatif dalam pembentukan sosial-budaya masyarakat kerana hasil kerja mereka banyak dipengaruhi oleh nilai egoistik dan kehendak peribadi sahaja. Malahan terdapat beberapa penulis yang cuba menghapus bukti-bukti kewujudan Masjid Rasulullah SAW yang berperanan sebagai sebuah institusi

masjid yang sebenar . Hal ini dapat dilihat dari pernyataan yang dikemukakan oleh K.A.C Creswell iaitu:

Arabia, at the rise of Islam, does not appear to have possessed anything worthy of the name of architecture .Only a small portion of the population was settled, and these lived in dwellings which were scarcely more than hovels.Such was the house of the leader of the community at Medina. Nor did Muhammad wish to alter these conditions: he was entirely without architectural ambitions , and Ibn Sa'ad records the following saying of his. "The most unprofitable thing that eateth up the wealth of a Believer is building"

Pengetahuan ini merujuk kepada Rasullulah SAW sebagai orang Arab yang dianggap kurang berpengetahuan mengenai peradapan serta sebagai seorang pemimpin yang sama sekali tidak memberi perhatian terhadap perkembangan dunia seni bina. Tanggapan ini telah mewujudkan suatu perspektif yang mengakibatkan para sejarahwan menganggap remeh terhadap sunah Rasullulah SAW. Sebaliknya perhatian lebih diberikan pada bangunan yang dimiliki oleh golongan yang kaya raya dan pihak bangsawan pula. Kini, hal tersebut sering menjadi pokok pertentangan dalam masyarakat kerana ada kecenderungan untuk mewujudkan monumen agung yang besar dan gagah telah di pengaruhi oleh fahaman Islam yang terselewengkan. Kebanyakan karya penulisan sejarahwan ini juga dicemari ideologi *stereotype* mengenai keagamaan dan perlakuan ibadah dalam keagamaan . Ramai diantara mereka tidak dapat menerima fahaman Islam sebagai *Ad-din* atau cara hidup.

Kebanyakan para sejarahwan menggunakan hipotesis ini untuk menghuraikan seni bina institusi masjid setelah kewafatan Rasulullah SAW dan para sahabat . Titik permulaan bagi seni bina Islam seringkali hanya dilihat pada bermulanya pengaruh orang Islam dalam membina bangunan berbentuk monumen agung seperti di Syiria dibawah pemerintah khalifah Islam terkenal seperti Khalifah Al-Walid . Struktur pembinaan gereja, kuil dan rumah ibadat yang lain juga ikut mempengaruhi model reka bentuk pembinaan institusi ibadat dalam Islam.

Oleh kerana fahaman ini telah tersebar maka wujudlah sumber-sumber keagamaan yang menginterpretasikan idea pembinaan institusi masjid ini diluar dari landasan Islam. Perkara ini telah menimbulkan pelbagai reaksi terhadap pembangunan *As-Sunnah* terutama dikalangan ahli sejarahwan. Mereka berpendapat ia adalah suatu hal yang membazirkan kerana pada tanggapan mereka, Rasullulah SAW sendiri pun tidak menghiraukan tentang perkembangan seni bina ataupun beliau terlalu naif untuk memahami konsep tersebut. Kita telah melihat tanggapan *Creswell* yang telah melebelkan masyarakat Arab, termasuk Rasullulah SAW sendiri sebagai tidak bertamadun .

Hakikatnya, terdapat banyak agenda politik yang menyelubungi pembangunan institusi masjid tidak kira pada zaman lampau atau kini. Perencanaan masjid secara besar-besaran sebenarnya adalah untuk memainkan sentimen simbolik agar tiada siapa yang akan megendahkan perencanaan masjid

secara sederhana. *Creswell* mencatatkan mengenai Gabenor *Ziyad Ibn Abihi* yang membina masjid besar dan mewah untuk mendapatkan simpati politik dari suku-suku yang terdapat dalam daerah beliau seperti yang dinyatakan di bawah:

Ziyad yang cukup berpengalaman dalam perkembangan Bandar Iraq, menyadari kepentingan politik dalam institusi masjid, dimana ia menjadi pusat kegiatan politik dan sosial-budaya bagi seluruh jajahan Arab . Pada masa yang sama, beliau merasakan masjid yang dibangun oleh suku-suku yang lain menjadi ancaman terhadap pemerintahannya, oleh itu untuk menghadapi ancaman ini maka timbul pula kesedaran untuk membangunkan dan memperbesarkan masjid yang telah didirikan, agar menjadi tarikan kaum dan suku yang lain untuk berpusat disatu kawasan saja .

Di zaman dulu masjid merupakan sarana utama berkomunikasi. Menyadari hakikat ini, pemerintah menggunakan teknik ini untuk meyebarkan pengaruh mereka. Oleh sebab itu semakin besar dan megahnya sesebuah masjid itu maka lebih banyak jemaah pula yang akan mengunjunginya dan ini akan meningkatkan jumlah anggota pendukung pihak tertentu berhasil menguasai masjid tersebut .

Ideologi Pembangunan Masjid Menurut Al-Hadis

Al-hadis mempunyai pelbagai rujukan mengenai kegunaan dan fungsi pembinaan masjid sewaktu zaman Rasullullah SAW. Baginda turut ada memberikan beberapa kritikan tentang perkara yang berkaitan dengan pembangunan masjid. Ini termasuklah aspek-aspek fungsional *Masjid Al-Haram* di Mekah serta *Masjid Nabawi* sendiri di Medinah.

Terdapat beberapa rujukan tentang keadaan sosial di keliling kaabah pada ketika itu. Masjid tersebut digunakan sebagai tempat pertemuan bagi semua golongan masyarakat dalam komuniti Arab. Ia juga merakamkan tentang pertukaran diplomatik dan juga agenda politik yang berlaku berdekatan dengan Ka'abah. Rasullullah SAW juga melakukan pelbagai aktiviti berbentuk perbincangan, perbahasan dan pendakwahan di masjid suci tersebut. Kesemua hal ini dinyatakan merujuk bahawa fahaman keagamaan itu bukan sahaja tertakluk kepada struktur ibadah malah mencakupi bidang ilmiah lain.

Perbalahan tanggapan ini sebenarnya mewujudkan kecacatan serta menimbulkan pandangan *stereotype* pada setiap golongan masyarakat agar berpadu terus terhadap fahaman berbentuk universal dan hukum politik saja.

Hakikatnya Masjid Nabi di Medinah juga digunakan untuk tujuan yang sama sebagai pusat sosial, politik dan keagamaan. Terdapat hadis yang mendalilkan fungsi tersebut sebagai pusat perlindungan, institusi pendidikan dan juga pusat kesihatan. Rasullullah SAW juga menegur para muslim agar tidak membazir dalam pembangunan monumen masjid bagaimana yang terkandung dalam hadis berikut :

“Saya tidak diperintahkan untuk membina masjid yang besar dan bermegah”

“Antara salah satu petanda kiamat ialah terdapat diantara kamu yang bermusuhan antara satu sama lain hanya untuk mendirikan masjid”

Pembangunan institusi masjid yang disabdakan oleh Rasullulah SAW ialah janganlah sekali kali mendirikan sampai membazir tetapi dirikanlah keseluruhan masjid tersebut dalam keadaan kesederhanaan.

Oleh itu, dari sumber hadis ini kita dapat memahami konsep sebenar pembangunan masjid bukanlah hanya sebagai pendekatan untuk membina sebuah monumen yang gagah, mewah dan besar tetapi ia adalah sebagai pusat ibadah yang bermotifkan kesederhanaan. Mencakupi dan memenuhi pelbagai fungsi yang berkaitan dengannya, sebagai tempat para jemaah berinteraksi dan menjalankan tanggungjawab yang telah diwajibkan serta untuk berkarya kearah kemajuan Islam secepat. Hakikatnya masjid dalam Islam bukan saja sebagai tempat untuk beribadah bahkan untuk kegunaan aktiviti lain, hal ini jelas berbeza dengan konsep rumah ibadat pada kepercayaan agama lain .

Solat serta Implikasi Terhadap Fungsi Masjid

Solat secara umumnya diterima sebagai alasan yang kukuh untuk membangunkan masjid agar terdapat ruang khusus untuk mendirikan ibadah. Kebanyakan institusi masjid dibangunkan untuk menyediakan tempat ibadah yang terbaik dan teratur. Dalam bahagian berikutnya akan diterangkan tentang semua tanggapan terhadap reka bentuk masjid yang berdasarkan pandangan jiwa Islam. Sebenarnya pendekatan dan fungsi masjid ini bukanlah bersifat tempat beribadah atau upacara keagamaan saja, tetapi perancangan masjid harus dibangunkan dan berfungsi sebagai tempat meditasi tertinggi. Hakikatnya, kita seharusnya memahami konsep kegunaan dan implikasinya terhadap sembahyang berjemaah dan juga yang dilakukan oleh individu. Kebanyakan dari kita sering menyatakan bahawa institusi masjid hanya berperan sebagai tempat untuk menjalankan semua jenis ibadah secara berkumpulan manakala mendirikan solat secara individu lebih sesuai dijalankan di rumah secara pribadi.

Sebenarnya terdapat perbezaan antara mendirikan solat jemaah di masjid dan solat di rumah. Jika ditinjau menurut *Al-Hadith* setiap solat adalah lebih bermanfaat didirikan secara berjemaah di masjid bagaimana terkandung dalam *Sahih Muslim* :

Menurut Abu Hurairah; Rasullulah SAW bersabda. “Sembahyang fardu jemaah adalah 25 kali lebih baik dari sembahyang fardu sendirian “

Ini menunjukkan bahawa pahala yang dikurniakan oleh Allah SWT adalah lebih jika umatnya *tawaduq* mendirikan ibadat tersebut di masjid secara

berjemaah, tapi jika seseorang muslim itu mendirikan solat secara sendirian di masjid pahalanya tidak akan berganda kecuali dia mengerjakan solat secara berjemaah. Hal ini dikecualikan jika umat Islam mendirikan solat di tiga buah masjid suci iaitu *Masjid Haram, Masjid Nabawi di Madinah* dan *Masjid Al-Aqsa di Juresalam, Palestin*.

Namun begitu, Rasullulah SAW mengarahkan umatnya melakukan solat sunat tetapi boleh memadai jika dilakukan di rumah seperti yang termaktub dalam hadis berikut:

Rasullulah SAW telah berkunjung ke masjid Bani Abd Al-Ashi Baginda bersolat Maghrib disana dan apabila baginda selesai sembahyang baginda melihat ramai para jemaah mendirikan solat Rawatib. Baginda bersabda, "Solat-solat itu sepatutnya dibuat dirumat kalian."

Ibn Umar meriwayatkan Rasullulah SAW pernah bersabda; "Lakukanlah sembahyang kamu dirumah dan janganlah jadikan rumah kamu sebagai kubur".

Dari pernyataan diatas, kita boleh melihat tentang betapa pentingnya mendirikan masjid sebagai tempat meditasi tidak kira tempat atau kawasan untuk membangunkannya. Namun begitu seharusnya, solat bisa dilakukan dimana sahaja dibilik kecil asalkan tempat tersebut suci dan bersih dari kotoran serta hal yang diharamkan oleh Allah SWT.

Penilaian Seni Bina Masjid di Malaysia dan Alam Melayu.

Situasi masa kini memperlihatkan bahawa pembangunan masjid-masjid baru di Malaysia banyak yang *'berkiblatkan'* seni bina masjid *Timur Tengah* sebagai gaya reka bentuk yang *'terbaik'*. Masjid masjid yang *'mewah'* (*grander*) telah dihiaskan dengan pelbagai solekan (*cosmetic*) yang sememangnya ditiru dari gaya-gaya seni bina wilayah Timur Tengah sebagai panduan tanpa menilai faktor sosial serta kebudayaan setempat sebagai panduan²³. Apakah sesuai serta wajar sebuah masjid bercirikan seni bina *Alhambra* dari Sepanyol dibangunkan semula di Malaysia?. Bagaimana dengan tradisi seni bina Islam yang sebenarnya begitu harmoni dengan keadaan lingkungan tanpa merujuk kepada sesuatu *'ikon'* sebagai simbol seni bina masjid ?. Apakah prinsip-prinsip perancangan yang mendorong pembangunan kubah sebagai kewajipan dalam seni bina masjid?.

Apakah benar semua seni bina Islam harus menggunakan kubah?. Adakah pemikiran bahawa masjid sebagai *"Rumah Tuhan"* (*House of God*) telah berkembang serta diterima masyarakat Islam sebagai kamus bahasa seni bina Islam mereka²⁴. Unsur *ikonografi* ini cukup subur serta diterima oleh masyarakat Malaysia. Penggunaan kubah merupakan penyelesaian kepada masalah rintangan beban agar mendapatkan ruang yang lebih luas, jika kita melihat

²³. Francis DK Ching, (1979) *"form, Space and Order"*. Van Nostrand reinhold .h. 179

²⁴. Rasdi.Tajuddin & Alice Sabrina.(2002)*Teori Senibina Frank Lyord Wright*. Printice Hall.h.142

penggunaan kubah di beberapa benua didunia kita akan mendapati bahawa bentuk kubah juga terdapat pada gereja-gereja dan rumah rumah tinggal.

Sejak kedatangan Islam di Alam Melayu lebih kurang 7 abad yang lalu²⁵. Tipologi awal dikatakan perancangan masjid menggunakan kayu dan mempunyai karektor atap piramid yang berlapi-lapis dalam dua atau tiga tingkat serta menggunakan atap tepar layar. Seni bina ini dipercayai adalah pengaruh dari *Masjid Agung Demak* di Indonesia.

Semasa penjajahan British hampir dua abad, perasaan ingin ‘mengambil hati’ masyarakat *Melayu-Islam* menjadikan British membawa masuk seni bina *Mongul* dan *Moorish* yang terdapat ditanah jajahan mereka di India sebagai simbol perlambangan Islam. Ini jelas kelihatan pada bangunan-bangunan kolonial di Kuala Lumpur. Masjid Jamek merupakan suatu contoh yang menggunakan pendekatan sebegini. Pendekatan menjadikan masjid sebagai unsur ikonografi bermula pada zaman British²⁶.

Jika dilihat perkembangan Islam di beberapa buah negara lain, kemasukkan Islam telah berjaya di dominasikan oleh budaya setempat serta berada dalam keadaan harmoni dengan kebudayaan masyarakat. Masyarakat di China semasa kedatangan Islam tidak menolak bulat bulat pegangan serta kebudayaan nenek moyang yang diamalkan selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam. Ini melambangkan sifat serta jati diri masyarakat China yang tidak merasa ‘rendah diri’ terhadap kebudayaan (Islam) lain yang baru muncul. Keadaan ini juga cukup harmoni serta berkesan pada perkembangan identiti nasional di Indonesia, dimana sejak kemasukkan Islam pada kurun ke-15 hingga kini pengaruh serta budaya masyarakat sebelumnya yang mengamalkan agama Hindu, Buddha dan Amenisma masih kelihatan. *Masjid Agung Demak* (1479M), Jawa Tengah memperlihatkan bahawa kemasukkan Islam menjadikan seni bina setempat mampu menerima kemasukkan tersebut tanpa membuang terus ‘rupa paras’ yang telah ada³³. *Masjid Al-Aqsha* (1549M) (*Masjid “Menara Kudus”*) di Jawa Tengah dikatakan dibangunkan oleh Sunan Kudus mempunyai menara yang sangat antik, yang mencerminkan perpaduan dua budaya: *Islam dan Hindu Jawa*²⁷. Masjid yang tetap menjadi lagenda bagi masyarakat Jawa ini mempunyai banyak keunikan dimana beduknya diletakkan didalam menara, kalau diamati menaranya nampak jelas bahawa menara ini terdapat mirip kepada candi²⁸.. Bentuk menara *Masjid Kudus* yang menarik ini, membuktikan keativiti serta kreasi masyarakat Islam Jawa yang mempunyai ciri tersendiri, tanpa harus meniru masjid yang terdapat di Timur Tengah.

Perencanaan masjid pada abad ke-19 di Jawa juga masih lagi berjaya memecah kebuntuan kepada sifat *ikonografi* kepada seni bina Timur Tengah

²⁵. *Ibid* . h. 143

²⁶. Rasdi, Tajuddin (1998) . *The Mosque As Community Development Center*. Universiti Teknologi Malaysia .UTM .h 211

²⁷. Baqir Zein, Abdul. (1999) *Masjid Masjid Bersejarah Di Indonesia*:Gema Insani Press.h 210

²⁸. Rasdi, Tajuddin & Alice Sabrina. (2002). *Teori Seni bina Frank Lyord Wright*: Printice Hall.h.164

dengan menggunakan pendekatan *regionalisme primitive*²⁹. (Mohamad Tajuddin M.Rasdi:2001), beberapa karya seni bina, arkitek terkenal di Indonesia seperti *Achmad Noe'man* memperlihatkan kesan visual serta perancangan ruang yang cukup berjaya menarik minat pelajar untuk memenuhi Masjid Salman (1973) ITB, Bandung. Walaupun bangunan ini kelihatan memiliki sifat serta pengaruh seni bina Bauhaus tetapi kejayaan didalam menjadikan masjid sebagai pusat kebudayaan serta komuniti masyarakat kampus ternyata cukup berjaya. Unsur-unsur tarikan banyak terdapat didalam seni bina masjid ini dimana semua bangunan aktiviti persatuan pelajar, kedai-kedai kampus serta gerai makanan dibina disekitar laman masjid³⁰. Konsep pemisahan dan tanggapan masjid sebagai 'objek' suci tidak berlaku secara melampau³¹.

Kesimpulan

Revivalisme yang simplistik dalam seni bina masjid dapat diintrepetasikan dalam pemahaman Islam sebagai suatu budaya yang lemah dan tidak kreatif, perasaan dogma yang diselubungi rasa kaku dan ketakutan. Kelahiran sebuah reka bentuk yang bersifat megah, gagah dan besar seringkali dipuji tetapi tidak berupaya untuk di dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru itu, sebagai perancangan bangunan masjid, kita haruslah mempelajari dan mengamati sejarah lampau serta sering bertanya kemana arah tuju kita yang sebenarnya.

Arkitek seharusnya bermula dengan memahami keperluan manusia serta kefahaman sepenuhnya berkenaan tapak untuk pembangunan masjid, topografi dan juga iklim setempat³².

Sudah waktunya bagi kita untuk melupakan zaman kegemilangan yang dikenal sebagai 'Sinans' sebaliknya berpatah baliklah untuk mencari kebenaran yang berlandaskan pada Sunnah Rasulullah SAW serta mengambil intipati pengajaran beliau untuk diterapkan dalam pembangunan sosial ekonomi dan konteks regional kerana ia boleh disintesis menjadi suatu hal yang sangat berguna kelak. Segala ilmu pengajaran yang terkandung dapat diadaptasikan serta diinterpretasikan dalam bentuk bahasa seni bina tradisional dan modern. Setiap usaha gigih yang dilakukan ini pasti akan membuahkan hasil dan usaha itulah sebenarnya suatu tahap peraihan yang tertinggi dalam Islam. Inilah jihad sebenarnya.

Masjid menurut pengertian sebenar merupakan "*tempat bersujud yang dibina khusus untuk Allah dengan tidak menyeru sesiapa pun beserta Allah*" (Quran Al-Jin 72: 18). Masjid yang dibina mestilah "*didirikan atas dasar taqwa...dan dimakmurkan oleh lelaki yang mencintai diri mereka menjadi bersih*" (Quran Al-Baraah 9: 108) Adalah tidak wajar menjadikan masjid sebagai unsur

²⁹. *Ibid*. h. 164-165

³⁰. Faridl, Miftah (1995). *Masjid*. penerbit Pustaka Bandung. h. Kata Pengantar

³¹. Rasdi, Tajuddin.(2002) lihat kertas kerja *Seminar Arsitektur Islam Nusantara*. Galeri Arsitektur . ITB. Vol. h. 56

³². Rasdi, Tajuddin & Alice Sabrina.(2002). *Teori Senibina Frank Lyord Wright*. Printice Hall.h.173

atau simbol ikonografi kerana hal ini dapat merupakan suatu penghinaan kepada agama Islam dimana masjid telah disamakan dengan rumah-rumah tuhan yang lain.

Bibliografi

Abdullah Shalin Al-Fauzan.(1994) *Adab Masuk Masjid*.Bandung:Pustaka

Al-Qaradhawi,Yusof.(2002) *Islam Agama Ramah Lingkungan*.Jakarta: Pustaka Al-Kausar.Jakarta.

Azli, Azizul (2002). *Simbolisme dalam Seni bina Masjid* .Utusan Malaysia 18 sept 2002.

Baqir Zein, Abdul (1999). *Masjid Masjid Bersejarah Di Indonesia*.Jakarta.Gema Insani Press.

C.Brolin,Brent (1976). *The Failure of Modern Architecture*. Van Nostrand Reinhold Company. New York.

Eko Budihardjo.(1990) *Architecture Conservation in Bali*.Yogyakarta. Gajah Mada University Press.

Faridl , Miftah (1995). *Masjid* .:Bandung,Penerbit Pustaka

Francis DK Ching(1979), *“form, Space and Order”*. Van Nostrand reinhold

Ghazalba, Sidi (1989). *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam* .Jakarta: Pustaka Al-Husna.

Mohammad Sharif Kamil.(2002) lihat kertas kerja *Seminar Arsitektur Islam Nusantara*. Bandung. Galeri Arsitektur

Micheal,George.(1991) *Architecture of the Islamic World*,London:Thames and Hudson

Qardahwi,Yusuf(2002). *Islam Bicara Seni*.Jakarta:Era Intermedia

Rasdi,Tajuddin & Alice Sabrina.(2002)*Teori Seni bina Frank Lyord Wright*. Kuala Lumpur. Printice Hall.

Rasdi,Tajuddin.(2002) *Hadith and Islamic Architecture*. Mosque

Rasdi,Tajuddin.(2002) lihat kertas kerja *Seminar Arsitektur Islam Nusantara*. Bandung. Galeri Arsitektur. ITB

Rasdi,Tajuddin.(2001) *Identiti Seni bina Malaysia* . Sekudai:Universiti Teknologi Malaysia .UTM

Rasdi, Tajuddin (2001). *Identiti Senibina Malaysia*: Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.UTM

Rasdi, Tajuddin(1998) .*The Mosque As Community Development Center*. Universiti Teknologi Malaysia. UTM

Sahil, Azharuddin.(2001)Indeks Al-Quran.Bandung. Penerbit Mizan.

Sarwono, Ahmad.(2001) Masjid Jantung Masyarakat.Yogyakarta Wihdah Press.

Talib, Anuar(2000). *The Tradition of Tauhid in Islamic Art; Decoration and Interior Spaces of The Traditional Mosque*. Thesis. UKM

Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa : Analisa dari Aspek Cabaran Semasa

*Shakila Ahmad**

*Hussain Othman***

*Rafiuddin Afkari****

*Midar Rusdi*****

*Mohd. Hisyam Abdul Rahim******

Abstrak

Tulisan Jawi merupakan tulisan yang diambil dari skrp Arab yang sampai ke kepulauan Melayu bersama kedatangan Islam. Asalnya berperanan penting dalam usaha penyebaran ilmu terutamanya ilmu agama, seterusnya telah digunapakai secara meluas sebagai medium komunikasi oleh orang Melayu samada dalam kalangan ahli masyarakat mahupun dengan pihak luar. Menyingkap hubungannya yang amat rapat dengan bangsa Melayu, maka tulisan jawi merupakan salah satu dari warisan peradaban dan lambang jatidiri bangsa Melayu yang wajib diperlihara dan dipulihara. Bagaimanapun, hari ini kedudukan tulisan Jawi telah diambil alih oleh tulisan Rumi dan ia tidak lagi dilihat sebagai lambang peradaban Melayu sebagaimana yang telah dilalui di zaman kegemilangan ketamaduan Melayu dahulu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengukuhkan kewujudan tulisan Jawi sebagai warisan peradaban bangsa di Alam Melayu seiring dengan kehadiran Islam di rantau ini di samping menganalisa aspek cabaran semasa yang dihadapi oleh tulisan jawi. Menjelaskan keperluan membudayakan penggunaan tulisan jawi dalam pelbagai aspek termasuklah mempelbagaikan penggunaan tulisan Jawi melalui karangan yang kreatif, imiginatif dan inovatif sehingga minat dan kecintaan terhadap tulisan Jawi tetap segar dalam kalangan generasi yang akan datang. Kertas kerja ini mengenegahkan dua cabaran semasa yang dihadapi oleh tulisan jawi yang perlu ditangani segera bagi memastikan tulisan Jawi dapat terus dimartabatkan penggunaannya sesuai dengan kedudukannya sebagai warisan peradaban bangsa.

* Pensyarah kanan, Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor

** Pensyarah di Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor

*** Pensyarah di Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor

**** Pensyarah di Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor

***** Pensyarah di Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor

Pengenalan

Tulisan jawi telah memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Melayu samada sebagai alat komunikasi mahupun médium pengembangan ilmu terutamanya selepas kedatangan Islam di Alam Melayu. Ianya tidak asing dalam kehidupan masyarakat pada masa itu bermula dari raja, pembesar negara, ulama, saudagar sehinggalah kepada rakyat jelata. Walaupun tulisan jawi didapati mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan skrip Arab terutamanya pada bentuk abjad, namun terdapat beberapa perbezaan yang ketara terutamanya pada pertambahan abjad yang menjadikan jumlah bilangan abjad jawi berbeza dengan bilangan abjad Arab. Ini menunjukkan tulisan jawi telah mempunyai identiti yang tersendiri dan mampu berperanan sebagai alat komunikasi dan alat pengembangan ilmu di peringkat global.

Asal Tulisan Jawi

Menyorot persoalan dari manakah asal tulisan jawi, ia akan menyentuh dua aspek iaitu asal bentuk tulisan dan asal nama jawi. Kedua-dua aspek ini perlu dibincangkan bagi mengukuhkan kedudukan tulisan jawi sebagai warisan peradaban bangsa Melayu.

Orang Melayu sebelum kedatangan Islam pernah menggunakan beberapa sistem tulisan yang lain antaranya sistem skrip Pallava dan skrip Kawi.¹ Manakala Tulisan jawi dikatakan telah digunakan sejak abad ke 10 masihi iaitu seiring dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu.² Hasil dari perkembangan Islam, tulisan jawi telah mengambil alih sistem tulisan yang digunakan sebelum itu kerana ia lebih sesuai dan memudahkan proses pembelajaran terutama sekali untuk mempelajari agama Islam.

Menurut Hashim Musa, Shellabear menyatakan bahawa orang Melayu telah menerima tulisan jawi secara langsung daripada orang Arab dan orang Arablah yang mula-mula menggunakan sistem tulisan Arab untuk menulis bahasa Melayu yang dikenali dengan nama tulisan jawi.³ Akhirnya terbentuklah satu sistem tulisan yang mengandungi abjad yang terdiri dari 29 abjad Arab sedia ada dan lima abjad baru yang mewakili bunyi dalam bahasa Melayu⁴ iaitu cha (چ), nga (غ), pa (ف), ga (ك) dan nya (پ). Seterusnya menurut Zamri Murah, pada tahun 1984 satu lagi huruf baru ditambah bagi mewakili abjad v iaitu va (و). Pada tahun 1988 Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad jawi yang

¹ Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed.) (2005), *Tulisan Jawi: Warisan Budaya Tidak Nyata*, *Tulisan Jawi: Sejarah, Seni dan Warisan*, Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang, h. 21

² *Ibid.*

³ Hashim Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13

⁴ *loc. cit.*

digunakan dalam bahasa Melayu.⁵ Huruf-huruf tersebut adalah sebagaimana yang terdapat dalam rajah 1 dibawah.

ا	ب	ت	ث	ج	ح	خ
د	ذ	ر	ز	س	ش	ص
ض	ط	ظ	ع	غ	ف	ق
ك	ل	م	ن	و	هـ	ء
ي	پ	ڤ	ڤا	چ	ة	ڤڤ
ى	ڤ					

Rajah: 1

Walaupun tulisan jawi mengalami pertambahan huruf dari semasa ke semasa namun ramai dalam kalangan pengkaji menyatakan bentuk dan bunyinya berasal dari tulisan Arab malah bentuk tulisan dan bunyi bagi abjadnya yang asal tetap sama dengan apa yang terkandung dalam tulisan Arab.

Menurut kamus R.J Wilkinson sebagaimana yang dipetik oleh Omar Awang, menyatakan perkataan jawi dalam bahasa Melayu digunakan untuk pokok jawi-jawi atau jejawi dan juga beras jawi yang berbeza dengan beras pulut⁶ sebagaimana yang biasa disebut oleh orang melayu 'beras jawi' adalah beras yang dimasak menjadi nasi yang biasa dimakan setiap hari. Kenyataan ini tidak dapat dikaitkan secara jelas dengan penaman 'jawi' untuk tulisan jawi.

Penamaan 'jawi' bagi tulisan jawi juga boleh dirujuk kepada panggilan orang Arab kepada rumpun bangsa di Alam Melayu. Bagi mereka semua suku bangsa di Alam Melayu dikenali sebagai *al-jawah* atau bangsa jawa. Apabila bahasa Melayu ditulis menggunakan skrip Arab, maka bahasa tersebut dikenali sebagai bahasa jawi.⁷ Oleh itu tulisan tersebut dinamakan sebagai tulisan jawi.

Walau bagaimanapun tulisan dan bahasa jawi ini telah dicipta hanya untuk menulis kata-kata dalam bahasa Melayu sahaja, bukan bahasa-bahasa suku bangsa lain di Alam Melayu⁸ seperti bahasa bugis, banjar, kampar dan sebagainya.

Perkataan 'jawi' bukan merujuk kepada Pulau Jawa atau bahasa Jawa yang ada pada hari ini. Marsden dalam buku beliau *A Grammar of the Malayan Language*, menegaskan pandangan beliau dan memetik kesimpulan yang telah

⁵ Azniah Ismail, 2004, *Tranformasi Kod Aksara Berasaskan Unicode Untuk Skrip Jawi*, Disertasi Sarjana, Fakulti Teknologi Sains Maklumat, UKM

⁶ Omar Awang, 1985, The Terengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of Finalisation of the jawi Alphabet, *Islamika III*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 190

⁷ Muhammad Naquib al-Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.2

⁸ Muhammad Bukhari Lubis, Fatima Salleh, Husniyati Ali, Husaimah Ismail dan Fatimah Sudin, (2006), *Tulisan Jawi Sehimpun Kajian*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, h. 9

dibuat oleh G.H Wernly⁹, bahawa 'jawi' boleh dikaitkan dengan perkataan 'jawa' yang disebut oleh Marco Polo sebagai nama bagi Pulau Sumatera pada zaman itu yang mungkin telah diberi nama oleh orang-orang Arab. Ini dibuktikan dengan penamaan oleh orang Arab ke atas satu jenis minyak yang dinamakan sebagai laban jawa. Minyak tersebut hanya didapati di Sumatra dan tidak di Pulau Jawa.¹⁰

Dalam melakar kedudukannya sebagai tulisan yang melambangkan identiti orang melayu, tulisan jawi melalui beberapa fasa perkembangan iaitu:¹¹

- a. Pada kurun 16M, tulisan jawi hampir menyamai tulisan Arab dengan menggunakan tanda baris bagi membunyikan huruf.
- b. Pada kurun ke 17M, tulisan jawi tidak lagi meletakkan tanda baris sebagaimana tulisan Arab
- c. Pada kurun ke 18M, telah diwujudkan huruf-huruf saksi iaitu alif (ا), waw (و) dan ya (ي). Dengan kewujudan huruf-huruf saksi ini maka tulisan jawi telah membina identitinya tersendiri.
- d. Pada kurun ke 19M hingga 20M, perkembangan pertambahan huruf jawi berlaku dan tulisan jawi meneruskan pembinaan identitinya.

Justeru, tidak dapat disangkalkan lagi bahawa tulisan Arab merupakan asal kepada terbentuknya tulisan jawi dan nama 'jawi' adalah merujuk kepada rumpun bangsa Melayu yang mendiami Kepulauan Melayu. Tulisan jawi merupakan warisan yang teragung dalam proses perkembangan ilmu dalam kalangan orang Melayu yang sekaligus telah melonjakkan martabat ketamadunan Melayu suatu ketika dahulu.

Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa Melayu

Tulisan jawi digunakan secara meluas dalam penulisan bangsa Melayu dan merupakan lambang dan simbol yang mewakili bahasa dan bangsa Melayu di seluruh kepulauan Melayu. Ia pada mulanya digunakan dalam lingkungan istana yang melibatkan urusan pentadbiran, kesusasteraan dan keagamaan. Seterusnya dipraktikkan di luar istana oleh segenap lapisan masyarakat dalam semua urusan meliputi politik, ekonomi dan sosial.

Pada peringkat awal penjajahan Inggeris, tulisan jawi masih lagi digunakan terutamanya dalam urusan surat menyurat antara raja melayu dengan kerajaan Inggeris. Contohnya di Pahang, semasa pemerintahan Sultan Ahmad iaitu Sultan Pahang yang pertama dari keturunan Bendahara telah berutus surat dengan

⁹ Seorang ketua penterjemah kitab injil ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1731-33 Masihi dan penyusun sebuah buku tatabahasa Melayu tahun 1736

¹⁰ Omar Awang, 1997, *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 6

¹¹ Faridah Mohamed, 1997, *Bahasa al-Quran dan Hubungannya Dengan Tulisan Jawi: Suatu Kajian Terhadap Pelaksanaan Tulisan Jawi Di Sekolah-sekolah Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, h. 102-104

kerajaan Inggeris dengan menggunakan tulisan jawi. Begitu juga Residen British pertama, J.P Rodger menggunakan tulisan jawi dalam suratnya kepada Sultan Ahmad.¹²

Disebabkan tulisan jawi merupakan tulisan utama orang Melayu, orang Eropah terpaksa mempelajarinya bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat Melayu sekaligus memahami budaya Melayu.

Dalam perkembangan keinteltktualan, tulisan jawi telah memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sumber ilmu, khususnya ilmu agama ke seluruh pelusuk dunia Melayu. Kitab-kitab agama sama ada dalam bentuk sejarah, hikayat, falsafah, syair semuanya menggunakan tulisan jawi dan menjadi satu-satunya bacaan dalam bahasa tempatan. Para ulama dari dunia Melayu muncul di Palembang, Riau, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Patani, Banjarmasin, Aceh¹³ dengan penulisan kitab-kitab dalam pelbagai bidang. Antaranya *Kitab Taj al-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari dan *Kitab Bustan al Salatin* tulisan Nuruddin al-Raniri.¹⁴

Tulisan jawi meresap masuk dalam jiwa orang Melayu sehingga dijemakan bukan sahaja dalam pendidikan dan pentadbiran tetapi juga dalam mempamerkan kesenian dan kebudayaan melayu. Tulisan jawi diukirkan sebagai perhiasan di rumah, sekolah begitu juga pada peralatan yang digunakan seharian. Tulisan jawi turut digunakan dalam menuliskan perkara-perkara yang penting seperti penulisan hukum kanun, al-Quran, surat-surat, watakah, batu-batu nesan, duit-duit syiling, timba tembaga dan juga barang perhiasan.

Lantaran kedudukan tulisan jawi dengan bahasa dan bangsa Melayu mempunyai perkaitan yang amat rapat, maka hakikat perkembangan tulisan jawi pastinya tidak dapat dipisahkan dengan pencapaian tamadun Melayu. Tulisan jawi menjadi pusaka yang amat tinggi nilainya yang wajib dipelihara oleh setiap individu yang mewarisi bahasa dan bangsa Melayu. Namun, dewasa ini kedudukan kepentingan tulisan jawi telah diambil alih oleh tulisan rumi. Malah usaha mendaulatkan bahasa Melayu samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa diperjuangkan dengan menggunakan tulisan rumi. Sudah tentu usaha tersebut agak sukar kerana bahasa Melayu telah dipisahkan dari identiti tulisannya yang asal. Tulisan jawi bagai dipinggirkan dan sekiranya ia tidak terus dipelihara maka tidak mustahil suatu hari nanti ia akan pupus. Sekaligus dikhuatiri juga bahasa Melayu juga akan mengalami nasib yang sama. Tulisan jawi sedang mengalami cabaran yang besar hari ini dan agenda bertindak bagi mengatasi cabaran tersebut perlu dilakukan agar tulisan jawi akan terus mampu berkembang dan digunakan secara meluas dalam usaha memartabatkan bahasa dan bangsa Melayu.

¹² Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed.) (2005), *op. cit.*, h. 22

¹³ Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed.) (2005), *Tulisan Jawi: Sejarah, Seni dan Warisan*, Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang, h. 23

¹⁴ James T. Collins (terjemahan), 2005, *Bahasa Melayu Bahasa Dunia; Sejarah Singkat*, Jakarta: JL.Plaju, h. 47

Analisa Cabaran Semasa Tulisan Jawi

Penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu telah membawa pelbagai perubahan dan cabaran terhadap bangsa dan bahasa Melayu. Antaranya peranan tulisan jawi sebagai lambang kedaulatan bangsa dan bahasa Melayu telah dinafikan dengan memperkenalkan tulisan rumi. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada dua cabaran semasa bagi tulisan jawi iaitu:

- 1. Pertambahan perbendaharaan perkataan dalam bahasa Melayu yang diambil dari bahasa Inggeris menjadikan bahasa Melayu sukar untuk ditulis dalam tulisan Jawi. Disebabkan bahasa Inggeris menggunakan beberapa huruf yang mewakili bunyi tertentu yang tidak ada dalam tulisan jawi dan sebutan bahasa Melayu, maka penulisannya terpaksa menggunakan lebih dari satu huruf untuk mewakili satu bunyi. Dicapatkan terdapat lebih dari 300 perkataan bahasa Inggeris yang telah didaftarkan di dalam kamus Dewan Edisi keempat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pertambahan perkataan ini memerlukan penciptaan huruf-huruf baru dalam tulisan jawi yang sesuai dengan bunyi huruf tersebut. Antaranya:

Ad Valorem	Eksais	Eksplit	Intervensi	Ultrakonservatif
Adverba	Eksantema	Eksplotasi	Interviu	Ultra Vires
Advertensi	Eksekutif	Eksplorasi	Intravana	Universal
Advis	Eksemplar	Ekspo	Introversi	Universalitet
Advokat	Eksentrik	Eksponen	Introvert	Universil
Aktivis	Ekshibit	Eksport	Invalide	Universitas
Aktivisme	Eksisi	Eksposisi	Invar	Universitet
Aktiviti	Eksistensi	Ekspres	Invasi	Universiti
	Eksistensialis	Ekspresi	Inventif	
		Ekspresif	Inventori	

Rajah: 2

Berdasarkan perkataan-perkataan baru yang telah dimelayukan sebutan bunyi “v” dan “eks” tidak mempunyai bentuk huruf dalam tulisan jawi yang asal. Pada tahun 1998 huruf ج ditambah bagi mewakili bunyi “v” bagi membolehkan perkataan-perkataan tersebut ditulis dalam tulisan jawi. Oleh itu tulisan jawi perlu terus berkembang untuk mendepani cabaran perkembangan bahasa Melayu dengan membuat penambahan huruf bagi mewakili bunyi-bunyi asing yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu.

- 2. Tulisan jawi diketepikan sehingga ramai dalam kalangan orang Melayu yang buta jawi dan menganggap ia hanya sesuai digunakan dalam pembelajaran tidak rasmi. Justeru huruf jawi akan dipelajar secara tidak langsung semasa mempelajari al-Quran kerana bagi orang Melayu, belajar

al-Quran adalah satu kewajiban bagi setiap individu muslim. Sebenarnya kemahiran membaca dan menulis jawi mempunyai hubungan yang rapat dengan kebolehan menguasai pembacaan al-Quran.¹⁵ Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati sejumlah 60% pelajar sekolah rendah gagal membaca al-Quran dan daripada jumlah tersebut didapat bahawa ada kalangan pelajar yang tidak langsung mengenal huruf jawi.¹⁶

Diselusuri kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran hari ini juga telah mengalami perubahan. Pelbagai kaedah baru diperkenalkan antaranya iqra', al-Barqi dan al-Baghdadi. Ada antara kaedah belajar al-Quran ini memperkenalkan huruf al-Quran dengan terus membunyikannya tanpa diperkenalkan nama huruf menjadikan ada dalam kalangan pelajar yang tidak tahu nama bagi huruf-huruf Arab yang sememangnya sama dengan huruf jawi. Penyebutan huruf tersebut dijelaskan dalam rajah 3 di bawah:

Nama huruf dalam skrip arab dan jawi	Pengenalan huruf dalam kaedah baru belajar al-Quran	Nama huruf dalam skrip arab dan jawi	Pengenalan huruf dalam kaedah baru belajar al-Quran
ا (alif)	aa	ط (tha)	tha
ب (ba)	ba	ظ (Dzha)	dzha
ت (ta)	ta	ع ('ain)	'aa
ث (tha)	tha	غ (ghain)	gha
ج (jim)	ja	ف (fa)	fa
ح (ha)	ha	ق (qaf)	qa
خ (kha)	kha	ك (kaf)	ka
د (dal)	da	ل (lam)	la
ذ (dzal)	za	م (mim)	ma
ر (ra)	ra	ن (nun)	na
ز (zai)	za	و (waw)	wa
س (sin)	sa	ه (ha)	ha
ش (shim)	sha	لا (lam alif)	la
ص (shod)	sho	ء (hamzah)	aa
ض (dhod)	dho	ي (ya)	ya

Rajah 3

Walaupun kaedah sedemikian akan menjadikan pelajar cepat dapat membaca al-Quran dengan lancar namun ia mungkin memberi kesan terhadap kemampuan mengenali huruf jawi seterusnya membaca dan menulis jawi. Justeru, tulisan jawi juga perlu diperkenalkan melalui

¹⁵ Faridah Mohamed, *op. cit.*, h.46

¹⁶ Omar Awang, *60% Tidak Dapat Baca al-Quran*, Berita Harian, 29 Mac 1994, h.20

pendekatan dan teknik baru yang selari dengan perkembangan kaedah pembelajaran al-Quran. Kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi yang lebih kreatif dan menarik.

Di samping itu tulisan jawi haruslah diperbudayakan melalui pendidikan terutamanya melalui pengajaran dan pembelajaran matapelajaran yang berteraskan pengajian Islam, pengajian Melayu, bahasa Melayu, sejarah Tanah Melayu, sejarah Malaysia dan kenegaraan. Matapelajaran-matapelajaran tersebut mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan bangsa Melayu dan bahasa Melayu yang asal identiti tulisannya adalah tulisan jawi. Mempelajari ilmu berkaitan bangsa, bahasa dan budaya Melayu melalui tulisan jawi akan memberi penghayatan yang berbeza kepada pelajar berbanding menggunakan tulisan rumi. Pendekatan ini juga secara perlahan-lahan akan mengikis mentaliti orang melayu bahawa tulisan jawi hanya sesuai digunakan dalam sistem pendidikan yang tidak rasmi.

Kesimpulan

Sebenarnya bukanlah satu kerja yang mudah untuk mengangkat martabat tulisan jawi yang semakin terpinggir hari ini. Cabaran yang dihadapi begitu getir untuk dilalui kerana antara penghalang kepada usaha ini ada yang datang dalam kalangan orang Melayu sendiri. Hal ini berlaku mungkin kerana kekaburan mereka terhadap kedudukan tulisan jawi sebagai warisan agung yang ditinggalkan untuk mereka sebagai anak jati Melayu. Walaupun dalam kertas kerja ini hanya dua cabaran yang dianalisa, namun diakui masih banyak lagi cabaran lain yang perlu ditangani dalam usaha untuk memelihara dan memulihara kedudukan tulisan jawi sebagai warisan bangsa. Usaha ini perlulah digembeling bersama oleh pelbagai pihak yang ingin memartabatkan bahasa dan bangsa Melayu di mata dunia.

Bibliografi

- Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed.) (2005), *Tulisan Jawi: Warisan Budaya Tidak Nyata, Tulisan Jawi: Sejarah, Seni dan Warisan*, Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang
- Azniah Ismail, 2004, *Tranformasi Kod Aksara Berasaskan Unicode Untuk Skrip Jawi*, Disertasi Sarjana, Fakulti Teknologi Sains Maklumat, UKM
- Faridah Mohamed, 1997, *Bahasa al-Quran dan Hubungannya Dengan Tulisan Jawi: Suatu Kajian Terhadap Pelaksanaan Tulisan Jawi Di Sekolah-sekolah Kota Bharu, Kelantan*. Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Hashim Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- James T. Collins (terjemahan), 2005, *Bahasa Melayu Bahasa Dunia; Sejarah Singkat*, Jakarta: JL.Plaju
- Muhammad Bukhari Lubis, Fatima Salleh, Husniyati Ali, Husaimah Ismail dan Fatimah Sudin, (2006), *Tulisan Jawi Sehipun Kajian*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM
- Muhammad Naquib al-Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Omar Awang, 1985, The Terengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of Finalisation of the Jawi Alphabet, *Islamika III*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya
- _____, 60% Tidak Dapat Baca al-Quran, Berita Harian, 29 Mac 1994
- _____, 1997, *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

Usaha Memartabatkan Warisan Kempplingan dalam Masyarakat Jawa Johor

Siti Nor Aisyah Ngadiran*
Siti Zaleha Hamzah**

Abstrak

Warisan kesenian masyarakat Melayu tradisional banyak dipengaruhi oleh kebudayaan luar yang mempunyai pelbagai unsur dan jenis kesenian. Ini termasuklah dengan kedatangan masyarakat Jawa ke tanah air kita terutamanya di selatan Semenanjung beberapa kurun yang lalu telah membawa banyak warisan kesenian yang kini hampir dilupakan, dibawa oleh arus kemewahan teknologi moden. Namun warisan itu sesetengahnya masih lagi hidup terutama di kampung-kampung yang dihuni oleh generasi tua dalam kalangan masyarakat tersebut. Salah satu warisan kesenian tersebut ialah kemplingan. Kemppling merupakan salah satu kesenian masyarakat Jawa yang telah wujud sejak dahulu lagi dan kini hampir dilupakan oleh masyarakat itu sendiri tanpa ada inisiatif untuk menghidupkannya agar tidak pupus dari ingatan generasi yang ada. Kesenian kempling ini pada kebiasaannya dipersembahkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis berkhatan, perkahwinan, Maulidur Rasul, menyambut kelahiran bayi, potong jambul dan sebagainya. Oleh itu, dalam kertas kerja ini kami akan menghuraikan mengenai keunikan kesenian kemplingan dan usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memartabatkannya. Di samping menjadikan kemplingan ini sebagai daya tarikan pelancong, ia seharusnya diketengahkan semula di dalam masyarakat terutamanya generasi muda kini seperti kata pepatah, "Tak lekang dek hujan, tak lapuk dek panas".

Kata Kunci : *Kemplingan, warisan kesenian Jawa, keunikan, dan usaha memartabatkannya.*

Abstract

The various of Malay art heritage was greatly influenced by foreign cultures like Arabs, Hindu-Buddha and etc. It is also includes the Javanese culture since they came to the

* Calon ijazah tinggi (Sarjana), Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Calon ijazah tinggi (Sarjana), Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Archipelago especially in the south of the peninsula a few centuries ago which is now almost forgotten taken by the modern of science and technology. But it was no doubt that some of the heritage was still alive, especially in the certain villages which was occupied by the old generation. One of the heritage is 'kemplingan' which was usually performed at the wedding ceremonies, gatherings and others. Therefore, in this paper we will describe the unique of the 'kemplingan' and the efforts that can be brought to revive it in our community especially to our young generation.

Keywords : *Kemplingan, Javanese heritage, the unique and efforts.*

Pendahuluan

Kesenian adalah sesuatu yang halus, indah menusuk ke dalam jiwa dan memuaskan pancaindera. Ia juga merupakan sebahagian daripada komponen yang melengkapi kehidupan.¹ Dengan setiap cabang kesenian akan dapat kita lihat dan perhatikan nilai budaya sesuatu masyarakat. Manakala seni yang tulen akan memancarkan ciri-ciri kebenaran dan kesempurnaannya. Setiap hasil kesenian juga mengandungi unsur-unsur kebaikan kerana kebaikan itu sendiri merupakan tujuan terpenting dalam sesuatu kesenian. Memandangkan di negara kita terkenal dengan masyarakatnya yang majmuk, maka terdapat pelbagai jenis kebudayaan dan kesenian dalam masyarakat yang sedia ada.

Kedatangan masyarakat Jawa ke tanah air kita terutamanya di Selatan Semenanjung sejak beberapa kurun yang lalu telah membawa masuk banyak kesenian yang seharusnya diwarisi oleh generasi pada masa kini, akan tetapi seni tersebut semakin hampir dilupakan oleh masyarakat akibat arus perkembangan muzik yang lebih moden dan kontemporari.

Pelbagai kesenian masyarakat Jawa telah diperkenalkan di negara kita seperti kuda kepang, wayang kulit, ketoprak, barongan, pencak silat dan kempling² namun hampir sebahagian daripada keseniannya kian dilupakan oleh generasi baru kerana tiada inisiatif atau usaha yang dilakukan untuk memartabatkannya dan memeliharanya. Namun demikian, masih terdapat lagi sebahagian kesenian yang masih lagi hidup di beberapa tempat, terutamanya penduduk setempat yang dihuni oleh generasi tua masyarakat Jawa.

Salah satu kesenian tersebut adalah warisan permainan Kemplingan yang boleh dikategorikan sebagai alat hiburan masyarakat Jawa Johor ketika itu.

¹Ayuni Amir (2005), *Alatan Muzik Tradisional Melayu*, Kuala Lumpur : Pustaka Cahaya Intelek, hlm. 1.

²Rozzaman Jalal, *Akhbar TRAS*, Jumaat : 28 Jun 1996.

Pada dasarnya, kumpulan Kemplingan ini ditubuhkan sebagai kesenian hiburan masyarakat tersebut kerana pada ketika itu tiada alat-alat hiburan seperti radio dan televisyen. Kesenian Kempling ini pada kebiasaannya dipersembahkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis berkhatan, perkahwinan, Maulidur Rasul, menyambut kelahiran bayi, potong jambul dan sebagainya.

Sejarah Ringkas Kesenian Kemplingan

Kemplingan merupakan salah satu permainan tradisi masyarakat Melayu Johor keturunan Jawa yang mempunyai persamaan dengan berzanji dan diiringi dengan pukulan gendang. Ianya mempunyai unsur agama dan dipercayai berasal dari Tanah Jawa Indonesia. Walaupun ia tidaklah sepopular seperti permainan-permainan tradisi yang lain, namun kebelakangan ini ia mula mendapat perhatian masyarakat dan sering diadakan di majlis-majlis perkahwinan, berkhatam, berkhatan, menyambut kelahiran dan sebagainya.

Kemplingan dikatakan dicipta oleh seorang kiyai di Jawa yang mengalami kesukaran menyampaikan pengajaran agama Islam kepada masyarakat di tempatnya. Kononnya dengan kehendak Allah s.w.t. kiyai itu mendapat ilham menggunakan muzik untuk menarik minat penduduk setempat untuk mendekati diri dengan ajaran Islam. Kiyai dan keluarganya memainkan alat-alat muzik Kempling dengan cara yang amat menarik, iaitu mengikut susunan atau kedudukan alat-alat muzik yang teratur. Setelah anak-anaknya mahir bermain alat-alat muzik itu, barulah kiyai mengajar mereka bacaan *rawi* (berzanji) yang akan mengiringi permainan itu.³

Bagi memastikan usahanya mengembangkan Islam itu berhasil di tempatnya, penduduk yang berminat diajar bermain Kemplingan secara percuma. Namun begitu, mereka dikenakan syarat hadir di rumah kiyai beramai-ramai sebelum masuk waktu Maghrib untuk diajarkan segala rukun Islam dan juga cara-cara menunaikan fardhu ain. Manakala selepas solat Maghrib berjemaah, mereka diajarkan pula membaca al-Quran dan berzanji yang akan mengiringi permainan Kemplingan.⁴

Kemudian setelah permainan ini mula berkembang dalam kalangan masyarakat, Kemplingan seterusnya dimainkan di upacara-upacara ritual seperti menyambut kelahiran, majlis khatam al-Quran, berkhatan, upacara melenggang perut, adat turun tanah dan hari tanggal pusat. Malah kini, ia turut diadakan sempena majlis perarakan pengantin, hari-hari kebesaran dan keramaian.

³Othman bin Ahmad (1990), *Kemplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, h. 2.

⁴*Ibid.*

Pemainnya pula adalah terdiri daripada 10 hingga 23 orang.⁵ Bacaannya diketuai oleh seorang ketua yang juga memainkan peranan sebagai pelagu solo diiringi empat hingga lima orang pembaca lain sebagai suara latarnya. Malah dalam setiap persembahan hampir 18 buah lagu dapat dipersembahkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut. Apabila sesebuah lagu atau bab selesai dimainkan, ia akan diselangselikan dengan bacaan berzanji dan akan dimulakan semula apabila bacaan satu bab berzanji tamat.⁶

Pada kebiasaannya, permainan Kemplingan ini dimainkan pada waktu malam dan selalunya akan membawa hingga ke pagi. Namun, ia juga boleh dimainkan atau dipersembahkan pada waktu siang atau malam mengikut kehendak tuan rumah. Mereka akan bermain secara bergilir-gilir dan berjaga dari malam hingga ke pagi atau dipanggil dengan "*lek-lek'an*" dalam bahasa Jawa. Ketika permainan sedang berjalan, biasanya tuan rumah akan menyediakan hidangan kuih-muih dan minuman bagi menghilangkan rasa mengantuk para pemain Kempling. Permainan Kemplingan ini akan ditamatkan dengan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.⁷

Kesenian Kemplingan di Negeri Johor

Permainan Kemplingan dipercayai telah dibawa ke daerah Batu Pahat, Johor pada tahun 1924 oleh seorang tukang rumah bernama Wak Taib yang berasal dari Sungai Balik. Kumpulan Kemplingan yang diterajui oleh Wak Taib ini juga dikatakan sebagai kumpulan Kemplingan yang tertua di Negeri Johor iaitu yang dikenali dengan Kumpulan Kempelingan Kampung Parit Simpan, Senggarang, Batu Pahat.⁸

Sejarahnya bermula ketika beliau sedang membuat rumah seorang penduduk kampung Parit Simpan, Senggarang, tergerak di hati beliau untuk mencurahkan ilmu permainan Kemplingan kepada masyarakat di situ. Ekoran sambutan penduduk yang menggalakkan, sebuah kumpulan kesenian Kempling ditubuhkan di Kampung Parit Simpan.

Malah permainan ini kemudiannya diperkembangkan ke tempat-tempat lain. Menurut salah satu sumber, dipercayai Tuan Haji Marhaban Kasto yang dilahirkan pada tahun 1911 di Bukit Tunggul, Singapura, berketurunan Jawa dari Daerah Kendal, Jawa Barat dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab memperkembangkan permainan Kemplingan itu pada sekitar tahun 1930.⁹

⁵Kemplingan, <http://kemplingan.blogspot.com/>

⁶Sejarah Muar, <http://sejarahmuar.blogdrive.com/archive/8.html>

⁷*Ibid.*

⁸Kuiz Warisan Johor (31), *Berita Minggu & Yayasan Warisan Johor*, 2000.

⁹Othman bin Ahmad (1990), *Kemplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, h. 3.

Di antara kawasan-kawasan di Negeri Johor yang masih lagi aktif dengan permainan Kempplingan ini ialah di daerah Muar dan Batu Pahat. Di sekitar Ledang khususnya, kawasan-kawasan itu termasuklah di Kampung Parit Kemang, Parit Kassan, Parit Pulai, Parit Gani, Melayu Raya, Parit Satu dan Parit Dua Sagil. Manakala di kawasan Batu Pahat pula antaranya ialah di kawasan Parit Simpan, Senggarang dan Parit Sulong.¹⁰

Lazimnya, masyarakat ini yang dari dahulu tinggal di desa-desa tersebut menggunakan kesenian seumpama ini untuk memupuk semangat kerjasama dan muhibah sambil berbincang mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung masing-masing. Di samping itu, tradisi ini juga turut menjadi medium perpaduan dan ukhuwah di kalangan penduduk kampung.

Keunikan Kesenian Kempplingan

Kesenian dalam Islam atau dalam istilah Arabnya, "*al-Fann*" tidak akan terlepas daripada menekankan keesaan Allah s.w.t. sama ada dari sudut teori dan praktiknya. Malah menurut Syed Qutb, seni sepatutnya menjanjikan pertemuan yang menyempurnakan di antara keindahan dan kebenaran. Keindahan di sini merujuk kepada hakikat alam yang diciptakanNya manakala kebenaran pula adalah merupakan puncak daripada keindahan tersebut. Apabila kesenian dan keindahan telah bergabung, maka terserlahlah hakikat kebenaran. Inilah kekayaan dan kebesaran Allah s.w.t. yang *Maha Seni*.¹¹

Begitu juga keadaannya dengan warisan kesenian Kempplingan. Permainan Kempplingan ini juga mempunyai unsur-unsur keagamaan yang memuji-muji kebesaran Allah s.w.t. dan RasulNya, Nabi Muhammad s.a.w. Ia dapat dilihat pada nazam atau lirik bagi permainan Kempplingan ini yang berpandukan kepada bacaan berzanji atau *rawi*. Malah keseluruhan senikata lagu yang digunakan untuk persembahan Kempplingan ini adalah dalam Bahasa Arab yang juga merupakan lagu-lagu asalnya. Manakala kebanyakan senikata pula dipilih daripada kitab *rawi* (berzanji). Sehingga sekarang ini, fungsi permainan Kempplingan masih lagi kekal dengan soal-soal ketuhanan dan keagamaan iaitu memuji kebesaran Allah s.w.t., Nabi Muhammad s.a.w. dan Islam itu sendiri.¹²

Di samping itu juga, permainan ini memerlukan kombinasi dengan beberapa alat muzik yang lain iaitu sebuah Jidur, empat buah Kemppling dan sebuah gendang. Kesemua alat-alat ini diperbuat daripada kulit kambing manakala baluhnya daripada kayu. Kombinasi keenam-enam alatan Kemppling ini

¹⁰Sinar Harian, (27 Ogos 2010), *Keunikan Kemppling : Kesenian Masyarakat Jawa Sejak Berzaman*, www.sinarharian.com.my/johor.

¹¹Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail (2001), *Seni dalam Islam*, Intel Multimedia and Publication, hl. 1.

¹²Othman bin Ahmad (1990), *Kempplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, h. 18.

akan melahirkan satu bunyian yang indah dan menarik. Ada ketikanya, ia dapat didengar sehingga beberapa kilometer terutama pada waktu malam ketika ia dimainkan.¹³

Lazimnya, sebelum persembahan dimulakan, ketua kumpulan akan menentukan semua alat muzik itu berada di dalam kedudukan yang teratur bertujuan melicinkan sesuatu persembahan di samping mewujudkan kesepaduan bunyi. Suatu permainan Kemplingan yang lengkap adalah terdiri seramai 10 hingga 23 orang di mana pemainnya adalah terdiri daripada 6 orang pemain alat muzik iaitu seorang pemain Jidur, 4 orang pemain Kempling dan seorang pemain gendang. Manakala bakinya merupakan pengiring-pengiring bacaan *rawi* (berzanji).

Secara tepatnya, Kemplingan ini menggunakan enam jenis alat iaitu Kempling 1 (Kempling kecil), Kempling 2 (orang-orang), Kempling 3 dan Kempling 4, gendang (Peningkah) dan Jidor. Dalam persembahan ini, Kempling 1, 2, dan 3 diletak sebaris di sebelah kanan pemain Jidur manakala di sebelah kirinya pula tersusun Kempling 4 dan gendang. Dua kitab atau *rawi* (berzanji) diletakkan di atas rehal. Walaubagaimanapun, kedudukan alat-alat muzik itu boleh diubah-ubah mengikut kehendak ketua kumpulan atau sesuatu majlis yang dijemput.¹⁴

Secara khususnya, berikut adalah huraian mengenai alat-alat muzik yang digunakan dalam permainan Kemplingan ini iaitu¹⁵ :

i) Jidur

Jidur merupakan alat utama dan terbesar yang digunakan di dalam persembahan ini serta merupakan sebuah alat muzik membranofon (jenis leger). Ia dikenali sebagai 'Jidur' berikutan bunyi akhirnya "*dor*" apabila dipukul dan dipalu.¹⁶ Jidur terdiri daripada dua permukaan yang agak besar. Kedua permukaan ini disaluti dengan kulit kambing, besar lilitannya ialah di antara 61cm hingga 91cm. Badan jidur ini pula diperbuat daripada sejenis kayu iaitu kayu selumur. Kulit kambing ini adalah ditegang dan dikuatkan dengan rotan di sekelilingnya.¹⁷

Beberapa tali penegang yang terdapat pada alat ini pula bertujuan untuk menegangkan permukaan gendang ini supaya bunyinya dapat disesuaikan mengikut kehendak pemainnya. Manakala di tengah badan jidur ini terdapat satu lubang kecil yang sengaja ditebuk. Ia dikenali sebagai lubang angin. Tujuannya adalah supaya bunyi gendang tersebut lebih baik mutunya kerana getaran bunyi gendang dari dalam Jidur ini keluar mengikut lubang ini.

¹³ *Ibid.*, h.6.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, h. 11.

¹⁶ *Ibid.*, h. 4.

¹⁷ *Ibid.*, h. 11.

Jidur lazimnya dipalu oleh seorang pemain dengan menggunakan pemukul yang diperbuat daripada rotan yang dibalut dengan kain hitam.

ii) Kempling

Kempling merupakan alat muzik membraphone. Bentuknya adalah hampir sama seperti gendang tetapi mempunyai satu permukaan sahaja yang diperbuat daripada belulang kambing. Ukuran pada permukaannya adalah di antara 15 – 25 sm, manakala panjangnya pula di antara 25 – 30 sm. Badannya yang panjang diperbuat daripada kayu cempedak/nangka. Sedak (rotan) digunakan bagi menegangkan kulit muka Kempling sebelum sebarang persembahan dimulakan.¹⁸

Cara penggunaannya adalah ditekan dengan tangan ataupun ‘penyedak’ di sekeliling antara balut dan belulang di sebelah dalam Kempling. Penggunaan sedak ini adalah bertujuan untuk menegangkan belulang bagi mendapatkan bunyi yang lantang dan padu. Ia juga dimainkan secara dipalu dengan tangan oleh seorang pemain.

iii) Gendang (KemplingBesar)

Alat ini merupakan alat yang terbesar di antara 5 buah alat Kempling. Bentuknya ialah seakan-akan gendang tetapi kecil sedikit serta panjang atau tingginya adalah rendah daripada gendang biasa. Gendang ini mempunyai satu permukaan belulang kambing sahaja dan dimainkan secara dipalu dengan tangan oleh seorang pemain.

Alat gendang dan Jidur menjadi alat yang sangat penting kerana pukulan kedua-dua alat ini menandakan permulaan bawa lagu atau memindahkan rentak lagu apabila syair yang dinyanyikan bertukar kepada *rawi* yang lain. Pukulan alat muzik ini juga mempengaruhi pukulan Kempling yang lain misalnya apabila pukulan gendang dan Jidur bertambah rapat, maka pukulan Kempling 1,2,3 dan 4 akan menjadi bertambah cepat. Begitulah sebaliknya apabila Jidur dan gendang dimainkan secara pukulan jarang, alat-alat Kempling yang lain juga menjadi perlahan.¹⁹

Manakala untuk pukulan Kempling 1 dan 2, serta 3 dan 4, kedua-duanya tidak boleh bertindih. Dengan kata lain, selepas pukulan gendang ia diikuti dengan pukulan Kempling 1 dan 2. Manakala apabila Kempling 1 dipukul sebanyak 2 kali barulah Kempling 2 dipukul dan diikuti dengan Kempling 3 dan 4.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

Sebenarnya untuk mempelajari kesenian kempelingan ini, ia memakan waktu yang agak panjang kerana setiap pemain diperlukan untuk menghayati rentak irama, kaedah menabuh dan cara memasukkan lagu nazam atau bacaan *rawi*. Bahkan seperti halnya dengan bermain kompang, kemasukan nada tingkah yang tidak tepat ke atas jidur atau mana-mana genderang, akan merosakkan irama lagu yang dimainkan. Bagi seseorang ketua kumpulan, peningkahan nada alat-alat permainan inilah yang sangat diperhatikan.²⁰

Mengenai rentak lagu yang dimainkan pula, ia kebiasaannya bergantung kepada panjang sesebuah *rawi* yang dilagukan. Misalnya terdapat 3 rentak lagi di dalam *rawi* yang bermula dengan ayat:

*“Khairuman watial-shara-al mu-shafa-u pil wara’ sehingga Mil-Khaiyabi”*²¹

Tiga rentak lagu itu terdiri daripada Rentak Permulaan, Rentak Turunan dan Rentak Turunan Penghabisan (penutup). Secara jelasnya adalah seperti berikut²² :

- a) Rentak Permulaan yang bermula dengan pukulan gendang, jidur dan diikuti dengan pukulan Kempuling. Permulaannya dari ayat *“Khairuman.....Masrabi”*
- b) Rentak Turunan yang bermula dari ayat *“Khamshapa....Ku luimimwajib”*. Rentak ini menunjukkan pukulan gendang dan kempling agak jarang-jarang dan perlahan.
- c) Rentak Turunan Penghabisan (penutup) yang bermula dari ayat *“Nikmazakal...Khaiyabi”*. Rentak seterusnya akan semakin jarang dengan pukulan gendang dan Kempuling yang semakin menurun.

Manakala bagi sesuatu lagu yang dimainkan dalam permainan Kempulingan ini, ia biasanya dibawa secara beramai-ramai. Lagu-lagu yang dibawa juga biasanya agak kuat dan nyaring untuk mengelakkan daripada ditenggelami oleh bunyi pukulan Kempuling itu. Tema yang dibawa pula bergantung kepada tujuan sesuatu majlis itu diadakan.

Malah sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, setiap kumpulan Kempulingan lazimnya mempunyai sekurang-kurangnya 18 buah lagu (*rawi*). Lagu-lagu ini akan dinyanyikan secara bergilir-gilir mengikut kehendak ketua kumpulan. Senikatanya dalam bahasa Arab adalah diambil dari kitab berzanji. Setiap lagu biasanya akan dimulakan dengan al-fatihah dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Bahkan kebiasaannya ketua kumpulan turut memainkan

²⁰ Sejarah Muar, <http://sejarahmuar.blogdrive.com/archive/8.html>

²¹ Othman bin Ahmad (1990), *op. cit.*, h. 17.

²² *Ibid.*

peranan sebagai 'suara solo' manakala enam orang pemain muzik dan 5 orang menjadi pengiring suara latar.

Lagu-lagu yang disyairkan di dalam permainan ini juga bukan direka dengan sengaja oleh para pemain, tetapi sebaliknya ia terdapat dalam kitab (*Marhaban* dan *Nasyid*). Di antara ayat-ayat yang dijadikan lagu di dalam permainan ini adalah seperti berikut :

Khairuman watial-Shara-al mu-Shafa-fil wara
Man-bihi-hul-lat-uswatul-li-abdin muz-nibi
Ma-lahu min mus-bihin-fa-za-um-matuhu-bihi
Man-yamut-fi hub-bihi-na-la-kulul
Mat-labi ana naftu-num bihi-ta-mium fi kurbihi
Rabbi aj-jil-li bihi la-al yas pu mas-ra-bi

Dari sudut tempoh masa pula, permainan ini dikatakan memakan masa di antara 30 minit hingga 2 jam lamanya, bergantung kepada lagu-lagu yang dimainkan. Persembahannya juga tidak memerlukan sebuah tempat yang khusus dan bersesuaian di mana sahaja. Sama ada di atas pentas, tanah lapang, majlis perarakan, ruang rumah/dewan, dan sebagainya yang boleh menempatkan seramai 10 hingga 23 orang pemain.²³

Akhir sekali, dari segi pakaian, setiap ahli kumpulan yang terdiri daripada kaum lelaki itu biasanya memakai baju Melayu dan dilengkapi dengan songkok dan sampin/songket bersesuaian dengan majlis yang diadakan. Manakala warna pakaian pula adalah bergantung kepada kumpulan masing-masing.²⁴

Usaha Memartabatkan Warisan Kemplingan

Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk turut mewarisi pelbagai kebudayaan yang mewakili bangsanya. Setiap kaum mempunyai waikan kesenian masing-masing yang perlu dipelihara dan dijaga. Ini termasuklah kesenian masyarakat Jawa yang mana juga merupakan bangsa majoriti dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Antara warisan-warisan tradisi itu ialah permainan kuda kepang, wayang kulit, ketoprak, barongan, pencak silat dan Kempling yang hampir dilupakan oleh generasi baru kerana kurangnya usaha-usaha untuk memelihara warisan kesiaan tersebut.

Kesenian kemplingan ini juga akan hilang bersama pembangunan arus pemodenan jika kita tidak mengambil langkah pemuliharaan ke atasnya. Kesenian ini perlu diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi agar ia tidak luput dan dilupakakan. Oleh itu antara usaha-usaha yang telah diambil adalah menubuhkan persatuan-persatuan atau perkumpulan khas bagi memartabatkan

²³ *Ibid.*, h. 9.

²⁴ *Ibid.*, h. 10.

permainan tersebut dalam kalangan masyarakat setempat. Antara kumpulan yang dapat dilihat kini adalah seperti Perkumpulan Kempling Parit Kassan bertempat di Kampung Parit Kassan, Bukit Gambir²⁵, dan Kumpulan Kemplingan Parit Sulong, Batu Pahat²⁶. Kemplingan ini secara majoritinya adalah terdiri daripada masyarakat Jawa Johor yang telah lama ditubuhkan bagi menjamin warisan ini sentiasa diwarisi kepada generasi muda.

Bagi seorang ketua kumpulan, beliau sangat prihatin terhadap peningkatan nada alat-alat permainan kemplingan. Untuk memastikan segala aktiviti berjalan lancar dan bergerak aktif mereka telah menubuhkan organisasi yang terdiri daripada pengerusi kumpulan, bendahari, setiausaha dan ahli jawatankuasa kumpulan. Begitu juga bagi mempelbagaikan aktiviti, mereka telah membuat agenda-agenda tersendiri yang boleh didapati di dalam laman-laman web yang mereka tubuhkan bagi meningkatkan kepelbagaian dalam setiap persembahan mereka.

Di samping itu juga, atas dasar kesedaran untuk mengkomersilkan warisan Kemplingan kepada umum, mereka juga telah membuat satu blog rasmi yang memaparkan segala aktiviti dan kegiatan kumpulan kemplingan tersebut. Sebagai contohnya, Blog "*Perkumpulan Kemplingan Parit Kassan*" yang telah dilancarkan pada 5 Jun 2008²⁷. Blog ini telah memuatkan segala infomasi dan kegiatan kesenian Kemplingan sebagai salah satu warisan yang masih kekal di Kampung Parit Kassan, Bukit Gambir di daerah Ledang.

Tambahan pula, usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka telah mula mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Ini termasuklah di kalangan para pelajar di beberapa buah institusi pengajian tinggi yang mula mengkaji dan membuat lawatan bagi melihat aktiviti yang dimainkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut. Di antaranya ialah pelajar-pelajar di Universiti Multimedia Melaka (MMU) dan lain-lain lagi.²⁸ Bahkan baru-baru ini, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman telah memberikan suatu peruntukan kepada kumpulan Kemplingan tersebut bagi menjayakan lagi aktiviti-aktiviti yang dipercayai dapat mengekalkan warisan tradisi masyarakat Jawa ini.²⁹

Begitu juga di atas kesedaran pihak-pihak tertentu, terdapat pihak-pihak media dan stesen-stesen televisyen tertentu yang telah menyambut baik usaha kumpulan-kumpulan tersebut seperti Sinar Harian dan stesen RTM, TV1. Di sini, selain memaparkan warisan tersebut di dada-dada akhbar, mereka juga telah menjemput Kumpulan Kemplingan Parit Kassan untuk membuat penggambaran

²⁵Hai Rozzaman Jalal, *Kempling: Satu Kesenian Jawa di Johor*, <http://kemplingan.blogspot.com/>

²⁶Kuiz Warisan Johor (32), *Berita Minggu & Yayasan Warisan Johor*, 2000.

²⁷Kemplingan, <http://kemplingan.blogspot.com/>

²⁸Sinar Harian, (27 Ogos 2010), *Keunikan Kempling: Kesenian Masyarakat Jawa Sejak Berzaman*, www.sinarharian.com.my/johor.

²⁹*Ibid.*

seperti dalam program '*Rentak Dan Gerak*', iaitu sebuah rancangan khusus yang memaparkan tentang warisan kesenian Malaysia. Program atau rancangan ini telah mula disiarkan di TV1 mulai bulan Mei 2009 tahun lalu dan episod yang memaparkan kesenian Kemplingan telah disiarkan pada bulan Ogos tahun lalu. Tambahan lagi Kumpulan Kempling Parit Kassan, Muar juga turut muncul dalam *Rancangan Perspektif ASEAN*, program *Khazanah Irama* di TV1 pada 3 Julai 2002 dan juga beberapa program televisyen yang lain.³⁰

Selain itu, penubuhan kumpulan Kemplingan ini juga turut memberi perkhidmatan kepada orang awam untuk mengadakan persembahan di majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, berkhatan dan persembahan untuk majlis-majlis perasmian sebagainya. Manakala kadar sewa yang diambil oleh kumpulan Kemplingan ini pula bergantung pada jarak tempat persembahan.

Sebagai contoh, antara majlis-majlis besar yang pernah disertai oleh Kumpulan Kemplingan Parit Kassan³¹ ialah;

1. Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri 2001 di Dataran Bandaraya Johor Bahru, anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor.
2. Mengadakan persembahan sempena sambutan Hari Raya di rumah terbuka Menteri Besar Johor.
3. Mengadakan persembahan di Majlis Pertandingan Kompang Kreatif sempena program Mesra bersama Radio Malaysia Johor.

Malah suatu ketika dahulu juga, Pertubuhan Kumpulan Kempling Parit Simpan, Senggarang pada tahun 1986 pernah dijemput untuk membuat persembahan sehingga ke Perancis, Itali dan Belanda.³² Oleh yang demikian, tidak dinafikan dengan penubuhan kumpulan Kemplingan seperti ini dapat membantu memartabatkan warisan seni masyarakat Jawa Johor yang semakin pupus ditelan zaman moden dan teknologi, di samping dapat memupuk generasi masa kini mengetahui dengan lebih mendalam tentang kesenian Kemplingan.

Akhir sekali, pada 24 Julai hingga 2 Ogos 2010 kumpulan ini telah menerima surat penghargaan daripada Kraftangan Malaysia atas sumbangan VCD Kemplingan untuk Promosi Kerja Kahwin 2010 di Muzium Kraf Kuala Lumpur.³³ Usaha pemeliharaan ini diteruskan lagi apabila kumpulan ini mula terlibat dalam menjalankan projek Pemuliharaan Kesenian Kemplingan Johor.

Penutup

³⁰ Sejarah Muar, <http://sejarahmuar.blogdrive.com/archive/8.html>.

³¹ Kemplingan, <http://kemplingan.blogspot.com/>

³² Kuiz Warisan Johor (31), *Berita Minggu & Yayasan Warisan Johor*, 2000.

³³ Kemplingan, *op. cit.*

Maka dilihat daripada usaha-usaha tersebut, secara kesimpulannya dapat dikatakan bahawa usaha yang dilakukan oleh pertubuhan atau kumpulan-kumpulan yang diwujudkan ini adalah begitu serius dalam memartabatkan warisan kesenian masyarakat Jawa Johor khususnya bagi kesenian Kemplingan. Manakala kesedaran yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu di Malaysia pula dalam mengekalkan dan memelihara warisan tradisi ini didapati amat menggalakkan. Walaubagaimanapun, usaha ini masih lagi perlu diteliti semula dan diperkembangkan terutamanya dalam memperkenalkan dan menarik minat para remaja serta kanak-kanak terhadap permainan tersebut. Ini kerana berdasarkan fenomena yang berlaku sekarang iaitu banyak kes-kes salah laku dan juvana adalah melibatkan golongan remaja kini yang semakin lari daripada tradisi ketimuran yang dipenuhi oleh adab-adab kesopanan dan budi bahasa yang tinggi. Oleh yang demikian, usaha-usaha seperti memartabatkan kesenian silam ini yang sememangnya mempunyai unsur-unsur ketuhanan yang tinggi perlu diambil perhatian dan perlu dijadikan teladan bagi melahirkan aktiviti-aktiviti kesenian moden agar mereka tidak terlalu terpengaruh dengan budaya hedonisme yang melalaikan dan menyesatkan. Hal ini samalah halnya dengan pepatah, "*sambil menyelam minum air*", iaitu di samping memartabatkan kesenian warisan, pihak-pihak tertentu juga boleh menggunakan idea tersebut dalam mempelbagaikan atau memberi nafas baru kepada kesenian silam supaya dapat menarik perhatian generasi muda yang semakin leka dengan arus zaman teknologi ini.

Bibliografi

Ayuni Amir (2005), *Alatan Muzik Tradisional Melayu*, Kuala Lumpur : Pustaka Cahaya Intelek

Kemplingan, <http://kemplingan.blogspot.com/>

Othman bin Ahmad (1990), *Kemplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

Sejarah Muar, <http://sejarahmuar.blogdrive.com/archive/8.html>

Othman bin Ahmad (1990), *Kemplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

Kuiz Warisan Johor (31), *Berita Minggu & Yayasan Warisan Johor*, 2000.

Sinar Harian, (27 Ogos 2010), *Keunikan Kempling : Kesenian Masyarakat Jawa Sejak Berzaman*, www.sinarharian.com.my/johor.

Othman bin Ahmad (1990), *Kemplingan*, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail (2001), *Seni dalam Islam*, Intel Multimedia and Publication.

Hai Rozzaman Jalal, *Kempling : Satu Kesenian Jawa di Johor*,
<http://kemplingan.blogspot.com/>

Kuiz Warisan Johor (32), *Berita Minggu & Yayasan Warisan Johor*, 2000.

Rozzaman Jalal, *Akhbar TRAS*, Jumaat : 28 Jun 1996.

Sinar Harian, (27 Ogos 2010), *Keunikan Kempling : Kesenian Masyarakat Jawa Sejak Berzaman*, www.sinarharian.com.my/johor.

Wacana Sastera Islam Di Malaysia Dan Indonesia: Mengisi Wacana Sastera Pasca Kolonial

*Mohd Faizal Bin Musa**

Abstrak

Penjajahan Barat di negara-negara Muslim telah mengakibatkan marginalisasi sastera Islam untuk satu tempoh. Pada tahun 70-an, kesusasteraan Islam menjadi fenomena di Indonesia dan Malaysia. Fenomena ini boleh ditelusuri dengan melihat wacana sastera Islam dan produk sastera. Sejak fenomena tersebut Sastera Islam dianggap sebagai alat untuk melawan ideologi Barat. Di Indonesia, idea 'Sastera Profetik' atau 'Sastera Sufi' dikemukakan sejajar dengan gagasan 'Sastera Transendental' yang dicetuskan oleh Kuntowijoyo. Falsafah teras di sebalik 'Sastera Transendental' ini adalah ajaran-ajaran tasawuf dan mistisisme. Bersama dengan Islam Kejawen, 'Sastera Transendental' menekankan pengalaman spiritual dan usaha manusia untuk mencari cinta Allah. Ia juga menekankan unsur tradisional seperti kembali ke 'akar budaya tempatan', termasuk Islam Kejawen, sebagai sumber respon melawan wacana sastera pasca-kolonial. Sebagai perbandingan, di Malaysia, Persuratan Baru dipelopori oleh Mohd Affandi Hassan. Istilah dan konsep sastera Islam (Persuratan) dibezakan dengan menolak istilah sastera diperkenalkan oleh Barat. Menurut Persuratan Baru, istilah sastera dan konsepnya selama ini yang menjadi rujukan Barat mesti digantikan dengan istilah dan konsep sastera Islam yang sebenar. Menurut Mohd Affandi Hassan, dalam sastera Islam ciri ilmu ditekankan seraya menolak aspek tahyul dan imaginasi dalam karya sastera. Menurut Persuratan Baru lagi keindahan sebenar dalam karya sastera terletak pada 'kombinasi estetika dan intelek'. Persuratan Baru juga menolak kebebasan mutlak bagi penulis di mana kreativiti bukan ukuran kebebasan. Sebagai respon awal, makalah ini menyoroti beberapa aspek dari kedua-dua wacana dan bagaimana hal itu disajikan sebagai respon terhadap wacana Barat. Kedua-dua wacana sastera dari Malaysia dan Indonesia ini jelas berusaha mengisi 'sastera Islam' dengan ciri-ciri khas bagi menjawab wacana pasca-kolonial dengan cara yang lebih bermakna.

Kata Kunci: *Sastera Islam, Sastra Transendental, Persuratan Baru, Islam Kejawen, Sastera Pasca Kolonial.*

* Pensyarah di Institut Alam Dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Islamic Literature Discourse In Malaysia And Indonesia: Succeeding Post Colonial Discourse

Abstract

The western colonization in Muslim countries has resulted in marginalization of Islamic literature for a periode of time. In the 70's, the Islamic literature became a phenomenon in Indonesia and Malaysia. The phenomenon can be traced by looking at the Islamic discourses and literary products. Since then, Islamic literature are perceived as a tool to fight the ideology of the West. In Indonesia, the idea of 'Prophetic Literature' (sastra profetik) or 'Sufistic Literature' (sastra sufi) are kept abreast with the idea of 'Transcendental Literature', which was founded by Kuntowijoyo. The core philosophies behind 'Transcendental Literature' are the teachings of Sufism and mysticism. Together with Islam Kejawen (Javanese Sufism) as background, 'Transcendental Literature' emphasizes the spiritual experience and effort by human to seek for the love of God. It's also emphasizes on the traditional elements such as the return to the 'roots of local culture', including Islam Kejawen (Javanese Sufism) as a source to counter-response the post-colonial literary discourse. As a comparison, in Malaysia, Persuratan Baru (Genuine Literature) pioneered by Mohd Affandi Hassan differentiated the term and concept of literature introduced by the West. By retrieving 'sastera' (literature) to Persuratan (Genuine Literature), Mohd Affandi Hassan ambitious venture was to liberate Muslims authors from Western colonization. According to Persuratan Baru (Genuine Literature), literary terms and concepts that make the foundation of Western fictions are to be reverted with the term and concept of genuine Islamic literature. Thus, the genuine Islamic literature features ilm or knowledge hence extruding aspects of superstition and imagination in literary works. According to the Persuratan Baru (Genuine Literature), the real beauty in literary works lies between 'combination of aesthetic and intellect'. Persuratan Baru (Genuine Literature) also rejected absolute freedom for the authors in which creativity is not a measure of freedom. As an initial response, this paper is highlighting some aspects of these two discourses and how it was presented as a response to the Western discourse. Both literary discourses from Malaysia and Indonesia are clearly trying to provide the 'Islamic literature' with the distinctive features in order to fill in the post-colonial discourse in a more meaningful ways.

Keywords: *Islamic Literature, Transcendental Literature, Genuine Literature, Javanese Sufism, Post Colonial Literature.*

Mukadimah

Selepas kepesatan perkembangan kesusasteraan bandingan di Amerika Syarikat, disiplin tersebut mengalami kemerosotan khususnya pada tahun-tahun 70an. Mohd Salleh Yaapar menjelaskan kajian sastera bandingan telah dicabar oleh tiga perkara besar yang menyebabkan sastera bandingan di Barat 'kelihatan bercelaru'¹. Pertamanya, kemunculan atau kebangkitan apa yang dinamai sebagai 'emergent literatures' di mana genre sastera yang sebelum ini diketepikan mulai diberi perhatian. Ini menyebabkan sarjana dalam disiplin sastera bandingan tidak lagi melakukan perbandingan dengan ukuran barat semata-mata. Wlad Godzich seorang profesor sastera bandingan di Universiti Montreal menyarankan disiplin sastera bandingan meninjau 'emergent literature' dengan tujuan untuk 'menyegarkan semula disiplin sastera bandingan'.² Godzich seterusnya menjelaskan 'emergent literature' adalah 'sastera yang terkeluar dari sorot hegemonik (berkuasa berpengaruh) yang selama ini dominan dalam disiplin ini'. Oleh itu 'emergent literature' yang termasuk juga sastera minoriti 'African American', karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang wanita, sastera gay dan lesbian, termasuklah sastera di luar lingkungan Barat iaitu dari Afrika, Asia, Amerika Latin dan Caribbean mulai mendapat perhatian yang besar. Pandangan Godzich tersebut diturunkan di bawah ini sebagai bukti:

Emergent literatures are not to be understood then as literatures that are in a state of development that is somehow inferior to that of fully developed, or emerged literatures – our own disciplinary version of underdevelopment or developing literatures, if you wish, with attendant Third Worldist ideologies-but rather those literatures that cannot be readily comprehended within the hegemonic view of literature that has been dominant in our discipline. In this view, emergent literatures will include writings by racial and ethnic minorities in countries such as the United States; literature by women in, let us say, Italy, France or Australia, as well as much of the new writing from Africa, Asia and Latin America, including the Caribbean. Emergent literatures represent a different conception of field and of object than that represented by the often used expression 'emerging literatures'³.

Keduanya, sastera bandingan mulai disambut dengan baik oleh sarjana sastera di Asia. Mohd Salleh menjelaskan sarjana dari China misalnya mulai mencabar kesusasteraan bandingan kerana 'skema penilaian selama ini ialah skema barat'. Ketiganya, menurut Mohd Salleh lagi kemerosotan sastera bandingan di Amerika berlaku kerana keghairahan terhadap teori di Barat. Keghairahan yang dimaksudkan ialah sambutan yang lebih besar terhadap teori sastera, linguistik, sejarah, falsafah, psikologi, sosiologi, dan agama yang mana dilihat di Perancis

¹ Mohd Salleh Yappar (1994), "Dari Kesatuan ke Kepelbagaian: Arah Perkembangan Disiplin Kesusasteraan Bandingan Masa Kini", Syed Jaafar Husin (peny.), *Pengantar Kesusasteraan Bandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3-8.

² Godzich Wlad (1995), "Emergent Literature and Comparative Literature", Charles Bernheimer (penys.) *Comparative Literature in the Age of Multiculturalism*, Baltimore dan London: The Johns Hopkins University Press, h. 35.

³ *Ibid.*

sebagai 'les sciences humaines'. Wacana mengenai dekonstruksi yang dipelopori oleh Jacques Derrida misalnya lebih diberi perhatian berbanding sastera bandingan. Lapangan baharu ini menyebabkan perbandingan memerlukan penguasaan teori selain penguasaan bahasa asing. Secara tidak langsung ini mengakibatkan sarjana sastera bandingan menghabiskan masa untuk memahami pelbagai teori sehingga kerja-kerja perbandingan yang sebenar ditinggalkan.

Dalam masa yang sama kebangkitan kajian sastera pasca kolonial di Timur (yang kebanyakan wilayahnya dijajah oleh Barat) telah menjadikan kesusasteraan bandingan sebagai satu alat untuk menilai kembali kedudukan sastera kebangsaan. Kayu ukur Barat tidak lagi digunakan dalam sastera bandingan malah pada beberapa ketika sastera bandingan dijadikan 'penafsir' untuk sastera kebangsaan seperti mana yang berlaku di India. Hal ini misalnya diakui oleh Ganesh Devy dalam esainya '*Comparative Literature: Indian Dimensions*'⁴.

Tiga cabaran besar sastera bandingan di Barat tersebut sekiranya dihubungkan dengan kemunculan semula sastera Islam di Nusantara tidaklah sederhana. Ini kerana sastera Islam boleh disorot sebagai satu manifestasi *emergent literature* dan kebangkitan semula sastera kebangsaan yang lebih berciri tempatan. Genre sastera Islam telah lama wujud sejajar dengan kemunculan Islam itu sendiri. Namun begitu, disebabkan penjajahan Barat terhadap negara-negara Timur termasuk negara umat Islam, sastera Islam telah terabai. Sebagai satu kes yang tersendiri, sastera Islam kembali menjadi fenomena dalam kalangan umat Islam. Sastera Islam dilihat sebagai alat yang dapat menjadi perlawanan kepada ideologi Barat. Keadaan ini dapat diperhatikan antaranya, di Indonesia dan Malaysia di mana gagasan sastera Islam dijelmakan semula sebagai satu kutub alternatif kepada mazhab sastera dari Barat. Sebagai satu tanggapan awal, dua gagasan akan dibandingkan iaitu gagasan sastera transendental di Indonesia dan gagasan persuratan baru di Malaysia. Oleh kerana itu, sebagai satu sorotan awal, makalah hanya akan menyentuh beberapa aspek gagasan yang dikemukakan sebagai wacana balas kepada Barat. Ini dengan sendirinya akan menunjukkan keinginan dalam kalangan pengarang dan sarjana yang ada di Malaysia dan Indonesia untuk menyediakan sastera Islam sebagai muatan wacana pasca kolonial yang bermakna.

Sastera Transendental Di Indonesia

Di Indonesia, usaha untuk mengisi dunia sastera selepas pulangnya kuasa penjajah dengan wacana sastera Islam terlihat menerusi penggagasan wacana Sastera Transendental. Wacana Sastera Transendental yang dikemukakan oleh Kuntowijoyo telah mendapat sambutan hangat dalam kalangan ramai penulis sastera yang penting di Indonesia sejak pertama kali diketengahkan dalam satu majlis 'Temu Sastra' pada 6 hingga 8 Disember 1982. Salah seorang penulis dan sarjana Indonesia yang menyambutnya dengan baik ialah penyair Abdul Hadi W.M. Malah Abdul Hadi dijadikan contoh oleh Kuntowijoyo sebagai penyair yang menulis karya-

⁴ Susan Bassnett (1994), *Pengenalan Kritis Kesusasteraan Bandingan*, Shamsuddin Jaafar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

karya 'sastera transendental'. Abdul Hadi W.M bagaimanapun adalah tokoh yang sering dikaitkan dengan gagasan 'Sastera Profetik' dan 'Sastera Tasawuf'. Dalam masa yang sama Abdul Hadi sendiri turut menggunakan istilah 'transendental'. Oleh kerana tidak ada sebarang bantahan ditemui daripada Abdul Hadi yang menjarakkan diri dari gagasan 'Sastera Transendental' dapatlah dikatakan beliau menyetujui diri beliau dikelompokkan sebagai penulis 'Sastera Transendental'. Ini juga dapat dijadikan hujah bahawa 'Sastera Profetik' yang sinonim dengan Abdul Hadi tidak mempunyai perbezaan dasar dengan gagasan 'Sastera Transendental'.

Selaku pencetus gagasan 'Sastera Transendental', Kuntowijoyo menyarankan penyelesaian 'spiritual' untuk membebaskan manusia moden dari pelbagai kepincangan dan masalah moral. Ini bermakna beliau menyarankan pengalaman kerohanian sebagai 'jalan keluar' manusia dari 'cengkaman dunia yang mengagungkan kebendaan dan teknologi'. Menurut Abdul Hadi W.M, pandangan Kuntowijoyo ini selari dengan pandangan Syed Hossein Nasr yang mencadangkan tasawuf sebagai alternatif pembebasan manusia setelah manusia moden kehilangan visi keilahan dan kekosongan spiritual⁵. Inilah titik pertemuan asasi antara gagasan 'Sastera Transendental' oleh Kuntowijoyo dan 'Sastera Profetik' oleh Abdul Hadi W.M.

Seperti yang telah dijelaskan tadi 'Sastera Transendental' menyarankan pengisian tasawuf sebagai jawapan kepada kepincangan moral dan masalah manusia moden. Dalam konteks Indonesia, khususnya Jawa, pengisian tasawuf yang dimaksudkan dalam 'Sastera Transendental' sangat berhubungan dengan ajaran kejawen. Untuk memahami apakah yang dimaksudkan dengan ajaran kejawen, perlu dijelaskan di sini bahawa penyebaran Islam ke seluruh dunia setelah kewafatan Rasulullah saw telah menjalani dua bentuk iaitu pendekatan non kompromi dan kompromi. Pendekatan secara non kompromi telah dilalui oleh kebanyakan wilayah di rantau Timur Tengah. Dakwah Islamiyyah atau penyebaran Islam telah berdepan dengan satu garis pemisah yang jelas dan tegas. Garis pemisahan yang dimaksudkan ialah pemisahan antara unsur jahiliyah (pra Islam) dan Islam tanpa sebarang kompromi. Ini bermakna tidak ada tolak ansur di dalam mengembangkan Islam, khususnya yang melibatkan adat yang bertentangan akidah Islam dan kepercayaan lama. Adat-adat jahiliyah yang bertentangan dengan Islam diketepikan dan dihapuskan. Istilah dan konsep iman, musyrik dan kufur telah digunakan dalam menyebar Islam. Pendekatan kedua, iaitu secara berkompromi pula telah digunakan untuk penyebaran Islam di Afrika, Asia Tengah dan rantau Nusantara. Pendekatan berkompromi ini bermaksud ajaran Islam telah 'ditemukan' atau 'dipadukan' dengan ajaran atau tradisi budaya yang berlainan, bahkan kadang kala kelihatan bertentangan dengan jati diri Islam. Untuk memudahkan penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat rantau tersebut, adat dan budaya pra-Islam tidak ditolak sepenuhnya. Malah adat serta budaya pra Islam tersebut diamalkan serentak. Pembauran dan tolak ansur ini melahirkan satu acuan yang 'bersifat sinkretis'.

⁵ Abdul Hadi W.M (1992), "Kembali ke Akar Tradisi Sastra Transendental dan Kecenderungan Sufistik Kepengarangan di Indonesia", *Jurnal Ulumul Quran*, Vol II, No. 3, h. 13.

Menurut sarjana yang banyak mengkaji persoalan kejawen, iaitu Profesor Simuh, pendekatan tasawuf di dalam penyebaran Islam di rantau Nusantara telah melahirkan 'satu campuran ajaran Islam yang unik'. Beliau menambah 'Islam sufi' yang dikembangkan di Nusantara adalah "satu produk kompromi Islam dan mistik (kehidupan kasyaf)", justeru menurut beliau Islam hadir dengan kesediaan untuk "berkompromi dengan tradisi sosial budaya setempat"⁶.

Sesudah kemerdekaan Indonesia kumpulan tarekat di Jawa menyedari budaya Barat yang masuk sepanjang penjajahan Belanda telah merosakkan nilai-nilai kerohanian. Pengikut atau pencinta mistik Jawa (penganut aliran kejawen) turut mempercayai aspek kerohanian kebudayaan Jawa boleh dipugar semula untuk menolak aspek negatif kebudayaan Barat yang berbumbukan kebendaan dan sekularisme⁷. Ini bermakna selain ajaran tasawuf, ajaran kejawen turut dijadikan pedoman atau 'satu terapi' kepada kehidupan dunia.

Terapi menerusi ajaran kejawen ini muncul dengan meluasnya dalam tahun 70an dan sering dikaitkan dengan 'angkatan penyair 70an' atau turut dikenali sebagai 'angkatan transendental'. Kumpulan sasterawan transendental ini dapat dikesani menerusi dua perkara.

Pertama, kecenderungan mereka menggunakan simbol dalam karya tidak dianggap sebagai satu yang ketinggalan zaman, sebaliknya dilihat sebagai satu usaha untuk 'kembali ke akar tradisi'⁸. Penyair daripada angkatan yang sama, Sutardji Calzoum Bachri misalnya menyatakan usaha untuk 'kembali ke akar tradisi budaya' ini merupakan satu perbezaan besar antara angkatan 70 dengan angkatan yang sebelumnya⁹. 'Kembali ke akar tradisi' atau 'peminjaman tradisi' yang dimaksudkan oleh Sutardji ialah apabila tradisi dijadikan sebagai sumber ilham dan titik tolak penciptaan karya kreatif.

Terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh pengarang untuk 'kembali ke akar tradisi' ini. Kaedah pertama ialah dengan mengambil budaya tradisi sebagai keperluan untuk bereksperimen dalam berkarya. Kaedah kedua pula ialah dengan mengangkat kesusasteraan etnik dan kedaerahan (contohnya kesusasteraan Jawa, Bali, Sunda dan Sasak) di mana ciri-ciri khas kesusasteraan etnik dan kedaerahan ini dibawa masuk ke dalam kesusasteraan induk iaitu kesusasteraan Indonesia. Kaedah ketiga pula mengambil tradisi spiritual dari agama besar termasuk Islam untuk diterapkan dalam karya. Kaedah ini kadang kala diterapkan dalam karya secara bertindanan. Karya Kuntowijoyo dan Danarto, sebagai contoh, digubah dengan kaedah kedua dan ketiga secara serentak, iaitu latar budaya Jawa

⁶ Simuh (1995), *Sufisme Jawa Transformasi Tasawuf Islam Ke Mistik Jawa*, Jogjakarta: Yayasan Bentang Budaya, hlm: 6-16. Juga lihat Muhsin Labib (2004), *Mengurai Tasawuf Irfan Dan Kebatinan*, Jakarta: Penerbit Lentera, h. 155-163.

⁷ *Ibid*, h. 64.

⁸ Abdul Hadi W.M (2000), "Angkatan 70 Dalam Sastra Indonesia", Kratz, E Ulrich, (penys.), *Sumber Terpilih Sejarah Sastra Indonesia Abad XX*, Jakarta: Gramedia, h. 803.

⁹ Abdul Hadi W.M (1999), *Kembali Ke Akar Kembali Ke Sumber: Esei-Esei Sastra Profetik Dan Sufistik*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 4.

dipadukan dengan ajaran spiritual Islam. Malah tradisi kejawan telah turut dijadikan sumber karya¹⁰.

Sekadar satu ulangan, perkara yang kedua pada angkatan transendental ini ialah kecenderungan mereka terhadap ajaran sufi atau tasawuf di mana nilai spiritualisme dapat dikesani dengan mudah dalam karya mereka. Abdul Hadi W.M misalnya, memasukkan karya-karya Danarto, Kuntowijoyo dan Sutardji Calzoum Bachari dalam kelompok 70an ini. Fenomena yang disebut sebagai 'religus', 'sufistik' dan 'spiritualistik' ini dikatakan turut diekori oleh penulis awal 80 an seperti Afrizal Malna, Hamid Jabbar, Kriapur, D. Zawawi Imron, Emha Ainun Nadjib, Linus Suryadi AG dan Heru Emka¹¹.

Adalah jelas sekali, usaha menggagaskan sastera transendental sebagai sebahagian dari wacana induk sastera Islam adalah bertujuan untuk mengisi kekosongan wacana sastera pasca kolonial. Gejala yang serupa dapat dikesani di Malaysia, di mana gagasan sastera Islam turut dikemukakan sebagai kutub pemikiran yang bertentangan dengan kutub pemikiran sastera menurut fahaman Barat.

Gagasan Persuratan Baru

Di Malaysia, tasawuf dan sufisme turut diperhatikan sebagai alternatif setelah kepulangan penjajah. Karya-karya sufisme dari dunia Melayu kembali ditekuni. Menurut Syed Muhammad Naguib al Attas, kemunculan karya sufi klasik di dunia Melayu telah membawa satu revolusi intelektual yang mengkagumkan. Pandangan ini turut menjadi salah satu perkara pokok yang ditekankan oleh Mohd Affandi Hassan dalam wacana persuratan barunya. Persuratan Baru digagaskan oleh Affandi setelah konsep sastera Islam yang dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad menjadi pemangkin kepada perbincangan terbuka dan meluas mengenai sastera Islam. Gagasan sastera Islam dan perbahasannya hanya bermula di Malaysia setelah Shahnnon Ahmad menulis artikel pendeknya yang berjudul 'Sastera Islam'¹². Seperti yang telah dinyatakan, artikel tersebut telah menimbulkan impak dan perbincangan yang besar, dan wacana sastera Islam mulai mendapat tempat di dalam kesusasteraan Melayu secara meluas:

*This article unleashed a flood of writings which developed into a sustained debate unprecedented in the history of modern Malay literature*¹³.

¹⁰ *Ibid*, h. 5-19. Rujukan yang baik untuk subjek ini ialah tulisan-tulisan orientalis A. Teeuw. Beliau malah menyatakan pembaca Indonesia bukan Jawa sendiri sukar untuk memahami karya Danarto. Lihat A. Teeuw (1982), *Khazanah Sastra Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka dan lebih lanjut dalam A. Teeuw (1994), *Indonesia: Antara Kelisanan Dan Keberaksaraan*, Jakarta: Pustaka Jaya, h. 192-223.

¹¹ Abdul Hadi W.M (2000), "Angkatan 70 Dalam Sastra Indonesia", h. 804-805.

¹² Shahnnon Ahmad (1977), "Sastera Islam", *Dewan Bahasa*, Julai, h. 426-427.

¹³ Ungku Maimunah Mohd Tahir (1989), "Sastera Islam: Malaysia's Literary Phenomenon Of The 1970s And 1980s", *The Muslim World*, Julai-Oktobor, h. 232-233.

Pandangan dan pendapat Shahnnon Ahmad dalam pembentukan gagasan sastera Islam di Malaysia memiliki impak tersendiri. Misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penganjur tetap Hadiah Sastera Berunsur Islam sejak tahun 1987 telah menggunakan konsep cereka Islam Shahnnon Ahmad di atas sebagai syarat menentukan karya sastera Islam¹⁴. Konsep cereka tersebut turut digunakan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri kerajaan Malaysia¹⁵ apabila mengendalikan peraduan.

Kehadiran persuratan baru yang digagaskan oleh Affandi adalah bertujuan untuk 'mencabar' konsep sastera Islam yang ditawarkan oleh Shahnnon Ahmad di atas. Menurut Affandi istilah Persuratan Baru digunakan oleh beliau sebagai kebalikan dari istilah kesusasteraan menurut kerangka Barat. Tambah beliau lagi, kesusasteraan dari Barat lebih berhubung dengan dunia khayal. Justeru, menurut beliau konsep dan istilah persuratan dengan itu lebih cocok diacukan dengan sastera Islam di mana konsep tauhid sangat sentral. Adalah perlu disebut di sini, meskipun Affandi kerap menggunakan istilah sastera Islam, di tangan beliau istilah itu adalah merujuk kepada konsep persuratan yang dikemukakannya. Affandi berpendapat 'konsep 'sastera' dan 'sasterawan' menurut kerangka Barat tidak relevan lagi jika dilihat daripada perspektif 'pendekatan tauhid'. Affandi juga berpendapat dengan persuratan "hasil-hasil kreatif tidak lagi hanyut dalam bahasa sastera yang khayal dan penuh pura-pura", tetapi akan digantikan dengan "bahasa persuratan yang lebih bertenaga dari segi intelektualnya dan juga analisis"¹⁶. Affandi turut 'mengiklankan' karya-karya beliau sebagai contoh kepada konsep persuratan.

Tiga faktor yang membibitkan gagasan Persuratan Baru ialah kesedaran tentang peranan Islam dalam tradisi sastera Melayu, keinginan untuk merancakkan lagi perbincangan tentang sastera Islam dan hasrat Affandi untuk menolak pelbagai teori sastera dari Barat. Kesedaran ini telah diterjemahkan secara praktik dengan "mengalihkan orientasi sastera dari bukan ilmu kepada ilmu". Ini bermakna gagasan Persuratan Baru muncul dengan hasrat untuk mengembalikan fungsi Islam dalam karya sastera dengan menerapkan ilmu. Keduanya, Persuratan Baru digagaskan setelah adanya dorongan pelbagai jenis pemahaman mengenai gagasan sastera Islam. Seperti yang telah disebutkan lebih awal, sejak Shahnnon Ahmad mengemukakan konsep sastera Islam, pelbagai gagasan mengenai sastera Islam muncul dan dibincangkan oleh sarjana tempatan. Kehadiran persuratan baru adalah satu contoh keghairahan pengarang dan sarjana di Malaysia untuk menyumbang kepada kutub pemikiran yang berbeza dari Barat. Hal ini diakui sendiri oleh Mohd Affandi sebagai tokoh gagasan Persuratan Baru, beliau mengakui tujuan mengenengahkan gagasan ini adalah sebagai alternatif kepada pelbagai wacana, konsep dan idea mengenai sastera Islam. Oleh kerana itu, wacana Persuratan Baru dipromosikan sebagai berbeza dengan apa yang dikemukakan oleh sastera Islam yang digagaskan oleh Shahnnon Ahmad misalnya. Ketiganya, Persuratan Baru lahir untuk merungkai pengaruh kolonialisme yang masih mewujudkan "kebergantungan

¹⁴ Laporan Hadiah Sastera Berunsur Islam ke-X oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁵ Laporan Peraduan Cerpen Berunsur Islam IX oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

¹⁶ Mohd Affandi Hassan (1994), *Medan-Medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*, Kuala Lumpur: Ampang Press, h. xiii.

kepada Barat”.¹⁷ Pengaruh kolonialisme itu kelihatan dalam karya sastera di mana pelbagai teori dan gagasan sastera termasuk sastera Islam telah dilihat, dan dikemukakan berdasar perspektif Barat.

Sebahagian besar pandangan awal Mohd Affandi telah beliau kemukakan menerusi *‘Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid’*¹⁸ dan *‘Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu’*¹⁹ yang merupakan sanggahan terhadap syarahan perdana Muhammad Haji Salleh²⁰. Wajar disebutkan di sini yang *‘Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid’* telah diterima oleh Aga Khan University Institute for the Study of Muslim Civilizations untuk sebuah projek menghimpunkan karya-karya ilmiah Islam yang dinamakan ‘The Annotated Bibliography Project’. Penerimaan gagasan ini di peringkat antarabangsa menunjukkan wacana ini diterima dengan baik dalam dunia akademik, dan dapat terus berkembang dalam disiplin estetika dan kritikan sastera²¹.

Dalam meletakkan Persuratan Baru sebagai sebuah wacana sastera pasca kolonial, Affandi menekankan hakikat insan, hakikat ilmu, dan amal yang menurut beliau lagi berhubungan dengan fungsi sastera atau dalam konteks pemahaman beliau, persuratan. Affandi menekankan bahawa kesilapan dalam memahami konsep ilmu akan mendorong kemunculan gagasan ilmu yang palsu. Menurut Affandi, beliau menganjurkan Persuratan Baru sebagai satu alternatif kepada pelbagai gagasan sastera Islam yang ada. Beliau menyifatkan gagasan sastera Islam yang sedia ada gagal menjelaskan hakikat ilmu.

Pemahaman terhadap hakikat insan dan ilmu ini membawa pula kepada pemahaman penggunaan ‘kalam’. ‘Konsep kalam’ yang disarankan oleh Affandi ini amat rapat dengan penyampaian ilmu. Dalam hal ini karya sastera ditekankan harus membawa ilmu tersebut. Pandangan Affandi tersebut relevan untuk diturunkan di bawah ini:

Penggunaan kalam dalam Islam dihubungkan dengan ilmu, dan ini dalam operasinya selalu ditunjukkan dalam tujuan ilmu itu, iaitu untuk membawa manusia pandai membaca ayat-ayat Allah dan dengan itu

¹⁷ Ungku Maimunah Mohd Tahir (1999), ‘Persuratan Baru Oleh Mohd Affandi Hassan: Satu Sambutan Awal’, Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, 6-8 Disember, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

¹⁸ Mohd Affandi Hassan (1992), *Pendidikan Estetika Daripada Pendidikan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁹ Mohd Affandi Hassan (1994), *Medan-Medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*, Kuala Lumpur: Ampang Press. Di dalam buku ini, Affandi bertegas untuk menolak teori-teori Barat.

²⁰ Di dalam buku ini juga, Affandi menolak teori puitika yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dan menganjurkan Muhammad meneliti tiga teori sastera iaitu (1) teori sastera Syed Muhammad Naguib al Attas, teori sastera Braginsky dan teori sastera Affandi iaitu merujuk kepada gagasan Persuratan Baru yang beliau kemukakan. Terjemahan Persuratan Baru kepada Genuine Literature yang digunakan oleh saya di dalam abstrak makalah ini telah dikemukakan sendiri oleh Mohd Affandi Hassan menerusi entri blog beliau berjudul ‘Penilaian Berdasarkan Gagasan Persuratan Baru’ yang dimuatnaik pada 13 Jun 2010 (diakses pada 12 Mei 2011 pukul 9.20 pagi).

²¹ Mohd Affandi Hassan (2006), ‘Persuratan Baru Dapat Perhatian’, *Mingguan Malaysia*, 8 Januari, h. 31.

dapat meletakkan dirinya dalam perspektif yang betul. Inilah maksud keadilan di dalam Islam.

Kesusasteraan sebagai salah satu daripada hasil yang terbit daripada penggunaan kalam itu (kalam di sini termasuk alat untuk menulis dan kata-kata atau bahasa) dengan sendirinya, dalam konteks ini, mencerminkan kebenaran, yakni hakikat ilmu²².

Affandi seterusnya berhujah 'konsep kalam' ini bertentangan dengan tradisi sastera barat. Menurut beliau lagi tradisi sastera Barat menerima konsep kreativiti dalam pengkaryaan. Konsep kreativiti ini menurut Affandi sangat longgar. 'Konsep kreativiti' tanpa batas boleh mendorong gubahan hasil sastera yang akan membawa pula pembacanya ke arah fasad atau keburukan. Selain itu konsep kreativiti ini terdedah kepada nafsu pengarang sehingga dapat menyesatkan atau mengelirukan pembaca²³.

Dalam sastera Barat konsep kreativiti ini terbuka kepada penilaian yang bersifat subjektif dan peribadi. Hakikat sastera Barat dengan itu dilihat dari aspek fiksyennya semata. Aspek fiskyen ini pula terbatas pada "sifat khayal, imaginatif, daya reka dan cipta" pada seniman. Ini bermakna mutu karya dinilai berdasarkan skala yang subjektif dan tidak ada dasar. Konsep ini dikenali pula sebagai konsep *fictionality* di Barat²⁴.

Oleh kerana konsep *fictionality* bertentangan dengan konsep kalam dalam gagasan Persuratan Baru, estetika Islam juga menempuh jalan yang berbeza. Konsep keindahan pada kesusasteraan Islam (dalam hal ini persuratan) menurut Affandi ialah gabungan 'fungsi estetik dan intelek'. Oleh kerana itu keindahan dalam gagasan ini tidak sahaja diukur pada aspek bahasa dan teknik karya tetapi juga dilihat menerusi kandungan ilmu yang dapat menjana intelektualisme pengarang serta pembaca. Bagi Affandi karya yang indah "bermaksud ia dicipta berasaskan cara dan teknik yang khusus, menggunakan segala aspek bahasa dan teknik tertentu sesuai dengan genre yang dibentuk atau dipilih." Sementara bermakna pula "ertinya memberikan pengertian yang benar dan mendalam tentang manusia, tentang hakikat keinsanannya dan sesuai dengan pandangan hidup tauhid". Indah pada beliau adalah fungsi estetik sementara bermakna adalah fungsi intelek dalam karya sastera²⁵. Ini bermakna Affandi menekankan kesan intelektualisme (yang menurut beliau ialah penekanan ilmu) dalam karya berbanding kesan atau aspek cerita. Oleh kerana itu, Persuratan Baru disifatkan oleh beliau sendiri berbeza berbanding konsep sastera Islam yang ada sebelumnya kerana tidak lagi menggunakan kerangka *fictionality* Barat.

Beberapa ciri khas persuratan baru yang berbeza dari wacana sastera Islam kelolaan Shahnnon Ahmad telah pun digariskan oleh Affandi dalam sebuah artikel

²² Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendidikan Tauhid*, h. 23.

²³ *Ibid*, h. 23-24.

²⁴ *Ibid*.

²⁵ *Ibid*, h. 25.

beliau yang bertajuk '*Mengapa Saya Menulis Aligupit*²⁶'. Empat ciri dominan dalam Persuratan Baru ialah seperti berikut:

- a. Persuratan Baru mengutamakan ilmu, pemikiran, dan kebijaksanaan.
- b. Persuratan Baru menggunakan gaya penulisan yang bercorak kesarjanaan. Gagasan ini menggabungkan gaya ilmiah yang indah. Gaya tersebut dikatakan ilmiah "kerana isinya bersifat ilmu"; tetapi juga indah "kerana disampaikan dalam bentuk seni".
- c. Persuratan Baru mengutamakan gagasan, dan karyawan akan membincangkan dengan mendalam gagasan tersebut dengan menampilkan watak-watak yang kuat. Watak-watak yang kuat ialah watak yang bermoral, beragama, berilmu dan sebagainya. Persuratan Baru dengan itu menolak watak pelacur, atau "watak kecil yang dangkal". Affandi menekankan watak-watak yang dibina dalam karya haruslah unggul dan boleh diteladani.
- d. Persuratan Baru mengutamakan "daya kreatif yang tinggi, terkawal dan beradab". Oleh kerana itu, tambah Affandi, segala yang khurafat dan khayal yang pernah dikemukakan oleh sasterawan di Malaysia dalam karya mereka tidak mendapat tempat dalam persuratan baru. Persuratan Baru hanya menerima *stylization of ideas*, dan menggunakan ungkapan Affandi; beliau menolak 'khayalan hanyut seperti yang dipaparkan dalam realisme magis'²⁷.

Affandi menekankan di bawah gagasan Persuratan Baru "cerita menjadi perkara kedua." Aspek yang paling utama ialah "gagasan dan pemikiran". Affandi berhujah al-Quran tidak sahaja bercerita tetapi menyampaikan mesej menerusi cerita. Hujah Affandi disampaikan di sini untuk menjadi dalil kajian:

Novel tidak lagi bercerita, tetapi untuk menyatakan gagasan dan pemikiran...saya tidak berminat untuk hanya bercerita, kerana dalam kajian saya, al Quran tidak pernah bercerita sekadar bercerita. Cerita digunakan untuk menyatakan sesuatu gagasan atau pemikiran, untuk memberi peringatan atau amaran²⁸.

Mohd Affandi merumuskan tiga asas estetika Islam yang dirumuskan berdasarkan pandangan seorang sarjana, Ismail al Faruqi²⁹:

²⁶ Mohd Affandi Hassan (1994), '*Mengapa Saya Menulis Aligupit*', *Dewan Masyarakat*, September, h.11-13.

²⁷ *Ibid*, h. 11-12.

²⁸ *Ibid*, h. 13.

²⁹ Lihat Ismail al-Faruqi dan Lois Lamya' al-Faruqi (1992), *Atlas Budaya Islam*, Mohd Ridzuan Othman, Mohd Sidin Ishak dan Khairuddin Harun, (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- a. Asas pertama adalah memahami 'realiti mempunyai dua dimensi' iaitu yang pertama, bersifat transenden atau ketuhanan. Kewujudannya diketahui tetapi tidak dapat dicapai menerusi akal hakikat. Dimensi kedua pula bersifat *natural* atau zahirnya dapat diketahui melalui pancaindera dan pengalaman. Kedua-dua realiti ini terpisah dan hanya dapat dihubungkan secara akliah semata-mata (*a process of intellection*). Ini bermaksud, manusia tidak mungkin bersoal-jawab tentang dimensi yang *transcendent* dalam bentuk apa pun.
- b. Asas kedua merupakan implikasi kepada prinsip pertama. Oleh kerana itu alam ketuhanan tidak dapat dipaparkan dalam bentuk apa pun. Samada dengan menggunakan pengalaman dan alam tabii.
- c. Asas ketiga adalah implikasi dari dua asas di atas. Oleh kerana seni ketuhanan itu tidak dapat digambarkan dengan jelas, seni yang lahir dari dua asas tersebut adalah 'seni yang abstrak, yang *stylized, expressing infinity and inexpressibility*³⁰'. Ini juga bermakna seni Islam harus menempuh proses akliah atau *process of intellection*. Seni Islam dengan itu berbeza dengan seni Barat.

'Seni abstrak' ini harus dikemukakan dengan satu teknik yang tertentu yang dinamai *stylization*. Affandi meminjam teknik *stylization* yang dikemukakan oleh Ismail al-Faruqi dengan tujuan memantapkan gagasan Persuratan Baru yang dilontarkannya. Dalam teknik ini proses akliah, pemikiran dan penyampaian makna menjadi sesuatu yang unik dan indah. Affandi dengan tegas berpendapat 'seni Islam memberi keutamaan kepada pemikiran dan makna; tetapi pemikiran dan makna itu diberi bentuk sehabis indah dan unik melalui *stylization* tadi'.³¹ Affandi dalam usaha mengemukakan *stylization* menyorankan kejadian alam untuk dibaca dan ditafsirkan dalam menyatakan kebenaran hakiki³². Mohd Affandi menerjemahkan *stylization of ideas* ke bahasa Melayu sebagai 'siratan makna'. Menurut beliau lagi siratan makna adalah 'gabungan taklif, ilmu dan kawalan' dan menjadi benteng untuk konsep persuratan yang beliau kemukakan³³.

Seperti yang telah ditunjukkan di atas, sama halnya dengan usaha yang dilakukan oleh Kuntowijoyo dan Abdul Hadi W.M di Indonesia, usaha Affandi di Malaysia untuk mengisi wacana sastera pasca kolonial dengan persuratan baru menunjukkan - Islam - turut dipandang oleh pengarang dan sarjana sastera tempatan di Malaysia dan Indonesia sebagai penawar kepada masalah manusia moden.

³⁰ Mohd Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendidikan Tauhid*, h. 39.

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*, h. 40.

³³ Ungku Maimunah Mohd Tahir (2002), 'Pujangga Melayu Oleh Mohd Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal', Majlis Diskusi Buku, 27 Februari, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 10.

Kesimpulan

Penjajahan Barat terhadap negara-negara Timur termasuk negara umat Islam, telah mengakibatkan sastra Islam terabai buat sementara. Dalam tahun 70an setelah sastra Islam menjadi fenomena di Indonesia dan Malaysia, wacana dan produk sastra Islam dilihat sebagai alat yang dapat menjadi perlawanan kepada ideologi Barat. Di Indonesia, gagasan 'sastra profetik', 'sastra tasawuf', 'sastra sufi' adalah sejalan dengan gagasan induknya iaitu gagasan 'sastra transendental' yang digagaskan oleh Kuntowijoyo. Asas dan falsafah gagasan ini bertunjangkan ajaran tasawuf, ajaran suluk atau mistik, dan kejawen yang mementingkan pengalaman kerohanian dan usaha gigih mencari cinta Tuhan. Penekanan kepada unsur tradisi seperti kembali ke 'akar budaya daerah' termasuk ajaran kejawen sebagai sumber, menjadi respon balas kepada pengisian wacana sastra pasca kolonial. Sebagai satu perbandingan, di Malaysia gagasan Persuratan Baru yang dipelopori oleh Mohd Affandi Hassan berusaha meletakkan perbezaan antara istilah serta konsep kesusasteraan dan persuratan. Istilah dan konsep kesusasteraan yang menjadikan asas fiksi Barat ingin digantikan dengan istilah dan konsep persuratan yang memiliki ciri ilmu, serta menolak aspek tahyul dan imaginasi. Menurut Persuratan Baru keindahan yang dimaksudkan dalam karya ialah 'gabungan estetik dan intelek' yang bermakna. Gagasan ini turut menolak kebebasan mutlak di mana kreativiti bukanlah ukuran kebebasan. Sebagai satu tanggapan awal, makalah telah menyorot beberapa aspek dari kedua-dua gagasan yang dikemukakan sebagai wacana balas kepada Barat. Kedua-dua gagasan dari Malaysia dan Indonesia ini jelas berusaha menyediakan muatan 'sastra Islam' dengan ciri tersendiri dalam mengisi ruang wacana pasca kolonial secara lebih bermakna.

Bibliografi

- Abdul Hadi W.M (1992), "Kembali ke Akar Tradisi Sastra Transendental dan Kecenderungan Sufistik Kepengarangan di Indonesia", *Jurnal Ulumul Quran*, Vol II, No. 3, 13.
- _____ (1999), *Kembali Ke Akar Kembali Ke Sumber: Esei-Esei Sastra Profetik Dan Sufistik*, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- _____ (2000), "Angkatan 70 Dalam Sastra Indonesia", dlm Kratz E Ulrich. (penys.), *Sumber Terpilih Sejarah Sastra Indonesia Abad XX*, Jakarta: Gramedia, 803.
- Al Faruqi, Ismail dan al Faruqi, Lois Lamya' (1992), *Atlas Budaya Islam*, Mohd Ridzuan Othman. Mohd Sidin Ishak. Khairuddin Harun. (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bassnett, Susan (1994), *Pengenalan Kritis Kesusasteraan Bandingan*, Shamsuddin Jaafar. (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 8.
- Godzich, Wlad (1995), "Emergent Literature and Comparative Literature", dlm Bernheimer Charles. (penys.), *Comparative Literature in the Age of*

Multiculturalism, Baltimore dan London: The Johns Hopkins University Press, 35.

Laporan Hadiah Sastera Berunsur Islam ke-X oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Peraduan Cerpen Berunsur Islam IX oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Mohd Affandi Hassan (1992), *Pendidikan Estetika Daripada Pendidikan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1994), 'Mengapa Saya Menulis Aligupit', *Dewan Masyarakat*, September, 11-13.

_____ (1994), *Medan-Medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*, Kuala Lumpur: Ampang Press.

_____ (2006), 'Persuratan Baru Dapat Perhatian', *Mingguan Malaysia*, 8 Januari, 31.

Mohd Salleh Yappar (1994), "Dari Kesatuan ke Kepelbagaian: Arah Perkembangan Disiplin Kesusasteraan Bandingan Masa Kini", dlm Syed Jaafar Husin. (peny.), *Pengantar Kesusasteraan Bandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 3-8.

Muhsin Labib (2004), *Mengurai Tasawuf Irfan Dan Kebatinan*, Jakarta: Penerbit Lentera, 155-163.

Shahnon Ahmad (1977), "Sastera Islam", *Dewan Bahasa*, Julai, 426-427.

Simuh (1995), *Sufisme Jawa Transformasi Tasawuf Islam Ke Mistik Jawa*, Jogjakarta: Yayasan Bentang Budaya.

Teeuw, A (1982), *Khazanah Sastra Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka.

_____ (1994), *Indonesia: Antara Kelisanan Dan Keberaksaraan*, Jakarta: Pustaka Jaya.

Ungku Maimunah Mohd Tahir (1989), "Sastera Islam: Malaysia's Literary Phenomenon of the 1970s And 1980s", *The Muslim World*, Julai-Oktober, 232-233.

_____ (1999), 'Persuratan Baru Oleh Mohd Affandi Hassan: Satu Sambutan Awal', Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, 6-8 Disember, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2002), 'Pujangga Melayu Oleh Mohd Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal', Majlis Diskusi Buku, 27 Februari, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

Seni Bina Cina dalam Pembinaan Masjid Rantau Panjang

Syaimak Ismail*

Norlida Abd Salam*

Abstrak

Islam telah bertapak di Alam Melayu sejak dari abad ke 7 lagi. Justeru itu, Islam dikatakan datang daripada 3 kawasan yang berpengaruh yang terdiri dari Arab, India dan China. Kedatangan Islam dari kawasan-kawasan ini bukan sahaja membawa pengaruh Islam sahaja, bahkan turut membawa pengaruh budaya dari luar. Hal ini boleh dilihat daripada pelbagai aspek seperti pemakaian, pemakanan dan cara hidup yang mengandungi asimilasi daripada pengaruh luar. Begitu juga daripada aspek seni bina yang mana masjid-masjid di Alam Melayu dibina hasil daripada pengaruh tempatan dan pengaruh luar. Hasil daripada gabungan tersebut maka boleh dilihat pelbagai monumen rumah ibadat yang berdiri megah. Oleh itu, pembentang memfokuskan kepada masjid Cina Rantau Panjang yang dibina pada tahun 2008 di samping mengupas dengan lebih teliti akan pengaruh Cina yang boleh dilihat pada masjid tersebut.

Kata kunci: Seni bina Cina, Masjid Rantau Panjang

Abstract

Islam has set its foot in the Malay world since the 7th century, and was said to origin from Arab, India and China. The coming of Islam from these areas did not only bring the religion itself, but also external cultural influence. This can be seen from aspects of clothing, food, and lifestyle, which include assimilation from external influence. The same goes to the aspect of architecture, where mosques in the Malay world were built based on local and external influences. As the result of these combinations, it can be seen from all the monuments of worship places which stood strong today. Therefore, the author will focus on the Masjid Cina Rantau Panjang (Chinese Mosque of Rantau Panjang), built in 2008, while examining in detail the Chinese influence that can be seen from the mosque itself.

Keywords: Chinese architecture influence, Masjid Rantau Panjang

* Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

* Calon Master di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

Pendahuluan

Sebelum Islam bertapak di Alam Melayu, masyarakat Melayu dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Buddha yang tersebar luas hingga berabad lamanya. Agama Hindu ini banyak meninggalkan kesan dalam kehidupan orang Melayu dan ianya boleh dilihat daripada sudut politik, pemerintahan, ekonomi hatta pemikiran orang Melayu sendiri.¹ Namun kesan yang mendalam jelas ketara daripada sudut sosial. Pada kebiasaannya pengaruh agama Hindu ini boleh dilihat jelas pada golongan atasan yang terdiri daripada golongan pemerintah dan pembesar manakala masyarakat bawahan masih lagi dalam tampok lama dengan anutan Animisme.²

Kedatangan Islam ke Alam Melayu masih lagi dibahaskan oleh sejarawan dan banyak teori yang telah digariskan sebagai panduan kedatangan Islam ke Alam Melayu. 3 teori utama yang dikatakan Islam dibawa masuk melalui negara tersebut ialah Arab, India dan China.³ Menurut sejarawan, faktor utama perkembangan Islam di Alam Melayu adalah disebabkan oleh peranan para pedagang dalam penyebaran Islam di kawasan-kawasan perdagangan dan perkembangan agama ini di bawah oleh pendakwah seperti ahli sufi.⁴ Selain itu, pihak istana juga turut memainkan peranan dalam penyebaran Islam di Nusantara dan sikap-sikap mulia dan amanah yang ditonjolkan oleh golongan pendakwah ini telah membuka ruang kepada mereka bagi memegang jawatan dalam tampok pemerintahan. Kelebihan yang diberikan itu dimanfaatkan oleh ulamak-ulamak ini bagi memantapkan penyebaran Islam di Nusantara.

Selepas kedatangan Islam pada abad ke 7 M atau secara rasminya pada 13 M, masyarakat Melayu mula memeluk Islam selepas akur dengan tindakan Raja yang menganut agama tersebut hasil daripada dakwah yang disebarkan oleh golongan ulama' yang datang khusus dari Tanah Arab. Agama Islam telah merubah tauhid masyarakat Melayu yang pada asalnya percaya kepada 3 tuhan agama Hindu iaitu Brahman, Siva dan Vishnu⁵ kepada kepercayaan kepada Allah s.w.t.

Selain itu, Islam juga telah mengikis sedikit demi sedikit pengaruh Hindu dari kehidupan orang Melayu kepada kehidupan yang berlandaskan syarak yang boleh dilihat perubahannya dari aspek sosial, politik, ekonomi dan perundangan. Selain itu, konsep tauhid juga turut merubah ciri-ciri kesenian orang Melayu. Seperti yang diketahui, orang Melayu sangat mahir dalam seni ukiran dan hasilnya boleh dilihat pada monumen keagamaan seperti candi Lembah Bujang, candi Borobodur di Jogjakarta dan Angkor Wat di Kemboja.⁶ Estetika yang tedapat pada monumen-monumen tersebut jelas membuktikan keaslian kesenian masyarakat Melayu yang begitu kreatif walaupun asasnya datang daripada India Apabila Islam mula meresap di kalangan orang Melayu, konsep kesenian masyarakat Melayu

¹ Ali Mohamad, (2008), *Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 60

² *Ibid*, h. 60

³ Mahayudin Haji Yahaya, (2001), *Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23

⁴ Ali Mohamad, (2008), *Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 62

⁵ Osman Bakar, Azizan Baharuddin, *et al*, (2009), *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h.88

⁶ *Ibid*, h. 66

mula bertukar kepada tauhid. Seni adalah satu bentuk elemen yang tidak boleh dipisahkan daripada agama. Seniman Islam menggunakan kekuatan imaginasi yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t dan diaplikasikan pada ruang yang dibenarkan oleh syarak.⁷

Pengertian Masjid

Masjid berasal daripada perkataan “Sajd” yang membawa erti tempat bersujud.⁸ Perkataan masjid boleh didapati di dalam al-quran iaitu dalam surah As-sajadah ayat 15

“انما يؤمن بايتنا الذين اذا ذكروا بها خروا سجدا وسبحوا بحمد ربهم وهم لا يستكبرون”⁹

Dalam ayat di atas jelas menyatakan tentang hamba beriman yang takut apabila dibacakan ayat-ayat al-Quran dan mereka itu *bersujud*, bertasbih dan memuji Allah dan tidak menyombongkan diri.¹⁰ Terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang meriwayatkan tentang masjid, “telah dijadikan tanah itu masjid bagiku iaitu tempat untuk sujud.” Daripada hadis tadi jelas bahawa masjid itu membawa erti *sujud*.¹¹ Terdapat juga hadis nabi yang menyifatkan bahawa seluruh bumi itu adalah tempat untuk umat Islam bersolat, maka tidak terdapat tempat yang khusus dan tempat-tempat di bumi ini yang bersih dianggap sebagai masjid.¹² Masjid juga membawa maksud sebuah bangunan yang didirikan oleh umat Islam untuk melakukan aktiviti solat Jumaat, solat lima waktu secara berjemaah di samping berfungsi sebagai kegiatan penyebaran agama Islam.¹³

Menurut Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi, selepas 400 tahun masjid-masjid di dunia ini boleh diklasifikasikan kepada 5 jenis iaitu *Masjid Suci* yang terdiri daripada 3 masjid yang utama dan ada dinyatakan dalam al-quran iaitu Masjidil Haram, Masjidil Aqsa dan Masjid Madina. (Rujuk tenet cari ayat quran), *Masjid Komuniti* juga turut dikenali sebagai masjid dan djami’. Perkataan Djami’ adalah berasal daripada kalimah arab yang membawa erti keseluruhan.¹⁴ Masjid Komuniti ini juga telah diiktiraf oleh pihak kerajaan untuk solat Jumaat dan solat Jumaat ini boleh dilakukan di mana-mana masjid yang terdapat komuniti muslim. Masjid ini juga turut digunakan untuk beberapa tujuan selain daripada solat. Misalnya seperti aktiviti pendidikan, tempat berehat bagi musafir dan pusat pentadbiran.¹⁵

Musalla adalah daripada perkataan Arab yang membawa erti tempat solat. Kata dasarnya adalah daripada perkataan *solah*. Dalam bahasa Melayu *Musalla*

⁷ Manja Mohd. Ludin, Ahmad Suhaimi, (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. xiv

⁸ Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, (1999), *Peranan Kukir-kulit Dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*, Skudai: Universiti Teknologi Mara, h. 4

⁹ *Al-Quranulkarim*, Miracle The Reference, h. 829

¹⁰ *Ibid*, h. 829

¹¹ H. Aboebakar, *Sedjarah Mesdjid*, (1995), Jakarta: Toko Buku Fa. Adil & Co, h. 3

¹² Mastor Surat, *Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara*, UKM: Bangi, h. 14

¹³ Azizul Azli Ahmad, *Masjid Budaya Dan Seni Bina*, (2010), Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, h. 5

¹⁴ Kamus Arab

¹⁵ Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *The Mosque As A Community Development Centre: Programme And Architecture Design Guidelines For Contemporary Muslim Societies*, (1998), Skudai: Universiti Teknologi Mara, h. 5

lebih dikenali sebagai *surau* dan ia boleh didapati di bangunan seperti pusat membeli belah dan pejabat pentadbiran¹⁶. *Madrasa mosque* atau *sekolah pondok* adalah tempat untuk menuntut ilmu quran, hadith dan perundangan Islam.¹⁷ *Masjid Ingatan* pula adalah masjid yang didirikan selepas kewafatan baginda Rasulullah s.a.w sebagai tanda peringatan kepada baginda.¹⁸

Dengan itu jelaslah bahawa masjid bukan hanya digunakan untuk tujuan solat semata-mata bahkan banyak aktiviti-aktiviti keagamaan yang boleh dilakukan bagi mengimarahkan masjid. Islam tidak menjelaskan secara khusus cara pembinaan masjid tetapi Islam mengajar masyarakat Islam cara pembuatan masjid bagi aktiviti ibadat dan menjadi pusat perkembangan masyarakat.¹⁹

Masjid adalah merupakan suatu monumen penting dalam aktiviti penyebaran agama Islam. Masjid bukan sahaja digunakan untuk melakukan ibadat semata-mata, bahkan ianya turut dijadikan satu platform untuk menyebarkan agama Islam di samping aktiviti menuntut ilmu. Pada abad ke-15, Melaka merupakan pusat utama perkembangan kebudayaan Islam dan menjalankan aktiviti keagamaan. Pada waktu itu, agama Islam adalah agama rasmi dan mempunyai kedudukan yang kukuh di Melaka. Bagi membantu perkembangan agama ini, masjid berfungsi sebagai institusi pendidikan.²⁰ Perkembangan agama suci ini juga turut mendapat galakan daripada pihak istana kerana istana memainkan peranan dalam aktiviti penyebaran agama Islam.²¹

Peranan masjid yang menjadi pusat ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam ini telah berjalan hingga ke abad 18 dan 19 masihi.²² Kesultanan Melayu Melaka yang terdiri daripada raja-raja dan pembesar ini sememangnya sangat mementingkan ilmu pengetahuan²³ telah memberi galakan untuk membina masjid-masjid untuk memudahkan urusan perkembangan ilmu dan Islam. Pembinaan masjid pada waktu itu adalah berelemenkan tradisional dan tidak mengandungi sebarang pengaruh dari luar²⁴ Dari segi pola dan coraknya, masjid yang bercorak tradisional ini menunjukkan kronologi dari abad ke 14 hingga abad ke 18.²⁵ Manakala bermula abad ke 18, seni bina masjid di Tanah Melayu mempunyai pengaruh daripada Kebudayaan Asia Barat dan seni bina India yang dibawa masuk oleh orang-orang Islam sewaktu penjajahan Inggeris.²⁶

¹⁶ *Ibid*, h. 7

¹⁷ *Ibid*, h. 7

¹⁸ *Ibid*, h. 6

¹⁹ Spahic Omer, *Islamic Architecture*, (2009), Kuala Lumpur: A.S. Noorden, h. 27

²⁰ Abdullah Ishak, (1990), *Islam di Nusantara : Khususnya di Tanah Melayu*, Selangor : Jiwamas Printer Sdn Bhd, h. 103

²¹ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, (1980), *Islam, Kepimpinan Dan Nilai-Nilai Hidup Dalam Masyarakat Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 92

²² *Ibid*, h. 169

²³ *Ibid*, h. 142

²⁴ Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, h.231

²⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.52

²⁶ Op, cit, h. 231

Aspek-aspek Seni Bina China

Bangunan China mempunyai beberapa elemennya yang tersendiri dan memiliki nilai estetika yang tersembunyi. Pada kebiasaanya bahan kayu digunakan bagi membina tiang dan ia menunjukkan cara yang tersendiri berbanding dengan kaedah-kaedah binaan yang dipraktikan oleh bangsa lain. Orang Barat pada kebiasaanya menggunakan sistem “truss” bagi membina bumbung. Masyarakat Cina menggunakan sistem “tou-kung,” sistem ini dapat membantu kepada pembinaan sebuah bangunan kepada pelbagai bentuk dan arah yang diinginkan oleh seorang arkitek.²⁷

“Pai-Lou” atau lebih dikenali sebagai pintu gerbang diperbuat daripada kayu dan batu. Ianya mempunyai 1 hingga 3 pintu. Seni binanya terdiri daripada tiang untuk menyokong alang. Pada puncak pintu gerbang tersebut dihiasi dengan bumbung mahkota yang dipadankan dengan menggunakan tile yang berwarna.²⁸

Bumbung adalah merupakan struktur utama yang melambangkan identiti bangsa Cina. Bagi membangkitkan lagi fungsinya, ia turut ditambah dengan ukiran dan hiasan yang lebih cantik. Bagi masyarakat Cina, bumbung yang dibina secara bertingkat atau di antara satu sama lain adalah suatu bentuk penghormatan di samping dapat menghindari cuaca yang panas dan sejuk. Dalam seni bina China, terdapat 4 jenis binaan bumbung yang utama iaitu bumbung panjang, bumbung lima, gabungan bumbung panjang dan bumbung 5 dan bumbung berbentuk piramid. Bingkai kayu adalah ciri asas struktur binaan China purba.²⁹ Tiang dan bumbung saling berkait rapat dalam pembinaan sebuah bangunan yang mana beberapa tiang kayu perlu untuk di pacakan di atas pelapik batu yang diukir dengan corak yang cantik,³⁰ tujuannya adalah untuk mengelakkan bahagian bawah tiang daripada mengalami kerosakkan akibat daripada lembap.³¹ Kemudian kayu alang dengan saiz telah ditetapkan pada tiang disambung bersama-sama dengan alur lintang sepanjang bumbung dari kerangka bumbung. Jubin pula akan diletakkan pada rangka bumbung.

Dinding sebuah bangunan hanya diperbuat daripada kayu yang nipis dan ianya akan dicat dengan warna seperti merah, putih, kuning dan hitam tujuannya bukan sahaja untuk memelihara kayu tersebut bahkan bagi mengelakkannya daripada serangan serangga dan reput.³² Pagoda adalah lambang identiti kepada sebuah bangunan China dan ianya boleh dilihat di mana sahaja di negara China. Selain berfungsi sebagai lambang identiti bangsa Cina ia juga turut menjadi lambang kepada agama. Pada kebiasaanya, ia memiliki 3 hingga 13 tingkat dan diperbuat daripada kayu, batu dan adakalanya kedua-dua bahan ini digabungkan.

²⁷ Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia, h.92

²⁸ *Ibid*, h. 100

²⁹ *Masjid, Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*, (1998) diterbitkan oleh Puncak Awal Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan : Petaling Jaya, h. 91

³⁰ Lou Qingxi, *The Architecture Art of Ancient China*, (2002), China Intercontinental Press : china, h. 5

³¹ Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinag:Universiti Sains Malaysia, h.95

³² *Ibid*, h. 97

Penggunaan warna merah yang dianggap bertuah turut diaplikasikan dalam binaan. Dalam membina sebuah masjid, terdapat beberapa ruang utama yang disediakan seperti ruang solat untuk memuatkan jemaah, tempat untuk berdakwah juga turut disediakan termasuklah tempat tinggal yang juga dipanggil sebagai asrama bagi imam, bilal dan musafir.³³

Sejarah Masjid Rantau Panjang

Pembinaan Masjid Keputeraan Sultan Ismail Petra atau lebih dikenali dengan nama Masjid Beijing Rantau Panjang ini bermula pembinaanya pada 12 September 2005. Masjid ini terletak 2km dari kawasan bebas cukai Rantau Panjang dan berada di laluan utama di antara Pasir Mas dan Rantau Panjang.³⁴ Masjid yang diadaptasikan daripada Masjid Nujie China ini diwarnakan merah bersama gabungan hijau pada bangunan masjid itu menampakkan ciri-ciri dan kelihatan seolah-oleh seperti rumah ibadat penganut agama Buddha.

Idea pembinaan masjid ini dicetuskan oleh Menteri Besar Kelantan iaitu Datuk Nik Aziz Nik Mat dan kos pembinaan masjid ini dikatakan menelan belanja sehingga RM8.8 juta dan mempunyai keluasan sebanyak 3.7 hektar dan mampu memuatkan sebanyak 1000 jemaah.³⁵ Masjid yang dirasmikan pada Ogos 2009 ini dianggotai oleh ahlijawatankuasa yang terdiri daripada Cina muslim. Imam masjid ini juga dikepalai oleh seorang muslim yang berasal dari negeri China dan menetap di Kelantan bagi menyebarkan dakwah dan ilmu pengetahuan.³⁶ Masjid Beijing ini menggambarkan 3 budaya dan Cina menjadi teras utama dalam pembinaanya, binaan masjid ini juga turut diselitkan dengan pengaruh kesenian China dan Melayu yang boleh dilihat pada ukiran di beranda dan lakaran geometri Asia Tenggara di dalamnya.

Komponen utama masjid ini terdiri daripada satu unit blok masjid 2 tingkat . Tingkat atas mengandungi ruang solat utama, bilik imam, bilik audio visual, bilik VIP dan stor. Manakala tingkat bawah menempatkan ruang serbaguna seperti perpustakaan, utility, bilik mesyuarat, pejabat, bilik VIP, pentry, klinik, ruang makan dan stor. Anjung utama iaitu anjung kanan terdapat tempat wuduk, stor dan tempat letak kasut. Manakala anjung kiri pula terdapat tempat wuduk, bilik suis dan tempat letak kasut. Sementara anjung depan terdapat blok bazaar dan anjung belakang pula menempatkan bilik pengurusan jenazah, lobi dan tandas.

Aspek-aspek Binaan Masjid Rantau Panjang

Pintu gerbang masjid ini diperbuat daripada batu sepenuhnya dan tiangnya didirikan secara kukuh bagi menyokong alang. Di atas bumbung pintu gerbang tersebut boleh didapati bumbung mahkota yang diwarnakan dengan warna hijau

³³ Ann Wan Seng, *Rahsia Islam di China*, (2008), Selangor: PTS Publication&Distribution Sdn Bhd, h. 60

³⁴ Hj. Taufiq Mansur, Ahli jawatankuasa Masjid Rantau Panjang, Kelantan. Temubual pada 30 Julai 2011

³⁵ Manjanik, Masjid Cina Kelantan Telah Mendahului, 25 Oktober 2008

³⁶ Hj. Taufiq Mansur, Ahli jawatankuasa Masjid Rantau Panjang, Kelantan. Temubual pada 30 Julai 2011

dan merah. Pada pintu gerbang itu juga terdapat 3 pintu yang mana 2 daripadanya adalah pintu kecil dan sebuah pintu besar yang diapit oleh pintu kecil.

Menara masjid ini sememangnya jauh berbeza daripada pagoda yang sinonim dengan seni bina China. Apa yang boleh dikatakan, menara masjid ini adalah serupa dengan menara yang kebiasaannya boleh dilihat pada masjid-masjid yang mempunyai pengaruh dari Arab dan India. Menara ini kelihatan seperti lilitan serban pada puncak binaanya. Dari atas hingga ke bawah dindingnya boleh dilihat tulisan jawi yang mengukir nama-nama 25 anbiya.'

Bumbung masjid ini secara khususnya menonjolkan identiti China yang mana ia adalah hasil binaan bumbung yang menggabungkan diantara bumbung panjang dan bumbung 5. Pembinaan bumbung secara bertingkat ini sememangnya menonjolkan tingkat kehidupan dan mengangkat lagi kehormatan bangsa Cina. Terdapat hiasan yang menarik yang menonjolkan lagi kesenian China ini di samping terdapat kekisi pengudaraan yang mana ianya dapat membantu proses pengaliran udara.

Menara Masjid Rantau Panjang ini secara keseluruhannya diperbuat daripada kayu Cengal. Pengaruh China jelas boleh dilihat pada puncak mimbar ini yang mana terdapat hiasan seperti ekor itik di penghujung penjuru mahkota mimbar tersebut. Hiasan ini juga kebiasannya boleh dilihat pada perhiasan mahkota maharaja China.

Kesimpulan

Masjid Rantau Panjang ini adalah masjid yang pertama di Malaysia yang memiliki bentuk dan ciri-ciri seni bina China. Masjid ini bukan hanya boleh digunakan untuk aktiviti keagamaan bahkan masjid ini di jangka akan dapat menarik ramai kaum Cina untuk memeluk agama Islam. Selain itu, perannya yang berfungsi sebagai pusat dakwah akan dapat membantu lebih ramai lagi masyarakat Islam yang ingin menuntut ilmu. Hasil pembinaan masjid ini juga dapat membuka mata masyarakat tentang penerimaan Islam terhadap seni, budaya dan tatacara kehidupan masyarakat bukan Islam.

Bibliografi

Abdul Rahman Haji Abdullah, (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.52

Abdullah Ishak, (1990), *Islam di Nusantara : Khususnya di Tanah Melayu*, Selangor : Jiwamas Printer Sdn Bhd, h. 103

Ali Mohamad, (2008), *Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke-17*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 60

Al-Quranulkarim, Miracle The Reference, h. 829

- Ann Wan Seng, *Rahsia Islam di China*, (2008), Selangor: PTS Publication&Distribution Sdn Bhd, h. 60
- Azizul Azli Ahmad, *Masjid Budaya Dan Seni Bina*, (2010), Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, h.5
- H. Aboebakar, *Sedjarah Mesdjid*, (1995), Jakarta:Toko Buku Fa. Adil & Co, h. 3
- Hj. Taufiq Mansur, Ahli jawatankuasa Masjid Rantau Panjang, Kelantan. Temubual pada 30 Julai 2011
- Mahayudin Haji Yahaya, (2001), *Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23
- Manja Mohd. Ludin, Ahmad Suhaimi, (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. xiv
- Mastor Surat, *Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu Nusantara*, UKM: Bangi, h.14
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, (1999), *Peranan Kukirikulum Dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*, Skudai:Universiti Teknologi Mara, h. 4
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *The Mosque As A Community Development Centre:Programme And Architecture Design Guidelines For Contemporary Muslim Societies*, (1998), Skudai: Universiti Teknologi Mara, h. 5
- Masjid, Sejarah, Ciri-ciri Pembentukan dan Pembinaan Masjid-masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*, (1998) diterbitkan oleh Puncak Awal Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan : Petaling Jaya, h. 91
- Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, (1980), *Islam, Kepimpinan Dan Nilai-Nilai Hidup Dalam Masyarakat Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur:Persatuan Sejarah Malaysia, h. 92
- Lou Qingxi, *The Architecture Art of Ancient China*, (2002), China Intercontinental Press: china, h. 5
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin, *et al*, (2009), *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h.88
- Spahic Omer, *Islamic Architecture*, (2009), Kuala Lumpur: A.S. Noorden, h. 27

Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h.231







Islamic Civilization And Architecture In Iranian Miniature Art

Alireza gharakhani*

Abstract

At the time of Islam appearance Iranians had owned the ancient tradition of painting art, their miniatures style process set out during centuries after Islam outset. The Quran copies which are recognized as the bests have been written by Innovative Iranian authors. They have done illuminations and ornaments. Some Iranian miniatures paintings are considered as reliable resources which demonstrate complementary data over different times. Islamic Architecture is the distinguishable component in miniatures on account of miniature expert's performance of illustrating quantitative structures on their Handiworks during Islamic ages in Iran. Among other things miniatures of Teymoori and Safavi eras gained the brilliant ranks. Conducting library assessments while referring to handwritten manuscripts in order to analyze them is the first step. The field research is set out by comparing current buildings to old ones contribute to a consequence. The miniatures involve backgrounds of buildings were being rebuilt or reconstructed at the time of painting creation, so those are valuable proofs to refer to for remedying the lack of data. The mentioned issue could be utilized as the complementary source to achieve general and detailed data in the fields of architectural decorations and spaces functional analysis, constructional analysis, architectural indexes, spaces composition, plan, dome, arc, portal, columns etc.

Keywords: *Miniatures, Islamic Architecture, Islamic Civilization.*

Introduction

Miniature is one of the Iranian noticeable fine arts during the Islamic era. Miniatures made in Iran are sources that reflect the characteristics of arts in different ages of the history of Iran so researchers can study them in order to elaborate on them and with the help of found data and information they can compensate the missing information. One of the artistic features which is reflected in these miniatures is Iranian-Islamic architecture. Miniatures makers in various Islamic eras have depicted a number of architectural designs that one can investigate and analyze the constituents of these patterns to access suitable

* Member of faculty, Department of Architecture, Savadkooh Branch, Islamic Azad University, Savadkooh, Iran.

results regarding the architectural designs of that Islamic era. Unfortunately, little attention is paid to these sources and they haven't got any place in the study of architecture in different Islamic periods.

Research Question

Investigating the Islamic civilization and Iran architectural features during several centuries we face questions that the answers should be sought with the help of that sciences and arts of the then time. This information can be used as missing data for the different structural, technical, and architectural aspects of that time. Here we closely study the art of miniature in order to find the relationship between the architectural patterns and the art of miniature. The results found will help us to find the missing data and information and finally rebuild the architecture of the then time.

Discussion


The Iranian rulers after Islam got benefit from the architecture as an art full of feeling stimulators and geometrical forms that were considered as great means to introduce them as the protectors and preservers of religion and inheritors of holy rulers (Caliph) of the Islam. So they supported the architectures, poets, and miniature makers which consequently these arts were flourished and a beautiful relationship was formed among literature, architecture and miniatures in the Teymurian, Safavid and Qajar Dynasties.

Literary and artistic works stay eternal and permanent if their creators don't confined themselves to a certain time and place; in other words, these art makers created their arts in a way that each addressee based on his or her understanding in any given time or place can get benefit from these arts and enjoy them. This feature is one of the reasons for the eternity of Iran-Islamic art and architecture during the different centuries. By investigating building structures portrayed in these miniatures one can find a relationship between them and the real world which Behzad' works prove this greatly. From Teymurian till Safavid Dynasties we face a golden age in miniature in Iran which Behzad' works in this case is not deniable. Realities found in Behzad's works prove the realities found in his followers. Hillenbrand in an article entitled "The Uses of Space in Timurid Painting" had closely studied this art and had briefly investigated the multi-portray architectural features in the Behzad's works. Also Golombec in an article entitled "Some Representations of Architecture in the Istanbul Albums" and Barrucand in an article entitled "Les Représentations Architectures dans la Miniature Islamique en Orient du Debut du XIIIe au Debut du Xive Siecle" have studied the role of architecture in the art of miniature.

All the miniatures have been studied from three aspects: texts, ones affected from the real buildings and using power of imagination and applying various artistic tastes. Using the realistic miniatures the researcher tries to find the

missing architectural data. Here the researcher tries to briefly analyze two kinds of miniature.

As we know mosques have had a vital role in the Islamic architecture and they have functioned as centers for experienced and knowledgeable architects to create great artistic works. In the Islamic miniatures, religious subjects and portraits have been greatly used to make magnificent masterpieces. Since the miniatures are two-dimensional and lack perspective, their creators are somehow limited to create the third dimension in comparison to architects' works. Here we can refer to the miniatures found in the central mosque of Samarghand which is affiliated to Behzad that reflects the Zafarnameh Sharaf-Din Ali Yazdi's written manuscript which goes back to 1485 A.C.. This artistic work reflects the features of the past masters and clearly answers all the questions ingrained in the minds of the researchers of the Islamic architecture. Information such as the decoration used in the construction, the priorities, tools used, the activities of architects and decorators, and the masters' job ranks and race have been provided.



Negareh Harun in Bath-House created by Behzad

On the other hand, we can name buildings like bath-houses (Hammams) which a bit of base and the structure of these buildings from the Teymurian era have been left: Afooshteh Bath-house- the city of Natanz; Shirvanshahyan and Shaher Sabs Bath-houses- the city of Bako. To restore these bath-houses a mixture of information and data taken from historical and old texts and remains left from them and the most important of all the miniature created by Behzad found in

the Nezamei Kanjavi's hand-written text in 1494 A. C. (the story of Harun- al-Rashid in the bath-house Negareh Harun in Bath-House"; A "Fottovat the Caliph" Miniature and also getting additional information from his contemporary will be beneficial. During the several periods of Islamic architecture, bath-houses have enjoyed the least changes and in the written texts from Ebn-Bathan Baghdadi in the twelfth century A. C., Ebn-Akhveh in the thirteenth century A. C., and Zeyn-el Din Mahmod Vasefi in the sixteenth century they have discussed three atmospheres in the bath-houses: cold, mild, and dry-hot which texts related to the architecture of the Islamic bath-houses prove this. It goes without saying that these buildings from different aspects such as dimension and decoration concerning the environmental, social, and cultural circumstances have gone under some changes but we can study the bath-house entrance as well as octangular space, sitting benches, cloakroom, domed ceiling, marble-made floor, tiles decorated with Moaragh, washing place, hot water reservoir, and the last but not the least the Moaragh decorations on the walls in order to find invaluable information for the study and restoration of bath-houses during the Teymurian Dynasty.

Conclusion

Studying and analyzing the miniatures, the researcher has closely investigated the texts which miniatures have been created based on them, buildings surrounding the artist, and the power of the imagination of the artist which was the base of his work. The miniaturist has been affected mostly from his surrounding buildings which have been reflected in his works that one can see no difference between the buildings portrayed in the miniatures and the real ones. In the miniatures found in the Central Mosque of Samarghand which were created 84 years after the completion of the mosque one can see that the real world architecture had been reflected in them. Here the artist-Behzad_ tried to transfer masterly the realities to the viewers so no alteration was made to the real-world objects reflected in the works of the artist. This is considered a valuable source of information for studying the Islamic architecture to find more data related to the architects' activities, decorators, priority of skeleton structure over the internal decoration or being done at the same time, knowing building tools as well as specialties and job ranking of those who were involved in the process of building the structure.

Bibliography

Amir Alishiri navai - Hyrh Abrar - *manuscripts* - Tehran University Central Library

Borkhat - Titus - Islamic Art and Expression -1990

Eskandar beike maneshi – *alam Araye Abbasi* - Tehran, Amir Kabir Publications - 1350

Khvnd mir - quarterly summary of borough alabrar Fi ahval Elakhiar – Soror
Goya correct - the general printer cable – 1324

Ibn ekhvah (Mohammad Bin Ahmad Qureshi) - *Municipal Regulations* - J. Motto
translation - Tehran - Iranian Cultural Foundation - 1347

Ibn botlan Baghdadi – taghvim alseha - to correct Gholam hosein Yousefi -
Tehran - *The Science and Culture* - Second Edition – 1366

Korkyan Marie - sikr - Pierre - Seven-century castle gardens, miniature, Iran-1999

Kashefi Jalal al-Din - Persian miniature and abstract art - art journal - No. 10

Moin Uddin Mohammad Zomchi Asfazari - Rozat Aljanat fi osafe Medina Herat -
with the correct of Sied Mohammad Kazem - Tehran - Tehran University -
1338

Nasr - Seyyed Hossein - fantasy universe in miniature Iran - Iranian Art and
Archaeology Magazine - first

Nezamie Ganjei - Kolliate Khamseh - with certain of moin far – Tehran- Amir
Kabir - 1351

Saadi Shirazi - Kolliat Saadi - Modified version of Mohammad Ali Foroughi -
Tehran-Qofnos-1371

Saadi Shirazi - Golestan - correcting and explaining Gholam Hossein Yousefi -
Tehran - Science Culture - 1366

